

The copyright © of this thesis belongs to its rightful author and/or other copyright owner. Copies can be accessed and downloaded for non-commercial or learning purposes without any charge and permission. The thesis cannot be reproduced or quoted as a whole without the permission from its rightful owner. No alteration or changes in format is allowed without permission from its rightful owner.



**IMPAK PELAKSANAAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL
SYARIKAT (*CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY*)
TERHADAP KESEJAHTERAAN MASYARAKAT:
KAJIAN KES DI PROVINSI RIAU**



**DOKTOR FALSAFAH
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA
2016**

**IMPAK PELAKSANAAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL SYARIKAT
(CORPORATE SOCIAL RESPONSIBILITY)
TERHADAP KESEJAHTERAAN MASYARAKAT:
KAJIAN KES DI PROVINSI RIAU**

Oleh

H A M D A N I



**Tesis Diserahkan kepada Ghazali Shafie Graduate School of
Government, Universiti Utara Malaysia
Bagi Memenuhi Syarat Ijazah Doktor Falsafah**

KEBENARAN PENGGUNAAN

Tesis ini merupakan keperluan pengijazahan Doktor Falsafah pada Kolej Undang-undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia. Saya, dengan ini, bersetuju memberi kebenaran kepada Perpustakaan Sultanah Bahiyah Universiti Utara Malaysia memamerkan tesis ini di bilik perpustakaan bagi keperluan rujukan oleh sesiapa yang memerlukannya. Saya juga bersetuju memberi kebenaran kepada penyelia saya atau Dekan Pascasiswazah & Penyelidikan Kolej Undang-Undang, Kerajaan, dan Pengajian Antarabangsa (jika tanpa kehadiran saya) membuat salinan sebahagian atau sepenuhnya daripada tesis ini dalam apa jua cara bagi tujuan kesarjanaan. Adalah difahamkan bahawa sebarang penyalinan atau penerbitan tesis ini bagi memperoleh faedah kewangan mesti terlebih dahulu mendapat kebenaran bertulis daripada saya. Adalah difahamkan penghargaan yang sewajarnya juga haruslah diberikan kepada Universiti Utara Malaysia untuk sebarang penggunaan bahan yang terdapat dalam tesis ini bagi tujuan saintifik.

Permohonan untuk membuat salinan atau penggunaan bahan di dalam tesis ini, sama ada sepenuhnya mahupun sebahagian, perlulah dialamatkan kepada:



PERAKUAN

Dengan ini, saya mengakui bahawa Tesis ini adalah usaha saya sendiri, kecuali nukilan dan ringkasan yang diambil dari pelbagai buku, jurnal yang tiap-tiapnya saya sebutkan sumbernya.

Tarikh, 23 Mac 2016

Saya Yang Mengakui,

Nama : H A M D A N I

Nombor Matrik: 91260




PENGHARGAAN

“Bismillahirahmanirrahim”

Pertama sekali, penulis mengucapkan ribuan terima kasih kehadirat Allah SWT, yang telah memberikan rahmat iman, kesihatan, kekuatan serta hidayahnya, sehingga penulis boleh menyelesaikan penulisan tesis ini dalam jangka waktu yang telah ditentukan.

Salawat dan salam disampaikan kepada junjungan umat Islam, nabi besar Muhammad SAW, sebagai utusan Allah yang membawa umat beriman kepada jalan yang diredhai oleh Allah SWT, iaitu jalan yang lurus menuju kebahagiaan di dunia dan di akhirat. Berkat Beliau, umat manusia mempunyai akhlak yang baik dan faham kegunaan ilmu, sama ada ilmu dunia maupun ilmu akhirat.



Sejak pertama bermatiat dan mula melangkahkan kaki menjalani pengkajian Doktor Falsafah (Phd) di Universiti Utara Malaysia dan hingga sekarang, penulis telah banyak menerima sokongan moril dan materil dari pelbagai pihak sehingga tujuan yang diniatkan semula menjadi terwujud. Oleh itu, pada kesempatan ini penulis merakamkan ucapan terima kasih kepada pihak-pihak yang telah memberikan sokongan kepada penulis.

Penghargaan yang setinggi-tingginya dan ucapan terima kasih penulis haturkan kepada Penyelia yang mulia, Prof. Dr. Ahmad Martadha Mohamed, di atas kesabaran, keikhlasan beliau yang telah meluangkan masa yang sangat berharga

untuk melakukan pemeriksaan, membimbing, menyokong, memberikan tunjuk ajar kepada penulis sehingga penulisan tesis ini dapat diselesaikan.

Rasa terima kasih ditujukan pula kepada Prof. DR. Ir. H. Hasan Basri Jumin., M.S., M.Sc, yang semasa beliau berkhidmat sebagai Rektor Universiti Islam Riau memberikan izin kepada penulis melanjutkan pendidikan ke program Ph. D dan disertai dengan bantuan dalam bentuk pentadbiran dan membantu dalam mendapatkan bantuan biasiswa dari Pemerintah Provinsi Riau. Setelah tidak berkhidmat sebagai rektor, beliau masih sentiasa memberikan sokongan kepada penulis agar segera menyelesaikan program Ph. D ini. Penulis menyampaikan rasa terima kasih yang sama kepada Bapak DR. Ir. H. Agusnimar, Msc sebagai pengurusi program Ph. D pada Universiti Islam Riau yang telah menyediakan waktu, pikiran dan tenaga beliau membantu memenuhi semua keperluan penulis untuk melanjutkan studi ini.



Rasa terima kasih penulis sampaikan kepada yang terhormat DR. (HC) Drs. H. Rusli Zainal, MP, bekas gabenor Provinsi Riau, semasa beliau menjadi gabenor yang telah berkenan memberikan bantuan biasiswa kepada penulis untuk melanjutkan pendidikan di program Ph. D. Rasa terima kasih juga ditujukan kepada yang terhormat Prof. DR. H. Detri Karya, S.E., M.A., Rektor Universiti Islam Riau, sebelum dan selama berkhidmat sebagai rektor, beliau sentiasa mengingatkan penulis supaya meneruskan pendidikan sehingga ke peringkat Ph. D dan harus menyelesaiannya. Beliau juga memberikan kemudahan bagi penulis ketika penulis memerlukan bantuan dan perkhidmatan di Universiti Islam Riau.

Penulis menyampaikan pula rasa hormat dan terimakasih kepada yang amat berhormat Naib Canselor Universiti Utara Malaysia, yang meluluskan permohonan serta membenarkan dan berkenan menerima penulis untuk melanjutan kajian keperingkat Ph. D sehingga penulis dapat menjalani pendidikan dengan rasa senang dan tenang di universiti ini.

Ucapan terima kasih juga penulis sampaikan kepada Yang Mulia Dekan Penyelidikan dan Pascasiswazah Kolej Undang-Undang, Kerajaan dan Pengajian Antara Bangsa Universiti Utara Malaysia yang telah sudi menerima dan memberikan peluang kepada penulis untuk mengikuti program Doktor Falsafah. Selanjutnya ucapan terima kasih juga disampaikan kepada kakitangan pentadbiran pada Fakulti Penyelidikan dan Pascasiswazah Kolej Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antara Bangsa Universiti Utara Malaysia dengan penuh kesabaran serta dengan ikhlasnya telah memberikan bantuan kepada penulis dalam urusan pentadbiran selama menjalani pendidikan Doktor Falsafah di fakulti ini .

Rasa terima kasih yang sama juga ditujukan kepada Yang Mulia Dekan Fakulti Undang-undang Universiti Islam Riau yang telah memberikan izin serta memberikan sokongan moral kepada penulis melanjutkan pendidikan Pascasiswazah ini. Terima kasih juga diucapkan kepada kakitangan pengajar, Sekretariat Universiti Islam Riau dan Ketua Bahagian Pentadbiran Fakulti Undang-Undang Universiti Islam Riau yang telah memberikan bantuan kepada penulis dalam hal ehwal pentadbiran selama mengikuti pendidikan ini.

Terima kasih yang sama juga di sampaikan kepada Bapak Prof. DR. H. Syafrinaldi, SH. MCL yang memberikan dorongan semangat tiada henti kepada penulis agar menyelesaikan program Ph. D ini. Terima kasih juga disampaikan kepada Bapak DR. Nurman S.sos, Msi, yang selalu memberi dorongan kepada penulis dan perkhidmatan di Universiti Islam Riau. Juga tidak lupa terima kasih kepada rakan-rakan pensyarah di Fakulti Undang-Undang Universiti Islam Riau juga memberi semangat kepada penulis. Serta mahasiswa-mahasiswi Fakulti Undang-Undang dan FKIP Jurusan Ekonomi Akutansi Tahun 2015 Universiti Islam Riau dengan sabarnya dan keikhlasannya memberi kebenaran kepada penulis untuk meninggalkan kelas, sehingga mereka tidak belajar kerana penulis melakukan pengumpulan data atau berunding dengan penyelia, untuk itu diucapkan terimakasih

Selanjutnya penulis menyampaikan rasa terima kasih kepada pimpinan korporat, PT. RAPP, PT. Kalila, PT. Perkebunan Nusantara V (PT. PNV), PT. Bangun Tenara Riau, PT. Bumi Siak Pusako (PT. BSP) dan Rektor Universiti Islam Riau yang telah bersedia menerima penulis untuk temu bual dalam rangka pengumpulan maklumat mengenai pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (CSR), yang menjadi bahan kajian daripada penulisan tesis ini.

Terimakasih selanjutnya penulis sampaikan kepada masyarakat, Ketua Kampong (Desa), Pimpinan masyarakat yang bermastautin disekitar kawasan korporat yang menerima penulis dengan tulus ikhlas ketika melakukan temu bual membincangkan pengalaman mereka berkenaan dengan pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat (CSR) yang dilaksanakan oleh syarikat.

Selain daripada itu, penulis juga memperolehi sokongan moral dari isteri dan anak-anak yang telah memberi semangat kepada penulis untuk terus menyelesaikan pendidikan yang telah menjadi cita-cita daripada penulis. Mereka bersedia ditinggalkan sewaktu penulis mencari data dan berunding dengan penyelia. Penulis juga tidak bersama mereka ketika penulis menyelesaikan penulisan tesis yang dipertanggungjawabkan di hadapan para penguji yang terhormat. Oleh itu, penulis menyampaikan terima kasih atas sokongan yang mereka berikan.

Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada ayahanda Rasidin dan ibunda Khadijah, kedua-duanya telah almarhum dan semasa hidupnya telah membesar dan mendidik penulis sejak kecil sampai akhir hayatnya. Semoga jerih payahnya dibalas oleh Allah SWT dengan pahala yang berlipat ganda. Ucapan terima kasih juga disampaikan kepada adik-adik daripada penulis yang juga telah memberi motivasi kepada penulis untuk meraih cita-cita. Selanjutnya, terima kasih juga disampaikan kepada menantu dan cucu-cucu yang juga menjadi motivasi bagi penulis dalam melakukan pelbagai aktiviti.

Penulis juga menyampaikan rasa terima kasih kepada keluarga, karib kerabat, jiran tetangga dan sahabat-sahabat serta pihak-pihak yang tidak dapat penulis sebutkan namanya satu persatu di dalam tesis ini. Pada kesempatan ini yang juga disampaikan terima kasih kepada pihak-pihak yang turut membantu mencari bahan-bahan, seperti buku-buku, jurnal data yang diperlukan dalam penulisan tesis ini.

Kerana kekurangan pengetahuan yang penulis miliki, sehingga karya tulis ini belumlah sempurna, masih banyak kekurangannya. Bagi para pihak yang kebetulan membaca tesis ini dan menemukan kekurangan, kesalahan dan kejanggalan, maka penulis dengan senang hati menerima kritik dan saran guna kebaikan tesis ini di masa hadapan.

Akhirnya penulis mendo'akan kehadirat Allah SWT, semoga bantuan yang Bapak/Ibu/Sdr/i berikan kepada penulis dalam menyelesaikan tesis ini menjadi amal baik dan semoga dibalas dengan pahala yang berlipat ganda oleh Allah SWT dan bantuan itu akan melapangkan jalan menuju syurga di akhirat kelak. Amin yarabbal alamin.

Sekian dan wassalam,

Sintok, Kedah Darul Aman,

Tarikh, 23 Mac 2016

H A M D A N I

ABSTRAK

Syarikat swasta harus terlibat dalam meningkatkan kesejahteraan masyarakat melalui program tanggungjawab sosial syarikat (korporat) sebagaimana diatur dalam peraturan perundangan di Indonesia. Banyak syarikat yang beroperasi di Riau belum melakukan kewajiban tanggungjawab sosial syarikat, sehingga kewujudannya belum mampu untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Kajian ini menganalisis implementasi tanggungjawab sosial korporat dan impaknya terhadap kesejahteraan masyarakat di Riau. Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif. Data primer yang diperoleh melalui temu bual dengan informan yang terdiri dari masyarakat 30 orang dari pimpinan masyarakat dan 6 ketua korporat manakala data sekunder diperolehi daripada 22 syarikat. Oleh itu, objektif kajian ini adalah: Pertama, menjelaskan penglibatan syarikat dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Kedua, membincangkan bentuk-bentuk tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh syarikat terhadap masyarakat, dan ketiga menganalisis bagaimana tanggungjawab sosial korporat dapat membantu mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat meliputi aspek ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Hasil kajian dalam aspek ekonomi menunjukkan syarikat berperanan membantu masyarakat meningkatkan taraf kehidupan sosioekonomi seperti memberi pinjaman modal bagi peniaga kecil dan memberi latihan keusahawanan kepada peniaga-peniaga tersebut. Dalam aspek pendidikan syarikat membantu pemberian bilik darjah sekolah, membekalkan buku-buku ke perpustakaan, alat tulis, komputer dan memberikan biasiswa. Dalam aspek kesihatan, syarikat menyumbang ubat-ubatan, jarum suntik, perkakas pergigian, derma darah, membina telaga untuk bekalan air bagi masyarakat dan menghadiahkan kereta ambulans. Walau bagaimanapun, hasil kajian ini juga mendapat perbezaan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dimana bantuan diberikan tertumpu kepada penduduk miskin pribumi sahaja sedangkan penduduk miskin dari etnik Cina tidak mendapat bantuan. Pemberian bantuan juga hanya tertumpu kepada penduduk beragama Islam sahaja manakala penganut Budha, Konghucu, Hindu tidak ada, kecuali PT. Chevron ada membantu penganut Kristian di kawasan korporatnya. Disamping itu syarikat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial tidak mengamalkan prinsip ketelusan, tanggungjawab, keadilan dan tidak peka terhadap *stakeholdernya*. Bantuan yang diberikan tidak sesuai dengan yang diperlukan oleh masyarakat dan tidak dapat meningkatkan kualiti kesejahteraan masyarakat. Sehubungan dengan itu kajian lebih lanjut perlu dilakukan bagi mengkaji dengan lebih mendalam tentang pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat di Riau.

Kata kunci: Tanggungjawab Sosial Syarikat, Kesejahteraan Masyarakat, Riau, Indonesia

ABSTRACT

Private corporat should be involved in enhancing the well-being of the community through the corporate social responsibility (CSR) program as stated in the Indonesian Constitution. Many corporation operating in Riau have not fulfilled their CSR obligations that their presense has not increased the well-being of the community. This study analyzes the implementation of CSR and its impacts towards the well-beings of the community in Riau. This study applies qualitative method. Primary data was collected from interviews with 30 community leaders and six corporate leaders. Meanwhile, secondary data were based on the company profiles of 22 corporations. The objectives of the study are, first, to examine the involvement of corporations in implementing CSR; second, to discuss the varios forms of CSR conducted by corporations; and third, to analyze the way in which CSR can enhance the well-being of community in economics, education and health. The finding reveal that corporations help the community by delivering business courses and providing capital to small business owner. In regards to education, corporations help renovating the school, distributing books to the library, donating school stationaries, computers and providing scholarship. In relation to health, corporations also provide medical and dental equipments, donating blood, building wells and donating ambulance. However, the finding also reveal that the in implementing CSR tends to focus on the poor natives while disregarding the poor Chinese. In addition to help is also skewed towards Moslem people while community from other relegions such as Buddha, Konghucu Hindu tend to be sidelined. However, PT. Chevron has also helped Christian group in the area where it is operating. Finally, the impletations of CSR is not based on the principles of transparency, accountability, fairness, and sensitivitiy towards the stakeholder. The helps given to society do not meet the real need of society and therefore, they do not really improve the wll-being of the community. As such, future research should conducted on larger scale to examine the implementation of CSR in Riau.

Keywords: Corporate Social Responsibility, Community well-beings, Riau, Indonesia.

KANDUNGAN

HALAMAN TAJUK	I
KEBENARAN PENGGUNAAN	III
PERAKUAN	IV
PENGHARGAAN	V
ABSTRAK	XI
ABSTRACT	XII
KANDUNGAN	XIII
SENARAI JADUAL	XX
SENARAI GAMBAR/RAJAH	XXI
BAB SATU PENDAHULUAN.....	1
1.1 Pengenalan	1
1.2 Pernyataan Masalah	4
1.3 Persoalan Kajian.....	15
1.4 Objektif Kajian.....	19
1.5 Signifikan Kajian	19
1.6 Definisi Konsep.....	23
1.7 Teori	26
1.8 Model Kajian.....	32
1.9 Batasan Kajian	34
1.10 Organisasi Bab Tesis.....	34
1.11 Kesimpulan	36
BAB DUA ULASAN KARYA	37
2.1 Pengenalan	37
2.2 Tanggungjawab Sosial Syarikat.....	38
2.2.1 Pengertian	38

2.2.2 Ruang Lingkup Tanggungjawab Sosial Syarikat.....	40
2.3 Perkembangan Tanggungjawab Sosial Syarikat	43
2.3.1 Zaman Kuno.....	43
2.3.2 Abad ke-17	44
2.3.3 Abad 18 Hingga 19	45
2.3.4 Abad ke-20.....	46
2.3.5 Abad 21	49
2.4 Tanggungjawab Sosial Syarikat di Asia	50
2.4.1 Di Jepun	51
2.4.2 Di Malaysia.....	51
2.4.3 Di Thailand,	52
2.4.4 Di Indonesia	52
2.5 Perkembangan Tanggungjawab Sosial Syarikatrat di Riau	59
2.6 Tanggungjawab Sosial dan Kesejahteraan Masyarakat	65
2.7 Teori Tanggungjawab Sosial Korporat	78
2.7.1 Stakeholder Theory	79
2.7.2 Teori kontrak sosial.....	80
2.7.3 Fiduciary Theory.....	81
2.8 Kesimpulan	83
BAB TIGA METODOLOGI KAJIAN	85
3.1 Pengenalan	85
3.2 Kaedah.....	85
3.3 Pemberi Maklumat	86
3.3.1 Data Primer	86
3.3.2 Data sekunder.....	87
3.3.3 Data tertier	93
3.3.4 Data Pemerhatian	93
3.3.4 Jenis Data	94
3.5 Waktu Penelitian	95
3.6 Lokasi Kajian dan Pengutipan data.....	95
3.6.1 Lokasi Kajian	95

3.6.2 Pengutipan Data	95
3.7 Alat Pengumpul Data	97
3.8 Penganalisaan Data	98
3.8.1 Data Primer	98
3.8.2 Data Sekunder	98
3.9 Kesimpulan	100
BAB EMPAT DAPATAN DAN ANALISA DATA.....	101
4.1 Pengenalan	101
4.2 Meneroka Penglibatan Korporat Terhadap Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikatrat	101
4.3 Pengenalan Terhadap Korporat Pelaksana Tanggungjawab Sosial	108
4.3.1 Badan Usaha Milik Negara (BUMN) (Korporat Milik Negara).....	109
4.3.1.1 Angkasa Pura II. PT.	111
4.3.1.2 Bank BNI Syariah. PT	112
4.3.1.3 Bank Rakyat Indonesia (Persero) Tbk. PT	112
4.3.1.4 Bank BRI Syari'ah. PT	114
4.3.1.5 Bank Mandiri. PT	114
4.3.1.6 Jamsostek (Persero). PT	116
4.3.1.7 Jasa Raharja. PT	118
4.3.1.8 Pegadaian. PT	121
4.3.1.9 Pertamina. PT	122
4.3.1.10 Perkebunan Nusantara V PT. (PT.P.V)	123
4.3.1.11 Semen Padang. PT.....	124
4.3.1.12 Telkom. PT	125
4.3.1.13 Telekomsel. PT.....	126
4.3.1.14 Bank Riau Kepri. PT	126
4.3.2 Badan Usaha Milik Swasta (BUMS)/Korporat Milik Swasta (KMK)	128
4.3.2.1 Adira Dinamika Multi Finance . PT	129
4.3.2.2 Astra Daihatsu Motor PT.....	130
4.3.2.3 Chevron Pacificik Indonesia , PT (PT CPI)	130
4.3.2.4 EMP Malaca Strait. PT	132

4.3.2.5	Indah Kiat Pulp & Paper Tbk. PT.....	133
4.3.2.6	Indoritel Makmur Internasional. PT	136
4.3.2.7	Riau Andalan Pulp and Paper. PT	136
4.3.2.8	XL Axiata. PT	137
4.3.2.9	Bumi Siak Pusako. PT	140
4.3.2.10	Kalila. PT	140
4.3.2.11	Bangun Tenara.PT	141
4.3.2.12	Universitas Islam Riau	141
4.4.	Bentuk Bentuk Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikatat	143
4.4.1	Data Sekunder	143
4.4.1.1	Badan Usaha Milik Negara (BUMN)/Korporat Milik Kerajaan (KMK)	143
4.4.1.1.1	Angkasa Pura, P.T.	143
4.4.1.1.2	Bank Mandiri, PT	145
4.4.1.1.3	BNI Syariah, PT.....	146
4.4.1.1.4	Bank BRI, PT.....	146
4.4.1.1.5	Bank Riau Kepri, PT.....	148
4.4.1.1.6	BRI Syariah, PT	149
4.4.1.1.7	Jamsostek, PT	150
4.4.1.1.8	Jasa Raharja (Persero), PT	151
4.4.1.1.9	Pegadaian, PT	151
4.4.1.1.10	Perkebunan Nusantara V, PT (PT. P.N V)	152
4.4.1.1.11	Pertamina, PT	153
4.4.1.1.12	Semen Padang, PT	153
4.4.1.1.13	Telkomsel, PT	156
4.4.1.1.14	Telkom Indonesia Tbk , PT	156
4.4.1.1.15	Ringkasan/Rumusan Bantuan.....	157
4.4.2	Bentuk Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Oleh Syarikatat Milik Swasta	160
4.4.2.1	Adira. PT	161
4.4.2.2	Astra Daihatsu Motor. PT.....	161

4.4.2.3 Chevron Pasifik Indonesia. PT (P.T.CPI).....	161
4.4.2.4 Energi Mega Persada. PT	162
4.4.2.5 Indah Kiat Pulp and Paper. PT	163
4.4.2.6 Indoritel Makmur Internasional.PT.....	164
4.4.2.7 Riau Andalan Pulp and Paper. PT(PT.RAPP).....	165
4.4.2.8 XL Axiata. PT	167
 4.4.3 Data Perimer	167
4.4.3.1 Bentuk Bantuan Oleh Korporat Yang Langsung di Lapangan....	168
4.4.3.2 Pengutipan Data dari Pimpinan Korporat.....	168
4.4.3.2.1 Bidang Dalam Bidang Ekonomi	168
4.4.3.2.2 Bantuan Dalam Bidang Pendidikan.....	170
4.4.3.2.3 Bantuan Dalam Bidang Kesihatan.....	175
4.4.3.3 Analisis Data Temubual Dalam Kalangan Ahli Masyarakat.....	179
4.4.3.4 Pengetahuan Masyarakat Mengenai Tanggung Jawab Sosial Syarikat	179
4.4.3.5 Pemahaman Masyarakat Terhadap Bentuk Bantuan Tanggung Jawab Sosial	184
4.4.3.6 Analisis Data Temu Bual Dengan Pimpinan Masyarakat	193
4.5 <i>Pattern</i> (Pola) Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat	198
4.5.1 Pola Pertama Bentuk Bantuan Yang Diberikan.....	198
4.5.2 Pola Kedua Cara Menentukan Pemberian Bantuan	203
4.5.3 Pola Ketiga Penerima bantuan	205
4.5.3.1 Ekonomi	205
4.5.3.2 Pendidikan	205
4.5.3.3. Kesihatan	207
4.6 Kesimpulan	206
 BAB LIMA PERBINCANGAN	208
5.1 Pengenalan	208
5.2 Penglibatan Korporat Dalam Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat ..	208
5.3 Pandangan Terhadap Bantuan Yang Diberikan Oleh Korporat	211

5.4 Impak Tanggungjawab Sosial Terhadap Kesejahteraan Masyarakat.....	214
5.4.1 Bidang Ekonomi	214
5.4.1.1 Bantuan Modal Usaha	214
5.4.1.2 Bantuan pelatihan Dana Bantuan Modal	226
5.4.1.3 Bantuan Pelatihan Untuk Kepakaran.....	219
5.4.2 Bidang Pendidikan	221
5.4.3 Di Bidang Kesihatan	222
5.5 Kesimpulan	253
BAB ENAM KESIMPULAN	230
6.1 Pengenalan	225
6.2 Kelemahan Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat.....	230
6.2.1 Kelemahan Undang-Undang	230
6.2.2 Kelemahan Tadbir Urus Korporat.....	234
6.2.2.1. Ketelusan	235
6.2.2.2 Tanggungjawab.....	236
6.2.2.3 Responsif	237
6.2.2.4 Faktor SARA	237
6.3 Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat Bagi Kesejahteraan Masyarakat di Persekitaran Korporat	245
6.3.1 Ekonomi	245
6.3.2 Pendidikan.....	246
6.3.3 Kesihatan.....	246
6.4 Strategi Penambahbaikan Dalam Pelaksanaan Tanggungjawab sosial Korporat Bagi Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat.....	247
6.5 Kajian Masa Hadapan	251
6.6 Kesimpulan	253
RUJUKAN	255
Lampiran	274
Lampiran 1 Peta Propinsi Riau	274

Lampiran 2 Struktur Organisasi Korporat.....	275
Lampiran 3 Soal Selidik	288
Lampiran 4 Jadual Pemberi Maklumat Dari Korporat	292



SENARAI JADUAL

Jadual 1.1 Jumlah Pengeluaran Setiap Pelaburan Selama Tahun 2010-2013	5
Jadual 2.1 Teori-Teori Untuk Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat	93
Jadual 3.1 Senarai Korporat yang Melaksanakan Tanggungjawab Sosial.....	90
Jadual 4.1 Perspektif Pimpinan Korporat Tentang Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat	101
Jadual 4.2 Temu bual dengan Pimpinan Korporat Mengenai Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat	105
Jadual 4.3 Jawapan Informan Tentang Awal Pelaksanaan Tanggung Jawab Sosial Korporat	106
Jadual: 4.4 Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat Badan Usaha Milik Swasta BUMS) Korporat Milik Kerajaan (KMK) dalam Bidang Ekonomi,Pendidikan dan Kesihatan.....	158
Jadual 4.5 Ringkasan Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat Badan Usaha Milik Swasta (BUMS)/Korporate Milik Swasta (KMS) di Riau Tahun 2012-2015	167
Jadual 4.6 Bentuk Bantuan Dalam Bidang Ekonomi	171
Jadual 4.7 Bentuk Bantuan Dalam Bidang Pendidikan	173
Jadual 4.8 Penerima Biasiswa Dari Dana Universitas Islam Riau.....	176
Jadual 4.9 Biasiswa Kerajaan yang salurkan melalui Universitas Islam Riau.....	177
Jadual 4.10 Jadual Bantuan Dalam Bentuk Kesihatan.....	178
Jadual 4.11 Pola Bentuk Bantuan.....	205

SENARAI GAMBAR/RAJAH

Gambar. 1.1 Stakeholder Theory	29
Gambar. 1.2 Model kajian penyelidikan.....	32
Gambar. 6.1 Sistematika kerja tanggungjawab korporat	256



BAB SATU

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Dalam pembukaan Undang-Undang Dasar 1945, dinyatakan bahawa kemerdekaan itu adalah hak semua bangsa yang harus diperjuangkan. Satu daripada tujuan perjuangan kemerdekaan itu adalah untuk memajukan kesejahteraan umum, dan mencerdaskan kehidupan bangsa. Tujuan tersebut selanjutnya diuraikan dalam Seksyen 28 H Undang-Undang Dasar 1945 yang mengatakan bahawa setiap orang berhak ke atas hidup sejahtera lahir dan batin, mempunyai tempat tinggal dan mendapatkan hidup di persekitaran yang baik, sihat serta berhak memperoleh perkhidmatan ekonomi, pendidikan, dan kesihatan.

Memajukan kesejahteraan umum tersebut bukanlah tugas kerajaan semata-mata. Korporat sebagai pengusaha oleh undang-undang juga dibebani kewajiban melaksanakannya, seperti mana dinyatakan dalam Seksyen 38 huruf g Undang-Undang Nomor 11 Tahun 2009 bahawa korporat mempunyai peranan dalam penyelenggaraan kesejahteraan sosial seperti ekonomi, pendidikan dan kesihatan, khasnya di persekitaran tempat korporat. Selari itu, Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) dalam konfrensi di Rio De Jenario tahun 1992 dan tahun 2002 di Johanesburg serta keputusan para pemimpin negara anggota G-8 yang

mempromosikan untuk mempercepat pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Oleh itu kerajaan Indonesia berusaha mengaturnya dalam: (a) Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 25 Tahun 2007 dalam Pasal 15 dikatakan bahawa “setiap penanam modal harus melaksanakan tanggungjawab sosial dan persekitaran,” (b) Undang-Undang Republik Indonesia Nomor 40 Tahun 2007 Pasal 74 ayat (1) mengatakan bahawa “Perusahaan yang menjalankan kegiatan usahanya di bidang dan atau berkaitan dengan sumber daya alam wajib melaksanakan tanggungjawab sosial dan persekitaran.” Tujuan diwajibkan korporat melaksanakan tanggungjawab sosial korporat, menurut penjelasan Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 adalah untuk mewujudkan pembangunan ekonomi, pendidikan, dan kesihatan secara berterusan untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan persekitaran yang bermanfaat sama ada bagi korporat atau komuniti setempat dan masyarakat pada umumnya.

Kajian Untung (2009) menunjukkan bahawa yang diharapkan dari pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat selain untuk memberi sumber tenaga masyarakat, juga agar operasi korporat berjalan lancar tanpa gangguan daripada mana-mana pihak. Oleh itu, keberadaan tanggungjawab sosial korporat menjadi sangat penting di tengah-tengah kehidupan bernegara dan bermasyarakat. Seandainya tanggungjawab sosial korporat berjalan secara berterusan, akan terbina keseimbangan dan pemenuhan kepentingan daripada pelbagai pihak yang berhubung kait dengan korporat. Jadi tidak untuk kepentingan masyarakat sahaja tetapi keuntungan juga akan turut diterima oleh korporat berkenaan termasuk negara. Sehingga korporat tidak bersifat komersial semata-mata, tetapi juga bersifat sosial dengan bersikap peduli terhadap masyarakat dan persekitaran. Menurut A. Prasetyantoko (2008) hal

tersebut bersifat tiga serangkai iaitu, keuntungan (*profit*), sosial dan persekitaran. Melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial bererti korporat telah secara sedar berusaha meningkatkan potensi masyarakat serta persekitaran tempat ia beroperasi demi memperkuuh kewujudannya.

Selama ini korporat bebas melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Pelaksanaannya bergantung pada keinginan korporat berkenaan. Apabila korporat ingin membantu maka akan ada yang diperolehi masyarakat. Sebaliknya apabila korporat enggan membantu, masyarakat tidak memperoleh apa-apa. Kalaupun ada tetapi tidak berterusan serta tidak pula boleh dihubungkaitkan dengan keperluan mempertingkatkan kehidupan masyarakat. Jadi, masyarakat hanya menunggu sahaja sebarang aktiviti sosial yang akan dilaksanakan oleh korporat. Dengan adanya undang-undang yang mewajibkan korporat melaksanakan tanggungjawab sosial korporat, maka ia menjadi wajib hukum (*legal duty*), sehingga akan dilakukan oleh korporat sepanjang masa. Dalam hal ini bantuan yang akan diterima oleh masyarakat secara berterusan seperti bantuan ekonomi, pendidikan, dan kesihatan, sehingga kesejahteraan masyarakat boleh meningkat.

Selari dengan itu secara umum kajian ini bertujuan untuk mempelajari pelaksanaan Undang-Undang Nomor 25 Tahun 2007 dan Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 Tentang pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat oleh korporat di Propinsi Riau. Apakah undang-undang yang ada sudah menjadi pedoman oleh korporat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Jadi kajian ini mengkaji penerapan undang-undang, sama ada impaknya terhadap kesejahteraan masyarakat.

1.2 Pernyataan Masalah

Di bumi Riau banyak terdapat pelbagai jenis bahan perlombongan seperti petroleum, gas, arang batu, emas, timah, dan bauksit. Di bumi Riau tumbuh pula pelbagai jenis tumbuh-tumbuhan yang boleh diandalkan untuk meningkatkan perekonomian seperti kelapa, kelapa sawit, kastor (jarak) yang dapat diproses menjadi minyak. Minyak sawit, khasnya, sudah digunakan pula sebagai bahan api kenderaan diesel. Sementara itu, terdapat pula hasil perladangan seperti gula, koko, getah, gambir, pinang. Hasil perladangan ini manakala dilakukan pengolahan selepas itu boleh dieksport keluar negara dengan harga yang berpatutan.

Selanjutnya, selain hasil perlombongan dan pelbagai tanaman industri mahupun perladangan sebagai punca pembangunan ekonomi dalam meningkatkan pendapatan asli daerah, diperoleh maklumat bahawa Negeri Riau juga mempunyai kekayaan alam di laut seperti potensi pendapatan dari ikan yang diharapkan dapat mempertingkatkan pendapatan daerah melalui pengurusan yang baik.

Selari pelbagai potensi yang dimiliki oleh Negeri Riau, yang boleh menjadikan sumber tersendiri bagi korporat baik yang asal dari dalam negara mahupun dari negara lain untuk melakukan pelbagai pelaburan di sini. Kesemuanya itu boleh dijangka memberi impak yang baik terhadap peningkatan ekonomi kerajaan; antaranya pelaburan (1) perlombongan minyak; (2) perlombongan gas dan (3) perlombongan arang batu. Manakala pelaburan yang lain berupa industri kertas dan perladangan boleh pula memperkuuh perekonomian negara.

Dalam memahami jumlah pengeluaran masing-masing jenis pelaburan korporat yang ada di provinsi Riau selama tahun 2010 sehingga 2013 boleh dilihat dalam Jadual 1.1 di bawah ini.

Jadual 1.1

Jumlah Pengeluaran Setiap Pelaburan Selama Tahun 2010-2013

Bil.	Jenis Pengeluaran	Jumlah Pengeluaran Pertahun				Keterangan.
		2010	2011	2012	2013	
1	MINYAK BUMI	133,590,634	140,009,454	135,474,058	126,556,611	Barrel
2	GAS	3,077,000	4,063,833	5,716,756	10,000,322	MSFC
3	ARANG BATU	2,741,023	1,952,058	1,885,041	1,952,008	Ton
4	SAWIT	6,358,703	5,736,722	6,421,288	6,646,997	Ton
5	PULP	4,946,486	4,652,843	4,046,486	3,987,390	Ton

Sumber Biro Pusat Statistik 2013.

Berdasarkan jadual di atas diperoleh maklumat bahawa setiap tahun korporat yang ada di Riau mampu menghasilkan pengeluaran yang ketara sama ada dalam pengeluaran perlombongan mahupun pengeluaran kertas dan perladangan sawit. Hal ini menunjukkan bahawa setiap korporat memperolehi keuntungan yang cukup besar dari setiap usaha yang sedia ada. Walau bagaimanapun keadaan ini tidak selari dengan perhatian korporat dalam meningkatkan kesejahteraan kepada masyarakat terutamanya dari aspek ekonomi, pendidikan dan kesehatan. Data dan maklumat yang diperoleh selama beberapa tahun menunjukkan bahawa pembangunan kesejahteraan masyarakat Riau sebagai tanggungjawab sosial korporat sangat rendah. Hal ini boleh dilihat dari jumlah bantuan sosial yang dibelanjakan perusahaan sama ada dalam bidang ekonomi, bidang kesihatan mahupun dalam bidang pendidikan

yang dilakukan oleh 22 korporat yang memaklumkan di Internet selama tahun 2013. Dalam bidang ekonomi diperoleh maklumat bahawa total bantuan sosial korporat hanya mencecah sejumlah Rp. 18,259,000,000. Sementara itu dalam bidang pendidikan korporat yang ada di Provinsi Riau hanya pembelanjakan wang untuk bantuan korporat sejumlah Rp. 6.506.500.000. Hal yang sama juga dilakukan oleh korporat dalam bidang kesihatan iaitu sejumlah Rp. 3.210.000.000.

Walaubagaimanapun, jika dilihat dari bantuan sosial yang lain maka korporat tersebut telah memberikan bantuan sosial dalam bentuk barang dan perkhidmatan kepada masyarakat. Bantuan dalam bentuk barang merangkumi bidang pendidikan iaitu: biasiswa, bantuan bangunan sekolah, AC, Makmal sekolah, Perpustakaan, Laboratorium, kereta untuk praktikal, enjin untuk praktikal. Bentuk tanggungjawab sosial korporat dalam bentuk perkhidmatan, iaitu melaksanakan pelatihan (*training*) seperti membatik, salun, mekanikal motosikal, kereta, pertanian, peternakan, membuat kuih muih dan pelbagai macam makanan. Dibidang kesihatan bantuan dalam bentuk : jarum suntik, ubat-ubatan, semburan anti nyamuk, khatanan, bantuan kecemasan bagi yang mendapat kemalangan (Wartaekonomi, 2013 dan Riautrust, 2012, Riaubisnis, 2013, berita harian, 2014).

Berdasarkan data di atas menunjukkan bahawa jumlah pembelanjaan korporat untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat masih rendah jika dibandingkan dengan hasil produksi yang diperolehi korporat-korporat (22 korporat di atas) setiap tahun. Menurut Keputusan Menteri Keuangan Republik Indonesia No. KMK.

316/KMK.016/1994 Tarikh 27 Jun 1994 Tentang Pedoman Pembinaan Usaha Kecil, Menengah dan Koperasi Seksyen 2 mengatakan bahawa setiap Badan Usaha Milik Negara wajib mengeluarkan dana antara 1 peratus sampai 5 peratus dari keuntungan setelah dikurangi cukai. Kemudian Keputusan Menteri BUMN No.Kep-236/MBU/2003 jo Peraturan Menteri BUMN No.Per-05/MBU/2007 menetapkan bahawa dana bantuan tanggungjawab sosial korporat yang harus dikeluarkan korporat sebesar 2 peratus sampai 5 peratus dari keuntungan yang diperolehnya setelah potong cukai. Berdasarkan keputusan menteri tersebut di atas boleh difahami bahawa besaran dana bantuan tanggungjawab sosial yang dibelanjakan oleh korporat-korporat yang ada di Provinsi Riau masih rendah sehingga terdapat jurang yang lebar dan dalam antara keuntungan yang diperolehnya dengan wang yang dibelanjakannya untuk bantuan tanggungjawab sosial korporat. Oleh karena itu menyebabkan kehidupan masyarakat tempatan jika dilihat dari aspek ekonomi, pendidikan dan kesihatan tidak juga berubah.

Menurut Laporan Tahunan (2011) bahawa penduduk Provinsi Riau berjumlah 5,538,367 orang. 10.08 peratus dari jumlah itu atau 558,000 orang adalah miskin (Riau Dalam angka, 2011). Mereka tidak mempunyai pendapatan kewangan yang pasti. Pekerjaan mereka pun tidak pasti. Selain itu daripada jumlah penduduk yang ada, kira-kira 5,5 peratus (304,610 orang) adalah penganggur (Riau Dalam Angka, 2011). Penduduk yang tidak bekerja atau menganggur dikelompokkan dalam kumpulan yang sama dengan penduduk miskin, maka jumlahnya mencapai 862,610 orang atau sama dengan 15,58 peratus. Kemiskinan itu menyebabkan ramai anak

yang masih bersekolah disuruh bekerja oleh ibu bapa mereka, sehingga anaknya tidak sekolah (Riau Pos, 12 April 2012).

Kemiskinan menurut Badan Pusat Statistik (BPS, 2000), adalah keadaan kehidupan yang serba kekurangan yang dialami oleh seseorang atau suatu isi rumah sehingga tidak boleh memenuhi keperluan minimum bagi kehidupannya. World Bank (2010) menetapkan bahawa kemiskinan berlaku jika seseorang itu memperolehi pendapatan kurang daripada US\$. 2 sehari. Kedua, dalam bidang pendidikan: di Provinsi Riau masih terdapat 50,000 jiwa (1,8 peratus) masih buta haruf (Riau Terkini 21 Januari 2016). Jumlah bilik darjah di Riau tidak cukup bagi menampung pelajar, seperti digambarkan berikut:

- a. Pada peringkat pendidikan, Sekolah Dasar (SD). Jumlah sekolah 3,045 buah, bilik darjahnya berjumlah 19,370, jumlah murid SD 775,085 orang. Menurut Peraturan Pemerintah Nomor 23 Tahun 2013 bahawa jumlah pelajar untuk 1 bilik darjah hanya 32 orang sahaja. Oleh itu diperlukan adalah 4,851 bilik darjah lagi. Sementara itu, Ibtidaiyah adalah Sekolah Agama yang darjatnya sama dengan Sekolah Dasar (SD) jumlah muridnya 4,133 orang sedangkan bilik darjah yang ada sebanyak 98. jika nisbah 1 kelas 32 orang maka seharusnya jumlah kelas adalah 129 buah jadi kurang 31 bilik lagi. Kekurangan bilik darjah untuk SD dan Ibtidaiyah berjumlah 4,882 bilik darjah lagi.

- b. Sekolah Menengah Pertama (SMP) murid berjumlah 264,552 orang, jumlah sekolah SMP adalah 1,401 buah. Jika nisbah 1 bilik darjah berjumlah 32 orang,

maka jumlah bilik darjah seharusnya sebanyak 8,267 buah. Sedangkan jumlah bilik darjah SMP yang ada sebanyak 6,600. Berdasarkan nisbah tadi jumlah bilik darjah masih kurang sejumlah 4,851 bilik darjah. Sementara untuk Madrasah Tsawiyah yang setingkat dengan SMP jumlah pelajarnya 11,499 orang, dengan jumlah bilik darjah 277 buah jika dinisbahkan 1 bilik darjah untuk 32 orang maka bilik darjah yang diperlukan sebanyak 359 buah, jadi bilik yang ada masih kurang 82 buah lagi.

- c. Peringkat Sekolah Menengah Atas (SMA): Jumlah sekolah sebanyak 560 buah dengan pelajar berjumlah 136,544 orang, jumlah bilik darjah yang ada saat ini berjumlah 3,409. Jika dinisbahkan 1 bilik darjah untuk 32 orang pelajar, maka jumlah bilik darjah seharusnya 4,267. Berdasarkan nisbah tersebut maka kekurangan bilik darjah berjumlah 853 bilik darjah. Sedangkan Madrasah Aliyah setingkat SMA berjumlah 18 buah dengan jumlah murid 6,838 orang. Jika nisbah 1 kelas 32 orang, maka jumlah bilik darjah yang sepatutnya adalah 214 buah bilik. Jumlah bilik darjah yang ada saat ini sebanyak 170. Maka kekurangan bilik darjah adalah sebanyak 44 bilik darjah.

Begitu pula pondok pesantren sekolah berjumlah 188 buah dengan murid berjumlah 32,623 orang. Jika nisbah 1 bilik darjah berjumlah 32 orang, maka diperlukan kelas 1,019 kelas. Kelas yang ada 810 buah jadi kekurangannya 209 kelas lagi. Sementara itu, jumlah SMK di Riau berjumlah 127 buah dengan jumlah pelajar 52,254. Jika nisbah 1 bilik darjah sebanyak 32 orang, maka jumlah bilik darjah seharusnya 1,632


buah. Jika dilihat jumlah bilik darjah yang ada sebanyak 1,298, jumlah bilik darjah masih kurang sebanyak 334 bilik darjah lagi. Di samping kekurangan bilik darjah, juga masih terdapat kekurangan peralatan-peralatan yang menyokong pendidikan seperti: perpustakaan, makmal, komputer dan alat tulis juga belum cukup tersedia. Keadaan seperti ini menyebabkan taraf pendidikan masyarakat di pesekitaran korporat lebih tertinggal daripada kawasan lain yang bermukim di kawasan bandar di Riau (Riau dalam angka, 2011).

Ketiga, dilihat dari pembangunan kesihatan; Di Provinsi Riau terdapat 53 hospital, 24 hospital di bandar Pekanbaru, 3 di bandar Dumai, 5 hospital di Bangkinang dan bahkan ada di kabupaten-kabupaten yang lain di Riau. Masing-masing kabupaten mempunyai 2 hospital. Namun demikian, Kabupaten Rokan Hilir hanya mempunyai sebuah hospital.

Pada amnya, hospital-hospital di Riau berada di ibu kota Kabupaten. Sedangkan di kecamatan atau desa, ditubuhkan Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas) yang kesemuanya berjumlah 197. Puskesmas adalah tempat perkhidmatan kesihatan yang paling awal bagi masyarakat yang sakit, seandainya Puskemas tidak mampu merawatnya kerana memerlukan alat yang lengkap serta mesti diubati oleh doktor pakar, maka pesakit itu baru dihantar ke hospital pusat yang terletak di daerah untuk mendapat rawatan yang intensif dari paramedik hospital.

Idealnya, setiap Puskesmas memberikan perkhidmatan bagi 100,000 penduduk. Penduduk di Riau berjumlah 5,538,367 orang. Maka, diperlukan 207 Puskesmas. Puskesmas yang ada sekarang berjumlah 188. Jadi, jumlah Puskesmas masih kurang 19 Puskesmas lagi. Selain menambah jumlah pusat kesihatan (klinik), juga diperlukan penyediaan peralatan perubatan, dan paramedik.

Menurut Bupati Rokan Hilir dan Indragirihulu bahawa hospital yang ada masih memerlukan tambahan wad dan doktor pakar bagi kesihatan masyarakat (Riau Pos, 19 Jun 2013). Mengikut Seksyen 1, Perkara 1, Undang-Undang Nomor 36 Tahun 2009, kesihatan ialah keadaan sihat, baik secara fizikal, mental, spiritual, mahupun sosial yang membolehkan setiap orang untuk hidup produktif secara sosial dan ekonomi. Jadi dalam badan yang sihat terdapat fikiran yang sihat. Bagi mewujudkan masyarakat sihat, kemudahan paramedik perlu diadakan.



Merujuk pada gambaran keadaan alam Provinsi Riau di atas serta dari hasil pelombongan yang didapati, boleh difahami bahawa terjadi suatu kegagalan kerajaan dan korporat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial. Walau bagaimanapun, keadaan ini akan menjelaskan kepada kehidupan masyarakat yang sejahtera. Seharusnya tidak terjadi kemiskinan dan kekurangan dalam bidang pendidikan dan kesihatan seandainya korporat terus bersama membantu kerajaan untuk mengatasi masalah-masalah kemasyarakatan. Ini selari dengan yang ditentukan oleh Seksyen 31 (3) Undang-Undang Dasar 1945 yang menyatakan bahawa kerajaan yang harus mengusahakan dan menyelenggarakan satu sistem pendidikan nasional. Selanjutnya

dalam Seksyen 33 (2) Undang-Undang Dasar 1945 yang menyatakan bahawa cawangan-cawangan produksi yang penting bagi negara dan yang menguasai hidup orang banyak dikuasai oleh negara. Oleh itu yang sebenar bertanggungjawab menurut Kranenburg sebagaimana dinukilkan oleh Soehino (1993) adalah negara. Selari itu oleh pemerintah dikeluarkan Peraturan Pemerintah Nomor 47 Tahun 2012 yang mengatakan korporat dalam usahanya harus melakukan tanggungjawab sosial terhadap Badan Bukan Kerajaan (NGO), Institusi Pendidikan, sosial dan komuniti setempat. Selari dengan itu seharusnya korporat turut bersama membantu pemerintah untuk mengatasi masalah mayarakat ini. Oleh itu masalah ekonomi (kemiskinan), pendidikan dan kesihatan boleh dikurangkan dengan cara melaksanakan tanggungjawab sosial korporat secara teratur dan berterusan. Dengan demikian menurut Lako (2011) dunia perniagaan dituntut untuk menselaraskan pencapaian keuntungan kewangan dengan prestasi sosial dan prestasi bagi masyarakat persekitaran.

Banyak korporat yang tidak menyadari itu, seperti kes Citigroup, HSBC dan General Motor tidak menselaraskan tujuannya dengan tujuan masyarakat, sehingga berlaku serangan pasar yang mengakibatkan kegagalan korporat tersebut membina usahanya. Jadi keseimbangan antara tujuan keuntungan dan prestasi sosial semestinya secara berterusan, bahawa kewenangan aturan awam menjadi pilihan bagi kepentingan awam (Metcalf, 2010). Banyak korporat besar di negara maju dan membangun berupaya meyakinkan kerajaan dan masyarakat bahawa mereka serius dalam

memperhatikan masalah kesihatan dan keselamatan, alam sekitar sehingga mereka dapat menghindari kekangan (Wikimedia, 2014).

Di Indonesia PT. Newmont yang mengusahakan lombong di kawasan Nusa Tenggara Timur dan di Minahasa juga telah melaksanakan tanggungjawab sosialnya kepada masyarakat dengan melakukan kerja-kerja pembangunan masyarakat iaitu pendidikan, infrastruktur, perbaikan kesihatan, pendidikan kejuruan dan pengembangan perniagaan, program pertanian, perikanan dan program perbaikan habitat laut. Namun PT. Newmont tetap memperolehi kekangan dari masyarakat tempatan iaitu meningkatnya ketidakpercayaan masyarakat terhadap korporat kerana pencemaran dan warga menuntut dengan mengatakan bahawa nenek moyang mereka dimakamkan di situ, sehingga mereka meminta ganti rugi yang mahal, akibatnya korporat memutuskan menghentikan kegiatannya (Hasan, 2009). Seharusnya korporat yang telah melaksanakan tanggungjawab sosial, mendapatkan legitimasi dari masyarakat. Kenyataannya PT Newmont tidak mendapatkan hal itu.

Pada amnya tujuan korporat melaksanakan tanggungjawab sosial, supaya tidak mendapat tekanan dari masyarakat tempatan maupun desakan dari masyarakat antara bangsa. Sebahagian korporat melaksanakan tanggungjawab sosial hanya untuk menunjukkan kepatuhan terhadap hukum, dan ada pula hanya sekadarnya sahaja. Permasalahannya adakah korporat yang beroperasi di Riau melaksanakan tanggungjawab sosial hanya sekedar memenuhi tuntutan undang-undang sahaja atau ada faktor lain yang mempengaruhinya. Sehubungan dengan itu perlu dikaji pola

(pattern) pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat di Provinsi Riau. Brown (1953), dan Carroll (2008) dalam Tuan Noraini (2011) sebagai pelopor dari literatur moden mengenai tanggungjawab sosial korporat, mengatakan bahawa kewajiban pengusaha untuk mengejar keuntungan dan diwajibkan juga untuk memperhatikan masyarakat. Oleh itu korporat turut bertanggungjawab terhadap masyarakat sekitarnya melalui pelaksanaan tanggungjawab sosialnya.

Berdasarkan huraian di atas, maka boleh difahami bahawa tanggungjawab sosial harus dilakukan mengikut undang-undang yang telah dikekalkan oleh kerajaan. Oleh itu tidak seperti yang terjadi pada masa lalu, korporat bebas menentukan untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial atau tidak, kerana tidak diatur oleh kerajaan. Hal ini akan menimbulkan impak yang besar terhadap polisi korporat yang sudah dibina selama ini, seperti penentuan program kerja, penentuan kos yang harus dikeluarkan. Walau bagaimanapun disedari bahawa keadaan ini akan menimbulkan penolakan dari korporat untuk melakukan peraturan yang baru itu.

Jika kerajaan tidak mempunyai komitmen yang kuat terhadap pembangunan ekonomi, pembangunan berterusan tidak mungkin terjadi (Colleta dan Kayam, 1987). Komitmen seperti ini penting dilakukan, kalau tidak peningkatan kesejahteraan masyarakat tidak mungkin dicapai. Keadaan kesejahteraan yang berlaku dalam masyarakat, perlu tidaknya ditingkatkan adalah berdasarkan penglihatan dari kerajaan. Korporat tidak akan pernah, melihat keadaan yang berlaku dalam masyarakat. Bahkan masyarakat sendiri tidak berfikiran begitu. Mereka hanya

mengeluh atau menerima sahaja. Jadi perubahan itu tidak mungkin diserahkan kepada masyarakat. Peranan kerajaan sangat dominan dalam menentukan perubahan itu. Hal itu adalah tugas kerajaan untuk mensejahterakan masyarakatnya.

1.3 Persoalan Kajian

Berdasarkan Seksyen 1 (3) Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 bahawa tanggungjawab sosial dan persekitaran adalah komitmen korporat untuk berperanan serta dalam pembangunan ekonomi berterusan untuk mempertingkatkan kualiti kehidupan yang bermanfaat, baik bagi korporat sendiri, komuniti setempat mahupun masyarakat pada umumnya.

Sehubungan dengan undang-undang tersebut di atas, kalau dihubungangkan dengan keadaan masyarakat Provisi Riau, bahawa daripada penduduk yang miskin berjumlah seramai 558,000 orang ditambah penduduk yang menganggur 304,610 orang jadi jumlahnya penduduk miskin adalah 862,610 orang atau 15,58 peratus (Riau Dalam Angka, 2011). Kemiskinan itu menyebabkan banyak anak yang masih bersekolah disuruh bekerja oleh ibu bapa mereka, sehingga anaknya tidak sekolah (Riau Pos, 12 April 2012).

Oleh itu undang-undang yang ada kalau dilaksanakan dengan serius, tentu kemiskinan yang dialami masyarakat Riau dapat dikurangi. Sementara itu menurut Siregar (2007:286) persoalan yang dihadapi dalam pelaksanaan tanggungjawab korporat adalah: (a) Program tanggungjawab korporat belum disosialisasikan dengan

baik di masyarakat; (b) Masih terjadinya perbezaan pandangan antara Departemen Hukum dan HAM dengan Departemen Industri mengenai tanggungjawab sosial korporat dalam kalangan perusahaan dan industri; (c) Belum adanya aturan yang jelas dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial perusahaan dalam kalangan masyarakat.

Namun demikian di Provinsi Riau banyak korporat-korporat yang menjalankan usaha perniagaannya. Apabila korporat yang ada di Riau melaksanakan tanggungjawab sosial korporat pasti kemiskinan dapat dikurangi. Walau bagaimanapun di Riau masih terdapat korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat, tetapi tidak diketahui dengan pasti apa bantuan yang diberikannya dan sejauhmana boleh mengurangi kemiskinan di Riau.

Berdasarkan yang telah diuraikan di atas, maka secara khusus soalan kajian ialah:

1. Apakah undang-undang yang sedia ada iaitu Undang-Undang Nomor 19 Tahun 2003, Undang Nomor 25 Tahun 2007, Undang Nomor 40 Tahun 2007, Peraturan Pemerintah Nomor 47 Tahun 2012, dan Peraturan Menteri Negara Badan Usaha Milik Negara Nomor PER-05/MBU/2007, sudah dipatuhi oleh korporat di Provinsi Riau Indonesia ?
2. Bagaimanakah bentuk tanggungjawab sosial korporat yang dilakukan oleh korporat di Provinsi Riau Indonesia?
3. Apakah tanggungjawab sosial yang dilakukan korporat boleh mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat ?

Kajian-kajian sebegini amat kurang dilaksanakan di Indonesia, khasnya di Provinsi Riau. Kalaupun ada kajian tersebut hanya berhubungkait dengan kewangan seperti penyelidikan yang dilakukan oleh Melisa Shahnaz (2011), dengan tajuk "Pengaruh *Corporate Social Responsibility*. Terhadap Kinerja Kewangan Perusahaan." Penelitian ini menyimpulkan bahawa *corporate social responsibility* (CSR) berpengaruh positif signifikan terhadap prestasi kewangan korporat yang diprojeksikan dengan *return on assets* (ROA) dan *return on equity* (ROE). Hal ini menunjukkan bahawa semakin banyak pengungkapan aktiviti tanggungjawab sosial korporat dalam laporan tahunan korporat akan semakin meningkatkan kewangan korporat perbankan. Yusiana (2008) mengatakan dengan adanya tanggungjawab sosial yang dikelola dengan baik maka secara langsung maupun tidak langsung akan mempengaruhi pendapatan keuntungan korporat. Selain itu korporat dapat pula melindungi persekitaran agar terjadi keharmonisan antara korporat dengan masyarakat sekitar.

Manakala di bidang sosial dalam bentuk pembangunan masyarakat atau tanggungjawab sosial korporat yang terhad dan tidak menyeluruh serta tidak mencecah sehingga kepada realiti yang terdapat dalam masyarakat. Seperti tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh PT. Pertamina Gas Area JBB Distrik Cimalaya, yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dalam bidang-bidang:

- (a) Kesihatan, pembinaan kelab bola sepak dan pemakaian sarana sukan secara percuma, derma darah; (b) Pendidikan meliputi biasiswa, sumbangan komputer; (c)

Infrastruktur meliputi sumbangan meja belajar, pembangunan ruangan kelas, sarana tempat ibadah; (d) Pemberdayaan masyarakat seperti: pertanian, budidaya jamur merang program ini dilakukan secara terorganisir dengan baik (Dedi, 2012). Hasil penyelidikan Stepen et al, (2011) terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat pada PT. Pertamina Gas Area JBB Distrik Cimalaya, mengatakan bahawa sebaiknya korporat membentuk bahagian khusus dalam melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat. Keadaan ini berlaku agar tidak terjadi tumpang tindih, dan semua program tanggungjawab sosial korporat lebih baik dan direalisasikan secara tepat sasaran.

Yeni et al (2012), melakukan penyelidikan terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat yang dikerjakan oleh Mall Solo Pragon dalam masyarakat sekitarnya memperlihatkan impak positif dan negatif. Impak positif ialah meningkatnya taraf hidup masyarakat, membuka peluang kerja baru, menambah kualiti kerja para pekerja. Impak negatifnya ialah timbul penyakit pernafasan, jalan sesak dan rosak.

Menurut penyelidikan Haliwela (2011), pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat mencecah sampai realiti dalam masyarakat, idealnya setiap sokongan yang diagihkan terlebih dahulu dirumuskan bersama antara 3 (tiga) pihak yang berkepentingan iaitu pemerintah, dunia usaha, dan masyarakat setempat kemudian dilaksanakan sendiri oleh masing-masing perusahaan. Oleh kerana itu, kajian ini perlu dilakukan untuk mengetahui kesedaran daripada korporat dalam melaksanakan undang-undang yang telah berkuat kuasa dan apa impak dari pelaksanaan program tanggungjawab sosial

korporat yang telah dilaksanakan oleh korporat ke atas masyarakat yang bermastautin di persekitaran korporat tersebut.

1.4 Objektif Kajian

1. Meneroka penglibatan korporat dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial menurut undang-undang yang sedia ada Undang-Undang Nomor 19 Tahun 2003, Undang Nomor 25 Tahun 2007, Undang Nomor 40 Tahun 2007, Peraturan Pemerintah Nomor 47 Tahun 2012, dan Peraturan Menteri Negara Badan Usaha Milik Negara Nomor PER-05/MBU/2007.
2. Memahami bentuk tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh korporat terhadap masyarakat .
3. Menganalisis apakah tanggungjawab sosial korporat dapat membantu mempertingkatkan atau mengurangi kesejahteraan masyarakat.

1.5 Signifikan Kajian

Selari dengan takjuk kajian ini, iaitu impak pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat terhadap peningkatan kesejahteraan masyarakat maka dari pengajian ini diperoleh mamfaat secara teorikal dan praktikal iaitu :

1.5.1 Secara Teoritikal

1. Analisis kajian ini boleh digunakan sebagaimana yang dikatakan oleh Lockett, Moon dan Visser dalam Gjolberg, (2011), untuk kelancaran dan meningkatkan nilai prestasi niaga, reputasi, hubungan kerja, hubungan

dengan pelabur dan pencapaian kewangan korporat boleh meningkatkan keuntungan korporat dan keuntungan kewangan yang lebih baik.

2. Melalui kajian ini boleh diketahui bahawa tanggungjawab sosial korporat boleh mempersempit jurang pertelingkahan yang sedia ada antara korporat dengan masyarakat sehingga berguna untuk memperkuat usaha korporat secara berterusan. Selama ini sama ada teori tanggungjawab sosial korporat atau teori *pragmatisme* Roscoe Pound iaitu *law as a tool of social engineering* belum boleh memberikan jawapan yang memuaskan atas pergeseran sifat tanggungjawab sosial korporat daripada bersifat *voluntary* menjadi *mandatory* (Busyra, 2011).
3. Melalui kajian ini diperoleh satu paradigma baru iaitu keseimbangan tanggungjawab korporat (*equilibrium of corporate responsibility*). Dalam hal ini tanggungjawab sosial korporat harus memperhatikan *stakeholder*. Adrian Cadbury dalam Laura D Desjardin (2011) mengatakan bahawa korporat harus bertanggungjawab atas keputusan atau komitmen yang diambilnya.
4. Kajian ini secara teori penting dilakukan untuk mendedahkan peranan kerajaan dalam menentukan dasar yang mesti dilakukan oleh korporat bagi masyarakat. Dalam hal ini, kerajaan sebagai pembuat peraturan (*regulator*)

dan memastikan bahawa program syarikat harus selari dengan program yang dicadangkan oleh kerajaan.

5. Dari penyelidikan ini korporat boleh mendapatkan informasi bagi meningkatkan reputasinya sebagai *social marketing*. Selari itu sebagaimana dikatakan oleh FR Angraini (2006) korporat harus secara sukarela mengintegrasikan perhatian kepada masyarakat dan persekitaran kerana telah mengambil keuntungan terhadap masyarakat atau persekitaran.

Jadi, jika dilihat komitmen korporat, melaksanakan janji yang harus menggunakan pendekatan berdasarkan *stakeholder theory* dan *sosial contract*, *fiduciary duty* ini sahaja tidak cukup kerana banyak korporat yang tidak mahu melaksanakan tanggungjawab sosial. Oleh kerana itu harus didokong oleh undang-undang yang mempunyai sifat memaksa. Selari itu pendekatannya dengan mencampur bermacam-macam teori.

6. Korporat cenderung melanggar peraturan apabila hukumannya lebih ringan daripada keuntungan yang diperolehi jika peraturan itu dilanggar (Dwi Kartini, 2009). Secara teori harus diusahakan supaya undang-undang yang tujuannya baik dan sudah dikuatkuasakan boleh berjalan tidak dengan secara terpaksa. Jika dipaksakan kepada masyarakat, mereka tidak akan merasa puas dan kalau dikuatkuasakan, akan menemui kegagalan (Pound, 1965).

1.5.2 Secara Praktikal

1. Menurut Howard R Bowen sebagaimana dinukilkan oleh Dody Prayogo bahawa keberhasilan dunia perniagaan juga ditentukan oleh sokongannya terhadap kesejahteraan masyarakat (Dody, 2011). Melalui kajian ini boleh diketahui sokongan yang sepatutnya diberikan kepada masyarakat. Jadi korporat tidak hanya menyalurkan bantuan kewangan sahaja, tetapi turut membantu dalam bentuk program kerja serta membina masyarakat secara berterusan (Hendrik, 2009).
2. Kaedah-kaedah apa yang digunakan oleh korporat. Adakah kaedah *cause branding* atau *venture philanthropy*? Kaedah *cause branding* iaitu kaedah yang mengatakan bahawa korporat mendekatkan diri kepada masalah yang dihadapi masyarakat, lalu dibuatkan perancangan serta program itu yang akan dilaksanakan. Kaedah *venture philanthropy* yang digunakan diperoleh perusahaan, iaitu kaedah bahawa korporat membantu masyarakat mencipta sendiri sumber penghidupan baru.
3. Hasil kajian ini dapat dijadikan data atau maklumat awal untuk menyusun program-program, merangka pembangunan daerah (negeri) dalam bentuk tanggungjawab sosial korporat bagi pemerintah daerah (kerajaan negeri) mahaupun syarikat-syarikat pada masa hadapan sehingga dapat menyepadukan program kerajaan negeri dan korporat serta yang dirangka oleh masyarakat.

4. Apabila pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat yang berlaku secara berterusan akan berkembang dan menjadi wujud kebiasaan (undang-undang tidak bertulis) dalam korporat. Sehingga undang-undang tidak bertulis itu boleh dijadikan panduan bagi korporat mahupun masyarakat serta boleh pula digunakan oleh pembuat undang-undang sebagai sumber untuk menggubal undang-undang berikutnya, sehingga wujud undang-undang baharu yang lebih sempurna.

5. Kajian ini berfaedah untuk mengetahui pemahaman korporat dalam melaksanakan peraturan yang telah ditetapkan. Soalannya Apakah peraturan yang sudah sedia ada dapat diterima dengan baik oleh masyarakat mahupun korporat. Kajian ini juga untuk mengetahui kelemahan undang-undang dalam mengawal pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat.

6. Dapatan kajian ini dapat dijadikan sumber kajian selanjutnya untuk mengetahui apakah undang-undang yang sedia ada dapat merubah kerangka berfikir dan cara hidup masyarakat.

1.6 Definisi Konsep

Oleh kerajaan ditetapkan Undang-Undang Nomor 25 Tahun 2007 dan Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 yang mewajibkan korporat untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial, supaya hubungan, antara korporat dengan

masyarakat secara luas serta pihak berkepentingan berkaitan dengan penyelenggaraan kepentingan korporat.

Oleh itu tanggungjawab sosial korporat merupakan tindakan yang harus dilakukan korporat demi kepentingan korporat (Kotler dan Nancy, 2011). Selari dengan itu yang dimaksud dengan tanggungjawab sosial korporat adalah komitmen korporat untuk memberi sumbangan terhadap penambahbaikan kesejahteraan masyarakat melalui pelaksanaan praktik bisnis dari sumber korporat (Kotler dan Lee, 2005).

ISO 26000 mendefinisikan tanggungjawab sosial korporat sebagai tanggungjawab sebuah organisasi terhadap dampak-dampak dari keputusan-keputusan dan kegiatan-kegiatannya pada masyarakat dan lingkungan yang diwujudkan dalam bentuk perilaku transparan dan etis yang sejalan dengan pembangunan berkelanjutan dan kesejahteraan masyarakat, mempertimbangkan harapan pemangku kepentingan, sejalan dengan hukum yang ditetapkan dan norma-norma perilaku internasional, serta terintegrasi dengan organisasi secara menyeluruh.

Jadi tanggungjawab sosial korporat adalah untuk mensejahterakan masyarakat dengan tumpuan kepada pembangunan masyarakat tempatan dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan secara berterusan. Tanggungjawab sosial korporat juga bersempena dengan tuntutan masyarakat terhadap kerosakan yang berlaku kerana aktiviti yang dilakukan oleh korporat, seperti kes yang berlaku di Jawa Timur iaitu PT. Lapindo Brantas Sidoharjo melakukan eksplorasi petrol, alat gerundinya patah di dalam sumur petrol sehingga yang keluar bukan petrol tetapi lumpur yang tiada

hentinya. Impak yang ditimbulkan adalah kerosakan kilang, jalan tol, korporat kecil di sekitarnya tertimbun lumpur (Yusiana, 2008).

Jika tanggungjawab sosial berlaku secara berterusan ia boleh mendatangkan kesejahteraan bagi masyarakat tempatan dan masyarakat secara amnya juga korporat berkenaan serta kerajaan. Kesejahteraan masyarakat mengikut Seksyen 1 Perkara 1 Undang-Undang Nomor 11 Tahun 2009, adalah keadaan terpenuhinya keperluan material, spiritual dan sosial bagi warganegara agar dapat hidup layak dan mampu membangunkan diri, sehingga dapat melaksanakan fungsi sosialnya, yang merangkumi komponen-komponen seperti berikut:

1. Ekonomi: Makan yang cukup untuk hidup layak dan sihat, terpenuhi hak asas manusia terutama hak untuk bekerja, mencari nafkah, mengeluarkan pendapat serta suara (hak untuk berujah), bebas bergantung daripada pihak lain.
2. Pendidikan: Kesempatan untuk memperolehi pendidikan yang menyeluruh dan bebas dari rasa takut mahupun wujudnya harga diri (wibawa).
3. Kesihatan : Rumah yang bersih, perkhidmatan kesihatan yang baik.

Menurut Kirdi (2005) perwujudan kesejahteraan masyarakat itu berupa tersedianya ;

1. Ekonomi: cukup pakaian makan dan rumah yang layak, sehingga ia dapat hidup dengan aman tidak perlu merasa cemas dalam menghadapi kehidupan di masa yang akan datang; sarana pengangkutan cukup, sehingga masyarakat mudah, cepat dan murah untuk bergerak dalam menghadapi segala urusannya; kesempatan kerja yang sesuai dengan keinginan dan kecakapan yang dipunyai. sarana komunikasi seperlunya, sehingga dapat mengadakan hubungan dengan orang lain melalui pos, telefon, telegram dan radio dengan cepat dan mudah;
2. Pendidikan: kesempatan pendidikan dalam segala tingkat baik pendidikan umum atau profesional kejuruan, Kesempatan untuk mengembangkan dan menikmati kebudayaan, menyempurnakan hidup moral keagamaan dan kehidupan intelektualnya.

3. Kesihatan: fasilitas kesihatan termasuk tenaga kesihatan, obat-obatan, rumah sakit dan pusat kesehatan masyarakat dengan perlengkapan dan tenaga yang memadai dengan biaya yang terjangkau daya beli masyarakat, jaminan hari tua, sehingga orang tidak takut menghadapi masa tuanya pada saat dia tidak bisa berdaya mencari nafkah memungkinkan untuk rehat dan menimati hiburan.

Jadi tanggungjawab sosial korporat adalah komitmen korporat untuk turut serta dalam pembangunan ekonomi, pendidikan dan kesihatan secara berterusan bagi meningkatkan kualiti kehidupan masyarakat, persekitaran serta bermanfaat pula bagi korporat itu sendiri.

1.7 Teori

Menurut Friedman seperti yang dikutip oleh Burchel (2007) “hanya satu tanggungjawab sosial perniagaan, iaitu menggunakan sumber daya yang ada untuk meningkatkan keuntungan sepanjang menurut aturan sedia ada. Menurut Steiner dan Steiner (1994) sebagaimana dinukilkan oleh Dwi Kartini (2009) bahawa idea dasar yang mengatakan bahawa tanggungjawab sosial korporat adalah kewajiban korporat dalam menjalankan usahanya selari dengan nilai-nilai dan tujuan yang hendak dicapai masyarakat di tempat korporat tersebut beroperasi.

Konsep tanggungjawab sosial korporat secara umum diertikan sebagai kumpulan polisi dan praktik yang berhubungan dengan *stakeholder*, pemenuhan nilai-nilai hukum, penghargaan masyarakat dan lingkungan serta komitmen dunia usaha untuk berkontribusi dalam pembangunan secara berkelanjutan (Lesmana, 2011).

Korporat bukanlah beroperasi untuk kepentingan diri sendiri melainkan harus memberi manfaat bagi *stakeholdernya* iaitu pemegang saham, pengkredit, pengguna,

pembekal dan pemerintah, masyarakat. Oleh itu sudah sepatutnya korporat menjalankan usaha bersama-sama dengan pihak lain (*stakeholder*) berdasarkan kepercayaan, beretika dan komitmen perilaku yang sungguh-sungguh (Hartman, 2008). Korporat banyak melakukan kerosakan seperti pencemaran udara, sungai serta kerusakan infrastruktur sebagai akibat aktiviti yang dilakukan korporat. Masyarakat merasa keamanan, kenyamanan mereka terganggu, sementara korporat tidak ambil pusing terhadap apa yang berlaku dalam masyarakat sehingga menimbulkan pertelingkahan antara masyarakat dengan korporat. Oleh kerana pertelingkahan tersebut korporat merasa terancam kerana tindakan masyarakat.


Kemudian pemerintah melalui undang-undang mewajibkan kepada setiap korporat untuk melaksanakan tanggungjawab sosial. Ini adalah sebagai bentuk intervensi pemerintah terhadap korporat. Menurut Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 Pasal 1 angka 3 bahawa tanggungjawab sosial dan lingkungan adalah komitmen korporat untuk berperanan serta dalam pembangunan ekonomi berketerusan guna meningkatkan kualiti kehidupan dan lingkungan yang bermanfaat, sama ada korporat sendiri, komuniti setempat ataupun masyarakat pada umumnya dan kerajaan. Oleh itu korporat bertanggungjawab terhadap *stakeholdernya* dan alam sekitar.

Namun semuanya tidak bertindak sendiri-sendiri, harus ada undang-undang yang mengaturnya sebagai pedoman dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Jadi korporat harus bergerak menurut undang-undang yang berlaku tanpa itu

korporat dianggap telah melakukan perbuatan melanggar hukum (*tort*). Sehingga kerajaan boleh menuntut ke mahkamah korporat berkenaan boleh dikenakan denda.

Teori *stakeholder* menyatakan bahwa seluruh *stakeholder* (pemangku kepentingan) mempunyai hak untuk disediakan maklumat oleh setiap korporat tentang bagaimana keadaan sebuah aktiviti organisasi boleh mempengaruhi mereka (sebagai contoh, melalui pelaporan pencemaran, *sponsorship*, inisiatif pengamanan, dan lain-lain), Walaupun mereka tidak selalu menggunakan maklumat tersebut (Degaan, 2004). Kelangsungan hidup sebuah korporat sangat bergantung kepada dukungan yang diberikan oleh *stakeholder* kepada setiap korporat berkenaan. Oleh kerana itu korporat hari mencari dukungan sehingga aktiviti yang dilakukan oleh korporat boleh berjalan lancar dan tanpa ada gangguan dari mana-mana pihak. Makin *powerful stakeholder*, makin besar usaha korporat untuk beradaptasi.

Pihak berkepentingan atau pemegang taruh (*stakeholder*) adalah orang atau organisasi perniagaan atau bukan perniagaan termasuk kerajaan yang berhubung kait dengan sebuah korporat (Fontaine, 2006). Menurut teori *stakeholder* (pihak berkepentingan) yang menjadi pihak berkepentingan daripada sebuah korporat dapat dilihat seperti yang digambarkan dalam Rajah 1.1 di bawah ini:



Sumber: Donaldson dan Preston (1995)

Gambar 1.1: Stakeholder Theory

Stakeholder korporat adalah penduduk Provinsi Riau. Donaldson dan Preston (1995)

mengatakan bahawa dalam teori pihak berkepentingan terdapat tiga aspek, iaitu normatif, instrumental, dan deskriptif. Aspek-aspek tersebut ianya menjadi suatu gambaran dari sokongan bersama (Mc William, 2001).

Mengikut Jones dan Wicks dalam (Hartman dan Desjardins, 2008) bahawa teori pihak berkepentingan merupakan komponen yang bertujuan dan berdasarkan normatif dengan ilustrasi teori, iaitu bagaimana pengaruh boleh menggunakan pendekatan moral ke dalam rangka kerja perniagaan. Pandangan ini menunjukkan bahawa normatif berarti berlandaskan undang-undang dan moral. Walau bagaimanapun

aspek normatif penting diterapkan dalam kehidupan bermasyarakat kerana di dalamnya terdapat individu-individu yang saling berinteraksi dalam hidup bersama. Aspek normatif ini dijadikan sebagai pengikat untuk kebersamaan, adanya kepercayaan dan saling menghargai dan menghormati satu sama lain.

Oleh itu aspek-aspek tersebut di atas sangat penting diterapkan dalam kehidupan masyarakat, kerana boleh meningkatkan nilai kebersamaan, walau bagaimanapun keadaan itu telah dirosak oleh lahirnya korporat yang meneroka dan mengeksplorasi sumber semula jadi. Keadaan ini akan menimbulkan suatu pertelingkahan antara masyarakat dengan korporat. Oleh itu Pertelingkahan itulah yang hendak dilenyapkan melalui program tanggungjawab sosial korporat dengan menggunakan *stakeholder theory*.


Menurut teori *stekeholder* korporat harus memperhatikan para pihak yang mempunyai hubung kait dengan korporat. Teori sahaja tidak cukup, jadi harus disokong oleh undang-undang sebagai ladasan normatif. Undang-undang di maksud iaitu Undang-Undang Nomor 25 tahun 2007 dan Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007. Kedua-dua undang-undang ini dikukuhkan lagi oleh Peraturan Kerajaan Indonesia Nomor 47 Tahun 2012 yang mengatakan bahawa wajib bagi korporat untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Teori *stakeholder* dengan sokongan undang-undang menyebabkan program tanggungjawab sosial boleh berlaku secara berkekalan dan mempunyai kedudukan yang kukuh.

Di samping itu tanggungjawab sosial korporat adalah komitmen korporat untuk peduli terhadap masyarakat. Komitmen bererti janji. Berdasarkan janji tersebut maka teori *stakeholder* disokong pula dengan teori kontrak (perjanjian). Pelaksanaan kegiatan perniagaan korporat dilakukan oleh pengarah urusan (Eksekutif) sebagai pengarah korporat yang ditunjuk oleh pemilik korporat (*shareholder*). Sebagai pengarah urusan (Eksekutif) ditunjuk berdasarkan kepercayaan (*fiduciary duty*), sehingga janji pelaksanaan tanggungjawab sosial dilakukan oleh pengarah Korpoat. Dengan menggunakan teori *stakeholder*, teori kontrak dan *fiduciary theory* serta disokong oleh undang-undang kajian terhadap impak pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat ini dapat dijalankan sehingga konsep pembangunan secara berterusan dapat dicapai. Dengan demikian akan terbina hubungan yang mesra antara masyarakat tempatan dengan korporat (Riau Pos, 24 November 2011).

Berdasarkan alasan di atas maka penyelidikan ini menggunakan *stakeholder theory*, teori kontrak dan *fiduciary theory*. Dalam teori ini dinyatakan bahawa korporat bukanlah entiti yang hanya beroperasi untuk kepentingan sendiri, tetapi juga mesti memberikan manfaat bagi para *stakeholder* seperti masyarakat (Ghozali dan Chairi, 2007). Manakala Ghozali dan Chairi, (2007) Hendrik (2009), mengatakan bahawa korporat mesti bertanggungjawab secara sosial terhadap kesejahteraan masyarakat, sebab kesejahteraan tersebut dapat diciptakan oleh korporat semasa menjalankan perniagaannya.

1.8 Model Kajian

Berdasarkanuraian objektif kajian di atas maka pengkaji menyusun kerangka kerja penulisan thesis seperti berikut:



Rajah: 1.2. Model kajian penyelidikan

Kajian ini menggunakan kaedah induktif, iaitu suatu kajian yang dimulai daripada data menuju kepada teori. Di sini yang dituju adalah mengenai kesejahteraan masyarakat. Mengikut model kajian di atas dilakukan kegiatan sebagai berikut:

1. Pengumpulan data. Dalam kajian ini data iaitu data primeir, sekunder dan data tertier undang-undang. Data primer ada dua iaitu data yang dikutip dari masyarakat dan pimpinan korporat melalui temu bual yang dilakukan secara bersemuka dan data pengamatan yang pengkaji lakukan langsung dilapangan iaitu melihat apakah objek kajian yang telah ditetapkan boleh mencapai

kesejahteraan masyarakat. Data sekunder berasal dari Internit diperoleh dengan cara melayari laman Internit dari situ diperoleh maklumat pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat oleh korporat. Disamping itu dilihat dan dipelajari hasil kajian yang dilakukan oleh para pengkaji, jurnal yang dimaklumkan di Internit. Data sekunder dan data primer dibagi ke dalam tujuan penyelidikan iaitu: (1) penglibatan korporat dalam pelaksanaan tanggungjawab social; (2) bentuk tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh korporat terhadap masyarakat; (3) menganalisis tanggungjawab korporat dapat membantu mempertingkat kesejahteraan masyarakat.

2. Data primer dan sekunder yang didapati dianalisis dengan cara menghuraikan setiap temuan dan jawapan dari soalan yang berikan oleh informan. Sedangkan data sekunder berupa maklumat yang diberikan oleh korporat atas pelaksanaan tanggungjawab sosial yang dilakukannya dihubungkan dengan data primer. Penganalisaan data menggunakan undang-undang sebagai bukti apakah para pemberi maklumat mempedomani undang-undang yang sedia ada.
3. Selanjutnya dalam penganalisaan data dihubungkan dengan *Stakeholder theory*, teori Kontrak Sosial dan *Fiduciary Theory*, hasil penganalisaan dikelompokkan ke dalam tujuan kajian dan selanjutnya disimpulkan berdasarkan tujuan terakhir dikaitkan dengan batasan tentang kesejahteraan.

1.9 Batasan Kajian

Kajian ini datanya terhad pada pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan oleh 4 korporat secara primer dan 22 dari internet yang memberikan sokongan kepada masyarakat di Provinsi Riau. Kajian dilakukan ke atas impak pelaksanaan tanggungjawab sosial oleh korporat terhadap kesejahteraan masyarakat. Skop kajian ini dilakukan untuk mendalami, menganalisis dan memahami penglibatan korporat dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat yang berimplikasi terhadap kesejahteraan masyarakat yang merangkumi: a. aspek ekonomi, iaitu sokongan yang diberikan kepada masyarakat sehingga yang dibantu boleh menyara diri dari hasil usahanya sendiri, b. aspek pendidikan ialah memberikan sokongan kepada sekolah, biasiswa kepada pelajar yang ibu bapanya mempunyai kesempitan untuk membantu kos sekolah anaknya, dan para pelajar yang mempunyai kecemerlangan, bilik belajar, bantuan alat belajar, c. aspek kesihatan bagaimana supaya masyarakat tidak merasa kesulitan untuk memperoleh perkhidmatan.

1.10 Organisasi Bab Tesis

Tesis ini secara keseluruhan disusun dalam sebuah orgasisasi penulisan tesis yang dibahagikan kepada enam bab seperti berikut:

Bab.1. Latar Belakang Kajian. Bahagian ini mengandungi pengenalan, pernyataan masalah, persoalan kajian, objektif kajian, signifikan kajian, manfaat kajian, Definisi konsep, kerangka teori dan batasan kajian.

Bab.2. Ulasan Karya. Bahagian ini membincangkan definisi tanggungjawab sosial korporat, teori-teori yang berkenaan dengan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat, kesejahteraan masyarakat dan kajian yang berkaitan dengan teori-teori tersebut.

Bab.3. Metodologi. Bahagian ini membincangkan langkah-langkah kajian dijalankan, dengan takjuk kecil membantu menguraikan bab ini iaitu kaedah kajian, responden dan memberi maklumat, jenis data, waktu penelitian, lokasi kajian, alat pengumpul data dan analisis data.

Bab.4. Dapatan dan Analisis Data. Bahagian ini membincangkan mengenai pasti penglibatan korporat terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat, pengenalan terhadap korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial, bentuk-bentuk bantuan yang dilakukan oleh korporat terhadap masyarakat serta *pattern (platform)* pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat dan analisis.

Bab.5. Perbincangan. Bahagian ini membincangkan penglibatan korporat terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat, tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh Korporat Milik Kerajaan, yang dilaksanakan oleh Korporat Milik Swasta, keikhlasan, ketelusan, responsif, fairness, lokasi, faktor etnis, hukum dan kesimpulan.

Bab.6. Kesimpulan. Bahagian yang membincangkan fungsi undang-undang dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial, penerapan teori, kelemahan kajian, pelaksanaan tanggungjawab sosial bagi kesejahteraan masyarakat di persekitaran korporat dan strategi penambahbaikan dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

1.11 Kesimpulan

Tanggungjawab sosial korporat sebagai paradigma baru dalam tadbir urus korporat ertinya korporat tidak hanya mencari laba buat dirinya sendiri, tetapi juga ikut membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat setempat khasnya untuk mempersempitkan dan mendangkalkan jurang kemiskinan masyarakat.

Teori yang digunakan oleh para pakar untuk mendedahkan erti penting tanggungjawab sosial iaitu *stakeholder theory*, *contrac social theory*, *fiduciary theory*. Teori sahaja belum cukup untuk meninjau pelaksanaan tanggung jawab sosial syarikat, kerana banyak korporat yang belum mematuhi maka pula harus pula disokong oleh undang-undang. Kerana undang-undangnya sudah sedia ada, untuk perlu dilakukan pengkajian kaji mengenai pelaksanaannya tanggung jawab sosial syarikat sama ada apakah boleh mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat.

BAB DUA

ULASAN KARYA

2.1 Pengenalan

Pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat, bermula sejak zaman Mesir kuno dahulu lagi dan masih berkembang hingga kini. Namun demikian sampai setakat ini belum wujud definisi yang kukuh, masih menjadi perdebatan antara para pakar juga belum wujud bentuk perkhidmatan yang mesti dijalankan oleh korporat.

Di Barat isu tanggungjawab sosial ini berakar umbi dari revolusi industri dahulu hingga setakat ini dan kedudukannya masih dalam perdebatan (Tuan Noraini, 2011). Pelaksanaannya di benua Asia baru bermula semenjak pertemuan tingkat tinggi yang ditaja oleh Bangsa-Bangsa Bersatu di Rio De Jenero tahun 1992 dan Afrika Selatan (Daniri, 2006). Tanggungjawab sosial korporat merupakan konsep yang baik untuk dilaksanakan kerana boleh memberi keuntungan bagi korporat dalam kegiatan usahanya serta boleh mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu dalam bab ini digambarkan mengenai definisi tanggungjawab sosial korporat, perkembangannya untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Di samping itu, pelaksanaan daripada tanggungjawab sosial korporat yang telah dilakukan oleh berbagai-bagai negara di dunia ini sama ada di Eropah maupun yang ada di Asia dan beberapa negara di kawasan ASEAN turut pula digambarkan bentuk-bentuk pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat yang sudah dilakukan.

2.2 Tanggungjawab Sosial Syarikat

2.2.1 Pengertian

Tanggungjawab sosial korporat dalam bahasa Inggeris disebut *Corporate Social Responsibility (CSR)*. Istilah tanggungjawab sosial dibangun dari tiga kosa kata iaitu: *Corporat, Social* dan *Responsibility*.

Corporat dalam bahasa Melayu disebut korporat. Dalam bahasa Indonesia disebut perusahaan atau korporat. Menurut Pasal 1 huruf b Undang-Undang Nomor 3 tahun 1982 korporat ialah setiap bentuk usaha yang menjalankan setiap jenis usaha yang bersifat tetap dan terus menerus, didirikan, bekerja, serta berkedudukan dalam wilayah negara Indonesia dengan tujuan memperoleh keuntungan atau laba.

Manakala Undang-Undang Nomor 8 Tahun 1997 Tentang Dokumen Perusahaan Seksyen 1 angka 1 mengatakan bahwa korporat adalah setiap bentuk usaha yang melakukan kegiatan secara tetap dan terus menerus dengan tujuan memperoleh keuntungan atau laba, sama ada yang diselenggarakan oleh orang perorangan maupun badan usaha yang berbentuk sama ada badan hukum atau bukan badan hukum yang ditubuhkan dan berkedudukan dalam wilayah negara Republik Indonesia.

Di Indonesia, korporat yang wajib melaksanakan tanggungjawab sosial korporat adalah korporat yang berbentuk PT. (Perseroan Terbatas). Selari itu yang dimaksud dengan PT (Perseroan Terbatas) menurut Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 Tentang Perseroan Terbatas Syeksen 1. 1 adalah badan hukum yang merupakan

perseketuan modal, didirikan berdasarkan perjanjian, melakukan kegiatan usaha dengan modal dasar yang seluruhnya terbahagi dalam saham dan memenuhi persyaratan yang ditetapkan dalam Undang-Undang ini serta peraturan pelaksanaannya. Jadi korporat adalah badan usaha yang berbadan hukum iaitu perbadanan yang bersaiz besar serta modal yang tinggi. Korporat yang wajib melaksanakan tanggungjawab sosial adalah Korporat Milik Kerajaan (BUMN) dan Korporat Milik Swasta (BUMS).

Istilah “sosial” berasal daripada bahasa Latin “*socius*” bererti kawan. Kata *social* bererti masyarakat yang maknanya adalah segala kegiatan yang berhubungan dengan masyarakat (Susanto1979). Manakala kata *Responsibility* dibentuk daripada dua kata iaitu kata *Respon* dan kata *ability*. Kata *Response* maknanya, jawaban, reaksi, balasan sedangkan kata *ability* adalah kebolehan, kemampuan. Jadi *Responsibility* disini bermakna kemampuan untuk menanggapi (Kamus Dwi Bahasa, 2008 dan Edi Suharto, 2010).

Dengan demikian tanggungjawab sosial korporat adalah kemampuan korporat untuk menanggapi sekaligus berusaha membantu mengurangkan masalah atau isu sosial yang wujud dalam masyarakat. Bersabitan dengan itu kos penyelenggaraan tanggungjawab sosial digalaskan kepada korporat dalam bentuk sumbangan wajib. Menurut Lesmana (2011) tanggungjawab sosial korporat secara awam diertikan sebagai kumpulan dasar dan amalan yang berkaitan dengan pihak berkepentingan, nilai pemenuhan ketentuan undang-undang, penghargaan masyarakat dan alam

sekitar serta komitmen dunia usaha untuk menyumbang dalam pembangunan secara berterusan. Definisi ini berasaskan hak asasi manusia dan demokrasi yang bermaksud hidup bersama dalam masyarakat.

2.2.2 Ruang Lingkup Tanggungjawab Sosial Syarikat

Penyelenggaraan tanggungjawab sosial setakat ini sudah disepakati bahawa diwajibkan ke atas korporat, namun para pakar belum sepakat mengenai bidang tanggungjawab tersebut. Menurut Keraf (1998) ada dua lingkup tanggungjawab sosial itu iaitu :

Pertama, menunjukkan kepedulian korporat terhadap kepentingan pihak lain secara lebih luas daripada sekadar terhadap kepentingan korporat belaka seperti keterlibatan korporat dalam kegiatan-kegiatan sosial yang berguna bagi kepentingan masyarakat luas, membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat, tidak berbuat hal-hal yang merugikan masyarakat, dengan demikian korporat akan mencegah perbuatan yang merugikan masyarakat.

Kedua, keuntungan ekonomis.

Sebenarnya sukar memisahkan secara jelas antara kepentingan korporat mencari keuntungan dengan kepedulian terhadap masalah sosial yang ada dalam masyarakat terutama masyarakat di sekitar korporat. Kedua-duannya berkait rapat antara satu dengan yang lainnya. Selari itu korporat tidak boleh berlaku angkuh dalam menjalankan usaha perniagaannya kerana keuntungan berhubungkait dengan perkhidmatan yang dilakukannya terhadap masyarakat.

Tanggungjawab ekonomis jelas memperoleh keuntungan tetapi keuntungan itu tidak untuk pemilik korporat sahaja namun juga untuk pekerja dan keluarganya, serta untuk para pemangku kepentingan (*stakeholder*) antaranya, pelanggan, pembekal, kerajaan dan masyarakat. Tanggungjawab terhadap karyawan dan keluarga, pemilik korporat dan alam sekitar sudah jelas bentuk yang semestinya boleh dilakukan. Sedangkan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat belum jelas bentuk dan macam serta kepada siapa diberikan. Undang-Undang Nomor 25 Tahun 2007 dan Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 hanya mengatakan bahawa tanggungjawab secara sosial tujuannya untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

Khusus korporat milik kerajaan sudah ditentukan oleh Peraturan Menteri Negara Badan Usaha Milik Negara Nombor PER-05/MBU/2007 mengenai bidang-bidang tanggung jawab sosial korporat yang akan dilaksanakannya, iaitu sebagai berikut.

1. Pembinaan Peniaga Kecil dan Koperasi
2. Bantuan langsung (BL) yang merangkumi;
 - a. Bantuan korban bencana alam;
 - b. Bantuan pendidikan dan/atau pelatihan;
 - c. Bantuan peningkatan kesihatan;
 - d. Bantuan pengembangan prasarana dan atau sarana umum (infrastruktur);
 - e. Bantuan sarana ibadah;
 - f. Bantuan pelestarian alam sekitar;

Sedangkan korporat milik swasta tidak diatur mengenai bentuknya dan kepada siapa diberikan, sehingga ketua korporat harus mencari sendiri bentuk dan polanya.

Sebagai kewajiban korporat tentu kos pelaksanaan tanggungjawab sosial digalaskan ke dalam kos rutin korporat. Jadi bukan retribusi, kerana retribusi adalah pembayaran

yang ditujukan semata-mata oleh sipembayar untuk mendapatkan suatu prestasi tertentu dari pemerintah, misalnya pembayaran yuran sekolah, kuliah, ujian, pembayaran utiliti air minum, elektrik, gas dan sebagainya (R.Santoso, 1986). Sumbangan korporat juga bukan pula cukai, kerana cukai adalah bayaran yang dilakukan oleh rakyat atau korporat kepada kerajaan berdasarkan undang-undang yang digunakan untuk membiayai penyelenggaraan kegiatan kerajaan.

Oleh itu kosnya tidak boleh dipindahkan ke kos lain selain kos rutin korporat berkenaan, kerana tanggungjawab sosial korporat adalah komitmen korporat untuk memberikan sumbangan terhadap penambahbaikan kesejahteraan masyarakat melalui pelaksanaan praktik perniagaan dari korporat (Kotler dan Lee, 2005). Justeru aturan yang dikuatkuasakan oleh kerajaan untuk melaksanakan tanggungjawab sosial bukan memberatkan aktiviti perniagaan malahan sebaliknya iaitu membantu melancarkan perniagaan yang diusahakan korporat. Menurut *World Business Council for Sustainable Development* (WBCSD) bahawa "tanggungjawab sosial korporat adalah komitmen korporat untuk menyumbang secara beretika dalam pembangunan ekonomi yang berterusan, membaiki kualiti hidup pekerja dan keluarganya, komuniti tempatan dan masyarakat awam lainnya. World Bank menambahkan bagi kebaikan perniagaan dan kebaikan pembangunan." Kesatuan Masyarakat Eropah mengatakan bahawa tanggungjawab sosial korporat adalah sebuah konsep kepentingan perniagaan korporat yang bersepada dengan masyarakat dan alam sekitar dan pihak berkepentingan yang bersifat sukarela.

Sementara itu kajian Tuan Nuraini (2009) mengenai tanggungjawab sosial korporat dan peranannya dalam pembangunan masyarakat berdasarkan sudut pandang antarbangsa di berbagai-bagai negara, membuktikan bahawa tanggungjawab sosial korporat memiliki banyak peranan dan membawa pengaruh kepada kemajuan masyarakat, dan keduanya mempunyai hubungan kait yang kuat.

Peranan yang dimaksudkan oleh Tuan Noraini (2009), ialah membantu kewangan bagi masyarakat, membaiki kerosakan alam sekitar, memindahkan teknologi dari syarikat antarabangsa ke negara membangun, menjangka perlindungan alam sekitar yang dilakukan bersama antara korporat dengan korporat yang semuanya penambahbaikan kepada masyarakat dan memberik perlindungan terhadap hak asasi manusia. Membantu memberikan kemudahan bagi syarikat, fungsi pertubuhan untuk mengumpulkan data melalui ICT, membangun infrastruktur, mencipta peluang ekonomi dan mengurangkan kemiskinan (Tuan Noraini, 2009).

2.3 Perkembangan Tanggungjawab Sosial Syarikat

2.3.1 Zaman Kuno

Pertama, pada Zaman Kuno tanggungjawab sosial korporat mula berkembang dalam masyarakat, Mesir, Cina dan Sumeria. Pada masa ini tanggungjawab sosial korporat dilukiskan dalam sebuah peraturan yang berisikan pelbagai kemudahan dan jaminan dalam perniagaan bagi kepentingan awam. Bermula dari itu tanggungjawab sosial korporat tumbuh dan berkembang secara meluas dalam setiap aktiviti korporat (William, 2011).

Kedua, pada zaman Hamurabi Raja Babilonia 1700 sebelum masehi konsep tanggungjawab sosial korporat ditetapkan dalam undang-undang dengan maksud untuk melindungi masyarakat dari perilaku peniaga-peniaga yang boleh merugikan masyarakat seperti: (a) peniaga-peniaga melakukan kelalaian dapat dijatuhi hukuman mati; (b) Peniaga dilarang melakukan perkhidmatan yang buruk, seperti melakukan penjualan minuman yang boleh menyebabkan orang mati; (c) bahawa kaum miskin kepada mereka ini diberikan pampasan kewangan terhadap kejahatan yang dilakukan terhadapnya (Munir, 2009).

2.3.2 Abad ke-17

Pada abad ke-17 tanggungjawab sosial korporat berkembang di Afrika, United Kingdom dan Amerika Syarikat. Di Nigeria peniaga-peniaga menggunakan falsafah perniagaan dalam bermula iaitu “tidak semata-mata memaksimumkan keuntungan tetapi peduli dengan nilai kemasyarakatan yang tidak berasingan daripada peniaga-peniaga itu sendiri”.

Sementara itu di England korporat yang bernama *East India Company* (EIC) melakukan tradisi perbuatan baik sahaja tidak ada tujuan lain di kawasan korporat tersebut melakukan perniagaan. Kumpulan Barclays dan Cadbury serta Engels dan Moris telah mencuba melaksanakan program tanggungjawab sosial berdasarkan nilai dalam perniagaan (William dan Chandler, 2011).

2.3.3 Abad 18 hingga 19

Abad 18 peniaga di Amerika Syarikat memberikan bantuan derma kepada masyarakat yang bersifat sosial tidak berhubungkait dengan perniagaan atau mencari untung. (Bronn et al, 2001).

Pada abad ke-19 di Amerika Syarikat berlaku pula bermacam-macam peristiwa yang menuju kearah timbulnya tanggungjawab sosial korporat, seperti :

- a. Awal abad 19 Kerajaan Amerika Syarikat mengeluarkan peraturan untuk mengatasi masalah kaum dan perlakuan buruk terhadap buruh dengan menyatakan bahawa “korporat harus melaksanakan tanggungjawab sosial korporat”.
- b. Ahli perniagaan di Amerika Syarikat pada abad ke-19 telah pula melaksanakan kegiatan yang hampir serupa dengan program tanggungjawab sosial korporat, seperti yang dilakukan oleh sebuah korporat peniaga besi waja. Korporat ini melakukan prinsip asas, iaitu *charity principle* atau “prinsip kemurahan hati” dan *stewardship principle* atau “prinsip perkhidmatan bagi sesama manusia” (Lako, 2011). Kemudian Adam Smith yang menyatakan bahawa tiap orang disokong untuk mengejar kepentingan masing-masing dan wujudnya persaingan bebas akan memastikan bahawa masyarakat secara keseluruhan akan menerima keuntungan (Deliarnov, 2007). Pelaksanaan tanggungjawab sosial yang dilakukan korporat di Amerika Syarikat untuk menghilangkan perselisihan yang terdapat dalam masyarakat.

Sementara itu di United Kingdom pelaksanaan kegiatan yang bisa disebut tanggungjawab sosial korporat, seperti yang diamalkan oleh Sir Titus Salt, seorang

ahli perniagaan tekstil pada abad ke-19. Dia membina kilang kapas di sebuah perkampungan. Di perkampungan itu disediakan:

- a. bilik atau kawasan untuk tempat bermastautin para pekerja. B. tempat beribadah, sekolah, kedai yang menyediakan keperluan sehari-hari, air, gas, hospital, perpustakaan dan lain sebagainya yang ditanggung oleh korporat. Justeru tidak ada alasan yang boleh digunakan pekerja untuk terlambat masuk kerja. Dengan cara ini menjimatkan jam kerja, sehingga korporat boleh meningkatkan hasil pengeluaran yang tentu juga akan meningkatkan keuntungan korporat.

Di Itali, program tanggungjawab sosial korporat mula dikenali dalam artikel 41 perlembagaan yang menentukan pemberian bantuan tanggungjawab sosial oleh korporat persendirian yang berdasarkan kepada aktiviti ekonomi tidak mengakibatkan konflik yang membawa sebarang kerosakan kepada keamanan, kebebasan dan menghargai hakikat manusia (Melis dalam A Mallin, 2009).

2.3.4 Abad ke-20


Berle dan Means (1933) dalam Wardhana (2009) melancarkan buku berjudul *The Modern Corporation and Private Property* pada tahun. Buku ini mengemukakan bahawa korporat moden harus menjadi institusi sosial, ketimbang institusi ekonomi yang memaksimumkan laba (Wardhana, 2009). Definisi tanggungjawab sosial korporat untuk jolong kalinya dipakai orang pada tahun 1953, iaitu dengan terbitnya tulisan mengenai tanggungjawab sosial korporat, yang ditulis oleh Howard Rothman

Brown dengan judul *Responsibility of the Businessmen*. Sejak itu istilah tanggungjawab sosial korporat menjadi popular.

Manakala Brown mengatakan korporat wajib untuk menjalankan perniagaan selaras dengan nilai-nilai dan tujuan yang hendak dicapai oleh masyarakat di tempat korporat tersebut beroperasi (Keraf, 1998). Keith Devis tahun 1960 memperkenalkan pandangannya berkenaan hubungan antara tanggungjawab sosial korporat dengan kekuatan perniagaan yang disebutnya “*Iron Law of Responsibility*” yang bermakna tanggungjawab sosial peniaga sama dengan kedudukan sosial yang mereka miliki. Tahun 1962 Rachel Carlson yang menulis buku dengan judul *Silent Spring*. Pada tahun 1963 Joseph W. Mc Guire memperkenalkan istilah *Corporate Citizenship*. Dalam buku itu dijelaskan bahawa syarikat harus memperhatikan masalah politik, kesejahteraan masyarakat, pendidikan “kebahagian pekerja dan seluruh permasalahan sosial kemasyarakatan (Wardhana, 2009).

Terdapat kewajiban melaksanakan program sosial dalam rangka memberikan manfaat kepada masyarakat (Malin, 2009). Pada tahun 1979 muncul pendapat yang mengatakan bahawa pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat bertujuan untuk kebaikan masyarakat dan alam sekitar (Carrol dalam Burchel, 2008). Bentuk tanggungjawab sosial korporat sudah berbentuk membina hubungan dengan masyarakat, melalui *Community Relation* (CR).

Community Relation ini disebut juga *Community Development* (CD). Dalam bahasa Melayu diterjemahkan sebagai pembangunan masyarakat. *Community Development* (CD) adalah kegiatan pembangunan masyarakat yang dianjurkan secara sistematik, terancang, dan diarahkan untuk meningkatkan akses masyarakat bagi mewujudkan kualiti kehidupan sosial dan ekonomi yang lebih baik (Budinata dalam Reza, 2009). Selari dengan faham kapitalisme yang mengatakan bahawa modal korporat sebagai keseluruhan objek atau sumber yang digunakan seorang individu atau masyarakat atau yang boleh mereka gunakan untuk pengeluaran atau mencipta sumber-sumber lain yang mungkin dapat dilakukan, sama ada merupakan hasil jerih payah daripada para pekerja atau yang berlaku secara semulajadi (Rodinson, 1982).



Korporat yang menempatkan dirinya sebagai penderma berubah menjadi rakan kongsi yang turut serta agar korporat dapat beroperasi secara berterusan (Rahman, 2009). Akibatnya, wujud perubahan dari *Community Development* (CD), menjadi tanggungjawab sosial. Pada tahun 1960 hingga tahun 1970, konsep pihak berkepentingan mulai berkembang, iaitu pengenalan terhadap persekitaran korporat. Sehubungan dengan itu para penyelidik *Stanford Research Institute* (SRI) memperkenalkan konsep *Stakeholder* pada 1963 (Freeman dan Reid 1983, h.89) yang merujuk kepada pengertian: "*Those groups without whose support the organization would cease to exist* (Dwi, 2009).

Pihak berkepentingan merupakan penyokong yang tepat sehingga korporat mempunyai kemampuan untuk bertindak balas ke atas trend dominan yang wujud

dalam masyarakat pada era globalisasi, komunikasi teknologi dan meningkatkan keuntungan yang maksimum (William dan Chandler, 2011). Semenjak itu badan pemerintahan secara rasmi menetapkan dasar awam bidang alam sekitar, ketenagakerjaan, pelanggan dan kesihatan daripada pihak berkepentingan (William dan Chandler, 2011).

Sementara itu Elkington mengemasnya menjadi tanggungjawab sosial korporat yang disingkat dengan “3 P”, iaitu *Profit*, *Planet* dan *People*. Korporat yang baik tidak hanya ingin memperolehi keuntungan ekonomi (*profit*) semata. Sehingga konsep tanggungjawab sosial korporat berubah menjadi rasa kepedulian terhadap persekitaran (*planet*) dan kesejahteraan masyarakat (*people*).

2.3.5 Abad 21

Pada awal abad ke-21 yang disebut juga era globalisasi yang ditandai dengan diadakan mesyuarat (konsferensi) tingkat tinggi di Johannesburg, Afrika Selatan tahun 2002 yang dihadiri oleh pemimpin dunia. Pada *World Summit* di Johannesburg tahun 2002 ini perhatian pemimpin dunia menekankan pentingnya pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Konferensi Bangsa-Bangsa Bersatu tahun 2002 di Johannesburg, Afrika Selatan tersebut melahirkan isu tanggungjawab sosial korporat. Konsep ini mengiringi dua konsep sebelumnya iaitu *economic and environment sustainability*. Ketiga-tiga konsep ini menjadi asas bagi syarikat untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat (Mas Ahmad, 2006).

Selanjutnya, mesyuarat *UN Global Compact* di Geneva Switzerland pada hari Khamis, 7 Julai 2002 dirasmikan oleh Setiausaha Agung Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu dengan tujuan untuk meminta korporat mengamalkan program tanggungjawab sosial dan perilaku perniagaan yang sihat yang dikenali dengan *Corporate Social Responsibility* (Ahmad, 2006).

Pada bulan September 2004, *International Standardization Organization* (ISO) iaitu induk daripada pertubuhan piawaian antarabangsa mengundang pelbagai pihak untuk membentuk pasukan yang merangka panduan dan standard program tanggungjawab sosial korporat yang diberi nama ISO 26000: *Guidance Standard on Social Responsibility* (Daniri, 2012). Tarikh 14 Ogos 2005, Setiausaha Agung PBB, Kofi Anan dalam pertemuan "*Global Compact*" di Paris berkempen mengenai etika bermiaga. Mesyuarat ini dihadiri oleh ahli dari 140 negara.

Jadi, program tanggungjawab sosial korporat bertujuan lebih ke arah yang bersifat kemanusiaan (Horrigen, 2010). Oleh itu, dalam undang-undang tanggungjawab sosial korporat dibebankan kepada syarikat yang beroperasi dalam bidang eksplotasi sumber semula jadi.

2.4 Tanggungjawab Sosial Syarikat Di Asia

Di rantau Asia konsep tanggungjawab sosial korporat mulai berkembang setelah mesyuarat tingkat tinggi Pertubuhan Bangsa Bangsa Bersatu (PBB) di Rio de Jenairio tahun 1992 (Isharyanto,2012).

2.4.1 Di Jepun

Jika dibandingkan dengan negara Eropah dan Amerika sekalipun Jepun lebih maju, namun dari sisi pelaksanaan tanggungjawab sosial di Jepun baru bermula pada tahun 1990 (Susiana, 2008). Di negara ini kerajaan tidak ikut mengurus masalah tanggungjawab sosial korporat. Sebagai negara maju Jepun tidak mencampuri urusan korporat. Masalah kesejahteraan masyarakat adalah menjadi tanggungjawab negara, jadi korporat tidak diwajibkan untuk turut bersama kerajaan. Tanggungjawab sosial korporat di negara ini difokuskan pada perolehan keuntungan dan imej awam terhadap produk yang dihasilkan. Oleh itu korporat hanya bertanggungjawab terhadap kesihatan, keselamatan kerja, melancarkan hubungan sesama pekerja untuk menjaga kualiti keluaran yang tinggi (Myllivainio, 2008).

2.4.2 Di Malaysia

Tanggungjawab sosial korporat telah dilaksanakan semenjak adanya hasil Deklarasi Rio De Janeiro di Brazil tahun 1992. Pada tahun 2006, kerajaan menyediakan buku panduan pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat yang disebut *Silver Book*. Buku tersebut adalah satu set panduan berkenaan dengan cara syarikat (khasnya *the Goverment-Linked Companies-GLCs*) melaksanakan tanggungjawab dalam kewajiban sosial yang membawa kebaikan kepada korporat dan masyarakat. Melalui buku panduan *Silver Book* ini, pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat dapat menjadikan Malaysia negara maju pada tahun 2020. Selanjutnya berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Tuan Nooriani (2011) membuktikan bahawa responden

mengakui dan membenarkan *Silver Books* sangat membantu dalam melaksanakan tanggungjawab sosial dan juga membangun tanggungjawab secara berterusan.

Selain itu di Malaysia ditubuhkan suatu badan yang disebut *Local Agenda 21*. *Local Agenda 21* ini adalah konsep yang menekankan penglibatan tiga pihak iaitu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT). Komuniti dan Sektor Swasta. Konsep ini boleh dijayakan lagi dengan adanya penglibatan sektor korporat dan swasta melalui tanggungjawab sosial korporat. (Ahmad, 2011).

2.4.3 Di Thailand

Perkembangan tanggungjawab sosial korporat di Thailand sama dengan negara Asean iaitu setelah dilaksanakannya Deklarasi Rio De Janeiro di Brazil tahun 1992. Menteri Tenaga Kerja Thailand menetapkan 2 (dua) standard tanggungjawab sosial korporat bagi pekerja yang dikenali dengan sebutan Thai *Labor Standard* (TLS 8001-2003). Standard tersebut meliputi (1) Perlindungan hak pekerja berdasarkan syarat-syarat mengikut perjanjian *International Labor Organization* (ILO), dan syarat mengikut undang-undang yang berlaku di Thailand; dan (2) Sistem pengurusan pekerja memastikan syarat praktikal supaya dibaiki secara berterusan (Prathen, 2011).

2.4.4 Di Indonesia

Di Indonesia tanggungjawab sosial korporat juga mulai berkembang setelah adanya deklarasi Bangsa-Bangsa Bangsagsa (BBB) Rio De Janeiro di Brazil tahun 1992 dan

di Johannesburg Afrika selatan tahun 2002. Manakala di Indonesia sebelum berlaku era reformasi, aktiviti-aktiviti program tanggungjawab sosial korporat dapat dikelompokkan kepada tiga kelompok, iaitu; (a) Aktiviti-aktiviti itu belum menggunakan istilah tanggungjawab sosial korporat tetapi sudah mewajibkan korporat membantu komuniti di sekitar korporat, (b). Undang-undang yang mewajibkan korporat melaksanakan tanggungjawab sosial korporat, dan (c). Perkembangan aktiviti-aktiviti tanggungjawab sosial korporat dipengaruhi oleh BBB (Bangsa-Bangsa Bersatu) dan badan dunia lainnya (Djuhaendah, 2009).

Kelompok-kelompok tersebut di atas dapat diuraikan sebagai berikut: manakala yang pertama merangkumi:

- a. Seksyen 4 Perkara (2) Peraturan Pemerintah (PP) Nomor 12 Tahun 1998 yang menyatakan bahawa Persero dengan sifat usaha tertentu dapat melaksanakan penugasan khusus untuk menyelenggarakan fungsi kemanfaatan awam.
- b. Undang-Undang Nomor 22 Tahun 2001 Seksyen 11 Perkara (3) jo Seksyen 40 Perkara (5) yang mewajibkan kepada setiap kontraktor kontrak karya membuat program yang berkenaan dengan pembangunan masyarakat di persekitaran korporat dan jaminan hak - hak masyarakat adat.

Manakala kumpulan kedua iaitu: Undang-Undang Nomor 19 Tahun 2003 berkenaan dengan Badan Usaha Milik Negara (BUMN) Seksyen 88 Perkara (1) yang menyatakan bahawa BUMN dapat menyisihkan sebahagian keuntungan bersihnya untuk keperluan pembinaan usaha kecil/ koperasi serta pembinaan masyarakat di

persekitaran syarikat BUMN. Pada tahun 2003 secara praktikal Departemen Sosial Republik Indonesia aktif mengembangkan konsep tanggungjawab sosial korporat dengan melakukan bantuan kepada berbagai-bagai konsep tanggungjawab sosial korporat (Djuhaendah, 2009). Sementara itu kumpulan ketiga merangkumi: (a). Undang-Undang Penanaman Modal (Pelaburan) Nomor 25 Tahun 2007 dan (b). Undang-Undang Perseroan Terbatas Nomor 40 Tahun 2007. Kedua-dua Undang-Undang ini mewajibkan korporat untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial.

Selanjutnya terdapat pelbagai pandangan terhadap Undang-Undang yang mewajibkan korporat melaksanakan tanggungjawab sosial korporat antaranya iaitu: Menurut Wibowo (2011), standard-standard program tanggungjawab sosial korporat semakin dekat dengan tuntutan keadilan sosial dan alam sekitar, terutama disebabkan oleh banyaknya masukan dari pelbagai pertubuhan masyarakat awam yang kritikal. Manakala Jimly (2008), mengatakan pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat diyakini dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat dan kemakmuran negara.

Selari dengan yang berfikir positif, terdapat pula yang berfikir negatif dengan meluahkan kritikal ketika tanggungjawab sosial korporat diatur oleh undang-undang. Kritikan pertama diucapkan oleh pihak Ketua Umum Bilik Dagang Indonesia (KADIN) Mohamad S Hidayat yang mempersoalkan "Mengapa Tanggungjawab Sosial Korporat harus ditetapkan?" Mengikut pendapat beliau, tanggungjawab sosial

korporat adalah kegiatan di luar kewajiban korporat dan sudah ditetapkan dalam undang-undang rasmi, seperti ketertiban perniagaan, cukai atas keuntungan dan standard alam persekitaran." Jika ditetapkan, selain bercanggah dengan prinsip kerelaan, program tanggungjawab sosial korporat juga akan memberi beban baru kepada ahli perniagaan (Tempo, 14-20 April, 2008).

Pendapat Mohamad S Hidayat tersebut tidak melihat kenyataan masyarakat yang berada pada paras paling bawah adalah kaum yang tidak mempunyai apa-apa yang boleh digunakannya untuk menyara dirinya. Masyarakat lapisan bawah ini hanya menggalaskan daripada tenaganya sahaja untuk menyara diri dan keluarganya, iaitu dengan bekerja pada orang atau bertani tetapi tanah yang mereka miliki hanya sedikit bahkan ada yang tidak memiliki tanah. Sementara kaum yang mempunyai modal wang banyak, dengan bebasnya melakukan sesuatu untuk mendapatkan keuntungan dengan mengorbankan orang lain.

Oleh itu, suatu hal yang tidak adil jika kaum yang memiliki modal banyak melakukan sesuatu demi mendapatkan keuntungan yang besar sedangkan masyarakat banyak yang menderita akibat amalan yang dilakukan oleh yang bermodal besar. Selari itu ahli perniagaan minta dihargai, mereka tentu sahaja tidak akan dihargai jika tidak menghargai orang lain, iaitu masyarakat banyak.

Walau bagaimanapun kita harus saling menghargai, ketika ahli perniagaan dihargai oleh masyarakat, mereka juga harus menghargai hak-hak asas yang dimiliki oleh

setiap orang. Suara sumbang muncul yang meragukan sama ada ahli perniagaan bersedia dengan telus ikhlas mengamalkan program tanggungjawab sosial korporat yang ditetapkan oleh kerajaan melalui undang-undang atau tidak. Keraguan datang daripada pakar tanggungjawab sosial korporat. Mereka mengeluh kerana begitu menimanya prestasi kerajaan dalam menggalakkan iklim "arena permainan" yang menyokong nilai-nilai kemanusiaan dan persekitaran. Berbeda dengan di United Kingdom dan Perancis yang telah memaksimumkan pelbagai peraturan untuk mencipta iklim korporat yang lebih bertanggungjawab, tanpa perlu menyebut tanggungjawab sosial korporat terhadap pihak yang berkepentingan (*Stakeholder*), (Brody. et al ,2006).

Di samping itu, belum ada aturan sebagai panduan tingkah laku (*codes of conduct*) yang boleh diguna sebagai panduan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Sebenarnya, program tanggungjawab sosial korporat harus diatur oleh kerajaan dalam sebuah undang-undang bersendirian, bukan sekadar asal mewajibkan sahaja. Selari dengan wujud kepedulian terhadap pelbagai permasalahan yang mengapung di tengah-tengah masyarakat sehingga korporat berkembang bersama warga tempatan, (Bondy. et al, 2006).

Hal tersebut di atas berkait rapat dengan program tanggungjawab sosial korporat yang boleh meningkatkan kehidupan sosial ahli perniagaan, bukan sekadar amal (*charity*) semata-mata.

Sokongan untuk tanggungjawab sosial itu lahirnya Undang-Undang Nomor 25 Tahun 2007 dan Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 mengakibatkan program tanggungjawab sosial korporat yang semula bersifat amal (*Charity*) berubah menjadi wajib undang-undang (*Legal Duty*). Sifat penting undang-undang bertulis terletak dalam kekakuannya (*Lex dura sed tamen scripta*) undang-undang itu keras atau kaku tetapi begitulah sifat tertulis itu) (Mertokusumo, 2009). Undang-Undang Penanaman Modal (Pelaburan) Nomor 25 Tahun 2007 dan Undang-undang Korporat Nomor 40 Tahun 2007 berkait rapat dengan perubahan *Community Development* (CD) menjadi tanggungjawab sosial korporat. Bersempena dengan konsferensi PBB yang membincangkan tanggungjawab sosial korporat, di Indonesia korporat telah pula melakukan aktiviti-aktiviti yang bersifat membantu masyarakat.

Korporat-korporat tersebut, iaitu "PT. Unilever yang melaksanakan tiga jenis program *community engagement*, iaitu program alam sekitar, pendidikan kesihatan masyarakat, dan pembinaan usaha kecil dan menengah. *Pertama*, program alam sekitar yang dilaksanakan tahun 2001 di Surabaya dan pada tahun 2005 di Mampang, Jakarta Selatan. *Kedua*, di kota ini, masyarakat dibina untuk peduli dengan kebersihan. Program tersebut menggunakan 4,300 orang sukarelawan untuk membawa serta orang lain agar menjaga kebiasaan menjaga kebersihan alam sekitar. Sehingga sejak 2005, kawasan Mampang, Jakarta Selatan menjadi wilayah pelopor untuk menjalankan program Jakarta *Green and Clean* oleh Unilever.

Di Yogyakarta, program pendidikan kesihatan persekitaran dengan membina 1.600 penduduk. *Ketiga*, program pembangunan Usaha Kecil Menengah (UKM) Unilever membina petani soya mengenai cara bercucuk tanam dan subsidi baja. Kemudian hasil tuaian soya dibeli oleh Unilever sebagai bahan pembuat kicap "Bango" (Untung, 2009).

PT. Sukses Makmur Jaya anak syarikat dari pada PT. Indofood Sukses Makmur Jaya, pengeluar tepung jenama "Bogasari" memberikan pelatihan kepada Sukijan, peniaga makanan "mi ayam". Sukijan, kemudian, diberi pinjaman wang untuk membeli mesin pembuat mi, serta meminjamkan kereta operasi. Sukijan berdagang keliling tetapi, semenjak dibina oleh PT. Sukses Makmur Jaya, Sukijan sudah mempunyai 40 orang pekerja (Untung, 2009).

PT. Toyota Astra Motor (TAM) dalam rangka 40 Tahun Toyota melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat di empat universiti, iaitu di Universiti Gajah Mada (UGM) di Yogyakarta, Universiti Sumatera Utara (USU) di Medan, Institut Teknologi Bandung (ITB) di Bandung dan Universiti Hasanuddin (UNHAS) di Makasar.

PT. Telkom telah mengadakan program *Telkom Goes to School* (TG2S) sebagai wujud kepedulian korporat kepada institusi pendidikan. Telkom, bekerjasama dengan Harian Republika, juga telah menganjurkan latihan khusus bagi guru-guru dalam

rangka menunjukkan kepedulian korporat kepada para guru sehingga kualiti dan kompetensi para guru dapat lebih ditingkatkan lagi (Soefian, 1992).

2.5 Perkembangan Tanggungjawab Sosial Syarikat di Riau

Di Riau sebagai bahagian daripada negara Republik Indonesia, banyak korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat, iaitu PT. Chevron Pacific Indonesia (PT. CPI). Setiap tahun korporat ini memberikan bantuan kepada masyarakat dan kepada sekolah-sekolah di setiap Kabupaten yang ada di sekitar daerah operasinya. PT. Chevron juga yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat bekerjasama dengan Tentara Nasional Indonesia (TNI) disetiap Markas Komando Rayon Meliter (KORAMIL) dalam kawasan operasi PT. Chevron, seperti program pemeliharaan hutan dengan menanam 200 pokok tembesi.

PT. Pelabuhan Indonesia Cawangan I Dumai juga tidak mahu tertinggal, korporat ini telah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat mulai dari tahun 2009 dengan memberi sumbangan kepada mangsa bencana alam, pemberian biasiswa kepada pelajar cemerlang dan menggalakkan program kebersihan persekitaran. Dengan demikian PT. Pelabuhan Indonesia telah memberikan bantuan wang sejumlah Rp 2,200,000,000,- pada tahun 2011 untuk membina perkongsian (Usaha Kecil dan Menengah). Disamping itu Korporat ini juga memberikan bantuan wang untuk membina persekitaran Rp 360,000,000,- yang diserahkan bulan Julai 2011 kepada komuniti sekitar Bandar Dumai (Helena, 2010).

PT. Perkebunan Nasional V (PTPN V) Pekanbaru sebagai korporat milik negara yang beroperasi dibidang perladangan getah dan sawit di Riau, juga telah melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat. Juru bicara korporat ini, pada 23 November 2011 mengatakan bahawa pihaknya telah memberikan bantuan wang perkongsian sejumlah Rp 6.422.075.000,- kepada kerajaan daerah Kabupaten Rokan Hulu bagi 320 UKM (Usaha Kecil dan Menengah) dan Koperasi. Secara keseluruhan, di Riau, korporat ini menyumbang sejumlah Rp 40 bilion untuk 2,292 UKM (Riau Pos, 24 November 2011).

Pada 24 April 2012, PT. Perkebunan Nasional V (PT. PN V) Pekanbaru kembali memberikan bantuan kewangan sejumlah Rp 1.665.000.000, yang diagihkan kepada 85 UKM di Pekanbaru. Mengikut Pengarah Utama PT. Perkebunan Nusantara V (PT. PN V), pengagihan bantuan wang tersebut adalah bentuk komitmen BUMN untuk memberikan bimbingan dan bantuan kepada peniaga golongan ekonomi lemah dan koperasi (Riau Pos, 24 April 2012).

Pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat, walaupun sudah diatur dalam undang-undang, tetapi belum dipaksakan oleh kerajaan. Akibatnya masih banyak korporat yang belum melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat tersebut (Reza, 2009). Belum dipaksakannya oleh kerajaan pelaksanaan program tanggung jawab sosial korporat dengan alasan dan pertimbangan iaitu:

1. Bagi korporat yang sudah lama ditubuhkan dan mempunyai kesanggupan untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat, maka mesti

melaksanakan. Sebaliknya, korporat yang hanya mampu untuk tetap beroperasi atau dengan kata lain, belum memiliki keuntungan yang cukup tidak diwajibkan melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat.

2. Program tanggungjawab sosial korporat belum terlaksana secara baik kerana banyak korporat yang baru sahaja ditubuhkan dan belum memperoleh keuntungan.
3. Banyak korporat kecil tidak sanggup melaksanakan tanggungjawab sosialnya sama sekali (Reza, 2009).

Aturan yang mewajibkan korporat melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat, iaitu Undang-Undang Penanaman Modal (Pelaburan) yang mewajibkan semua penanaman modal (pelabur) untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat, tanpa ada pengecualian. Ini bermakna semua pelabur wajib melakukannya. Namun di sudut lain, Undang-Undang Korporat Terhad hanya mewajibkan korporat yang berupa Perseroan Terbatas (PT). Itupun korporat yang operasinya berkaitan dengan sumber daya alam untuk melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat. Korporat-korporat yang memiliki kemampuan tetap melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat kerana untuk mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Korporat yang melaksanakan konsep ini menekankan pembangunan sosial dan pembangunan kapasiti masyarakat sehingga akan menggali potensi yang wujud dalam masyarakat dan menjadi modal sosial korporat untuk maju dan tumbuh (Djuhaendah, 2009).

Berkenaan hal di atas, ada tiga alasan yang menjadi sebab dunia usaha perlu bertindak balas dan membangunkan isu tanggungjawab sosial korporat dalam menumbuh kembangkan usahanya. Ketiga-tiga alasan itu iaitu, (1) Korporat adalah sebahagian daripada masyarakat dan oleh itu wajar jika korporat peduli dengan keperluan masyarakat; (2) Kalangan perniagaan dan masyarakat mempunyai hubungan yang bersifat saling memerlukan (*simbiosis mutualis*); (3) Program tanggungjawab sosial merupakan satu cara untuk mengurangkan atau bahkan mengelakkan konflik sosial (Djuhaendah, 2009).

Oleh sebab itu dalam menjalankan usaha, korporat harus memperhatikan masalah apa yang dihadapi oleh para pihak. Masalah dan pihak yang dihadapinya iaitu sebagai berikut, (1) bagaimana agar barang yang dihasilkan oleh korporat dan perkhidmatan yang diberikan dapat diterima dengan baik oleh pelanggan. Dalam hal ini, sistem pengeluaran harus berfungsi dengan baik; (2) persaingan dengan korporat lain yang mengasilkan produk atau perkhidmatan yang sama, (3) kepentingan kerajaan (pemerintah) ditunaikan seperti pajak dan menjaga kelestarian alam sekitar; (4) pihak yang berkepentingan (*stakeholder*), termasuk masyarakat secara luas.

Kejayaan korporat terletak pada usahanya menghadapi dan menyelesaikan masalah tersebut dan perniagaannya tetap berjalan sebagaimana yang diharapkan iaitu mendapatkan keuntungan. Jadi korporat-korporat harus berinteraksi dengan pihak-pihak dalaman atau pihak luaran.

Pihak dalaman dari pada para pemilik korporat (*shareholder*), pesuruh jaya, lembaga pengarah dan pekerja korporat. Sementara itu, pihak luaran pula iaitu: kerajaan, persatuan perdagangan, pembekal, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO), dan kelompok masyarakat dengan siapa dia mengadakan operasi (Werthner, 2010). Berhadapan dengan pihak luaran ini, yang musti diperhatikan ialah pemberian bantuan untuk memenuhi kepentingan pihak luaran tersebut. Secara ringkasnya, berinteraksi dengan cara memenuhi keperluan dari pihak yang berkepentingan. Mengikut Freeman, pihak berkepentingan, sebagaimana yang dinukilkan oleh Dwi Kartini (2011) ditakrifkan “sebagai setiap kumpulan atau individu yang boleh mempengaruhi atau dipengaruhi oleh pencapaian matlamat korporat.”

Berkenaan dengan pihak berkepentingan, seperti dikatakan di atas, ada pihak yang berasal dari dalam dan dari luar korporat. Sehubungan itu, tentu wujud perbezaaan dasar yang diberikan kepada pihak dalaman berbanding dengan dasar dan amalan kepada pihak luaran, kerana kepentingan dan keperluan daripada masing-masing pihak tidak sama. Perbedaan kepentingan tersebut iaitu:

Pertama, pihak dalaman, berinteraksi dengan pihak dalaman adalah dalam rangka bersiap sedia untuk menghadapi persaingan usaha sama ada pengeluaran atau kualiti perkhidmatan yang baik. Hal ini berguna untuk menarik minat pelanggan sekaligus meningkatkan keuntungan kewangan. Yang perlu dibaiki adalah kualiti para pekerja. Satu daripada beberapa cara untuk melakukan pendekatan kepada para pekerja seperti yang dilakukan oleh korporat pengeluar pakaian dari Poland iaitu Camela SA. Korporat ini menerapkan konsep jaminan kelayakan pekerja, yang meliputi keadaan

tempat kerja, hak-hak pekerja, dan tidak mengeksplorasi para pekerja tetapi pembangunan tenaga kerja pada masa hadapan dan pekerja dianggap sebagai rakan (*Partner*) (Kola dalam Mallin, 2009). Korporat juga melakukan pembinaan pekerja dengan memberi penghargaan kepada pekerja yang berjaya bekerja dengan selamat. Membina hubungan antara staf pengurus dengan pekerja dalam masa yang panjang sehingga membentuk kerjasama antara mereka. Pekerja juga menerima bantuan sosial apabila sakit dan pencer. Dengan pendekatan seperti ini, kesetiaan tenaga kerja meningkat (Mallin, 2009).

Kedua, tindakan yang bersifat dalaman dalam menghadapi persaingan dengan korporat lain iaitu dengan cara meningkatkan kualiti barang yang dihasilkan dan meningkatkan kualiti perkhidmatan yang diberikan kepada pelanggan. Pengeluar bertanggungjawab terhadap barang yang dihasilkannya. Ini disebut *Product Liability*. Mengikut NE. Algra dan HR HWR Cokkel, *product liability* adalah tanggungjawab pemilik kilang untuk barang-barang yang dihasilkannya, misalnya yang berkaitan dengan kesihatan pembeli, pengguna (pelanggan) atau keselamatan produk (Algra, HR HWR Cokkel, 1977).

Ketiga, berkenaan dengan hubungan terhadap masyarakat tempatan, yang perlu dilakukan penyelidikan ke atas masyarakat mengenai apa yang mereka perlukan. Korporat memberikan sokongan kewangan bagi kepentingan masyarakat tempatan, misalnya membantu aktiviti sukan, kesihatan, dan alam sekitar (Mallin, 2009).

Tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh korporat tersebut berasaskan keperluan korporat dan juga apa yang diperlukan oleh pihak dalaman maupun luaran. Namun demikian, program tanggungjawab sosial korporat dilaksanakan tidak menghala kepada pembangunan berterusan, hanya kepentingan sementara sahaja. Sementara itu, tanggungjawab sosial korporat yang diamanatkan oleh undang-undang adalah untuk kebaikan syarikat serta pihak berkepentingan secara berterusan (*sustainable*).

2.6 Tanggungjawab Sosial dan Kesejahteraan Masyarakat

Kesejahteraan masyarakat terdiri dua kosa kata iaitu: kesejahteraan dan masyarakat. Istilah kesejahteraan berasal daripada kata sejahtera yang berarti aman sentosa dan makmur bererti selamat terlepas dari gangguan. Kesejahteraan menurut Nasikun (1993) dapat dirumuskan sebagai padanan makna dari konsep martabat manusia yang dapat dilihat dari empat indikator iaitu : (1) rasa aman (*security*), (2) Kesejahteraan (*welfare*), (3) Kebebasan (*freedom*), dan (4) jati diri (*Identity*). Oleh itu kesejahteraan diertikan sebagai suatu keadaan sejahtera, keamanan, keselamatan dan ketentraman tanpa ada gangguan atau tekanan daripada mana-mana pihak, (Kirdi, 2005).

Sedangkan menurut Arthur Dunham yang dikutip oleh Haris (2011), mengatakan bahawa kesejahteraan adalah sebagai kegiatan-kegiatan yang terurus dengan tujuan meningkatkan kesejahteraan dari segi sosial melalui pemberian bantuan kepada orang untuk memenuhi keperluan dalam beberapa bidang seperti kehidupan keluarga dan anak, kesihatan, penyesuaian sosial, waktu senggang, standard kehidupan dan hubungan sosial. Perkhidmatan kesejahteraan sosial memberi perhatian utama

terhadap individu, kelompok, komunitas dan kesatuan penduduk yang lebih luas; perkhidmatan ini mencakup pemeliharaan atau perawatan, penyembuhan dan pencegahan.

Wickenden (2012) mengatakan bahawa “kesejahteraan termasuk dalamnya peraturan perundangan, program, tunjangan dan pelayanan yang menjamin atau memperkuat perkhidmatan untuk memenuhi keperluan sosial yang mendasar dari masyarakat serta menjaga ketenteraman dalam masyarakat.” Masyarakat disebut juga dengan istilah sosial (Susanto,1979). Menurut Koentjaraningrat (1980) masyarakat adalah kesatuan hidup manusia yang berinteraksi mengikut suatu adat istiadat yang berterusan dan terikat dalam satu identiti bersama (Koentjaraningrat, 1980).

Alfred J. Khan seperti dipetik oleh Sumargono (1987), mengatakan bahawa kesejahteraan sosial adalah program-program yang tersedia selain yang tercakup dalam kriteria pasar untuk menjamin suatu tindakan keperluan dasar seperti kesihatan, pendidikan kesejahteraan, dengan tujuan meningkatkan derajat kehidupan masyarakat dan berfungsinya individual, agar dapat mudah menggunakan perkhidmatan atau lembaga-lembaga yang ada pada umumnya serta membantu mereka yang mengalami kesulitan dan dalam pemenuhan kebutuhan mereka. Jadi kesejahteraan masyarakat adalah masyarakat dalam keadaan aman sentosa dan makmur dan terlepas dari gangguan. Kesejahteraan adalah orang yang sejahtera, iaitu orang yang dalam hidupnya bebas dari kemiskinan, kebodohan, ketakutan atau

kekhuatiran sehingga hidupnya aman dan tenteram sama ada secara zahir atau batin (Adi, 2008).

Dalam definisi kesejahteraan sosial di atas termasuk pula bantuan kesejahteraan bagi orang yang kurang keupayaan secara fizikal, seperti lemah badan, tercicir dalam mental (lemah minda) atau sakit jiwa termasuk korban dadah. Definisi ini adalah tanggungjawab untuk Departemen Sosial. Dalam konsep tanggungjawab sosial korporat kesejahteraan merupakan komitmen korporat untuk membaiki kesejahteraan masyarakat hanya untuk kepentingan korporat itu sendiri. Jadi setiap wang yang dibelanjakan, termasuk untuk pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat, dianggap sebagai pelaburan untuk keuntungan dalam jangka waktu yang lama. Matlamat manusia ketika membina sebuah pertubuhan yang berbentuk korporat adalah bertujuan untuk meningkatkan pendapatan kewangan bagi pemiliknya (William, 2011). Friedman mengatakan bahawa “hanya satu tanggungjawab sosial perniagaan, iaitu menggunakan sumberdaya yang ada untuk meningkatkan keuntungan sepanjang mengikut aturan yang berlaku (Burchel, 2008). Ini adalah fahaman barat yang mengajarkan bahawa setiap individu mempunyai kemerdekaan dalam berusaha memenuhi kepentingan (keuntungan) masing-masing, dan hendak diperjuangkan semaksimum mungkin untuk mencapainya (Koesnoe, 1979).

Masalah-masalah sosial yang perlu diperhatikan menurut Kotler (2005) seperti pengesanan awal untuk mengelakkan AIDS dan imunisasi terhadap kanser payudara,

di bidang keselamatan dan keamanan (program pemandu yang ditetapkan, pencegahan jenayah, penggunaan sekatan keselamatan kereta), bidang pendidikan; pembanterasan buta huruf, pendidikan komputer, pendidikan khas lain, pekerjaan, pendidikan kemahiran, pertanian, bidang alam sekitar semula jadi, pengurangan penggunaan bahan-bahan berkemia, pengurangan pembungkusan; pembangunan ekonomi masyarakat meliputi pinjaman perumahan dengan faedah yang rendah; dan pelbagai keperluan dan keinginan asasi manusia yang lain (kelaparan, kehilangan tempat bermastautin, hak haiwan, keistimewaan mengundi, dan kerja-kerja anti pembezaan).

Berdasarkan pendapat tersebut di atas dapat diambil kesimpulan bahawa pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat pada masyarakat hanya untuk menunjukkan bahawa perusahaan peduli dengan kumuniti di persekitaran mereka. Pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat menurut fahaman timur adalah tanggungjawab yang melekat pada setiap korporat pelabur untuk tetap mewujudkan hubungan yang berdasarkan kepada keserasian, keseimbangan dan kesaksamaan antara korporat dengan masyarakat dan sesuai dengan persekitaran, nilai, norma, dan budaya masyarakat tempatan" sebagai komitmen korporat" untuk turut serta dalam pembangunan ekonomi yang berterusan untuk meningkatkan kualiti kehidupan dan persekitaran yang bermanfaat, sama ada bagi korporat sendiri, masyarakat tempatan atau masyarakat awam lainnya.

Sementara itu, selain asas-asas tersebut maka juga ditekankan pentingnya pemberian perlindungan hak-hak setiap individu untuk mendapatkan persekitaran yang baik dan sihat serta perlindungan ekosistem sehingga pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat adalah bersifat sosial, ekonomi dan alam sekitar (*triple bottom line*) yang wajib dijaga dari kerosakan sama ada makhluk hidup berupa tumbuhan, haiwan atau manusia sebagai anugerah Tuhan Yang Maha Esa. Dalam hal ini dituntut moral korporat untuk memberi perhatian bagi masyarakat tempatan. Inilah yang disebut etika korporat yang bersifat sosial dan kemasyarakatan yang melekat pada setiap pelabur untuk mewujudkan hubungan yang harmoni antara komuniti dengan syarikat.

Peningkatan kesejahteraan masyarakat erat kaitannya dengan tujuan negara. Sebagaimana dinyatakan oleh Aristoteles bahwa negara dibentuk untuk menyelenggarakan hidup yang baik bagi semua warganya. Berbincang-bincang soal tujuan negara, bagi Indonesia tujuan negara dituliskan dalam pembukaan Undang-Undang Dasar 1945 seksen keempat yang mengatakan ...“untuk membentuk suatu pemerintah Negara Indonesia yang melindungi segenap bangsa Indonesia dan seluruh tumpah darah Indonesia untuk memajukan kesejahteraan umum, mencerdaskan kehidupan bangsa dan ikut melaksanakan ketertiban dunia berdasarkan kemerdekaan, perdamaian abadi dan keadilan sosial... Pernyataan ini dilihat satu persatu iaitu: (a) melindungi segenap bangsa Indonesia, di mana sahaja bangsa Indonesia itu berada baik dalam negara maupun di luar negara tetap mendapat perlindungan dari pemerintah kerajaan Indonesia; (b) tumpah darah Indonesia, maknanya orang asing

yang lahir dan bermastautin di Indonesia masih kanak-kanak atau belum dewasa dan belum boleh menentukan kewarganegaraan sendiri juga dilindungi oleh pemerintah kerajaan Indonesia. Perlindungan itu berbentuk pelindungan hukum, politik, keamanan, ekonomi, pendidikan dan kesihatan.

Memajukan kesejahteraan umum, bermaksud bukan kesejateraan orang perorangan atau individu tertentu tetapi kesejahteraan untuk semua warganegara Indonesia di mana sahaja dia bertempat tinggal dan semua kanak-kanak yang lahir di Indonesia yang belum boleh menentukan kewarganegaraannya. Melaksanakan ketertiban dunia boleh ke dalam negara supaya rakyat dapat menjalankan aktivitinya dan membawa pelabur asing masuk untuk melakukan usahanya.

Manakala tujuan keluar negara iaitu ikut serta melaksanakan perdamaian untuk tertib, sehingga membolehkan import atau eksport serta pelaburan boleh dilakukan dan peredaran barang serta perjalanan orang baik perniagaan atau pelancongan semuanya itu untuk meningkatkan kesejahteraan dunia. Oleh itu akan wujud keadilan sosial untuk seluruh umat. Namun demikian, kesejahteraan umum (keadilan sosial) sebagai tujuan negara bukan bererti kewajiban negara untuk menciptakan kesejahteraan seluruh rakyat, sehingga rakyat tidak berupaya untuk mewujudkan kesejahteraan bagi dirinya sendiri, akan tetapi rakyat mempunyai hak dan kewajiban untuk mencapai kesejahteraannya. Negara hanya bertugas untuk menciptakan suasana atau keadaan yang memungkinkan rakyat dapat menikmati hak-haknya sebagai warga negara dan mencapai kesejahteraannya semaksimal mungkin.

Kesejahteraan sosial merupakan matlamat yang ingin dicapai oleh semua individu, keluarga dan komuniti, (Samsudin, 2006).

Menurut Undang-undang No 11 Tahun 2009, Kesejahteraan Sosial adalah keadaan terisinya keperluan material, spiritual, dan sosial warganegara agar dapat hidup layak dan mampu mengembangkan diri, sehingga dapat melaksanakan fungsi sosialnya. Manakala Spicker dalam Soekanto (1987) menyatakan bahawa kesejahteraan sosial mencakup dasar dan perkhidmatan yang terkait dengan berbagai-bagai kehidupan dalam masyarakat seperti pendapatan, dalam bidang kesehatan, bidang pendidikan, bidang perumahan, bidang jaminan sosial, dan bidang pekerjaan sosial.

Kesejahteraan masyarakat mengikut Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) adalah kegiatan terurus yang bertujuan untuk membantu individu atau masyarakat dalam memenuhi keperluan dasarnya dan dapat meningkatkan kesejahteraan yang selaras dengan kepentingan keluarga dan masyarakat (Edi, 2010).

Menurut Biro Pusat Statistik Indonesia (2000) bahawa tingkat kesejahteraan rumah tangga suatu wilayah terdapat beberapa pemboleh ubah yang dapat dijadikan ukuran, antara lain adalah : (1) Tingkat pendapatan keluarga; (2) Komposisi pengeluaran rumah tangga dengan membandingkan pengeluaran untuk makan dengan bukan makan; (3) Tingkat pendidikan keluarga; (4) Tingkat kesihatan keluarga, dan; (5) Keadaan perumahan serta kemudahan yang dimiliki dalam rumah tangga.

Menurut Kolle (1974) dalam Bintarto (1989), kesejahteraan dapat diukur dari beberapa aspek kehidupan; (1) Dengan melihat kualiti hidup dari segi kebendaan, seperti kualiti rumah, bahan pangan dan sebagainya; (2) Dengan melihat kualiti hidup dari segi fizikal, seperti kesihatan tubuh, lingkungan alam, dan sebagainya; (3) Dengan melihat kualitai hidup dari segi mental, seperti kemudahan pendidikan, lingkungan budaya, dan sebagainya; dan (4) Dengan melihat kualiti hidup dari segi spiritual, seperti moral, etika dan keserasian penyesuaian.

Oleh itu, yang diutamakan bukan kemakmuran perseorangan melainkan kemakmuran masyarakat secara keseluruhan sehingga seluruh masyarakat menikmati hasil kemerdekaan yang telah diperjuangkan (Rindjin, 2011). Manakala pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat tidak sekadar etika tetapi lebih daripada itu, iaitu wujudnya kepatuhan kepada dasar negara yang bermakna meningkatkan kesejahteraan masyarakat sama ada lahir mahupun batin tanpa memandangkan etnik, agama dan asal anggota masyarakat yang meliputi bidang-bidang berikut ini:

- a. Ekonomi : memberikan bantuan kepada masyarakat wang untuk dijadikan modal usaha, memberikan pendidikan keterampilan sehingga ia membuka usaha dengan ilmu yang diperolehnya atau bekerja dengan menggunakan keterampilannya itu. Sehingga ia dapat menyara diri sendiri tidak menggantungkan hidupnya kepada mana-mana pihak.
- b. Pendidikan : meningkatkan kualiti pendidikan masyarakat di sekitar korporat sehingga ia boleh jadi tuan di negeri sendiri sebab selama ini sangat sedikit anak tempatan diterima bekerja di korporat yang membuka usaha di daerah mereka

kerana kualiti pendidikan yang dipunyai anak tempatan sangat rendah. Mereka mudah terpinggirkan oleh para pendatang yang memiliki kualiti pendidikan yang tinggi serta mempunyai kepakaran di pelbagai bidang (Salim, 2009). Jadi program tanggungjawab sosial korporat di bidang pendidikan perlu dilakukan untuk membantu masyarakat keluar dari keterbelakangan dan kemiskinan. Program tanggungjawab sosial korporat di bidang pendidikan merangkumi memberikan biasiswa kepada pelajar yang ibu bapanya miskin, mendidik anak untuk tidak bekerja tetapi membina perniagaan secara bersendirian, membina rumah ibadah dan bangunan sekolah membantu alat untuk belajar sehingga dapat meningkatkan kapasiti masyarakat. Bantuan dalam bidang pendidikan sebagai sebuah proses kegiatan yang bertujuan mencegah pelbagai keadaan yang boleh menghalang kepercayaan diri inividu serta kapasiti individu dan masyarakat (Edi, 2010).

- c. Kesihatan : Di bidang kesihatan, program tanggungjawab sosial korporat dilakukan untuk turut serta menjaga kesihatan masyarakat dengan membantu kaunseling kesihatan dan menyediakan ubat-ubatan bagi masyarakat yang jauh dari pusat kesihatan yang ada.

Sehingga korporat boleh menjalankan aktivitinya tanpa ada hambatan, supaya pembangunan ekonomi berterusan boleh berlaku.

Selari itu kesejahteraan masyarakat wujudnya keadaan yang damai, merupakan suatu keadaan yang mempunyai keserasian antara kepatuhan dan ketenteraman (Soekanto, 1987). Oleh itu, korporat tidak lagi sebagai entiti yang mementingkan diri

sendiri dalam pengasingan dan/atau terkeluar dari persekitaran masyarakat, melainkan sebuah entiti badan undang-undang (*Legal person/rechtperson*) yang melakukan penyesuaian sosial budaya dengan persekitaran tempat korporat melakukan pelbagai aktiviti serta boleh bertanggungjawab atau dipertanggungjawabkan mengikut subjek undang-undang (Busyra, 2011).

Seperti yang dinukilkan oleh Dody Prayogo, sekurang-kurangnya terdapat tiga nilai utama dalam etika perniagaan yang perlu dikedepankan dalam amalan sebuah korporat, yakni keadilan (*justice*), pengedaran hasil dan penyamaan (*equality*), dan kemampanan (*sustainable*) (Dody, 2011). Keadaan ini diharapkan agar masalah kemiskinan, gangguan kesihatan, rendahnya kualiti pendidikan boleh dikurangkan. Selanjutnya Rizky (2011) juga menyatakan bahawa korporat tidak hanya wajib melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat, tetapi juga wajib untuk melakukan introspeksi diri atas amalan perniagaan yang mereka lakukan.

Sesuatu yang perlu difahami bahawa tanpa keseimbangan dan pemenuhan keperluan daripada pelbagai pihak yang berkaitan tersebut (*stakeholder*), korporat tidak akan berumur lama (A. Prasetyantoko, 2008). Apabila korporat berumur lama, maka pihak-pihak yang berkaitan (*stakeholder*) akan memperoleh keuntungan secara ekonomi terutama masyarakat yang bermastautin di sekitar korporat.

Selama ini pembangunan yang dilaksanakan tidak banyak memberikan faedah bagi masyarakat awam. Masalah ekonomi, tidak boleh diserahkan sepenuhnya kepada ahli

perniagaan sahaja seperti yang dianuti oleh fahaman liberal. Fahaman masyarakat liberal menggunakan semboyan *laissez fair laissez passer*, yang bermakna biarkanlah semua berjalan sendiri secara bebas. Mengikut fahaman ini, ekonomi tidak boleh dicampuri oleh negara. Pengurangan bahkan menghapuskan sama sekali campur tangan kerajaan di bidang ekonomi dan perniagaan adalah tidak mungkin. Bagi negara, matlamat undang-undang adalah mewujudkan masyarakat yang sejahtera. Oleh itu, kerajaan akan sentiasa ikut serta untuk campur tangan dalam bidang kesejahteraan masyarakat, sama ada secara kebendaan mahupun bukan kebendaan dalam erti yang luas (Sihombing, 1990).

Tanggungjawab sosial korporat, sebagaimana yang dinyatakan oleh mantan Naib Presiden Boediono, tidak hanya dengan cara membahagikan keperluan sehari-hari, seperti beras, minyak masak dan lain sebagainya (dikenali dengan istilah “sembako” (Sembilan bahan pokok utama). Membahagikan sembako adalah hal yang baik, namun dipandang tidak mencukupi sebagai program tanggungjawab sosial korporat (*Indonesia News Letter*, 2010). Program tanggungjawab sosial korporat boleh membina komunikasi yang berkesan dan hubungan yang mesra antara korporat dan masyarakat di sekitar kawasan korporat (Muh Arief, 2009).

Setiap aktiviti yang diadakan, masyarakat biasanya meminta bantuan kewangan korporat. Jika tidak dibantu, masyarakat akan mengganggu kewujudan korporat. Jika dibantu dan terlalu sering, tentu akan membahayakan kewangan korporat. Dengan perkataan lain, akan mengakibatkan kerugian bagi korporat.

Jadi sebagai jalan keluarnya, kesejahteraan masyarakat perlu dipertingkatkan. Sehubungan dengan itu tidak boleh bantuan yang diberikan bersifat sementara sahaja, misalnya bantuan berupa makanan atau bantuan lain yang bersifat konsumtif. Bantuan tersebut akan habis begitu sahaja, kerana digunakan oleh penerima bantuan. Oleh kerana itu, bantuan yang diberikan harus berbentuk pendidikan kemahiran dan modal yang dipinjamkan disertai dengan pembinaan pengurusan dan sebagainya. Pendidikan bagi para pelajar sekolah juga perlu mendapat perhatian kerana pendidikan dan kemahiran dapat meningkatkan kualiti sumber daya manusia.

Dengan tersedianya sumber daya manusia yang cukup, pembangunan dapat berjalan secara berkesan. Sehingga masyarakat yang sejahtera dapat terwujud. Seperti yang dikatakan di atas bantuan bukan “ikan” melainkan “pancing” untuk mencari “ikan” yang disertai “kemahiran mencari ikan” dan menguruskan hasil mencari ikan. Pelaksanaan pemberian bantuan juga harus sentiasa dikawal, sehingga digunakan secara tepat. Sehingga bantuan yang diberikan dapat dipertanggungjawabkan. Dengan adanya kemahiran yang dimiliki masyarakat, dapat menggunakan kemahiran itu untuk menyara diri dan keluarganya. Bantuan seperti ini dapat meningkat ekonomi masyarakat secara berterusan (*sustainable economics*) sehingga kemakmuran boleh dicapai.

Dengan dilaksanakannya tanggungjawab sosial korporat, bermakna korporat telah menghormati dan menghargai Hak Asasi Manusia (HAM) yang merupakan hak dari masyarakat di persekitaran kawasan operasi syarikat. Sebagaimana yang dinyatakan

dalam Undang-Undang Nomor 39 Tahun 1999 mengenai Hak Asasi Manusia bawahwa Hak Asasi Manusia adalah sekumpulan hak yang melekat pada hakikat dan keberadaan manusia sebagai makhluk Tuhan Yang Maha Esa dan merupakan anugerah Allah yang wajib dihormati, dijunjung tinggi, dan dilindungi oleh undang-undang, kerajaan, dan setiap orang demi kehormatan serta perlindungan harkat dan martabat manusia.

Hak Asasi Manusia (HAM), adalah hak yang penting dan asasi sebagai pemberian Tuhan pada ketika kelahiran yang diperlukan untuk menjaga harkat dan martabat kemanusiaan (Hamadi, 2007). Jadi dari sudut Hak Asasi Manusia yang perlu diperhatikan sebagai tanggungjawab sosial korporat, iaitu hak sebagaimana yang disebutkan dalam Undang-undang Dasar (Perlembagaan) bawahwa setiap orang berhak untuk hidup dan mempertahankan kehidupannya yang mencakupi :

1. Setiap orang berhak mendapat pendidikan dan memperoleh faedah daripada ilmu pengetahuan dan teknologi, seni dan budaya demi meningkatkan kualiti hidupnya dan demi kesejahteraan umat manusia;
2. Setiap orang berhak memperoleh perlindungan undang-undang,
3. Setiap orang berhak untuk bekerja serta mendapat upah dan perlakuan yang adil dan layak dalam hubungan kerja,
4. Setiap orang bebas memeluk agama dan beribadat mengikut agamanya,
5. Setiap orang berhak untuk bergabung dalam serikat, berkumpul dan menyampaikan pendapat /gagasan dan sikap sesuai dengan hati nuraninya
6. Setiap orang berhak hidup sejahtera zahir dan batin, memiliki tempat bermastautin, dan memperoleh persekitaran yang baik dan sihat serta berhak memperoleh perkhidmatan kesihatan,
7. Setiap orang berhak untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat,
8. Setiap orang berhak mempunyai hak milik dan mendapat perlindungan atas hak milik tersebut,
9. Setiap orang berhak atas jaminan sosial yang membolehkan pembangunan dirinya secara utuh sebagai manusia yang bermaruah,
10. Setiap orang berhak menikmati alam sekitar yang bersih dan sihat.

Sehubungan dengan itu, hak-hak ekonomi, sosial dan budaya yang dikenakan oleh undang-undang kepada korporat yang disebut dengan tanggungjawab sosial korporat.

2.7 Teori Tanggungjawab Sosial Syarikat

Walaubagaimanapun dalam sebuah perniagaan keberadaan korporat tidak dapat berdiri untuk kepentingannya sendiri namun juga perlu memperhatikan kepentingan masyarakat (Chariri, 2007:409). Menurut Kouhy dan Adam (1994, p.35) bahwa kelangsungan hidup sebuah perusahaan tergantung daripada dukungan *stakeholder* sehingga aktivitas korporat adalah mencari dukungan tersebut. Jadi korporat mempunyai tanggungjawab terhadap orang disekitarnya (*stakeholder*), guna menjaga wang dan kekayaan milik korporat (milik ahlinya) (Morse, 1983). Korporat mempunyai kewajiban untuk mencapai dan memaksimumkan keuntungan serta pulangan kewangan daripada pemegang saham yang selaras (Carroll, 2008).

Tanggungjawab korporat tersebut merangkumi:

1. Tanggungjawab kepada pekerja untuk membayar gaji serta tunjangan kesihatan (Samsudin, 2006)
2. Tanggungjawab kepada kerajaan membayar cukai (Samsudin, 2006)
3. Korporat bertanggungjawab terhadap kesalahan yang dilakukannya (Kelsen, 2009).
4. Bertanggungjawab terhadap masalah-masalah sosial dan persekitarannya.

Dalam kajian ini tanggungjawab korporat adalah bentuk tanggungjawab yang keempat, iaitu sebagai anggota masyarakat korporat harus membina hubungan dan

diwajibkan melakukan dan sudah sepatutnya bertanggungjawab secara sosial kepada pemegang taruhnya.

Selama ini tidak ada asas yang boleh digunakan untuk menentukan korporat bertanggungjawab secara sosial. Sehingga tiada teori yang boleh digunakan untuk mewajibkan korporat untuk melaksanakan tanggungjawab sosial. Selari dengan diwajibkannya korporat melaksanakan tanggungjawab sosial maka teori yang digunakan dalam kajian ini adalah :

2.7.1 Stakeholder Theory

Sebagaimana disebutkan di atas bahawa dalam menjalankan aktivitinya korporat berhubungan dengan banyak pihak supaya memperolehi kehidupan yang kekal. Selari itu Lesmana (2011) mengatakan bahawa tanggungjawab sosial korporat merupakan amalan yang berkaitan dengan pihak pemegang taruh (*Stakeholder*). *Stakeholder theory* mengajarkan bahawa ada hubungkait antara korporat dengan pihak lain dan dilakukan secara berterusan (Mc Willem, 2010). Dalam *stakeholder theory* dikatakan bahawa korporat berusaha setiap tindakan yang dilakukannya harus membawa manfaat bagi *stakeholder* (pemegang taruh) dan memberikan keuntungan bagi korporat berkenaan dan meringankan beban kerajaan. Menurut teori ini majunya usaha sebuah korporat banyak dipengaruhi oleh pemegang taruh.

Teori *stakeholder* menyatakan bahwa seluruh pemegang taruh memiliki hak untuk disediakan maklumat tentang cara aktiviti organisasi mempengaruhi mereka (sebagai

contoh, melalui pelaporan polusi, *sponsorship*, inisiatif pegamanan, dan lain-lain), walaupun mereka tidak selalu menggunakan maklumat tersebut (Degaan,2004). Hal ini berkaitan dengan kerosakan yang diakibatkan oleh aktiviti yang dilakukan oleh korporat.

Sebaliknya teori pemegang taruh berguna untuk mempengaruhi orang yang berhubung kait dengan peningkatkan citra korporat dalam mencapai keuntungan yang akan diperoleh. Melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial, korporat dapat menjalin hubungan sosial yang lebih baik dan dapat diterima oleh masyarakat serta akan timbul rasa memiliki oleh masyarakat akibatnya terbina hubungan baik yang menguntungkan bagi korporat (Keraf, 1998).

2.7.2 Teori kontrak sosial

Teori kontrak sosial dikembangkan oleh Kenneth Arrow tahun 1960. Mengikut teori kontrak sosial, korporat mempunyai tanggungjawab untuk menghormati hak-hak moral dari pelbagai pihak yang berkepentingan daripada korporat (Hartman dan Desjardins, 2008). Siwar dan Hossain (2009) dalam Ahlam (2010) mengatakan perniagaan harus dibina sebagai sebuah lembaga sosial dan harus ikut serta dengan susunan masyarakat sebagaimana sebuah keluarga.

Berdasarkan huraian di atas maka, Kontrak bererti berjanji. Komitmen ertinya kewajipan atau boleh juga disebut janji. Tanggungjawab sosial korporat adalah komitmen korporat, maknanya korporat berjanji untuk melaksanakan tanggungjawab

sosial. Menurut Seksyen 1338 Kitab Undang-Undang Hukum Perdata setiap janji yang dibuat secara syah berlaku sebagai undang-undang bagi yang membuatnya dan tidak dapat ditarik kembali.

Mengikut Seksyen 1338 Kitab Undang-Undang Hukum Perdata di atas, maka komitmen menjadi hukum bagi yang mengucapkannya. Ertinya apabila tidak dilaksanakan oleh yang bersangkutan maka ia disebut ingkar janji sehingga kepadanya dapat dikenakan hukuman.

Metode kontrak sosial ini pernah digunakan oleh pemilik Pasar Raya Solo Paragon di Surakarta. Semasa mendirikan pasar raya, banyak mendapat halangan daripada masyarakat, sehingga pembangunan Pasar Raya Solo Paragon terhambat. Supaya kerja pembinaan bangunan Pasar Raya berjalan lancar, maka pengurusan melakukan mesyuarat dengan menjanjikan kepada masyarakat bahawa akan dilakukan tanggungjawab sosial apabila bila Pasar Raya sudah beroperasi. Setelah pernyataan dibuat, semenjak itu tidak ada lagi gangguan dari masyarakat sehingga korporat memperoleh *licence to operate* (Yeni et al, 2014).

2.7.3 Fiduciary Theory

Fiduciary theory berasal dari *Fiduciary capitalism* yang dikembangkan oleh Friedman yang mengatakan bahawa idea perniagaan untuk memperoleh keuntungan tidak murni berdasarkan keagamaan dan tidak pula sepenuhnya sosialis, sebenarnya didasarkan pada masyarakat yang bebas (Mele, 2006). Pendekatan itu yang disebut

fiduciary capitalism. Teori ini berasal dari faham falsafah *Catholik Social Teaching* (CST) yang mengajarkan bahawa ada pembatasan penting terhadap perniagaan iaitu, dipisahkan secara radikal antara tujuan asas perniagaan dan tanggungjawab sosial. Perniagaan tidak boleh mengabaikan impak sosial bahawa hal itu adalah risiko perniagaan, dengan alasan bahawa impak sosial adalah risiko dan sekaligus sebagai penyokong untuk mempertingkatkan nama baik korporat.

Teori ini muncul semenjak wujudnya pemilik korporat sebagai prinsip menyerahkan pengurusan korporat kepada orang lain yang bukan pemegang saham, iaitu seorang pengurus atau ketua korporat yang ditunjuk sebagai ejen korporat. Di sini pengurus menerima kuasa (*fiduciari*) daripada pemilik korporat untuk mengurus korporat berdasarkan asas kepercayaan. Menurut undang-undang, *fiduciary duties* adalah tugas melakukan segala tindakan untuk memenuhi kepentingan korporat, pemilik dan keperluan masyarakat setempat. Tugas mewujudkan tujuan sebuah korporat terletak ditangan ejen korporat. Ejen korporat disebut dengan sebutan eksekutif atau pemimpin korporat. Pemimpin bertugas untuk menggerakkan orang lain dengan memimpin, membimbing, mempengaruhi orang lain, untuk melakukan sesuatu (perniagaan) agar tercapai hasil (keuntungan) yang diharapkan (Sutrisno, 2009). Jadi ketua korporat memegang peranan penting dalam mencapai tujuan korporat. Oleh itu yang mengadakan hubungan dengan *stakeholder* adalah pimpinan korporat. Demikian juga membuat janji-janji (kontrak) atas nama korporat dengan pihak lain. Hal tersebut boleh difahami dari Jadual 2.1 di bawah ini.

Jadual 2.1 Teori-Teori Untuk Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat

Sifat/ Sudut Pandang

Bil	Pengarang	(Teori)	Hujahan
1	Kenneth Arrow (1960)	Teori kontrak	Tanggungjawab sosial untuk menghormati hak-hak moral pemegang taruh, masyarakat korporat bahagian dari masyarakat. Korporat harus memperhatikan undang-undang, etika adat setempat, berdasarkan demokrasi, hak asasi manusia.
2	Friedmann (1971)	<i>Fiduciary</i> Kapitalis teori	Pentadbiran korporat dilakukan oleh pengurusi yang diberi kuasa pemegang saham, tanggungjawab sosial sebagai kepentingan sosial, politik, kerjaya.
3	Friedmann (1970)	Teori agensi	Pengerusi korporat tidak saja memberikan kepuasan kepada pemegang saham, tetapi juga kepada stakeholder yang terdiri dari pekerja, pelanggan, pembekal dan masyarakat
4	Freeman (1984)	<i>Stakeholder theory</i>	Tanggungjawab sosial korporat, perkhidmatan pembayaran urus niaga, ekonomi, korporat
5	Donaldson,Davis (1990, 1993)	<i>Stewardship Theory</i>	

Sumber : Munir Fuadi (2009)

2.8 Kesimpulan

Tanggungjawab sosial korporat sebagai alat untuk membaiki hubungan antara korporat dengan masyarakat, sudah lama dilakukan bermula dari zaman Raja Hammurabi dahulu sampai ke lembaga Bangsa Bangsa Bersambung terus ke

berbagai kerajaan di dunia dan masih berlanjut sampai setakat ini. Bantuan yang diberikan disesuaikan dengan perkembangan tamadun yang berlaku daripada setiap masa. Walau bagaimanapun bentuk pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat setakat ini belum mencapai kata sepakat antara para pakar, kerajaan mahupun korporat sendiri. Namun demikian tujuannya tetap sahaja untuk mengamankan usaha korporat, memperoleh keuntungan dengan membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Oleh itu teori yang digunakan iaitu *Stakeholder Theory*, *Contract social theory*, *Fiduciary theory*. Teori-teori ini ketua korporat yang menggunakannya. Sebab ketua korporat orang yang diberi kuasa oleh pemilik untuk menjalanya usaha korporat. Ejen dengan berpedoman pada undang-undang, mempelajari dan memahami kebiasaan dan keperluan yang berlaku dalam masyarakat. Dari pemahaman itu kemudian ejen korporat menentukan program apa yang akan dilakukannya, kemudian melaksanakannya secara berterusan sehingga timbul hubungan yang kekal antara korporat dengan masyarakat.

BAB TIGA

METODOLOGI KAJIAN

3.1 Pengenalan

Dalam bab ini, dibincangkan langkah-langkah yang dilakukan dalam usaha mencapai matlamat kajian. Kajian ini dilakukan menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif dengan menggunakan data sekunder yang diperolehi daripada Internet, akhbar-akhbar, majalah, dan beberapa jurnal. Setelah data diperolehi, dilanjutkan pemerosesan data menurut model yang dikemukakan oleh Miles dan Huberman (2007), iaitu setelah pengumpulan data, maka data tersebut ditapis. Hasil tapisan yang bersih dilakukan penampilan data (*display data*) sedangkan yang tidak berkenaan dibuang (*direduksi*) kemudian dibuatkan kesimpulan.

3.2 Kaedah

Kaedah yang dipakai dalam kajian ini adalah kaedah kajian kualitatif. Kajian kualitatif menurut pemahaman Creswell (2007) bahawa “Penelitian kualitatif adalah sebuah proses penyelidikan untuk mendapat pemahaman berdasarkan pada perbezaan tradisi kaedah penelitian untuk mengeksplorasi masalah sosial atau kemanusiaan. Pengkaji membangun gambaran holistik, mengenai impak pelaksanaan tanggungjawab sosial terhadap kesejahteraan maasyarakat.

Kajian kualitatif berguna untuk menselaraskan, mengenal pasti, meneroka cara kerja, gambaran serta pemahaman korporat terhadap tanggungjawab sosial yang diwajibkan kepadanya serta melihat bentuk bantuan yang diberikan kepada masyarakat. Oleh itu kajian ini adalah untuk mengetahui implikasi pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat, terhadap peningkatan kesejahteraan masyarakat.

Selanjutnya mengenai apakah peraturan perundang-undangan yang ada, sudah dilaksanakan secara sedar oleh para korporat. Di samping itu juga dilihat sama ada apakah undang-undang memainkan peranan terhadap pembangunan ekonomi. Selain itu pula dalam kajian ini ingin mengetahui bentuk-bentuk tanggungjawab sosial korporat sebagai teroka baru yang sesuai dengan keperluan masyarakat. Dalam pembahasan kajian, digunakan teori pihak berkepentingan (*stakeholder theory*), teori kontrak sosial dan *fiduciary duty*. Teori ini digunakan kerana kemajuan sebuah organisasi ditentukan oleh komitmen tadbir urus yang baik berhubungan dengan dalaman dan luaran *stakeholder*.

3.3 Pemberi Maklumat

Kajian ini dilakukan ke atas data primer, sekunder dan tertier dan juga pengamatan oleh kerana itu data dalam kajian diperoleh daripada pemberi maklumat:

3.3.1 Data Primer

Data primer adalah data yang diperoleh dengan cara turun langsung ke padang dan melakukan temu bual secara bersemuka dengan pemberi maklumat. Dalam

pengumpulan data ini pemberi maklumatnya ditunjuk secara purposive sampling.

Pemberi maklumat (informan) disini terdiri dari dua kumpulan iaitu:

- a. Informan-informan (pemberi maklumat) yang berasal dari ketua korporat. Informan dari ketua korporat ini dipilih berdasarkan kepada korporat yang pernah memberikan bantuan tanggungjawab sosial kemasyarakatan dimaklumangkan di akbar yang ada di Pekanbaru.

Korporat tersebut di atas berjumlah 5 buah iaitu PT. Bumi Siak Pusako, PT. Kalila, PT. Bangun Tenara, PT. Perkebunan Nusantara V, PT. Riau Andalan Pulp dan Paper (Korporat dua terakhir juga termasuk dalam kelompok sekunder) dan 1 Universiti, iaitu Universiti Islam Riau jadi pemberi maklumatnya berjumlah 6 orang. Sedangkan Universiti Islam Riau, dijadikan pemberi maklumat kerana menurut Undang-Undang Pendidikan Nomor 12 Tahun 2012 Perguruan Tinggi harus melaksanakan pengabdian kepada masyarakat. Pengabdian tersebut adalah untuk mengembangkan ilmu yang bersifat teoritikal menjadi praktikal. Pengabdian itu diberikan dalam bentuk pelatihan, ceramah. Selain itu Universiti Islam Riau dipilih jadi responden kerana memberikan biasiswa kepada beberapa orang mahasiswa yang dimasukkan ke dalam pengabdian kepada masyarakat. Jadi pengabdian masyarakat termasuk ke dalam tanggungjawab sosial korporat.

- b. Informan dari masyarakat dipilih berdasarkan kepada ketua-ketua kampung, pemuka masyarakat yang berasal Universiti, anggota masyarakat yang dianggap mengetahui tentang tanggung jawab sosial korporat, pelajar universiti dan orang-

orang yang pengkaji ketahui pernah mendapat bantuan. Jumlah informan dari masyarakat 5 orang setiap 1 (satu) korporat. Korporat ada 6 sehingga jumlahnya 30 orang. Jumlah kedua kumpulan informan ini adalah 36 orang.

3.3.2 Data sekunder

Data sekunder adalah data yang diperoleh dari Internet, akbar dan jurnal. Pada kajian ini data sekunder ini terbagi dalam:

a. Data korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat di Provinsi Riau. Korporat disini sama ada korporat milik kerajaan mahupun korporat milik swasta. Pencaharian data dari Internet dilakukan dengan cara melayari laman internet. Hasil melayari laman internet diperoleh 200 buah korporat yang menjalankan usaha di Provinsi Riau. Dari jumlah tersebut dilakukan penapisan agar memperoleh data dan maklumat mengenai korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial. Keadaan ini berlaku kerana (1) Menurut Undang-Undang Perseroan hanyalah korporat yang berbentuk Perseroan Terbatas (PT) sahaja yang diwajibkan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat; (2) Terdapat pula korporat yang sudah tidak mempunyai aktiviti lagi tetapi namanya masih dapat ditemui di internet ; (c) Ada korporat daripada jumlah 200 itu yang beribu pejabat di Jakarta dan tidak mempunyai cawangan di Riau oleh karena itu tidak dijadikan sampel.

Selepas melakukan penapisan maka diperolehi 82 yang terpilih sebagai sumber data. Walau bagaimanapun dari 82 korporat tersebut, hanya 22 sahaja yang benar-benar melaksanakan tanggungjawab sosial korporat, sisanya 60 buah korporat tidak

melaksanakannya. Hal ini bermaksud bahawa yang menjadi sampel dalam penyelidikan ini terhad pada 22 korporat sahaja. Selanjutnya korporat tersebut dikelompokkan ke dalam kepunyaan negara, korporat kepunyaan kerajaan Daerah (kerajaan negeri) dan korporat swasta yang beroperasi dalam bidang perlombongan, perladangan dan industri, perbankan, dan perdagangan. Korporat-korporat tersebut dapat dilihat pada lampiran (Dekapekanbaru, 2009).

Dalam pengumpulan data korporat tersebut hanya dikelompokan kepada korporat milik negara dan korporat milik swasta, kerana kedua kelompok korporat ini tunduk kepada undang-undang yang berbeda. Korporat milik negara diatur oleh Undang-Undang Nomor 19 Tahun 2003 Tentang Badan Usaha Milik Negara (BUMN). Menurut Seksyen 88 Perkara (1) Undang-Undang Nomor 19 Tahun 2003 menyatakan bahawa BUMN dapat menyisihkan sebahagian keuntungan bersihnya untuk keperluan pembinaan usaha kecil/ koperasi serta pembinaan masyarakat di persekitaran syarikat BUMN. Selari itu oleh Menteri Negara Badan Usaha Milik Negara dikeluarkan Peraturan Menteri Nombor PER-05/MBU/2007 mengenai bidang-bidang tanggungjawab sosial korporat yang akan dilaksanakan oleh korporat milik negara sebagai berikut:

1. Pembinaan Peniaga Kecil dan Koperasi
2. Bantuan langsung (BL) yang merangkumi;
 - a. Bantuan korban bencana alam;
 - b. Bantuan pendidikan dan/atau pelatihan;
 - c. Bantuan peningkatan kesihatan;
 - d. Bantuan pengembangan prasarana dan atau sarana umum (infrastruktur);
 - e. Bantuan sarana ibadah;
 - f. Bantuan pelestarian alam sekitar;

Sedangkan korporat milik swasta hanya dikatakan dalam Seksyen 74 Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 mengatakan bahawa korporat yang berusaha dalam sumber daya alam wajib melaksanakan tanggungjawab sosial terhadap masyarakat dan pemeliharaan alam sekitar. Bebas menentukan bentuk bantuan yang akan diberikannya. Korporat milik negara wajib membuat laporan setiap tanggungjawab sosial yang dilakukannya.

Korporat yang dijadikan sumber data sama ada primer atau sekunder adalah korporat yang ditentukan mengikut Keputusan Menteri Perindustrian dan Perdagangan Republik Indonesia No. 591/MPP/Kep/10/1999 adalah korporat yang mempunyai modal distor dan asset bersih seluruhnya lebih daripada Rp 500,000,000, tidak termasuk tanah dan tempat perniagaan.

Manakala Korporat kecil hanya satu sahaja iaitu, korporat pabrik kelapa sawit (PKS).

Korporat ini adalah korporat yang memproses biji sawit menjadi minyak sawit. Biji sawit tersebut diperoleh korporat dengan cara membeli sawit yang ditanam masyarakat dan juga berasal dari ladang yang ditanam sendiri oleh korporat yang berkenaan.

Korporat-korporat yang 22 buah tersebut sebagaimana dalam jadual di bawah ini.

Jadual 3.1: Senarai Korporat yang Melaksanakan Tanggungjawab Sosial

No	Nama Korporat	Bidang Usaha	Alamat
1	PT. Adira	Perniagaan /Kewangan	Jalan Sudirman Pekanbaru
2	PT. Angkasa Pura	Pengurusan lapangan terbang	Jl. Perhubungan Udara, Pekanbaru Riau, Indonesia
3	PT. BNI Syariah	Bank	Riau Kantor Cabang Pekanbaru Jalan Jenderal Sudirman
4	PT. BRI	Bank	Jl. Jend. Sudirman
5	PT. BRI Syariah	Bank	Jl. Arifin Ahmad
6	PT. Bank Mandiri	Bank	Jl. Jend. Sudirman
7	PT. Bank Riau Kepri	Bank	Jl. Jend. Sudirman
8	PT. Chevron	Pertambangan Minyak	Rumbai Pekanbaru
9	PT. Astra Daihatsu Motor	Automotif	Jalan Sudirman Pekanbaru
10	PT. Energi Mega Persada Malaca Strait SA,	Pertambangan	Selat Panjang Riau Indonesia
11	PT. IKPP	Kilang kertas	Pengkalan Kerinci Kabupaten Pelalawan
12	PT. Indoritel Makmur Internasional	Peruncitan	-
13	PT. Jamsostek	Insurans Kesihatan	Jl. Kuantan Pekanbaru
14	PT. Jasa Raharja (Persero)	Isuransi nyawa kecelakaan Lalu lintas	Jl. Jend. Sudirman
15	PT. Pegadaian (Persero) Kanwil II Provinsi Riau	Kewangan	Jl. Jend. Sudirman
16	PT. Pertamina	Pertambangan Minyak	Sungai Duku Pekanbaru Riau
17	PT. Perkebunan Nusantara V	Perlادangan	Jl. Rambutan
18	PT. RAPP	Industri Kertas	Pangkalan Kerinci Kabupaten Pelalawan
19	PT. Semen Padang	Industri Semen	Dumai Riau Indonesia
20	PT. Telkom	Komunikasi	-
21	PT. Telkomsel	Komunikasi	Jl. Arifin Ahmad
22	PT. XL Axiata Tbk	Komunikasi	-

Sumber: Jadual di atas diolah dari maklumat yang didapat dari Internet yang diunggah bulan Pebruari tanggal 25 tahun 2012.

b. Data Mengenai Sejarah Korporat.

Sejarah korporat perlu dikemukakan semula, kerana kajian ini bertumpu kepada tanggungjawab sosial yang dilaksanakan oleh korporat. Bila searahnya tidak diketahui sukar mengetahui kesedaran korporat mahu menunaikan kewajiban yang dibebankan kepadanya. Selari itu boleh diketahui pemiliknya guna kultur pengurusan korporat dan dihubungkan dengan kepatuhan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dan bentuk bantuan yang diberikannya. Oleh itu data mengenai sejarah korporat ini merangkumi awal berdiri, pemegang saham dan bidang usaha yang dilakukannya.

c. Data mengenai Bentuk Tanggungjawab sosial korporat yang dilakukan oleh korporat di Provinsi Riau merangkumi :

1. Pembinaan Peniaga Kecil dan Koperasi

2. Bantuan langsung (BL) yang merangkumi;

- a. Bantuan korban bencana alam;
- b. Bantuan pendidikan dan/atau pelatihan;
- c. Bantuan peningkatan kesihatan;
- d. Bantuan pengembangan prasarana dan atau sarana umum (infrastruktur);
- e. Bantuan sarana ibadah;
- f. Bantuan pelestarian alam sekitar;

d. Data yang berasal dari akbar, journal, dan laporan, buletin yang dikeluarkan korporat.

Pengkajian terhadap data yang berasal akbar, journal, dan laporan, buletin yang dikeluarkan oleh korporat mengenai maklumat pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat, komen-komen terhadap bantuan yang diberikan.

3.3.3. Data tertier

1. Undang-Undang Nomor 23 Tahun 1992 Tentang Kesihatan.
2. Undang-Undang Nomor 23 Tahun 1999 Tentang Hak Asasi Manusia.
3. Undang-Undang Nomor 32 Tahun 1999 Tentang Tata Lingkungan,
4. Undang-Undang Nomor 19 Tahun 2003 Tentang Badan Usaha Milik Negara
5. Undang-Undang Nomor 32 Tahun 2004 Tentang Pemerintahan Daerah,
6. Undang-Undang Nomor 25 Tahun 2007 Tentang Penanaman Modal,
7. Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 Tentang Perseroan Terbatas,
8. Undang-Undang Nomor 20 Tahun 2008 Tentang Usaha Mikro, Kecil, dan Menengah,
9. Undang-Undang Nombor 4 Tahun 2009 Tentang Pertambangan Mineral dan Batubara,
10. Undang-Undang Nomor 25 Tahun 2009 Tentang Pelayanan Publik,
11. Undang-Undang Nomor 11 Tahun 2011 Tentang Kesejahteraan Sosial,
12. Dan peraturan pemerintah lainnya yang kesemuanya berhubungan dengan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat.

3.3.4. Data Pemerhatian

Pemerhatian pengkaji gunakan sebagai pembuktian atau triangulasi atas kebenaran data primer dan sekunder. Di sini pengkaji melihat bentuk bantuan yang diberikan, kemudian peneliti melihat prilaku yang melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dan bagaimana pula sikap masyarakat melihat bantuan yang diberikan.

3.4 Jenis Data

Kajian ini menggunakan data primer dan data sekunder dan data tertier (ketiga) serta pengamatan. Data primer, diperoleh dari pimpinan korporat merangkumi mengenai bentuk bantuan yang diberikan oleh korporat ke masyarakat, sumber kewangannya dari mana, bagaimana cara menentukan pemberian bantuan dan kepada siapa bantuan diberikan. Data primer yang berasal dari masyarakat adalah merangkumi kebenaran bantuan yang diberikan oleh korporat dan tanggapan masyarakat terhadap bantuan yang diberikan kepadanya. Kemudian komen-komen dari para pakar keatas pelaksanaan tanggungjawab sosial. Serta pengamatan peneliti mengenai pelaksanaan dan pengaruhnya tanggungjawab sosial terhadap kesejahteraan masyarakat.

Data sekunder, berasal dari dokumen dalam bentuk, akbar, journal dan buletin yang diterbitkan oleh korporat, laporan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat, mahupun maklumat yang diperoleh dari Internet.

Data tertier (ketiga) adalah data yang diambil dari undang-undang dan peraturan-peraturan kerajaan.

Data Pengamatan adalah hasil pengamatan yang pengkaji lakukan terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh korporat.

3.5 Waktu Penelitian

Penelitian ini dilakukan dalam rentang waktu yang dimulai dari bulan Pebruari 2012 sampai Mac 2013, 2014 dan 2015.

3.6 Lokasi Kajian dan Pengutipan data

3.6.1 Lokasi Kajian

Lokasi kajian adalah seluruh kawasan korporat di mana dilaksanakannya tanggungjawab sosial korporat oleh korporat di Provinsi Riau yang meliputi Kabupaten: Pelalawan, Indragiri Hulu, Kampar, Siak, Bengkalis, Kuantan Singingi dan Bandar Pekanbaru. Peta lokasi dilampir.

3.6.2 Pengutipan Data

Pengutipan data dilakukan dengan tujuan untuk mendapatkan data (1) primer; (2) data sekunder, (3) data tertier dan data pemerhatian.

Data primer ini diperoleh dengan cara turun padang iaitu dengan melakukan temu bual secara bersemuka kepada informan yang telah ditentukan berdasarkan purposive sampling. Informan ini terdiri dari pimpinan korporat dan masyarakat. Pertama memberikan soal selidik kepada 6 orang pimpinan korporat.

Kedua, Pengkaji melakukan temu bual dan 30 orang masyarakat yang berdomisili disekitar kawasan korporat. Pengkaji melakukan temu bual secara bersemuka dengan informan yang berasal dari masyarakat dengan cara interview iaitu mengajukan

soalan-soalan kepada informan. Soal pertama disampaikan kepada informan untuk dijawab, selepas dijawap diteruskan dengan pertanyaan selanjutnya dan begitu seterusnya. Pengutipan data sekunder dilakukan dengan cara membaca dan pemerhatian, terhadap dokumen-dokumen yang dikumpulkan melalui Internet, majalah, akhbar dan sebagainya. Di sini yang dibaca adalah sejarah berdirinya korporat, siapa pemegang sahamnya, usaha yang dilakukannya, komen-komen yang diberikan ketua korporat sehubungan dengan bantuan yang diberikannya, bentuk dan cara memberikan bantuan.

Pengutipan data tertier, disini data tertier adalah undang-undang, peraturan pemerintah, peraturan mentri, peraturan pemerintah daerah. Pada data tertier ini yang dicari dan dibaca adalah seksyen-seksyen dari setiap undang-undang dan peraturan tersebut. Kemudian dijadikan asas dalam menganalisa data primer, sekunder dan pemerhatian.

Sementara itu penyelidik melakukan pemerhatian. Pemerhatian iaitu peneliti mengadakan pengamatan memperhatikan serta mendengarkan secara cermat mengenai suatu peristiwa (Moleong, 1990). Dalam hal ini yang diperhatikan adalah:

1. Melihat bantuan tanggungjawab sosial korporat yang dilakukan oleh korporat. Disini yang dilihat lokasi bantuan, keseuaian antara bantuan yang diberikan dengan keperluan masyarakat.
2. Manfaat dari bantuan yang diberikan syarikat kepada masyarakat.

3. Tanggapan Masyarakat terhadap bantuan yang diberikan. Tanggapan masyarakat pengkaji mendegarkan komen-komen yang diberikan oleh masyarakat terhadap bantuan yang diberikan oleh korporat. Dari hasil pengamatan tersebut, diperoleh gambaran tentang keadaan yang sebenar mengenai pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat secara realiti. Selain daripada itu, hasil pemerhatian dapat digunakan sebagai alat penguji dan pembanding atas pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat yang dilakukan oleh syarikat.

3.7 Alat Pengumpul Data

Alat pengumpul data iaitu menggunakan soal selidik, interview (wawancara), pemerhatian dan penyelidik sendiri adalah instrumen utama dengan melibatkan diri secara langsung di lokasi kajian dan mengkaji pelaksanaan dan meneroka impak serta strategi pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Selain itu pengkaji menggunakan komputer (laptop) untuk mengutip dari Internet.

Soal selidik digunakan untuk mengumpul data dari ketua korporat. Digunakannya soal selidik kepada ketua korporat kerana sempitnya masa yang boleh digunakannya untuk bertemu secara bersemuka dengan pengkaji. Oleh itu pengkaji mengantarkan soal selidik dalam soalan bertulis. Soalan yang ditanyakan kepada ketua korporat merangkumi, apakah sudah melaksanakan tanggungjawab sosial, alasannya apa, apakah pelaksanaannya setiap tahun, berapa jumlah dana yang dikeluarkan, apakah dilakukan setiap tahun, apa sahaja programnya, bagaimana cara menentukan pemberian bantuan.

Selari dengan itu soalan yang diminta masyarakat menjawabnya dilakukan secara bersemuka, sebab masa untuk bertemu dengan masyarakat tidak sesukar dengan ketua korporat dan lebih selesa. Temu bual dengan masyarakat dilakukan dengan wawancara, tetapi soalannya tetap dibuat bertulis.

3.8 Penganalisaan Data

3.8.1 Data Primer.

Penganalisaan yang dilakukan terhadap data primer dimulai dari mengumpulkan dan mengelompokkan jawapan yang diberikan oleh pemberi maklumat, iaitu 6 orang ketua korporat dan jawapan soal selidik dari 30 orang masyarakat sebagai pemberi maklumat. Kelompok jawapan-jawapan tersebut, iaitu ; (1) Jawaban ketua korporat yang merangkumi: bila dilakukan tanggungjawab sosial, bentuk bantuan yang diberikan, cara menentukan bantuan, penetapan kos. Bentuk bantuan tadi di kelompokan pada bidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan; (2). Jawapan dari 30 orang masyarakat yang merangkumi, iaitu: pendapat-pendapat mengenai pemahaman masyarakat terhadap pengertian tanggungjawab sosial korporat, dari mana maklumat mereka dapatkan, apa sahaja bantuan yang diberikan korporat, pendapat masyarakat terhadap bantuan tersebut dan cara mendapatkan.

Setelah itu soalan-soalan yang diajukan kepada ketua korporat dan jawapan-jawapan yang diberikan oleh ketua korporat ditulis semula dalam tesis. Awalnya ditulis soalan, kemudian dituliskan jawapannya. Kepada setiap jawapan tersebut pengkaji hubungkan antara jawapan yang satu dengan jawaban kedua dan seterusnya untuk

beberapa soalan yang bahagian yang sama. Selepas itu diberikan komen-komen yang didasarkan pada undang-undang atau pendapat pakar atau berdasarkan pemahaman pengkaji sendiri kemudian diambil kesimpulan.

Selari pula dengan hal yang sama ke atas soalan dan jawapan pemberi maklumat dari masyarakat. Pertama soalan dari soal selidik ditulis semula dalam tesis dan kemudian turut bersama jawapan yang diperoleh dari masyarakat juga dituliskan semula dalam tesis. Penulisan soal disusun mengikut nombor dari soal selidik dan turut bersama dituliskan jawapan yang diberikan pemberi maklumat. Setiap jawapan-jawapan dilakukan pemeriksaan dengan cara memahaminya, setelah itu diberikan komen-komen. Komen dilakukan dengan menghubungkan jawapan pertama dengan jawapan kedua dan seterusnya disimpulkan mengikut isu jawapan dan keadaan dalam masyarakat. Komen ke atas isu pertama dihubungkan ke atas isu berikutnya. Setelah itu dihubungkan dengan jawapan ketua korporat dan dilakukan kajian dengan menggunakan undang-undang, pendapat para pakar setelah itu diambil kesimpulan. Selari dari kesimpulan dari jawapan ketua korporat dan jawapan masyarakat ditarik lagi kesimpulan. Dari kesimpulan ini selanjutnya dihubungkan dengan kesimpulan dari data sekunder dan pemerhatian.

3.8.2 Data Sekunder

Kemudian data itu dibaca, dipelajari dan ditelaah dengan baik untuk mendapat keabsahan data (Moleong, 1990). Jadi dari hasil pemeriksaan tersebut dipilih data yang relevan sahaja. Data yang tidak relevan (direduksi) dikesampingkan sahaja.

Data tersebut juga diuji secara triangulasi, iaitu pemeriksaan keabsahan data yang diperoleh memanfaatkan sesuatu yang lain diluar data itu untuk keperluan pemeriksaan atau sebagai pembanding terhadap itu (Moleong,1990).

Setelah itu diadakan penafsiran, dan selanjutnya dilakukan narasi terhadap data tersebut, dan membandingkan antara data primeir, sekunder dan tertier. Setelah itu di uraikan dalam bentuk kalimat. Tahap berikutnya, dibandingkan berdasarkan kepada hujah para pakar yang terdapat dalam buku-buku rujukan dan pelbagai peraturan undang-undang serta hasil kajian yang dilakukan oleh penyelidik lain dan juga jurnal saintifik. Dalam pemprosesan data ini, digunakan pendekatan pihak yang berkepentingan (*stakeholder*), undang-undang dan sosiologi. Kemudian dibuat kesimpulan secara induktif.

3.9 Kesimpulan

Data yang terkumpul data sama ada data primer mahupun sekunder kemudian dilakukan kajian ke atas data tersebut. Pengakajian juga dilakukan ke atas hujah-hujah para pakar melalui pembuktian secara empirikal. Dari kajian tersebut diperolehi pengetahuan mengenai perkembangan pelaksanaan tanggungjawab sosial syarikat yang sungguh-sungguh wujud dalam masyarakat. Pendedahan sebuah kebenaran yang dilakukan melalui pengkajian secara emperikal. Dari situ diperolehi maklumat tentang konsep atau idea itu bermanfaat dan boleh diterima oleh masyarakat.

BAB EMPAT

DAPATAN DAN ANALISA DATA

4.1 Pengenalan

Bab ini membincangkan hasil kajian terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat (*Corporat Social Responsibility*) ke atas kesejahteraan masyarakat di Provinsi Riau. Data tersebut merangkumi keterlibatan korporat dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Bentuk-bentuk tanggungjawab sosial yang diberikan kepada masyarakat. Pola (*pattern*) yang digunakan dalam memberikan bantuan dan kepada siapa bantuan tersebut diberikan. Impak dari pelaksanaan tanggungjawab sosial tersebut terhadap kesejahteraan masyarakat. Dalam bab ini juga di kemukakan jawaban responden terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat.

4.2 Meneroka Penglibatan Korporat Terhadap Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat

Berhubung kait dengan penerokaan penglibatan korporat dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat boleh dilihat dari beberapa sumber iaitu:

Pertama, dapat dilayari melalui Internet iaitu 24 korporat yang dipilih sebagai sumber data. Setelah dilayari Internet hanya 22 korporat sahaja yang memaklumkan pelaksanaan tanggungjawab sosialnya. Korporat yang dua lagi satu diantaranya diperoleh data mengenai sejarah penubuhannya sahaja, sedangkan satu lagi iaitu PT. Indoritel Sukses Makmur tidak memberikan maklumat sama sekali.

Dari 22 buah korporat tersebut di atas boleh diketahui penyebab pelaksanaan tanggungjawab sosial oleh korporat melalui pernyataan pimpinan korporat semasa menyerahkan bantuannya kepada masyarakat seperti yang diuraikan dalam jadual di bawah ini.

Jadual 4.1 Perspektif Pimpinan Korporat Tentang Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat

No	Nama	Perspektif	Sumber
1	PT. Adira	Merupakan tanggungjawab dan komitmen korporat	Metrosiantar,2013
2	PT. Bank Riau	Sebagai bentuk pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat	Haloriau, 2011
3	PT. Chevron	1. Untuk meningkatkan citra korporat dimata publik dan sudah ditentukan sejak awal 2. Masyarakat mencalonkan kepada Karang Taruna	Bertuah Pos,22 Jun 2015
4	PT. Astra Daihatsu	1. Dapat membantu masyarakat 2. Peduli terhadap pendidikan	Riau Terkini,22 Jun 2015 Kedaulatan Rakyat,22 Ogost 2015
5	PT. Pegadaian	1. Bantuan ini adalah program kemitraan dari korporatnya, 2. Program pemerintah 3. Ditentukan oleh keputusan Menteri 4. Usaha yang menguntungkan bagi korporat	Indonesia Co Id,2010
	PT. Bank Mandiri	1. <u>Sebagai milik negara (BUMN)</u> <u>Mandiri,30 Nopember 2012 menyalurkan bantuan program csr.</u> 2. Merupakan kewajiban korporat 3. Kepedulian korporat	
7	PT. EMP Malaka Strait	<ul style="list-style-type: none"> Didasarkan studi sosial dijadikan program tanggung jawab sosial korporat 	Dekapekanbaru.2009
8	PT. IKPP	Sebagai bentuk tanggungjawab sosial kami Bersinergi dengan masyarakat	Annual Report IKPP.2013
9	PT. Angkasa Pura	1. Sebagai komitment dan program kemitraan korporat serahka 5 ambulan untuk Pekanbaru	108 Jakarta2014 Tribun Regional,15Mei 2013
10	PT. Indo Ritel Sukses Makmur Internasional	1. Bahagian dari tanggungjawab korporat” 2. Meningkatkan keuntungan	Riaupos,12 Jun 2014).
11	PT. BNI Syariah	1. Sebagai tanggungjawab korporat 2. sebagai bentuk kepedulian	Riauterkini.2014 antariau.2014
12	PT. Pertamina	1. Melaksanakan program pemerintah 2. Sebagai tanggungjawab dan kepedulian korporat	1. Berita Pertamina 2014 1.2

13	PT. Telkomsel	1. Sebagai bentuk implementasi dari komitmen korporasi 2. Program Kemitraan	Telkomsel 2009 Telkomsel 2011
14	PT. Jamsostek	1.Komitmen korporat, 2.Mendapatkan keuntungan	Laporan Tahunan 2012 PT Jamsostek (annual report)
15	PT. TELKOM	Merupakan program kemitraan	New Plasa Telkom,2012
16	PT. Semen Padang	Sebagai kepedulian terhadap masyarakat	Kabar CSR,2015
17	PT. RAPP	1. Merupakan kewajiban perusahaan 2. Supaya proses produksi berjalan baik,	Indonesian News,2015 Riaupulp,2014
18	PT. PN V	1. Program Kemitraan 2. Jika tidak diberikan bantuan masyarakat akan mengajukan protes 3. berdasarkan kondisi korporat	Metro terkini,(2014). .Riau-global..2015 .
19	PT. BRI	1. Tanggungjawab dan peduli korporat 2. Sebagai komitment korporat 3. Sebagai bentuk komitmen korporat	.Mediacentre (2014) Situs Riau.(2013)
20	PT. BRI Syariah	1. Korporat punya fonds sendiri 2. Merupakan kepedulian korporat	:Riauterkini (13-12 2013) http://m.raipos.co/37937-berita-htm , (13 -12- 2013).
21	PT. Jasa Raharja	• Merupakan program kemitraan	(15 Desember 2014).
22	PT. XL Axiata	• Diminta oleh masyarakat	Annual report 20 Desember 2013).

Sumber: Pelbagai report melayari internet (2012-2014).

Berdasarkan jadual yang dibentangkan di atas boleh diperoleh kefahaman bahawa faktor-faktor yang dominan mempengaruhi pimpinan korporat melaksanakan tanggungjawab sosial korporat boleh dijelaskan sebagai berikut iaitu;

Pertamanya faktor hukum; Faktor ini sebagai faktor yang paling dominan mempengaruhi korporat melaksanakan tanggungjawab sosial yang diwakili oleh 18 korporat yang menyatakan: “bahawa pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat” “dilakukan sebagai komitmen korporat”, “kerana kewajiban”, dan “ditentukan oleh kerajaan”. Kedua; faktor ekonomi dengan pernyataan bahawa “adanya kepedulian

terhadap masyarakat, dan “diharapkan pula agar masyarakat mempunyai kepedulian kepada korporat”, diwakili oleh 11 korporat.

Ketiga; adanya keinginan korporat “untuk memperoleh keuntungan yang sebesar-besarnya”, dengan “kepedulian kepada masyarakat yang kurang” Keadaan ini disokong oleh 7 korporat. Ke empat; iaitu kerana faktor “permintaan kerajaan”. Hal ini disokong oleh seramai 2 korporat sahaja. Manakala tanggungjawab sosial yang dilaksanakan “kerana berdasarkan permintaan masyarakat” seramai 5 korporat.

Selari dengan faktor-faktor dalam jadual di atas dapat diketahui bahawa korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial tidak berdasarkan kesedaran sendiri melainkan kerana diwajibkan oleh undang-undang, ini diwakili oleh 18 korporat. Korporat yang terbanyak melaksanakan tanggungjawab sosial adalah korporat milik kerajaan, iaitu sebanyak 14 korporat. Hal ini kerana kewajiban supaya korporat membuat laporan kepada menteri bahawa telah dilakukan pembinaan kepada peniaga kecil/koperasi. Korporat milik swasta tidak ada kewajiban melaporkan kegiatan perniagaannya kepada kerajaan. Sehingga 8 korporat sahaja boleh ditemui di internet yang melakukan tanggungjawab sosial. Ke 8 korporat swasta tersebut, 7 diantaranya adalah korporat multi nasional (*joint venture*) dengan peniaga asing muh melaksanakan, kerana merasa malu kalau tidak melaksanakan undang-undang. Selain itu takut kalau tidak boleh mendapat kebenaran berusaha di sini. Kemudian korporat milik pribumi, iaitu PT. EMP Malaka Strait.

Kedua, data dari korporat dan masyarakat yang langsung dijumpai pada lokasi penyelidikan bahawa motif penglibatannya dapat diketahui dengan mengajukan soalan kepada mereka. Soalan yang pertama ditujukan kepada pimpinan korporat iaitu: “Apakah korporat yang bapak pimpin sudah melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat ?.

Jawapan setiap informan dapat difahami dari hasil temu bual kepada 6 informan yang merata-rata pada enam Pimpinan korporat memberikan jawaban sebagaimana diuraikan dalam jadual di bawah ini.

Jadual 4.2 Temu Bual Dengan Pimpinan Korporat Mengenai Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat

Melaksanakan			Mengetahui kewajipan		Apakah dilaksanakan secara terus menerus		Dana	
Sudah	Belum	Tidak	Mengetahui	Ya	Tidak	Dari korporat	Dari Masyarakat	
6	-	-	6	6	-	6	-	
6	-	-	-	6	-	6	-	

Dalam Jadual 4.2, ini di atas diketahui bahawa semua responden menyatakan bahawa mereka telah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dan dananya dari korporat.

Berdasarkan jawaban tersebut di atas dapat difahami bahawa korporat telah mematuhi Seksyen 15 Undang-Undang Nomor 25 Tahun 2007 dan Seksyen 74 Undang-Undang Nombor 40 Tahun 2007. Manakala pertanyaan kedua yang ditanyakan kepada informan iaitu

”Sudah berapa lama korporat yang bapak pimpin melaksanakan tanggungjawab sosial korporat?” Pengurus korporat memberi jawapan mengenai awal pelaksanaan tanggungjawab sosial seperti mana yang diuraikan dalam jadual 4.3 berikut:

Jadual 4.3. Jawapan informan tentang awal pelaksanaan tanggungjawab sosial Syarikat.

Bilangan	Nama Korporat	Mulai Melaksanakan Tanggungjawab Sosial/Tahun
1.	Universiti Islam Riau	1962
2.	PT. Riau Andalan Paper & Pulp	1995
3.	PT. Bumi Siak Pusako (BSP)	2005.
4	PT. Kalila	2002
5	PT. Perkebunan Nusantara V (PT. PN V)	2003
6	PT. Bangun Tenera Riau	2005

Sumber: Diolah dari data primer (2013)

Jawapan informan tersebut dalam jadual 4.3. di atas disusun menurut maklumat yang paling lama melaksanakan taggungjawab sosial korporat. Dari jadual tersebut diperoleh maklumat bahawa yang lebih awal melaksanakan tanggungjawab sosial korporat adalah Universiti Islam Riau, iaitu sejak 1962. Walau bagaimanapun selepas dilakukan kajian maka didapati bahawa yang dilakukan oleh Universiti Islam Riau (UIR) selama ini bukan tanggungjawab sosial tetapi hanya melaksanakan pengabdian kepada masyarakat. Hal ini mengikut Seksyen 20 Perkara 2 Undang-Undang Sistem Pendidikan Nasional. Seksyen 20 Perkara 2 tersebut, menyatakan bahawa "Perguruan Tinggi bertanggungjawab menyelenggarakan pengajian, penyelidikan dan pengabdian kepada masyarakat". Jadi yang dimaksudkan

tanggungjawab sosial korporat bagi universiti adalah pengabdian masyarakat. Keadaan ini selari Undang-Undang Nombor 12 Tahun 2012 yang menyatakan bahawa kegiatan dari sebuah universiti diharapkan dapat berfungsi sebagai cara dan berguna untuk mengamalkan, membudayakan ilmu pengetahuan dan teknologi bagi memajukan kesejahteraan umum dan mencerdaskan kehidupan bangsa. Ianya bermaksud agar hasil pengabdian kepada masyarakat boleh digunakan sebagai pengembangan Ilmu Pengetahuan dan Teknologi, pengayaan sumber belajar, untuk pembelajaran dan kematangan sivitas akademik.

Korporat berikutnya iaitu PT. RAPP, iaitu sejak 1995. PT. Bumi Siak Pusako sejak 2005, PT. Kalila, iaitu sejak 2002. Sedangkan PT. Perkebunan Nusantara V (PT. PN V), menyatakan bahawa korporat baru melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat semenjak tahun 2003. Selanjutnya PT. Bangun Tenera Riau adalah korporat milik swasta bersaiz kecil. Korporat ini baru melaksanakan tanggungjawab sosial semenjak tahun 2009. iaitu semenjak korporat ini mulai ditubuhkan. Sebagai korporat baru dan kecil, bantuan yang diberikannya juga dalam jumlah yang kecil pula. Tanggungjawab sosial korporat yang telah dilakukan, iaitu dalam bentuk pembinaan masjid, pembinaan jalan kampung sepanjang dua (2) kilometer.

Berdasarkan jawaban di atas bahawa ada korporat yang sudah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat sejak tahun 1962. PT. RAPP tahun 1995. Pada hal di Indonesia program tanggungjawab sosial korporat diatur secara rasmi pada tahun 2007. Sementara itu pimpinan korporat dalam kajian ini menyatakan bahawa

korporatnya telah melaksanakan tanggungjawab sosial sejak 1962. Walau bagaimanapun pada masa itu yang ada adalah program *Community development* (CD). Jawaban ini memberi makna bahawa apa yang dilakukan oleh pimpinan korporat bukan tanggungjawab sosial, tetapi ianya adalah *Community Development* (CD).

Sedangkan PT. Perkebunan Nusantara V menyebutkan bahawa telah melaksanakan tanggungjawab sosial sejak tahun 2003. Korporat ini baru melaksanakan setelah ada Undang-Undang Nomor 19 Tahun 2003 Tentang Badan Usaha Milik Negara yang mewajibkan korporat milik negara melaksanakan pembinaan kepada peniaga kecil/koperasi dan masyarakat.

Dari korporat-korporat yang diberikan soal selidik bertulis, diperoleh maklumat bahawa korporat berkenaan sudah sejak zaman dahulu melaksanakan tanggungjawab sosial. Selari dengan jawapan ketua korporat berkenaan, bolehlah disimpulkan bahawa pelaksanaan tanggungjawab sosial bukan kerana diwajibkan oleh undang-undang sahaja, tetapi melibatkan diri dengan hal ehwal kehidupan sehari-hari masyarakat untuk membina hubungan baik dengan jirannya secara wajar dan bertanggungjawab.

4.3 Pengenalan Terhadap Korporat Pelaksana Tanggungjawab Sosial

Modal korporat-korporat pelaksana tanggungjawab sosial ada yang berasal dari negara, multi national dan pribumi, tentu akan memberi kesan pula terhadap penentuan program-program yang dilakukannya. Perbedaan itu wujud kerana

dipengaruhi oleh kultur (budaya) yang difahami oleh pemegang saham. Budaya yang dianut oleh seseorang tentu juga berkesan terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial dari korporat berkenaan. Selari itu pemodal berusaha mengambil hati kepada negara dan masyarakat, supaya korporatnya tidak mengalami sebarang kekangan dan boleh kekal dalam berniaga.

Oleh itu di bawah ini dihuraikan sejarah korporat berkenaan. Selari itu korporat tersebut dibahagikan kepada: Korporat Milik Kerajaan (Badan Usaha Milik Negara), Badan Usaha Milik Swasta (BUMS). Badan Usaha Milik Swasta dibagi lagi menjadi Badan Usaha Milik Asing yang dikenal juga dengan sebutan PMA (Penanaman Modal Asing). Korporat Milik Swasta dimiliki bersama korporat asing (*joint venture*) dan Badan Usaha Swasta yang seluruh modalnya dimiliki oleh Warga Negara Indonesia.

4.3.1 Badan Usaha Milik Kerajaan

Menurut undang-undang Nomor 19 Tahun 2003 Seksyen 1 (1) yang dimaksud dengan Badan Usaha Milik kerajaan (BUMN) adalah badan usaha yang seluruhnya atau sebahagian besar modalnya dimiliki oleh kerajaan melalui penyertaan secara langsung yang berasal dari kekayaan kerajaan yang dipisahkan. Badan usaha milik kerajaan yang dimaksud disini adalah Perseroan yang berbentuk Perseroan Terbatas (PT).

Korporat ini modalnya boleh seluruhnya atau sebahagian sahaja berasal dari kerajaan. Maknanya sebahagian sahaja iaitu modal milik kerajaan dalam korporat tersebut harus paling kurang 51 peratus, sisanya boleh berasal dari modal swasta nasional mahupun swasta asing.

Korporat milik kerajaan berupa Badan Usaha Milik Negara tersebut iaitu merangkumi; (1) PT. Angkasa Pura, (2) PT. BNI Syariah, (3) PT. BRI, (4) PT. BRI Syariah, (5) PT. Bank Mandiri, (6) PT. Jamsostek, (7) PT. Jasa Raharja, (8) PT. Pegadaian, (9) PT. Pertamina, (10) PT. Perkebunan Nusantara V, (11) PT. Semen Padang, (12) PT. Telkom, (13) PT. Telkomsel, dan (14), PT. Bank Riau Kepri.

Manakala Badan Usaha Milik Kerajaan (BUMN) tersebut di atas iaitu dari nombor satu sampai nombor tiga belas adalah korporat milik kerajaan pusat yang ibu pejabatnya di Jakarta sedangkan di area negeri berdiri cawangan di seluruh Indonesia termasuk di Provinsi Riau. Korporat nombor empat belas adalah korporat milik kerajaan Provinsi Riau iaitu PT. Bank Riau Kepri yang mempunyai pejabat pusat di Riau.

Korporat ini seluruh modalnya milik oleh pemerintah Provinsi Riau dan Provinsi Kepulauan Riau beribu pejabat di Pekanbaru dan juga mempunyai cawangan di daerah-daerah kabupaten yang ada di Provinsi Riau dan di Provinsi Kepulauan Riau (Kepri). Dalam memahami setiap korporat yang tergabung dalam Badan Usaha Milik Kerajaan (BUMN) sebagai korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial merangkumi ;

4.3.1.1 Angkasa Pura II. PT.

Perum Pelabuhan Udara Jakarta Cengkareng pada 19 Mei 1986 melalui Peraturan Pemerintah Nomor 20 Tahun 1984 berubah menjadi Perum Angkasa Pura II. Pada 17 Mac 1992 berdasarkan Peraturan Pemerintah No.14 Tahun 1992 berubah menjadi Perusahaan Perseroan (Persero). Tahun 2008 berdasarkan Akta Notaris Silvia Abbas Sudrajat, SH, SpN No. 38 pada 18 Nopember 2008 berubah menjadi PT. Angkasa Pura II (Angkasa Pura).

Korporat ini berkhidmat dibidang bandar udara dan yang berhubung kait dengannya. Setakat ini PT. Angkasa Pura II mengurus 13 buah Bandar Udara (Airport) sama ada di pulau Jawa mahupun di pulau Sumatera. Sementara itu Bandara Soekarno-Hatta, Halim Perdama Kesuma (Jakarta), bandara tersebut antaranya (1) Kuala Namu Medan, (2) Supadio Pontianak, (3) Minangkabau International Airport (MIA) Padang, (4) Sultan Mahmud Badaruddin Palembang, (5) Sultan syarif Kasim II Pekanbaru, (6) Husein Sastranegara Bandung, (7) Sultan Iskandar Muda Banda Aceh, (8) Raja Haji Fisabilillah Tanjung Pinang, (9) Sultan Taha Jambi, (10) Depati Amir Pangkal Pinang, dan (11) Silangit Tapanuli Utara.

Modal korporat ini seluruhnya dimiliki oleh kerajaan Republik Indonesia. Korporat ini terletak di Jakarta sebagai pejabat pusat dan mempunyai pejabat cawangan di Riau (Angkasapura. 2015)

4.3.1.2 Bank BNI Syariah. PT

PT. Bank Negara Indonesia (Persero) Tbk menubuhkan sebuah Unit Usaha Syari'ah (UUS) pada 29 Desember 2000 dengan dasar hukum Undang-Undang Nombor 10 Tahun 1998. Pada 19 Jun 2010 PT. Bank Negara Indonesia (Persero) Tbk, melakukan *spin off* ke atas bidang Unit Usaha Syariahnya dengan membentuk pertubuhan korporat baru iaitu PT. Bank BNI Syariah berdasarkan Surat Keputusan Gabenor Bank Indonesia No.12/41/KEP.GBI/2010. Bank ini mempunyai pejabat pusat di Jakarta dan mempunyai 161 buah cawangan termasuk di Provinsi Riau.

4.3.1.3 Bank Rakyat Indonesia (Persero) Tbk. PT

Bank ini ditubuhkan pada 16 Desember 1895 di Purwokerto Jawa Tengah oleh Raden Bei Aria Wirjaatmadja dengan nama “De Poerwokertosche Hulp en Spaarbankder Inlandsche Hoofden” atau “Bank Bantuan dan Simpanan Milik Kaum Priyayi Purwokerto” Bank ini khasnya untuk keperluan penduduk peribumi.

Setelah kemerdekaan bank ini dijadikan bank milik Pemerintah Indonesia berdasarkan Peraturan Pemerintah No.1 Tahun 1946 Seksyen 1 dikatakan bahawa Bank Rakyat Indonesia adalah sebagai bank pertama di Republik Indonesia. Semasa perang tahun 1948 aktiviti bank ini berhenti dan baru aktif kembali setelah perjanjian Renville tahun 1949 dan bertukar nama menjadi “Bank Rakyat Indonesia Serikat”. Pada tahun 1960 keluar Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-Undang (PERPU) No. 41 Tahun 1960 ditubuhkan Bank Koperasi Tani dan Nelayan (BKTN). Bank ini adalah penggabungan dari Bank Rakyat Indonesia (BRI), Bank Tani Nelayan dan

Nederlandsche Maatschappij (NHM). Pada tahun 1965 keluar Penetapan Presiden No.9 Tahun 1965 BKTN disatukan dengan Bank Indonesia dengan nama Bank Indonesia Urusan Koperasi Tani dan Nelayan. Kemudian keluar Penetapan Presiden No.17 Tahun 1965 yang menetapkan hanya ada satu bank sahaja di Indonesia iaitu Bank Negara Indonesia. Sehingga Bank Indonesia Urusan Koperasi Koperasi, Tani dan Nelayan (BKTN) diintegrasikan menjadi Bank Negara Indonesia Unit II bidang Rural. Sedang NHM (Nederlandshe Handle Maatschappij (NHM) menjadi Bank Indonesia Unit II bidang Ekspor Impor (EXIM).

Kemudian tahun 1967 dan 1968 keluar Undang-Undang No.14 Tahun 1967 Tentang Undang-Undang Pokok Perbankan dan Undang-Undang No.13 Tahun 1968 Tentang Undang-Undang Bank Sentral. Berdasarkan kedua-dua undang-undang ini dikembalikan fungsi Bank Indonesia sebagai Bank Sentral dan Bank Negara Indonesia Unit II Bidang Rural dan Ekspor Impor dipisahkan menjadi Bank Rakyat Indonesia dan Bank Ekspor Impor Indonesia.

Kemudian berdasarkan Undang-Undang No.21 Tahun 1968 ditetapkan tugas BRI sebagai bank umum. Sejak 1 Ogos 1992 berdasarkan Undang-Undang No.7 Tahun 1992 dan Peraturan Pemeritah No.21 Tahun 1992 status hukum BRI diubah menjadi PT.Bank Rakyat Indonesia (Persero). Pada tahun 1992, saham bank ini 100 peratus dipunyai oleh Pemerintah Republik Indonesia, tetapi pada 31 Oktober 2003 Pemerintah Republik Indonesia memutuskan untuk menjual 30 peratus sahamnya kepada awam melalui Penawaran Umum di Bursa Efek. Sejak 3 Desember 2003

saham Pemerintah Republik Indonesia tinggal 59,50 peratus.(Annual report BRI 2013) diperoleh (19 Julai 2015).

4.3.1.4 Bank BRI Syari'ah. PT

PT. Bank Rakyat Indonesia (Persero)Tbk mempunyai Unit Usaha Syariah setelah mendapat lesen dari Bank Indonesia pada 16 Oktober 2008 dengan surat No.10/67/KEP.GBI/DpG/2008 berdiri PT. Bank BRI Syari'ah. Pada 17 November 2008 PT. Bank BRI Syari'ah resmi menjalankan kegiatan perbankan berdasarkan prinsip syari'ah. Kemudian Unit Usaha Syariah yang ada pada PT. Bank Rakyat Indonesia tarikh 19 Desember 2008 dipisahkan dan digabungkan dengan PT. BRI Syari'ah dan baru 1 Januari 2009 mulai melakukan aktiviti sebagai perbankan syariah.

Saham PT. Bank Rakyat Indonesia Syariah dimiliki oleh: (1) PT. Bank Rakyat Indonesia (Persero) Tbk sebanyak 2.957.999.000 lembar surat saham (2) Yayasan Kesejahteraan Pekerja (YKP) BRI 1000 lembar surat saham.

4.3.1.5 Bank Mandiri. PT

Ditubuhkan tanggal 2 Oktober 1998 sebagai bahagian dari program penggabungan (*merger*) perbankan yang dilaksanakan oleh Kerajaan Indonesia. Bulan Juli 1999, empat bank milik kerajaan iaitu, Bank Bumi Daya, Bank Dagang Negara, Bank Eksport Impor Indonesia dan Bank Pembangunan Indonesia digabung menjadi satu dengan nama Bank Mandiri.

Sejarah tertubuhnya bank-bank tersebut dapat ditelusuri lebih dari 140 tahun yang lalu.

- a. Bank Dagang Negara dahulunya berasal dari Bank milik swasta Belanda dengan nama Nederlandsch Indische Escompto Maatschappij (NIEM) ditubuhkan di Batavia (Jakarta) tahun 1857. Pada 1949 namanya diganti menjadi Escomptobank NV. Selanjutnya tahun 1960 Escomptobank dinasionalisasi oleh pemerintah Kerajaan Indonesia dan bertukar nama menjadi Bank Dagang Kerajaan. Bank ini bertugas untuk membiayai sektor industri dan perlombongan.
- b. Bank Bumi Daya berasal dari : i. Korporat milik Belanda yang bernama De Nationale Handelsbank NV, tahun 1959 diambil alih oleh kerajaan Indonesia diganti namanya menjadi Bank Umum Negara. ii. Chartered Bank milik Kerajaan Britain dinasionalisasi oleh Pemerintah Indonesia tahun 1964. Pada tahun 1965, Bank Umum Negara dan Chartered Bank digabungkan menjadi satu dengan sebutan Bank Negara Indonesia dan berubah nama menjadi Bank Negara Indonesia Unit IV selanjutnya beralih menjadi Bank Bumi Daya.
- c. Bank Ekspor Impor Indonesia (Bank Exim)
Awalnya adalah korporat dagang milik Belanda yang bernama N.V. Nederlandsche Handels Maatschappij (NHM Bank) yang ditubuhkan pada tahun 1842 dengan beraktiviti di sektor perbankan. Pada tahun 1960 Pemerintah Indonesia menasionalisasi korporat ini. Pada tahun 1965 perusahaan ini digabung dengan Bank Negara Indonesia menjadi Bank Negara Indonesia Unit II. Pada

tahun 1968 Bank Negara Indonesia Unit II dipecah menjadi dua unit, iaitu satu dari padanya adalah Bank Negara Indonesia Unit II Divisi Expor–Impor, yang akhirnya menjadi Bank Exim iaitu bank Pemerintah yang membiayai kegiatan eksport dan import.

d. Bank Pembangunan Indonesia (Bapindo) berasal dari Bank Industri Negara (BIN), yang ditubuhkan pada tahun 1951. Bank ini ditubuhkan oleh pemerintah Republik Indonesia untuk pembangunan ekonomi Indonesia. Ketika itu Indonesia baru merdeka, jadi memerlukan lembaga kewangan untuk pembangunan ekonomi. Bank Industri Negara ditugaskan untuk mendokong pengembangan sektor ekonomi tertentu, khususnya perladangan, industri, dan perlombongan. Bapindo dibentuk sebagai bank milik kerajaan pada tahun 1960. Bank Industri Negara (BIN) kemudian digabungkan dengan Bank Bapindo pada tahun 1970, dengan tugas membantu pembangunan nasional melalui pembiayaan jangka menengah dan jangka panjang pada sektor pengeluaran, pengangkutan dan persiaran. Bank Mandiri menjadi penerus suatu tradisi perkhidmatan jasa perbankan dan kewangan yang telah berpengalaman selama lebih dari 140 tahun.

4.3.1.6. Jamsostek (Persero). PT

PT Jamsostek (Persero) ditubuhkan berdasarkan UU No.33/1947 jo UU No.2/1951 tentang kebijakan kerja dengan peraturan pelaksanaannya iaitu Peraturan Menteri Perburuhan (PMP) No. 48/1952 jo PMP No.8/1956 tentang pengaturan bantuan untuk usaha penyelenggaraan kesihatan buruh. Berdasarkan PMP No.15/1957

tentang pembentukan Yayasan Sosial Buruh berdiri Yayasan yang mengurus mengenai kesihatan buruh selanjutnya keluar PMP No.5/1964 tentang Pembentukan Yayasan Dana Jaminan Sosial (YDJS). Setelah dikeluarkan UU No.14/1969 tentang Pokok-pokok Tenaga Kerja.

Pada tahun 1977 keluar Peraturan Pemerintah (PP) No.33 tahun 1977 Tentang Pelaksanaan Program Asuransi Sosial Tenaga Kerja (ASTEK), yang mewajibkan setiap pemberi kerja/pengusaha swasta dan BUMN untuk mengikuti program ASTEK. Oleh PP No.34/1977 Tentang Pembentukan Wadah Penyelenggara ASTEK iaitu Perum Astek. Tahun 1992 disyahkan UU No.3 tahun 1992 tentang Jaminan Sosial Tenaga Kerja (JAMSOSTEK). Tahun 1995 ditetapkan PP No.36/1995 tentang pendirian PT Jamsostek sebagai badan penyelenggara Jaminan Sosial Tenaga Kerja. PT. Jamsostek ini adalah peningkatan status Perum Astek menjadi PT. Korporat ini merupakan lanjutan dari Perum Astek, yang menyelenggarakan Program Jamsostek untuk memberikan perlindungan dasar guna memenuhi keperluan minimum bagi tenaga kerja dan keluarganya, sehingga memberikan kepastian berlangsungnya arus penerimaan penghasilan keluarga sebagai pengganti sebagian atau seluruhnya penghasilan yang hilang, akibat risiko sosial.


Pada akhir tahun 2004, Pemerintah mengeluarkan UU Nomor 40 Tahun 2004 tentang Sistem Jaminan Sosial Nasional. Undang-undang ini dikeluarkan untuk memenuhi amanat yang ditentukan oleh Pasal 34 ayat 2 UUD 1945 mengatakan bahawa : "Kerajaan mengembangkan sistem jaminan sosial bagi seluruh rakyat dan

memberdayakan masyarakat yang lemah dan tidak mampu sesuai dengan martabat kemanusiaan". Kiprah Syarikat PT. Jamsostek (Persero) yang mengutamakan kepentingan dan hak normatif Tenaga Kerja di Indonesia dengan memberikan perlindungan 4 (empat) program, yang mencakup Program Jaminan Kecelakaan Kerja (JKK), Jaminan Kematian (JKM), Jaminan Hari Tua (JHT) dan Jaminan Pemeliharaan kesihatan (JPK) bagi seluruh tenaga kerja dan keluarganya terus berlanjutnya hingga berlakunya UU No 24 Tahun 2011 Tentang Badan Penyelenggara Jaminan Sosial. Pada 1 Januari 2014 PT. Jamsostek berubah menjadi Badan Penyelenggara Jaminan Sosial (BPJS) dengan tugas untuk menyelenggarakan program jaminan sosial tenaga kerja, yang meliputi JKK, JKM, JHT dan terhitung mulai 1 Julai 2015 tugasnya akan ditambah lagi iaitu sebagai pelaksana Jaminan Pensiun.

4.3.1.7. Jasa Raharja. PT
PT. Jasa Raharja 100 % kepunyaan Kerajaan Republik Indonesia yang berusaha berusaha di bidang insurans. Koporat ini berasal dari korporat insurans milik Peniaga Belanda di Indonesia, yang diambil alih oleh kerajaan Indonesia pada Tahun 1958. Pengambil alihan berdasarkan Undang-Undang No. 86 tahun 1958 tentang Nasionalisasi Korporat Belanda dan Peraturan Pemerintah (PP) No.6 tahun 1960 Tentang Penentuan Korporat Insurans Kerugian Belanda yang dikenakan nasionalisasi.

Setelah dinasionalisasi ditetapkan statusnya menjadi Badan Hukum Perusahaan Negara Asuransi Kerugian (PNAK). Menurut Undang-Undang Nomor 19 Prp Tahun 1960 tentang Korporat Kerajaan (Perusahaan Negara) seluruh modalnya adalah kekayaan Kerajaan Republik Indonesia. Berdasarkan Peraturan Kerajaan itu pula, ditubuhkan empat korporat insurans yang disebut dengan istilah Perusahaan Negara Asuransi Kerugian (PNAK). Keempat-empat korporat tersebut iaitu:

Eka Bhakti, Eka Dharma, Eka Mulya dan Eka Sakti. Pada 1 Januari 1961 keempat korporat itu dijadikan satu korporat sahaja iaitu PNAK Eka Karya. Korporat ini terletak dan pejabat pusatnya di Jakarta, dan mempunyai pejabat cawangan, pejabat perwakilan, agen atau koresponden di dalam dan/atau di luar negeri. Korporat ini berusaha dalam bidang usaha perinsuransian iaitu: “ mengadakan dan menutup segala macam insurans termasuk reinsurans, kecuali pertanggungan jiwa. memberi perantaraan dalam penutupan segala macam insurans.”



Berdasarkan Peraturan Pemerintah No.8 tahun 1965 tentang Pendirian Korporat Kerajaan Asuransi Kerugian Djasa Rahardja, terhitung mulai 1 Januari 1965 PNAK Eka Karya diubah menjadi korporat baru dengan nama PN. AK Jasa Raharja (Perusahaan Negara Asuransi Kerugian Jasa Raharja), terletak dan pejabat pusatnya di Jakarta serta dapat mempunyai pejabat cawangan, pejabat perwakilan, dalam dan luar negeri, sedangkan untuk agen atau koresponden hanya boleh berada di dalam negeri.

Pemerintah menerbitkan Surat Keputusan Menteri Urusan Pendapatan, Pembiayaan dan Pengawasan No. B.A.P.N. 1-3-3 Pada 30 Mac 1965 yang menunjuk PN. AK Jasa Raharja untuk melaksanakan penyelenggaraan Dana Pertanggungan Wajib Kecelakaan Penumpang dan Dana Kecelakaan Lalu Lintas Jalan sesuai dengan Undang-Undang Nomor 33 dan Undang-Undang Nomor 34 tahun 1964. Pada tahun 1970, PN. AK Jasa Raharja dirubah statusnya menjadi Korporat Umum (Perum) Jasa Raharja berdasarkan Surat Keputusan Menteri Kewangan Republik Indonesia No. Kep.750/KMK/IV/II/1970 tarikh 18 November 1970, Pada tahun 1978 berdasarkan PP No 34 tahun 1978 tentang Perubahan Atas Peraturan Pemerintah Nomor 8 Tahun 1965 Tentang Pendirian Korporat Umum Asuransi Kerugian “Jasa Raharja”, Jasa Raharja mendapat mandat tambahan tugas iaitu boleh menerbitkan surat jaminan yang disebut *Surety Bond*. Dengan demikian tugas PN. AK Jasa Raharja adalah:

- a. mengelola pelaksanaan UU. No.33
- b. UU. No. 34 tahun 1964, dan c. *Surety Bond*. Kemudian tanggal 6 November 1980 keluar PP No.39 tahun 1980 Tentang Pengalihan Bentuk Korporat Umum Asuransi Kerugian “Jasa Raharja” statusnya ditingkatkan menjadi Korporat Perseroan (Persero) dengan nama PT. (Persero) Asuransi Kerugian Jasa Raharja. Pemerintah melalui Keputusan Menteri Kewangan No: 337/KMK.011/1981 tanggal 2 Jun 1981 tentang Penunjukan Korporat Perseroan (Persero) Asuransi Kerugian Jasa Raharja sebagai Penyelenggara Dana Pertanggungan Wajib Kecelakaan Penumpang dan Dana Kecelakaan Lalu Lintas Jalan.

Sejak 1 Januari 1994 sampai sekarang Jasa Raharja melepaskan usaha insurans non wajib dan *surety bond* selanjutnya hanya memfokuskan diri pada program asuransi

sosial yaitu menyelenggarakan Dana Pertanggungan Wajib Kecelakaan Penumpang sebagaimana diatur dalam UU. No. 33 tahun 1964 dan Dana Kemalangan Lalu Lintas Jalan sebagaimana diatur dalam UU. No.34 tahun 1964.

4.3.1.8 Pegadaian. PT

Korporat ini ditubuhkan pada 20 Ogos 1746 oleh VOC (*Vereniging Oost Indhisce Compagnie*) di Batavia (Jakarta) dengan nama Bank Van Leening. Korporat ini adalah lembaga kewangan yang memberikan pinjaman wang dengan sistem gadai kepada masyarakat yang memerlukan wang. Tujuan didirikan lembaga ini adalah untuk memperlancar kegiatan perekonomian dan perdagangan yang dijalankan oleh VOC.

Badan usaha ini dibubarkan oleh Britain semasa menggantikan Belanda menjajah Indonesia pada tahun 1811-1816. Pada masa itu Belanda dijajah oleh Perancis. Setelah merdeka dari jajahan Perancis Belanda kembali menjajah Indonesia, kemudian Bank Van Leening dihidupkan semula oleh Pemerintah Belanda pada tahun 1816. Tahun 1901 Pemerintah Belanda memperkuuh kedudukan lembaga kewangan ini dengan menguatkuasakan undang-undang iaitu Stb (*Staatsblad*) No. 131, 12 Mac 1901. Berdasarkan Stb (*Staatblaad*) ini ditubuhkan “Pegadaian” yang perdana di Suka Bumi Jawa Barat pada 1 April 1901. Korporat ini merupakan bahagian dari Pemerintah Belanda.

Awal kemerdekaan berdasarkan Peraturan Pemerintah Pengganti Undang-Undang (PERPU) No.19 Tahun 1960 dan Peraturan Pemerintah (PP) No.78 Tahun 1961 ditetapkan Pegadaian menjadi Perusahaan Negara (PN) dengan modal Rp.4.600.000.000 (empat miliyar enam ratus bilion rupiah).

Pada tahun 1990 berdasarkan PP No.10 Tahun 1990 tarikh 16 April 1990, PN ini berubah menjadi PERUM (Perusahaan Umum) sehingga PN. Pegadaian berubah menjadi PERUM Pegadaian dengan modal awal Rp.205.000.000/000 (dua ratus lima bilion rupiah). Kemudian berdasarkan Peraturan Pemerintah (PP) No.103 Tahun 2000 sejak 1 April 2012 berubah menjadi PT. Pegadaian Persero). Tujuannya untuk “membantu masyarakat golongan menengah ke bawah dengan memberikan pelayanan pinjaman atas dasar hukum gadai dan fidusia”. Korporat ini terletak di Jakarta Jalan Kramat Raya No.163 Jakarta dan memiliki cawangan : di Ibu pejabat Provinsi, Bandar- bandar dan di Kabupaten di seluruh Indonesia. Korport ini berusaha dalam peminjaman wang, dan perhotelan.

4.3.1.9 Pertamina. PT

Pada tahun 1950 perang mempertahankan kemerdekaan sudah usai aktiviti pemerintahan sudah mulai berjalan normal, sehingga pemerintah mulai memikirkan dan mencari sumber kewangan bagi keperluan belanja negara. Satu di antara sumber kewangan negara adalah minyak bumi dan gas di Sumatera Utara peninggalan Belanda yang tidak terurus lagi. Pemerintah Republik Indonesia menubuahkan korporat iaitu PT. PERMINA, untuk mengurus perlombongan minyak dan gas

tersebut, namun pada tahun 1960 korporat tersebut diubah menjadi PN. PERMINA. Pada 20 Ogos 1968 PN. PERMINA yang bergerak di bidang pengeluaran digabung dengan PT. PERTAMIN yang berusaha di bidang pemasaran sehingga melahirkan korporat baru iaitu PT. Pertambangan Minyak dan Gas Bumi Nasional (PERTAMINA) dengan sebutan PT. PERTAMINA.

Berdasarkan Undang-Undang No. 8 Tahun 1971 PT. Pertamina ditunjuk sebagai satu-satunya perusahaan milik negara yang boleh melaksanakan pengusahaan minyak dan gas mulai dari mengelola dan menghasilkan minyak dan gas dari ladang-ladang minyak di seluruh wilayah Indonesia. Saham PT. Pertamina 100 peratus dimiliki oleh Pemerintah Republik Indonesia melalui Kementerian Negara Badan Usaha Milik Negara (BUMN) selaku kuasa pemegang saham. Jumlah saham Rp.200 triliun rupiah). Pejabatnya di Jakarta dan cawangan di seluruh daerah di Indonesia.

Korporat ini bertugas menjalankan usaha inti di bidang minyak, gas, bahan api nabati (dari tumbuh-tumbuhan seperti sawit, jarak) serta kegiatan pengembangan, pencaharian (eksplorasi), pengeluaran dan niaga tenaga baru dan terbarukan (*new and renewable energy*) secara bersepada, mengolah menjadi berbagai-bagai produk, menyediakan serta melayani keperluan bahan bakar minyak dan gas di seluruh Indonesia, (Pertamina, 19 Julai 2015).

4.3.1.10 Perkebunan Nusantara V PT. (PT.P.V)

Korporat ini didirikan pada 11 Mac 1996 adalah pengembangan dari korporat yang sudah ada di Provinsi Riau iaitu: PT. Perkebunan II, PT. Perkebunan IV dan PT.

Perkebunan V. Modal korporat ini berasal dari Pemerintah Republik Indonesia. Pendirian korporat ini berdasarkan pada Peraturan Pemerintah Republik Indonesia NO.10 Tahun 1996 Tentang Penyetoran Modal Negara Republik Indonesia untuk Pendirian Perusahaan Perseroan (Persero) PT. Perkebunan Nusantara V.

Aktiviti korporat ini adalah; (1) di bidang perladangan getah, kelapa sawit dengan luas ladang 160.675 ha; (2) kilang minyak sawit, kilang getah. Ladang mulai beroperasi pada 9 April 1996, (3) Hospital; Ofis Jalan Rambutan Pekan Baru Provinsi Riau. Lokasi ladang; Di setiap kabupaten di Provinsi Riau.

4.3.1.11 Semen Padang. PT.

Korporat ini ditubuhkan pada 18 Mac 1910 dengan nama NV. Nederlandsch Indische Portland Cement Maatschappij (NV. NIPCM). Pada 5 Julai 1958 diambil alih oleh pemerintah Republik Indonesia dari Kerajaan Belanda. Pada tahun 1995. Pemerintah mengalihkan kepemilikan saham di PT. Semen Padang ke PT. Semen Gresik (Persero) Tbk. Setakat ini saham PT. Semen Padang dipegang oleh: a PT Semen Gresik (Persero) Tbk sebesar 99,99% dan b. Koperasi Keluarga Besar Semen Padang sebesar 0,01 %. PT. Semen Gresik (Persero) Tbk sendiri sahamnya dimiliki mayoriti oleh Pemerintah Republik Indonesia sebesar 51,01%. Pemegang saham lainnya sebesar 48,09%. PT. Semen Gresik (Persero) Tbk. merupakan syarikat yang sahamnya tercatat di Bursa Efek Indonesia. Sejak 7 Januari 2013, PT. Semen Gresik (Persero) Tbk berubah nama menjadi PT. Semen Indonesia (Persero) Tbk sesuai

hasil Rapat Umum Pemegang Saham Luar Biasa (RUPSLB) di Jakarta pada 20 Disember 2012.

Korporat ini berusaha di bidang kilang semen yang mempunyai lima buah kilang dengan produksi 330.000 ton/tahun. Kilang semen bertempat di desa Indarung Padang Sumatera Barat Indonesia, (PT.Semen Padang, 2015) .

4.3.1.12 Telkom. PT

Pada tarikh 23 Oktober 1856 Pemerintah Hindia Belanda merasmikan pengoperasian jasa (perkhidmatan) telegraf elektromagnetik pertama yang menghubungkan Batavia (Jakarta) dengan Buitenzorg (Bogor). Berdasarkan keperluan perkhidmatan bagi kegiatan pos dan telegraf maka ditubuhkanlah oleh Pemerintah Hindia Belanda sebuah badan yang bernama Jawatan Post Telepon Telegraf (PTT) pada tahun 1882. Pada tahun 1961 badan tersebut oleh kerajaan Indonesia diubah menjadi Perusahaan Negara Pos dan Telekomunikasi dengan sebutan PN. Postel. Tahun 1965 PN. Postel ini dibagi menjadi dua perusahaan iaitu: (1). PN. Pos dan Giro, (2). PN. Telekomunikasi. Pada tahun 1974 PN. Telekomunikasi diubah menjadi Perusahaan Umum (Perum) Telekomunikasi disingkat Perumtel. Pada tahun 1991 berdasarkan Peraturan Pemerintah Nomor 25 Tahun 1991 Tentang Telekomunikasi Perumtel diubah lagi menjadi PT.Telkom (Persero). Pada 14 November 1995 PT. Telekomunikasi (Persero) menawarkan sahamnya di PT. Bursa Efek Indonesia, sehingga sebutannya berubah menjadi PT. Telekomunikasi (Persero) Tbk. Semenjak 12 Julai 2002 saham PT. Telkom dipegang oleh Pemerintah Indonesia 51.19 peratus,

Public Free-float 42.21 peratus dan Bank of New York serta investor dalam negeri 8.79 peratus. Bidang Usaha; Telepon, Data, Internit, Satelit, Televisi berlangganan.

4.3.1.13 Telkomsel. PT

PT.Telkomsel ditubuhkan pada tahun 1995. Latar belakang penubuhan korporat ini sesuai dengan kemajuan di bidang teknologi komunikasi selular di Indonesia maka perlu diwujudkan sebuah inovasi untuk mempertingkatkan jaringan telekomunikasi yang maju dan terdepan di Indonesia. PT.Telkomsel adalah korporat milik Badan Usaha Milik Negara (BUMN) sebagai anak perusahaan dari PT.Telkom dan perusahaan telekom Singapura Sing Tel Mobile dengan saham 65% dan 35 %.

Kegiatan perniagaan yang dijalankan oleh korporat ini iaitu, operator telekomunikasi selular di Indonesia dan roaming internasional dengan produk simpati (prabayar) Kad As (Prabayar) dan Kad Halo (paskabayar). Kad prabayar isi ulang ASIA, perkhidmatan Mobile Banking. (Lontar.vi. 2015).

4.3.1.14 Bank Riau Kepri. PT

PT. Bank Riau Kepri awalnya bernama Bank Pembangunan Daerah Riau, ditubuhkan pada 1 April 1966 berasaskan Undang-Undang No.13 Tahun 1962 dengan status sebagai Perusahaan Daerah (PD) dengan sebutan PD. Bank Pembangunan Riau. Pada tahun 2002 berdasarkan keputusan para pemegang saham melalui Rapat Umum Pemegang Saham (RUPS) yang diadakan pada 26 Jun 2002 dibuat dan disetujui perubahan status hukum dari Perusahaan Daerah (PD) menjadi

Perseroan Terbatas (PT). Perubahan status tersebut dikukuhkan dengan Peraturan Daerah Nombor 10 Tahun 2002 tarikh 26 Ogos 2002 dan diumumkan dalam Lembaran Negara Provinsi Riau Tahun 2002 Nombor 50. Perubahan tersebut dibuat dengan Akte Notaris Muhammad Dahad Umar, SH Notaris di Pekanbaru Nombor 36 tarikh 18 Januari 2003 dan disahkan oleh Menteri Hukum dan HAM dengan surat keputusan No.C-09851.HT.01.01 Th 2003 5 Mei 2003.

Provinsi Riau dipecah menjadi 2 (dua) Provinsi iaitu Provinsi Riau dan Provinsi Kepulauan Riau (Kepri), yang membawa akibat kepada status PT. Bank Riau sehingga diadakan mesyuarat yang dilakukan oleh Rapat Umum Pemegang Saham (RUPS) oleh pemegang saham dengan keputusan bahawa PT. Bank Riau diubah namanya menjadi PT. Bank Riau Kepri. Perubahan itu telah diperakui oleh Menteri Hukum dan HAM Republik Indonesia melalui keputusan No.AHU-36484.AH.01.02 Tahun 2010 pada 22 Julai 2010. Kemudian juga diperakui berdasarkan surat Direktur Jendral Administrasi Hukum Umum Direktur Perdata No. AHU.2-AH.01.01-6849 25 Ogos 2010.

Persetujuan perubahan telah pula diberikan oleh Gabenor Bank Indonesia dengan surat No. 12/59/KEP.GBI/2010. Pergantian nama tersebut dirasmikan oleh Gabenor Provinsi Riau dan Gabenor Kepri di Batam pada 13 Oktober 2010. Saham korporat ini dipegang oleh Pemerintah Provinsi Riau beserta Pemerintah Kabupaten yang ada di Provinsi Riau dan Pemerintah Provinsi Kepulauan Riau. Bank ini beraktiviti di bidang perbankan secara konvensional dengan tema “*Reachng The Exelence*” Bank

Riau Kepri berkomitmen memberikan perkhidmatan terbaiknya kepada nasabah dan pemegang saham melalui pendefinisian semula paradigma perniagaan bank kearah secara berterusan dengan motto “*The Spirit to Grow*”, tumbuh dan tumbuh menjadi yang terbaik. Bank ini mempunyai pejabat pusatnya di Pekanbaru Provinsi Riau Jalan Jendral Sudirman, dan pejabat cawangan terdapat di seluruh Bandar dan Kabupaten yang ada di Provinsi Riau dan Provinsi Kepulauan Riau.

4.3.2 Badan Usaha Milik Swasta (BUMS)/Korporat Milik Swasta (KMS)

Korporat milik swasta (Badan Usaha Milik Swasta) iaitu korporat yang didirikan oleh individu mahupun kumpulan individu atau kumpulan korporat dengan modalnya berasal dari individu atau kumpulan individu berkenaan. Korporat swasta ini modalnya ada yang dimiliki oleh warga negara Indonesia seluruhnya, dan ada pula milik asing. Korporat yang modalnya campuran antara WNI dan Warga Negara Asing (WNA) disebut perusahaan PMA (Penanaman Modal Asing). Korporat milik swasta ini diatur oleh Undang-Undang Nombor 40 Tahun 2007 Tentang Perseroan Terbatas.

Korporat swasta yang melaksanakan tanggungjawab sosial di Provinsi Riau berjumlah 10 buah. Korporat milik swasta yang berjumlah 10 buah itu sama dengan korporat BUMN tersebut di atas juga beribu pejabat di Jakarta di Riau hanya cawangan sahaja. Korporat milik swasta iaitu: (1) PT. Adira, (2) Astra Daihatsu Motor, (3) Energi Mega Persada, (4) IKPP, (5) Indofood Sukses Makmur, (6) PT.

Indoritel Makmur Internasional, (7) RAPP, (9) Toyota Astra Motor, (9) XL Axiata, (10) PT. Chevron.

Dalam memahami keadaan setiap Korporat Milik Swasta tersebut boleh diuraikan sebagaimana diuraikan berikut ini :

4.3.2.1 Adira Dinamika Multi Finance. PT

PT.Adira Dinamika Multi Finance Tbk didirikan tahun 1990. Bulan Mac 2004 melakukan penjualan saham perdana di Bursa Efek Jakarta dengan mengalihkan sahamnya 75 % daripada pemegang saham pendiri kepada PT. Bank Danamon Indonesia Tbk. Bahawa PT. Bank Danamon Indonesia Tbk adalah bank swasta yang dimiliki Grup Temasek dari Singapura.

Manakala pada tahun 2009 bulan Julai PT.Bank Danamon Indonesia Tbk membeli lagi 20 % saham PT.Adira Dinamika Multi Finance sehingga PT Bank Danamon Indonesia Tbk menjadi pemegang saham sebesar 95 %. Oleh itu PT.Adira *Finance* menjadi bahagian dari Temasek Holding yang merupakan perusahaan milik kerajaan Singapura.

Adira menjalankan perniagaan dalam bidang lembaga pembiayaan (*finance*), iaitu melakukan perkhidmatan dalam pembiayaan barang keperluan pengguna, seperti komputer, sepeda motor maupun kereta baru atau yang terpakai.

Korporat ini mempunyai ibu pejabat di Jakarta, sedangkan di ibu pejabat provinsi-memiliki cawangan di mana-mana di Indonesia.

4.3.2.2 Astra Daihatsu Motor. PT

PT. Daihatsu Indonesia didirikan tahun 1973 pada itu juga mendapat hak untuk mengimpor kendaraan Daihatsu ke Indonesia. PT. Astra Daihatsu Motor (ADM) pada tahun 1978 adalah menggabungkan tiga perusahaan iaitu: PT. Daihatsu Indonesia, PT.Daihatsu Engine Manufacturing Indonesia dan PT. National Astra Motor Pada tahun 1978 PT.Astra Internasional, Daihatsu Motor Co.,Ltd dan Nichimen Corporation bersama-sama mendirikan kilang pengepresan plat baja, PT. Daihatsu Indonesia. Kemudian tahu 1983 PT. Daihatsu Engine Manufacturing Indonesia (DEMI) mendirikan pabrik mesin.

Korporat ini adalah agen pengedar (*distributor*) dan pengeluar kenderaan motor merek Daihatsu-Toyota dan komponen pembekal keperluan merek Daihatsu dan Toyota. Type kendaraan yang di jual di Indonesia adalah: Daihatsu Zebra, Ceria, Charade, Taft, Feroza, Taruna, Xenia, Terios, Sirion, GrandMax, Luxio dan Ayla.

4.3.2.3 Chevron Pacifik Indonesia. PT (PT CPI)

Korporat ini adalah milik asing dari Amerika Syarikat, berusaha di bidang penerokaan dan pengeluar minyak (*petrol*) di Propinsi Riau dengan status korporat multinasional. PT. CPI adalah syarikat minyak terbesar di Indonesia, dengan pengeluaran sudah mencapai 2 bilion barel. Setakat ini minyak mentah yang dihasilkan oleh PT.Chevron purata 750.000 barel sehari.

Korporat ini pertama kali ditubuhkan awal tahun 1924, oleh dua buah korporat dari Amerika Syarikat iaitu: Standard Oil Company of California (Socal) Standard (Socal) dan Texas Oil Company (Texaco), dengan nama NV. Nederlandsche Pacific Petroleum Maatschappij (NPPM). Pada tahun 1950 NPPM berubah nama menjadi Caltex Pacific Oil Company (CPOC), kemudian pada awal 1960-an berubah lagi menjadi Caltex Pacific Company (CPC).

Selanjutnya pada dekad 1970-an Caltex mengubah nama menjadi PT. Caltex Pacific Indonesia dengan singkatan PT. CPI. Pada tahun 2005, Caltex, sebagai anak korporat dari Chevron dan Texaco Inc dilakukan pengambilalihan oleh Chevron bersama dengan Texaco dan Unocal, maka nama PT. Caltex Pacific Indonesia diganti namanya menjadi PT. Chevron Pacific Indonesia juga disingkat dengan CPI. Korporat ini berkantor pusat di Jakarta dengan daerah kerja di Provinsi Riau. Di Provinsi Riau terdapat pejabat serta perumahan pegawai di 4 bandar, iaitu: Dumai, Duri, Minas dan Rumbai.

Sumur (pelantar) minyak julungkali ditemukan pada tahun 1944 oleh seorang pakar geologi yang bernama Richard H. Hopper dan Toru Oki bersama dengan pasukannya di kampung Minas. Selari itu sumur (pelantar) tersebut diberi nama Minas No.1. Minyak yang dihasilkan dari ladang Minas dikenal dengan jenis minyak *Sumatera Light Crude* (SLC) dengan kwaliti yang baik dan memiliki kadar belerang rendah. Berikutnya sumur minyak barupun ditemukan di Duri, Bengkalis, dan Petapahan, karena semakin banyak sumur minyak ditemukan maka dibuat peta

daerah operasi Caltex. Peta daerah operasi ini biasa disebut Kangaroo Block, kerana bentuknya yang seperti kangguru. Di luar Kangaroo Block, Caltex menemukan sumur baru yang disebut daerah operasi Coastal Plains Pekanbaru Block (CPP Block) dan Mount Front Kuantan Block (MFK Block).

Pejabat Sentral terletak di Jakarta Jalan Kebon Sirih dan pejabat cawangan Sumatera teletak di Rumbai. Lokasi penerokaan terletak di Provinsi Riau–Pulau Sumatera yang mampu meneluarkan minyak sebanyak 308.523 barel sehari (bph) dan menyumbangkan sekitar 40 peratus produksi nasional. Dengan pekerja berjumlah 6.400 orang ditambah 30,000 orang karyawan kontrak.

4.3.2.4 EMP Malaca Strait. PT

Korporat ini dahulunya adalah milik peniaga dari Argentina dengan nama Kondur Petroleum. SA. Kemudian ia diambil alih oleh Bakrie Group. Korporat ini di Provinsi Riau melakukan eksplorasi minyak lepas pantai di Pulau Lalang Selat Malaka Kabupen Kepulauan Meranti.

EMP Malaca Strait dikenal juga dengan nama PT. Energi Mega Persada Tbk didirikan berdasarkan Akta Notaris No.16 tanggal 16 Oktober 2001 dari H. Rakhmat Syamsul Rizal, SH Notaris di Jakarta yang disahkan oleh Menteri Kehakiman dan Hak Asasi Manusia Republik Indonesia melalui Surat Keputusan No. C-14507. HT.01.01.Tahun 2001. Akta diumumkan dalam Berita Negara No.31 Tambahan No.3684 16 April 2002. Korporat ini bergerak dalam bidang penerokaan dan

perdagangan petrol dan gas bumi di Kepulauan Kangean Provinsi Jawa Timur, Provinsi Riau, Provinsi Jambi, Provinsi Sumatera Utara, Kalimantan Timur dan Jawa Barat. Tempat Pejabat utama di Jakarta iaitu di Bakrie Tower paras 32 Jalan HR Rasuna Said.

4.3.2.5 Indah Kiat Pulp & Paper Tbk. PT

Korporat ini ditubuhkan pada 1975. Pada 7 Desember 1976. PT. Indah Kiat Pulp & Paper (IKPP) Tbk ini resmi berdiri dengan akte Notaris Ridwan Soesilo, SH. Usaha korporat ini adalah industri pulp dan kertas. Kertas yang dihasilkannya iaitu kertas tulis, kertas untuk komputer dan kertas tisu. Status korporat ini adalah Penanaman Modal Asing (PMA), iaitu modal korporat ini dimiliki bersama oleh warganegara Indonesia dan warganegara Taiwan.

Para pemilik korporat ini adalah :

- a. Soetopo Jananto (Yap Sui Kei), Indonesia pemilik korporat Berkat Group.
- b. Chung Hwa Pulp Corporation, Taiwan
- c. Yuen Foong Yu Paper Manufacturing, Taiwan

Pada 11 April 1976 korporat ini mendapat lesen dari Presiden Republik Indonesia untuk menanamkan modal di Indonesia. Tahun 1977 mulai dibangun kilang kertas pertama (*Wood Free Printing & Writing Paper*).

Lokasi kilang iaitu : 1. di Jalan Raya Serpong Tangerang dekat Sungai Cisadane di Jawa Barat. Di lokasi ini korporat memasang, 2 (dua) mesin kertas masing-masing

berkapasiti 50 ton/ hari, (2) Desa Pinang Sebatang dan Perawang Kecamatan Tualang Kabupaten Siak Provinsi Riau. Pada 1 Jun 1979 korporat ini mulai melakukan pengeluaran sekaligus perasmian lahirnya PT. Indah Kiat Pulp & Paper (IKPP) Corporation Tangerang. Tahun 1975 korporat ini mencari lokasi baru di Desa Pinang Sebatang dan Perawang Kecamatan Tualang, Kabupaten Siak Sri Indrapura Provinsi Riau. Pada tarikh 5 September 1981 dilakukan pembelian tanah di lokasi baru tersebut serta diurus lesennya untuk membuka kilang kertas di situ.

Tahun 1984 didirikan kilang ke dua di lokasi baru tadi iaitu di Desa Pinang Sebatang dan Perawang Percobaan sekaligus perasmian kilang kedua ini dilakukan oleh Presiden Republik Indonesia Soeharto pada tarikh 24 Mei 1984. Pada masa itu kapasiti kilang pulp sulfat yang di Kelantang (*Bleached Kraft Pulp*) sebanyak 75.000 ton/ tahun. Kilang ini merupakan kilang sulfat yang berbahan baku kayu julung kali di Indonesia.

Hasil pengeluaran dari kilang di Provinsi dapat memenuhi keperluan bubur kertas (*pulp*) di kilang kertas Tangerang, jadi tidak perlu mengimport lagi. Pada tahun ini pula dimulai pembangunan Hutan Tanaman Industri (HTI) berdasarkan kerja sama antara PT. Indah Kiat Pulp & Paper Corporation dengan PT. Arara Abadi. Melalui Hutan Tanaman Industri (HTI) ini keperluan bahan asas iaitu kayu bagi korporat ini boleh dibekalkan secara berterusan.

Pada tahun 1985 korporat ini mengeluarkan bubur kertas (*pulp*) 250 ton/hari dicapai dan pada tahun 1985 itu juga dilanjutkan perencanaan pembangunan Hutan Tanaman Industri (HTI) tahap kedua sehingga bahan asas dapat dipenuhi sendiri dan tidak menggantungkan kepada perusahaan lain. Pada tahun 1986 hak kepemilikan PT. Indah Kiat Pulp and Paper dijual kepada Sinar Mas Group yang dipimpin oleh Bapak Eka Cipta Wijaya, dengan pembahagian saham :

- a. PT. Satria Perkasa Agung 67%
- b. Chung Hwa Pulp Corporation 23%
- c. Yuen Fong Yu Manufacturing 10%

Pada Tahun ini pula produksi pulp dihasilkan 300 ton/hari. Selanjutnya tahun 1988 dilakukan pembangunan fasa I kilang kertas di Perawang dengan memasang 1 line mesin kertas budaya (Wood Free Printing & Writing Paper) yang berkapasiti 150 ton/hari, repository.usu.(2011).

Pelaksanaan tanggungjawab sosial korprat di PT. Indah Kiat Pulp & Paper diurus oleh 2 (dua) bahagian iaitu: bagian *Corporate Social Responsibility* dan *Corporate philanthropy Public Relation*. Bahagian *Corporate philanthropy Public Relation* dibagi menjadi *Corporate Philanthropy* dan *Public Relation*. Kedua-dua bahagian ini diuruskan oleh seorang pengurus *Public Relation Unit*. Sedangkan bahagian *Corporate Social Responsibikity* dan *Corporate Philanthropy* dan *Public Relation* dipimpin oleh seorang kordinator dan mempunyai anggota 4 (empat) orang.

4.3.2.6 Indoritel Makmur Internasional. PT

Korporat ini dahulunya bernama PT. Dyviacon Intrabumi Tbk didirikan dengan Akta Notaris Siti Pertiwi Henny Singgih, SH., No.107 Tanggal 10 November 1995. Akta pendirian tersebut telah disahkan oleh Menteri Kehakiman Republik Indonesia dalam Surat Keputusan No.02.17.065.HT.01.Th.1995 Tarikh 26 Mac 1996 dan diumumkan dalam Berita Negara Republik Indonesia No. 25 Tambahan No. 3127.

Pada tahun 2013 korporat ini menawarkan sahamnya melalui Hak Memesan Efek Terlebih Dahulu (HMETD) di Bursa saham sebesar Rp.70 trilion (US\$705.juta). Setelah menawarkan saham, kemudian korporat ini mengambil alih tiga korporat yang bergerak dalam Industri ritel, konsumen dan makanan Indonesia. Korporat ini berusaha dalam bidang pelaburan, perdagangan umum, keagenan dan perwakilan.

4.3.2.7 Riau Andalan Pulp and Paper. PT

PT. Riau Andalan Pulp and Paper disingkat (PT.RAPP) adalah korporat kilang kertas dan bubur kertas (*pulp*) swasta yang terbesar di Asia Tenggara, ditubuhkan pada tahun 1992. Pendiri korporat ini adalah Sukanto. Korporat ini adalah anak perusahaan dari PT. Raja Garuda Mas Internasional. Pemegang saham utamanya adalah APRIL Group (*Asia Pacific Resource International Holding Ltd*), Riau pulp (2014).

PT. Riau Andalan Pulp and Paper dibangun dan dirancang untuk menghasilkan *pulp* dan kertas berkualitas tinggi, dimana *pulp* dihasilkan secara kimia dengan proses sulfat (*kraft*). Beberapa bahan kimia yang digunakan dikilang antaranya adalah ClO₂,

Cl_2 , NaCl. Syarikat ini berada di bawah kawalan *system ISO* yang digunakan sebagai tanda untuk menentukan kualiti dunia dari suatu produk. PT. Riau Andalan Pulp and Paper telah mendapatkan sijil ISO 9002 dan ISO 14001.

Pada tahun 1995 perusahaan ini mulai beroperasi dengan kapasiti hasil pengeluaran mencapai 750.000 ton pulp pertahun. Hasil produksi berupa *pulp* distribusikan keluar negara sekitar 85% ke berbagai negara seperti Amerika, China, Korea, India, Taiwan, Jepun, Australia dan Negara-negara di Eropa dan Asia Tenggara dan sisanya 15 % dijual di dalam negeri.

Lokasi kilang PT. Riau Andalan Pulp and Paper ini terletak di desa Pangkalan Kerinci, Kabupaten Pelalawan, Propinsi Riau, ± 80 Km sebelah timur dari Kota Pekanbaru. Pejabat terletak di Jl. Jenderal Sudirman, dan Gedung BNI lantai 20-22, Jakarta.

Barangan yang dihasilkan oleh PT. Riau Andalan Pulp and Paper terdiri dari : (1) *Pulp* jenis *Fully Bleached Kraft Pulp* dengan serat pendek (*hard wood*); (2) *Pulp* kering dalam bentuk lembaran-lembaran dengan kualitas tinggi. (Riaupulp. 2014).

4.3.2.8 XL Axiata. PT

PT. XL Axiata Tbk memulakan perniagaannya sebagai perusahaan dagang dan jasa (perkhidmatan) umum pada hari bulan 6 Oktober 1989 dengan nama PT. Grahamedopolitan Lestari. pada tahun 1996 XL memasuki sektor telekomunikasi.

Kemudian korporat ini mendapat izin operasi GSM 900 sehingga selanjutnya memasarkan layanan GSM. Sehingga XL merupakan korporat swasta pertama di Indonesia yang menyediakan layanan telefon selular.

Kemudian menggabungkan diri dengan Grup Rajawali dengan 3 (tiga) pelabur asing iaitu : NYNEX, AIF dan Mitsui untuk membuat perusahaan baru yang bernama PT. Excelcomindo Pratama. Pada September 2005 XL mendaftarkan diri di Bursa Efek Jakarta dan sekaligus melakukan penawaran saham perdana (IPO). Ketika itu XL merupakan anak perusahaan dari Indocel Holding. Sdn Bhd yang sekarang disebut Axiata Investments (Indonesia) Sdn Bhd. Saham korporat ini dimiliki oleh TM International Sdn Bhd (TMI). Pada tahun 2009 TMI berganti nama menjadi Axiata Group Berhad (Axiata) dan pada tahun yang sama PT. Excelcomindo Pratama Tbk bertukar nama menjadi PT. XL Axiata Tbk.

Setakat ini saham PT. XL Axiata Tbk dipegang oleh Axiata Investments (Indonesia) Sdn Bhd sebesar 66,5 % dan selebihnya 33,5 % dimiliki oleh masyarakat yang dibeli dari PT. Bursa Efek Jakarta. Perkhidmatan yang dilakukan oleh korporat ini iaitu: menyedia perkhidmatan selular, menyediakan layanan ritel dan menawarkan solusi bisnes untuk pelanggan korporat yang meliputi data, suara dan SMS. Memegang lisensi jaringan tertutup Reguler (*leased line*), lesen Internet Service Provider (*ISP*), Lisensi *Voice over Internet Protocol (VoIP)* dan lesen Internet antara sambungan Layanan (NAP) serta izin e-Money dari Bank Indonesia.

Pejabat utama terletak di Jakarta dan di Provinsi-provinsi seluruh Indonesia terdapat cawangan. Dari 24 korporat, 23 di antaranya adalah korporat yang beribu pejabat di Jakarta di Riau merupakan cawangan. Satu korporat yang beribu pejabat di Pekanbaru iaitu PT. Bank Riau Kepri.

Pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat oleh Korporat Milik Kerajaan (BUMN) berbeza dengan Korporat Milik Swasta (BUMS). Bagi Badan Usaha Milik Kerajaan menurut undang-undang Tentang Badan Usaha Milik Negara (BUMN) Nombor 19 Tahun 2003 bahawa semua BUMN wajib melakukan pembinaan terhadap usaha kecil/koperasi serta pembinaan masyarakat di sekitarnya. Korporat milik kerajaan daerah (BUMD) kerana modalnya sama-sama berasal daripada kerajaan, sehingga dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat berpedoman kepada Seksyen 88 Undang-Undang Nomor 19 Tahun 2003.

Sementara itu, kepada Korporat Milik Swasta mengikut Undang-Undang Perseroan Terbatas Nomor 40 Tahun 2007 wajib melaksanakan tanggungjawab sosial korporat yang ditetapkan dalam Seksyen 15 Undang-Undang Nombor 25 Tahun 2007 dan Seksyen 74 Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 dan Undang-Undang Nomor 4 Tahun 2009. Berbeza dari penggunaan istilah sahaja, bagi Korporat Milik Kerajaan wajib melakukan pembinaan kepada pengusaha kecil dan koperasi, sedangkan dalam tanggungjawab sosial juga dilakukan pembinaan masyarakat jadi sama sahaja. Pada tanggungjawab sosial korporat lebih luas dari pada kewajiban kepada Badan Usaha

Milik Negara iaitu disabitkan dengan kesejahteraan masyarakat, keuntungan korporat dan alam sekitar yang dikenali dengan 3 P (*People, Profit, Planet*).

4.3.2.9 PT. Bumi Siak Pusako

Korporat ini adalah milik kerajaan daerah Riau yang didirikan pada tahun 1992. Korporat ini modal usahanya sepenuhnya dimiliki oleh Pemerintah Kabupaten Siak Sri Indrapura. Korporat ini berusaha dalam perlombongan petrol yang berlokasi di Kabupaten Siak. Perlombongan petrol yang diusahakan oleh korporat ini adalah melanjutkan kontrak perlombongan PT.Chevron Pasifik Indonesia yang sudah tamat kontraknya. Pengurusi korporat ini sepenuhnya dilakukan oleh anak-anak jati diri Provinsi Riau. Korporat ini beribu pejabat di Pekanbaru.

4.3.2.10 PT. Kalila;

Korporat ini adalah korporat Badan Usaha Milik Negara yang berada di bawah kuasa PT. Pertamina. Korporat ini berusaha dalam dibidang perlombongan Gas. Lokasi usahanya di Kabupaten Pelalawan dan Kabupaten Indragiri Hulu Provinsi Riau. Dalam melaksanakan tanggungjawab sosial, annual reportnya dilakukan oleh PT.Pertamina.

4.3.2.11 PT. Bangun Tenara

Korporat ini adalah milik swasta yang didirikan tahun 1990 di Kabupaten Kampar. Korporat ini berusaha dalam pengilangan biji sawit menjadi minyak sawit (Pabrik Kelapa Sawit).

Korporat ini berada di desa yang bukan kawasan industri, sehingga merupakan korporat yang jauh dari pusat bandar dan sering dijadikan sasaran oleh masyarakat meminta bantuan tanggungjawab sosial. Perusahaan ini kecil jadi tidak mampu memberikan bantuan, tetapi masyarakat memaksa untuk diberi bantuan kerana itu dijadikan responden. Korporat ibu pejabatnya di Desa Perhentian Raja Kecamatan Siak Hulu Kabupaten Kampar.

4.3.2.14 Universiti Islam Riau

Universiti ini berada di bawah Yayasan Lembaga Pendidikan Islam Daerah Riau (YLPI) Pekanbaru. Yayasan ini didirikan Pada tahun 1950 di Pekanbaru. Yayasan ini bergerak dalam bidang pendidikan. Setakat ini yayasan ini memiliki 2 Taman Kanak-kanak, 2 Buah Sekolah Dasar, 2 buah SMP (Sekolah Menengah Pertama) dan 2 SMA (Sekolah Menengah Atas) dan 1 Universitas.

Universiti Islam Riau didirikan tahun 1962 di Pekanbaru. Setakat ini memiliki Fakultas: Hukum, Agama Islam, Ekonomi, Psikologi, Teknik, Pertanian, Keguruan, Ilmu Sosial dan Ilmu Politik, Ilmu Komunikasi dan Sekolah Pasca Sarjana. Pelajar yang menuntut ilmu di universiti ini berjumlah 20.000 orang dengan pensyarah tetap seramai 300 orang dan pensyarah luar biasa yang berasal dari berbagai universitas dalam dan luar negara seramai 500 orang.

Selari itu boleh disimpulkan bahawa negara tetap komit dan konsisten terhadap amanat yang ditetapkan oleh pendirinya dalam pembukaan Undang-Undang Dasar

1945 yang mengatakan bahawa kemerdekaan adalah untuk memajukan kesejahteraan umum, dan mencerdaskan kehidupan bangsa. Supaya wujud amanat itu, maka oleh Seksyen 33 Perkara 3 Undang-Undang Dasar 1945 dikatakan bahawa bumi dan air dan kekayaan alam yang terkandung di dalamnya dikuasai oleh negara dan dipergunakan untuk sebesar-besarnya kemakmuran rakyat.

Oleh itu untuk mewujudkan tujuan negara iaitu mensejahterakan masyarakat maka kerajaan diharapkan boleh melakukan beberapa tindakan antaranya:

1. Pemerintah menubuhkan Korporat Milik Negara yang menggerakkan ekonomi negara. Korporat tersebut berusaha dalam bidang usaha yang menguasai dan menyangkut hidup orang banyak, seperti perkhidmatan bank-bank, perlombongan petrol, perkhidmatan insuran dan perkhimatan peminjaman wang bagi rakyat kecil iaitu PT. Pegadaian.
2. Mewujudkan demokrasi ekonomi pemerintah membolehkan pribumi melakukan niaga diberbagai-bagai bidang usaha.
3. Memberikan kemudahan bagi bangsa asing melakukan perlombongan disini untuk perniagaan bersaiz dan modal besar.
4. Disusun undang-undang sebagai pedoman dalam menjalankan usaha.
5. Pelaksanaan tanggungjawab sosial bukan sahaja tugas kerajaan tetapi juga pihak swasta.

4.4 Bentuk Bantuan Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat.

Seterusnya di bawah ini dibentangkan bentuk-bentuk tanggung jawab sosial yang dilaksanakan oleh korporat. Pengkaji meneroka pelaksanaan tanggung jawab sosial korporat oleh korporat memaklumkan melalui internet dan yang memaklumkannya di internet, sehingga datanya ada dua iaitu bahan sekunder yang diperoleh melalui internet dan data primer yang berasal penyelidikan lapangan. Sehingga penguraian bentuk pelaksanaannya juga dibagi menurut kumpulan tersebut.

4.4.1 Data Sekunder

Data sekunder iaitu data yang dipermaklumkan oleh korporat di Internet mengenai tanggungjawab sosial yang telah dilakukan oleh korporat-korporat Badan Usaha Milik Negara dan Badan Usaha Milik Swasta. Dari data tersebut telah diperolehi maklumat mengenai bantuan apa yang diberikan oleh korporat berkenaan kepada masyarakat.

4.4.1.1 Badan Usaha Milik Negara (BUMN)/Korporat Milik Kerajaan (KMK)

Di bawah ini dibentangkan bentuk bantuan tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan oleh Badan Usaha Milik Negara terhadap masyarakat di Provinsi Riau.

Data yang dimaklumkan di Internet antara taun 2012 sampai 2015.

4.4.1.1.1 Angkasa Pura. PT

- a. Bidang Ekonomi; Bentuk tanggungjawab sosial korporat yang dilakukan oleh Angkasa Pura, PT. meliputi; (1) memberikan bantuan kepada peniaga Kecil

(pembinaan mitra) seramai 55 orang yang dilakukan pada tahun 2013 dengan jumlah dana Rp1.184.000.000; (2) memberikan Pelatihan kepada Mitra Binaan tanggal 11 s.d 12 Disember 2013 yang diikuti oleh 50 Mitra Binaan (Sumber: Annual Report AP2 Tahun 2013).

b. Bidang Kesihatan;

Sementara itu dalam bidang kesihatan, Angkasa Pura. P.T. telah melakukan beberapa hal iaitu;

(1) Membantu 5 buah kereta ambulans senilai Rp 1,1 bilion yang diserahkan kepada Pemerintah Kota Pekanbaru dan diperuntukkan bagi lima buah Puskesmas (Pusat Kesihatan Masyarakat) di lima kecamatan yang ada di Pekanbaru iaitu: Puskemas Rawat Inap Simpang Tiga, Puskesmas Garuda di Kecamatan Marpoyan Damai, Puskesmas Harapan Raya di Kecamatan Bukit Raya, Puskesmas Pekanbaru Kota, serta Puskesmas Tampan di Kecamatan Tampan (Tribun Regional, 2013).

(2) Mendirikan bangunan Pos Perkhidmatan Terpadu (Posyandu) untuk mendukung peningkatan kesihatan kanak-kanak dan ibu hamil di Kelurahan Maharatu, Kecamatan Marpoyan Damai yang diberi nama Posyandu Posyandu Gerak Gempa Berbunga, dengan harga bangunan sebesar Rp 57 juta (Tribun Regional, 2013).

c. Bidang Pendidikan; memberikan bantuan wang sebesar Rp. 220 juta untuk Pendidikan Anak Usaha Dini (PAUD) di wilayah sekitar Bandara Sultan Syarif Kasim II. dan memberikan bantuan berupa satu buah kereta perpustakaan keliling pada tarikh 11 November 2015 (Angkasa Pura (2015).

4.4.1.1.2 Bank Mandiri. PT

a. Bidang Kesihatan:

- (1) Pada 19 Mac 2012; memberikan bantuan 1 unit kereta ambulans, kursi dokter gigi, kompresor seharga Rp 415 juta yang diserahkan kepada Direktur RSUD Pasir Pengaraian (Riautrust, 2012);
- (2) Pada 15 Jun 2012; memberikan bantuan sebuah ambulans kepada Dinas Kesehatan Provinsi Riau seharga Rp350 juta yang diperuntukan sebagai sarana pelayanan kesehatan masyarakat.

b. Bidang Pendidikan:

Pada 19 Mac 2012 diberikan bantuan 20 unit komputer senilai Rp. 300 juta bagi 3 buah Sekolah Menengah Atas (SMA) di Rambah dan pembelian buku untuk perpustakaan, serta kemudahan multimedia untuk sarana belajar mengajar di kelas bernilai Rp. 79.5. Dan peralatan penunjang pendidikan Rp. 45 juta di SD Negeri 006 Rambah, serta bantuan peralatan penyokong pendidikan Rp. 48.6 juta untuk panti asuhan Budi Mulya Pasir Pengaraian (Riautrust, 2012).

c. Bidang Sosial Kemanusiaan:

13 Jun 2013 diserahkan bantuan kepada Badan Penanggulangan Bencana Daerah (BPBD) Provinsi Riau iaitu 1 unit *Rescue Boat Fybergla ss*, satu unit Trailler Boat dan 1 unit perahu karet lengkap dengan peralatannya, semuanya senilai Rp 200 juta (Riaubisnis, 2013).

4.4.1.1.3 BNI Syariah. PT

Bank ini tidak memberikan bantuan di bidang ekonomi dan bidang kesihatan hanya bidang pendidikan sahaja.

Bidang Pendidikan: Pada Rabu petang 20 Jun 2012 Kantor Cawangan P.T. Bank BNI Syariah Pekanbaru menyalurkan program *Corporate Social Responsibility* (CSR) berupa biasiswa kepada pelajar Sekolah Dasar menjadi Juara wang tersebut berasal dari yang dikumpulkan oleh Rumah Zakat Pekanbaru dan dari sumbangan Ummah, masing-masing sebesar Rp20 juta (Riauterkini, 20-7-2013).

4.4.1.1.4 Bank BRI. PT

a. Bidang Ekonomi:

(1) Pada tanggal 31 Julai 2013 Bank ini menyatakan komitmennya untuk membaiki Pasar Senggol Panam di Pekanbaru, sehingga boleh menjadi bangunan megah.

(2) Pada hari Isnin 17 Mac 14 BRI Cabang Bengkalis menyerahkan bantuan kepada Pemerintah Bengkalis sebuah bas.

b. Bidang Kesihatan: Bank BRI Cawang Rengat menyerahkan bantuan sebuah kereta ambulans bagi masyarakat Indragiri Hulu (Beritaharian, 2014).

c. Bidang Pendidikan

(1) memberikan bantuan biasiswa kepada 195 orang siswa SD, SMP dan SMA di Kabupaten Indragiri Hulu (Situs Riau, 2013).

- (2) menyerahkan bantuan buku untuk perpustakaan bacaan umum sebanyak 50 set buku kepada Sekolah Dasar Negeri (SDN) 01. dan SMPN 1 Bengkalis sebanyak 35 set (Mediacentre, 2014).
- (3) Pada 18 Mac 2014 BRI Cabang Pangkalankerinci memberikan bantuan sejumlah buku paket pada SDIT AT-Taqwa (Utusan Riau, 2014)
- d. Bidang Sosial Kemanusiaan; Pada tanggal 26 Januari 2013 BRI Cabang Rengat membangunkan hentian bas yang terletak di Simpang Empat Kelurahan Pematangreba, Kecamatan Rengat Barat kepada Pemkab Inhu untuk masyarakat (Situs Riau, 2013).

BRI cabang Dumai menyerahkan bantuan tanggungjawab sosial korporat berupa wang sebesar Rp51 juta untuk membangun satu gapura dan enam gerobak sampah yang terbuat dari baja untuk membantu pemerintah bandar Dumai mewujudkan pasar tradisional yang sihat dan bersih (Antarariau, 2011) 27 Februari 2012; Bank BRI memberikan bantuan baka pohon durian Belanda dan jambu citra sebanyak 1.500 batang dan 1000 batang pohon berjenis ketapang dan bunga tanjung kepada Pemerintah Kota Pekanbaru untuk ditanam di pinggir jalan dan ditaman-taman sebagai pohon pelindung (Tribunnews. 2012)

4.4.1.1.5 Bank Riau Kepri. PT

- a. Bidang Ekonomi: Rp. 8.500.000.000 (delapan milion lima ratus juta rupiah) untuk bantuan modal bagi Usaha Kecil Menengah atau Usaha Ekonomi Desa Simpan Pinjam (Halloriau. 2011).
- b. Bidang Kesihatan: Tanggal 23 Disember 2014 Bank Riau memberikan 4 unit kereta ambulance kepada Kabupaten Bengkalis. (Riaubertuah. 2014).18 Disember 2013 menyerahkan masing-masing sebuah kereta ambulans kepada Pemerintah-pemerintah: Kota Pekanbaru, kota Tembilahan, Rengat, dan Bengkalis, serta Pelalawan (Bisnis. 2013)
- c. Bidang Pendidikan:
 1. Pada 5 Nopember 2014, Bank Riau-Kepri (BRK) membantu membangun bilik belajar untuk PAUD Holistik Integratif di Desa Pulau Palas, Kecamatan Tembilahan Hulu, sebesar Rp 500 juta. (Riauterkini, 2014).
 2. Pada 23 Oktober 2014, memberikan bantuan kepada 75 mahasiswa Universitas Pasirpangaraian (UPP) Rohul yang berprestasi cemerlang masing-masing mahasiswa menerima wang sebanyak Rp 2 juta (Portalriau, 2012)
 3. Pada 27 Mei 2015 diberikan biasiswa kepada (1). 41 orang mahasiswa AKBID Dayang Suri, dengan ketentuan setiap pelajar mendapat biasiswa berjumlah Rp1.500.000, (2). Empat orang mahasiswa AKBID Dayang Suri yang memperoleh nilai cemerlang (IPK tertinggi) diberikan biasiswa Rp5.000.000. setiap orang. (3). 16 orang mahasiswa STT Indragiri, (4). Kepada 26 mahasiswa STKIP Air Molek, (5). Kepada mahasiswa STAI

Nurul Falah sebanyak 50 orang, (6). mahasiswa STIE Indragiri berjumlah 36 orang, kepada setiap mahasiswa diberikan biasiswa masing-masing Rp1.500.000. Jumlah keseluruhan biasiswa yang diberikan sebesar Rp273.500.000. (Detakriau, 2015).

d. Bidang Sosial Kemanusiaan:

1. Pada 16 Oktober 2014 Bank Riau Kepri (BRK) membantu peralatan penanggulangan bencana kepada Pemerintah Kabupaten Rokan Hulu (Rohul) berupa 3 buah sekoci dan 1 bot laju lengkap dengan mesinnya yang bernilai Rp200 juta (Situsriau, 2014).
2. Memberi bantuan kepada 520 anak yatim yang bermastautin di sejumlah kawasan Kota Pekanbaru, Provinsi Riau di samping itu juga melakukan pembagian bahan makanan pokok kepada 500 orang fakir miskin (108 jakarta, 2014).

4.4.1.1. 6 BRI Syariah. PT

- a. Bidang Kesihatan; 17 Julai 2013 PT Bank BRI Syariah seperti penyerahan
- b. Bidang Pendidikan: kereta tanki air kepada Palang Merah Indonesia (PMI) Pusat.
- c. Bidang Sosial Kemanusiaan; 17 Julai 2013 penyerahan kereta operasional kepada Yayasan Baitul Maal Bank BRI, ditambah dengan penyerahan bantuan kepada Yayasan Harum (Riau Pos, 2013)

4.4.1.1.7 Jamsostek. PT

- a. Bidang Kesihatan; 14 Mei 2012 12:52 PT. Jamsostek Cawang Dumai, Provinsi Riau melaksanakan pengubatan percuma bagi masyarakat di empat kelurahan di Kecamatan Dumai Barat. Manakala aktiviti yang lain adalah Jamsostek juga sudah menyalurkan 100 buah cermin mata bagi anak didik di tingkat Sekolah Dasar (SD).
- b. Bidang Pendidikan; Pada 2 Mei 2011 Jamsostek Riau I kali ini membagikan biasiswa sebesar Rp. 1.800,000 untuk setiap murid SD dan SMP dan Rp. 2.400.000 juta untuk murid SMA serta mahasiswa Perguruan Tinggi. Sebagai catatan, tahun lalu Jamsostek Riau I menyerahkan biasiswa hingga Rp. 480.000.000 untuk 244 anak berprestasi dari para tenaga kerja yang terdaftar di Jamsostek. Sejak 2004, Jamsostek Riau menyerahkan biasiswa kepada 1.582 orang anak yang berprestasi dengan dana yang disediakan mencapai jumlah Rp. 2.62 bilion (Riaubisnis, 2011).

Manakala pada bulan Mei tarikh 3 tahun 2012 Jamsostek Cawang Riau I tahun ini membagikan biasiswa kepada 481 anak dengan nilai Rp 960.000.000. Sementara Cabang Riau II 148 anak dengan anggaran mencapai Rp. 300 juta, Cabang Dumai 135 anak dengan nilai Rp. 272.400.000 Cawang Duri sebanyak 154 anak dengan nilai Rp 299,400.000 dan Cawang Rengat sebanyak 126 anak dengan nilai Rp. 234.600.000. Jumlah penerima beasiswa Jamsotek di Provinsi

Riau tahun ini sebanyak 1.044 anak berjumlah Rp. 2.066.000.000 (Riaubisnis, 2013).

4.4.1.8 Jasa Raharja (Persero). PT

- a. Bidang Ekonomi; PT. Jasa Raharja (Persero) Cabang Riau antara Januari hingga Ogos 2014 sudah melaksanakan Program Kemitraan dan Bina Alam Sekitar (PKBL) kepada 38 buah badan usaha sebagai mitra binaan (pasangan usaha) yang ada di Kota Pekanbaru dengan jumlah wang yang disalurkan sebanyak Rp.450.000.000..

- b. Bidang Kesihatan; Pejabat Perwakilan Jasa Raharja Wilayah Dumai mengadakan pengubatan percuma di Kantor Samsat Provinsi Riau di Dumai, Selasa 19 Ogos 2014.

4.4.1.9 Pegadaian. PT

- a. Bidang Ekonomi: Pada Senin, 28 April 2014 PT Pegadaian (Persero) Kanwil II Pekanbaru, Provinsi Riau memberikan 1.000 paket bahan makan asas dalam sebuah bazar murah kepada masyarakat kurang keupayaan dalam ekonomi. Setiap satu kupon bernilai Rp. 60.000 yang disubsidi oleh BUMN itu sebesar Rp30.000, warga hanya membayar Rp. 30.000 (Riaumonitor, 2014).
- b. Bidang Kesihatan: Isnin, 28 April 2014 PT Pegadaian (Persero) Kanwil II Pekanbaru, Provinsi Riau mengadakan pengubatan awam bagi 1.500 warga yang berasal dari keluarga tidak mampu pada 30 lokasi untuk Provinsi Sumbar,

Riau dan Kepulauan Riau dengan jumlah wang Rp. 75.000.000 (Riaumonitor, 2014).

- c. Bidang Sosial Kemanusiaan; Sabtu 17 Mac 2013 menyalurkan bantuan alat kesenian berupa satu set alat kesenian Rebana dan pakaian seragam kepada kumpulan Seni Rebana Nurul Jannah di Desa Bantan Air Kecamatan Bantan Kabupaten Bengkalis (Riauterkini, 2014).

Selasa, 26 Februari 2013 Pegadaian Syariah Cawang Soebrantas, Pekanbaru menyerahkan bantuan program untuk pembinaan alam sekitar, berjumlah Rp 23.000.000. Wang tersebut digunakan untuk menimbun jalan di kitaran komplek perumahan (Kelilingriau, 2013).

Pada 30 Januari 2011 PT Pegadaian cabang Siak melakukan penanaman 500 batang anak kayu Tembesi di sepanjang jalan Sultan Syahril Ali, Komplek Balai Kayang Siak (Haloriau. 2011).

4.4.1.1.10 Perkebunan Nusantara V. PT (P.T.P.N V)

- a. Bidang Ekonomi; Khamis 19 Jun 2013 memberi peminjaman wang untuk modal usaha secara bergilir dan berpusing kepada 54 usaha kecil menengah di Kabupaten Indragiri Hulu, berjumlah Rp. 1.095.000.000. (Nusalima ptptn5, 2014). Pada 4 Julai 2013 mengadakan acara pembahagian paket bahan makanan asas secara percuma kepada masyarakat kurang mampu (miskin) yang dilaksanakan secara bersama-

sama di setiap unit pengurusan PT.PN V di seluruh Provinsi Riau (Katakarbar, 2013).

- b. Bidang Kesihatan; melaksanakan majelis khatan untuk kanak-kanak yang ibu bapanya miskin di ibu pejabat korporat, diikuti oleh 365 anak pada 20 Jun 2012, di Sungai Rokan seramai 149 anak. Di Desa Tanah Putih, pada 22 Jun 2012 diikuti 80 anak. Pada 25 Juni 2012 di Desa Lubuk Dalam diikuti 69 anak, Air Molek pada 26 Jun seramai 77 kanak-kanak, Desa Tandun pada 22 Jun 2012 dengan peserta seramai 153 kanak-kanak (Haluanriaupress, 2012).
- c. Bidang Pendidikan; Pada Januari 2014 ada 13 orang pelajar diterima untuk melaksanakan praktik kerja lapangan di PT.PN V Sei Lal (Metroterkini, 2015).
- d. Bidang Sosial Kemanusiaan:
Pada Isnin 12 Mei 2014 PT. Perkebunan Nusantara V di Kabupaten Indragiri hulu dan Kuansing memberikan bantuan wang untuk 12 buah rumah ibadah (Riaueditor, 2014). Pada Isnin, 01 Mei 2015 Dalam meraikkan Hari Buruh Nasional, ratusan pekerja dari Serikat Pekerja Perkebunan PT. Perkebunan Nusantara V menggelar gotong-royong di kitaran operasional perusahaan di Lubuk Dalam, Kecamatan Lubuk Dalam (Riaumandiri, 2015).

4.4.1.11 Pertamina. PT

- a. Bidang Ekonomi:

PT. Pertamina di Lirik tarikh 12 Disember 2013 memberikan pelatihan tata boga kepada kaum ibu di sana, iaitu pelatihan membuat abon patin, stick lele dan berbagai-bagai macam manisan dari buah seperti manisan salak serta berbagai-bagai macam makanan dengan memanfaatkan sumber yang sedia ada pada alam sekitar di kawasan tersebut. Pelatihan tersebut bertujuan untuk meningkatkan harga jual yang lebih tinggi barang yang dihasilkan (Griyafoods, 2013).

Pada 11 Mac 2015 Pemerintah Kabupaten Indragiri Hulu Provinsi Riau bekerjasama dengan PT. Pertamina EP Field Lirik menubuhkan kumpulan petani ikan untuk melakukan pelatihan mengembangkan, pembibitan dan pemeliharaan ikan air tawar serta menjamu makan ikan di daerah itu (Warta ekonomi, 2015).

Pada Mac 24, 2014 PT. Pertamina EP Lirik memberikan pembinaan dan bimbingan kepada petani di Lirik mengenai cara pengolahan tanah pertanian dengan harapan setelah itu petani berkenaan punya kepakaran yang lebih baik dan lebih maju lagi daripada sebelumnya di tengah-tengah masyarakat (Riauterkini, 2014).

b. Bidang Pendidikan:

Sekolah Menengah Kejuruan Negeri (SMKN) 5 Dumai mendapat bantuan dari P.T Pertamina berupa 21 unit peralatan komputer, 1 unit pencetak warna, 21 pasang meja/kerusi serta 2 unit AC. Bantuan ini ialah untuk Laboratorium Komputer bagi sekolah tersebut.

PT. Pertamina di Dumai memberikan bantuan fasilitas perpustakaan kepada Sekolah Dasar Negeri (SDN) 021 di desa Tanjung Palas dan 022 Jaya Mukti Kecamatan Dumai Timur, masing-masing sekolah memperoleh 1600 buah buku bacaan umum, 2 unit AC, 8 set lemari buku serta dilengkapi dengan meja dan kerusi. Bantuan itu bernilai Rp176.000.000 (Wahana Riau, 2015) Pada tarikh 28 October 2014 PT. Pertamina (Persero) menyerahkan satu unit *Electric Executive Luxury Car* kepada Universitas Riau (Berita Pertamina, 2014).

c. Bidang Sosial Kemanusiaan:

27 Jun 2014 Pertamina di Lirik membuat program “kawasan tanggungjawab sosial korporat Pertamina Terpadu” dengan konsep “Pertamina peduli menyelamatkan bumi dan meningkatkan ekonomi masyarakat”. Di lokasi yang sama terdapat wisata alam yang ditanami pohon sebanyak 780 batang dari berbagai jenis antaranya Tembesi, Cassia, Kenanga, Pingku, Beringin, Krey Payung, Matoa, Mahoni dan Saga. Tujuannya untuk peningkatan ekonomi masyarakat, di lokasi pelancongan alam telah dibangun sejumlah kolam perikanan dalam bentuk keramba dipunyai oleh 34 orang perwakilan dari 12 desa (Grahariau, 9 Julai 2015).

4.4.1.1.12 Semen Padang. PT

Bidang Sosial Kemanusiaan:

PT.Semen Padang memberi bantuan tanggungjawab sosial kepada:

Pada 26 Ogos 2013 memberikan bantuan untuk pelaksanaan ibadah kepada Masjid Nurul Falah, di Komplek Taman Mitra Bukit Timah Kota Dumai, berupa:

- i. wang senilai Rp. 5.000.000.
- ii. Al-Quran 10 buah,
- iii. Hambal Solat/Tikar 2 gulung dan
- iv. Jom waktu solat 1 buah (PT.Semenpadang. 2014).

4.4.1.1. 13 Telkomsel. PT

- a. Bidang Kesihatan: pada 16 Oktober 2014 PT. Telkomsel memberikan pengubatan secara percuma kepada seluruh masyarakat di Riau yang terkena penyakit Infeksi Saluran Pernapasan Atas (ISPA) (Metro Siantar, Mac 2014).
- b. Bidang Pendidikan: Pada 13 Nopember 2014 memberikan bantuan wang untuk membaiki bilik belajar kepada SMAN 3 Pekanbaru yang terbakar sejumlah Rp 25.000.000, (Halloriau, 2014).

4.4.1.1. 14 Telkom Indonesia Tbk. PT

- a. Bidang Ekonomi:

Pada Rabu, 20 Februari 2013 telah menyalurkan dana pinjaman sejumlah Rp8 milion kepada masyarakat untuk berternak ikan patin di Desa Koto Mesjid dan Pulau Gadang Kabupaten Kampar Riau (Mediacenteriau. 2013).

- b. Bidang Kesihatan: Pada 08 Mac 2014 P.T.Telkom memberikan pengubatan percuma kegiatan tersebut bertakjuk “Telkom Group Peduli Sesama” (Batam Pos, 08-03-2014).

4.4.1.15 Ringkasan/Rumusan bantuan

Bentuk bantuan yang diberikan oleh Badan Usaha Milik Negara (BUMN)/Korporat Milik Kerajaan (KMK) sebagaimana yang huraiakan di atas boleh dilihat dalam jadual dibawah ini:

Jadual ; 4.4.Pelaksanaan Bantuan Tanggungjawab Sosial Badan Usahan Milik Negara (BUMN)/Korporat Milik Kerajaan(KMK) dalam Bidang Ekonomi, Pendidikan dan Kesihatan

Bil.	Perusahaan	Bantuan BidangEkonomi	Bantuan BidangPendidikan	Bantuan BidangKesihatan
1	Angkasa Pura	<p>1.Membantu modal kepada peniaga kecil (pembinaan mitra) sebanyak 55 orang. Jumlah dana yang disalurkan Senilai Rp1,184 miliar</p> <p>2.Memberikan Pelatihan kepada Mitra Binaan tanggal 11 s.d 12 Desember 2013 yang diikuti oleh 50 Mitra Binaan (Sumber: Annual Report AP2 Tahun 2013).</p>	Memberi bantuan wang sebesar Rp 220 bilion untuk Pendidikan Anak Usaha Dini (PAUD)	Bantuan 5 unit ambulans dan satu buah bangunan posyandu.
2	BNI Syariah		Membantu biasiswa kepada pelajar Sekolah Dasar yang menjadi juara pada masing-masing sekolah dengan biasiswa sebesar Rp20 bilion	
3	BRI		<p>1.Biasiswa kepada 195 orang siswa SD, SMP dan SMA di Kabupaten Indragiri Hulu)</p> <p>2.Menyerahkan bantuan buku untuk perpustakaan bacaan awam sebanyak 50 set buku kepada Sekolah Dasar Negeri (SDN) 01. dan SMPN 1 Bengkalis sebanyak 35 set.</p>	Menyerahkan dana untuk bantuan kesihatan sebesar Rp 3.210.bilion

		Memberikan bantuan kesihatan bagi mangsa bencana alam
4	BRI Syariah	<ul style="list-style-type: none"> 1. 20 unit komputer senilai Rp.300 juta bagi 3 buah Sekolah Menengah Atas di Rambah.
5	Bank Mandiri	<ul style="list-style-type: none"> 2. Buku perpustakaan, serta fasiliti multimedia untuk sarana belajar mengajar di kelas senilai Rp 79,5. Dan peralatan penunjang pendidikan Rp 45 bilion di SD Negeri 006 Rambah 3. Serta bantuan peralatan penunjang pendidikan Rp 48,6 bilion untuk panti asuhan Budi Mulya Pasir Pengaraian
6	Bank Riau Kepri	Memberikan bantuan modal wang sebanyak Rp 850 bilion bagi Usaha Kecil Menengah atau Usaha Ekonomi Desa Simpan Pinjam.
7	Jamsostek	<ul style="list-style-type: none"> 1. Menyerahkan biasiswa hingga Rp 480 bilion untuk 244 anak berprestasi dari para tenaga kerja yang terdaftar di Jamsostek. 2. Jamsostek Riau menyerahkan biasiswa kepada 1.582 anak berprestasi dengan dana mencapai Rp 2,62 milion. 3. Cawang Riau I membagi biasiswa kepada 481 anak dengan nilai Rp 960 bilion. 4. Cabang Riau II 148 anak dengan anggaran mencapai Rp 300 juta, Cawang Dumai 135 anak dengan nilai Rp 272,4 bilion,

		c.Cawang Duri sebanyak 154 anak dengan nilai Rp 299,4 bilion
		5.Cawangan Rengat sebanyak 126 anak dengan nilai Rp 234,6 bilion. jumlah penerima beasiswa Jamsotek di Provinsi Riau tahun ini sebanyak 1.044 anak dengan nilai Rp 2,066 million
8	Jasa Raharja	Memberikan bantuan modal berbentuk wang Rp.450 bilion kepada 38 buah badan usaha sebagai mitra binaan di Kota Pekanbaru
9	Pegadaian	-
10	Pertamina	<p>Pelatihan tataboga kepada kaum ibu dan pelatihan membuat abon ikan patin, stick lele dan berbagai-bagai macam manisan dari buah seperti manisan salak serta berbagai- bagai macam makanan.</p> <p>1. memberi 21 unit peralatan komputer, 1 unit printer warna, 21 pasang meja/kursi serta 2 unit AC untuk keperluan laboratorium Sekolah Menengah Kejuruan Negeri (SMKN) 5 Dumai (09-02-2015)</p> <p>2. Memberikan bantuan perpustakaan kepada Sekolah Dasar Negeri (SDN) 021 Tanjung Palas dan 022 Jaya Mukti Kecamatan Dumai Timur. Setiap sekolah memperoleh 1600 eksemplar buku bacaan umum, 2 unit AC, 8 set lemari buku serta dilengkapi dengan meja dan kursi. Bantuan itu bernilai Rp176 bilion (04-02-2015)</p> <p>3. Juga menyerahkan bantuan berupa 1 unit <i>Electric Executive Luxury Car</i> kepada</p>

		Universitas Riau di Pekanbaru (28-10- 2015)
11	PTPN V	<p>Memberi Peminjaman Wang Untuk Modal Usaha Secara Bergilir Dan Berpusing Kepada 54 Usaha Kecil Menengah Di Kabupaten Indragiri Hulu, Dengan Total Wang Rp 1.095.000.000.</p> <p>Menerima pelajar untuk melaksanakan praktik kerja lapangan Di Ptpn V Seilala</p>
12	Semen Padang	<p>Memberikan bantuan kepada SMAN 3 Pekanbaru yang terbakar sebesar Rp 25.000.000 (13-11-2015)</p> <p>Membantu memberikan dana untuk perbaikan gizi masyarakat dan juga pencegahan penyakit menular.</p>
13	Telkom	<p>Memberi pinjaman wang sebesar Rp. 8 bilion kepada masyarakat untuk berternak Ikan Patin di Desa Koto Mesjid dan Pulau Gadang, di Kabupaten Kampar, Provinsi Riau.</p> <p>Pengubatan percuma kepada masyarakat</p>
14	Telkomsel PT	<p>Membantu membaiki bilik belajar kepada SMAN 3 Pekanbaru yang terbakar sejumlah wang Rp.25,000,000</p> <p>Membantu perubatan percuma kepada masyarakat di Provinsi Riau yang mendapat penyakit Infeksi Saluran Pernafasan (ISPA)</p>

Sumber: Sindo News (2013)

4.4.2 Bentuk Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Oleh Korporat Milik Swasta

Berdasarkan maklumat yang diperoleh melalui melayari laman Internit tersebut boleh dilihat bentuk bantuan yang diberikan oleh Badan Usaha Milik Swasta kepada masyarakat sebagai tergambar di bawah ini :

4.4.2.1 Adira. PT

Bidang Kesihatan; Dalam rangka meraikan hari ulang tahun korporat yang ke-24, pada hari Rabu 3 November 2013 seluruh pegawai PT. Adira melakukan donor darah. Dari derma darah tersebut terkumpul 43 kantung darah, selanjutnya disumbangkan kepada Palang Merah Indonesia (PMI) yang diterima oleh Direktur RSUD Arifin Achmad Pekanbaru. Ketua Korporat Adira Finance Cabang Siantar Irfan mengatakan bahawa “ acara ini merupakan tanggung jawab korporat kepada nasabah sebagai komitmen korporat” (Metrosiantar, 5 Januari 2014).

4.4.2.2 Astra Daihatsu Motor. PT

Pada Selasa tarikh 24 Disember 2013, menyerahkan bantuan pompa suntik kepada Direktur Utama RSUD Arifin Ahmad Pekanbaru, (Riauterkini, 2014).

Dalam bidang Pendidikan, PT. Astra Daihatsu Motor meluncurkan program Pintar Bersama Daihatsu (PBD) untuk sekolah menengah kejuruan (SMK) (Gloriarent, 2014).

4.4.2.3 Chevron Pasifik Inconesia. PT. (P.T.CPI)

- a. Bidang Ekonomi; PT. Chevron Pasifik Indonesia bekerja sama dengan Dinas Pertanian Provinsi Riau memberikan pelatihan kepada masyarakat di bidang pertanian dan membekali dengan bantuan dan kemudahan berupa bibit tanaman, penyiapan tanah, bangunan bedeng-bedeng tanaman, dan peralatan pertanian

seperti paip air, traktor tangan, mesin pembuat makan ikan, cangkul, parang, dan alat penyedut hama kepada masyarakat di daerah Bangko.

PT. Chevron Pacific Indonesia (PT.CPI) atau Chevron mengadakan pelatihan membatik bagi ibu-ibu rumah tangga di Kecamatan Rumbai dan Rumbai Pesisir Rabu (18/7/12). Kegiatan yang dilaksanakan di Rumbai Plaza, komplek Chevron Rumbai, juga melibatkan Persatuan Ibu-Ibu Chevron Rumbai (PIICR) yang menjadi pelaksana pelatihan.

b. Bidang Kesihatan:

PT. CPI melakukan pengubatan kepada masyarakat, seperti operasi bibir sumbing kepada 250 orang di Riau, sanitasi air bersih, serta perkhidmatan kesihatan keliling dengan mengadakan dan melaksanakan kegiatan khatanan awam bagi kanak-kanak di desa-desa yang memerlukannya.

c. Bidang Sosial Kemanusiaan. PT. Chevron Pasifik Indonesia memberikan bantuan dalam kegiatan keagamaan dan kemasyarakatan, termasuk yang dilakukan oleh organisasi sosial kemasyarakatan, pengurus masjid dan gereja.

4.4.2.4 Energi Mega Persada. PT

Korporat dalam melaksanakan program *corporate social responsibility* (CSR) hanya membantu di bidang ekonomi iaitu pada 26 Mac 2014, fokus pada pengembangan bahan makanan sagu dan memberi bantuan teknik pengolahan pengeluaran pohon karet secara moden (Empower People, 2014).

Pada 24 Oktober 2013, memberikan pinjaman modal pemberian usaha untuk pengembangan ekonomi masyarakat di wilayah P.T.EMP MSSA, melalui Lembaga Kewangan Mikro (LKM) yang dibina oleh *Corporate Social Responsibility* (CSR) PT. EMP MSSA. LKM yang berada di Kecamatan Merbau, Kabupaten Kepulauan Meranti ini didirikan untuk memberikan pemberian usaha dan pengembangan ekonomi daerah bagi masyarakat di sekitar wilayah operasi EMP Malacca Strait (Sindonews.com, 2013).

4.4.2.5 Indah Kiat Pulp and Paper, PT

- a. Bidang Ekonomi : Memberikan bantuan wang Rp.10.000.000 bilion kepada Muhammad Nur untuk membuat usaha niaga kerajinan tangan dari sampah plastik bekas. Bantuan ini diberikan dengan cara mengajukan proposal terlebih dahulu ke IKPP. Usaha itu dilakukan di Rumah Muhammad Nur (Neraca, 2013). Pada Oktober 2014 PT. IKPP memberikan pelatihan keterampilan kepada 30 orang suri rumah tangga serta anak perempuan yang menganggur untuk membuat bermacam-macam kuih muih yang bisa dijual ke kedai. Pelatihan ini dilakukan dalam masa 2 hari. Tujuan pelatihan ialah untuk; pertama dapat menambah sara hidup keluarga peserta pelatihan. Kedua memanfaatkan tenaga elektrik yang digunakan di rumah (Griyafoods.com, 2014). Pada 27 November 2014, menyerahkan bantuan kepada mitra binaan pengrajin strapping Tunas Harapan di Desa Tualang, Kecamatan Tualang.

b. Bidang Pendidikan: Pada 11 Jun 2014 memberikan bimbingan belajar (bimbel) kepada pelajar-pelajar tamatan Sekolah Menengah Atas (SMA) di Perawang khasnya yang akan memasuki universiti (Bertuahpos.com, 2014). Pada 25 Mei 2015 diberikan bantuan buku tulis kepada 3.746 orang murid dari Sekolah Dasar (SD) Kecamatan Siak dan Kecamatan Tualang yang berasal dari keluarga kurang mampu. Setiap murid mendapat bantuan buku tulis sebanyak 2 (dua) lusin buku tulis (Halloriau.2015). PT. Indah Kiat Pulp and Paper (IKPP) bekerjasama dengan PT. Arara Abadi (AA) menghibahkan 4.000 buah Alquran kepada pondok-pondok pesantren yang ada di Provinsi Riau.

4.4.2.6 Indoritel Makmur Internasional. PT

- a. Bantuan dibidang ekonomi tidak ada.
- b. Bidang Pendidikan:

Memberikan biasiswa untuk pelajar di kota Pekanbaru yang diberikan kepada 100 siswa SD dari 20 Sekolah, masing-masing 5 orang siswa pada tarikh 31 Oktober 2013 (Tribunnews,13-11-2013).

- c. Di bidang kesehatan

Pada 27 Mac 2014 Indomaret melakukan kegiatan donor darah oleh pekerjaanya sebagai bentuk program tanggungjawab sosial korporat dari pihak Indomaret yang dilaksanakan bekerjasama dengan PMI Pekanbaru (Haluanriaupress, 2014). Selain itu melakukan kegiatan penyemburan anti nyamuk atau pengasapan di Kecamatan Marpoyan Damai Pekanbaru yang bertujuan untuk membanteras berkembangnya

jentik nyamuk sekaligus mengantisipasi penyakit demam berdarah (Haluanriaupress, 2014).

Dalam bidang Sosial Kemanusiaan korporat ini pada tarikh 11 Disember 2013 memberikan bantuan kepada korban banjir di Pekanbaru dalam bentuk bahan makanan iaitu: beras, air mineral, dan dua ratus kotak mi segera. Bila bantuan tersebut dihargai dalam bentuk wang maka jumlahnya lebih kurang Rp10 juta (Riaupos, 5 Januari 2014).

4.4.2.7 Riau Andalan Pulp and Paper. PT (PT.RAPP)

Korporat ini telah memberikan bantuan kepada masyarakat dalam bentuk sebagai berikut::

1. sistem pertanian terpadu sebesar USD 500 ribu.
2. Program pemberdayaan masyarakat lainnya USD 2,6 juta.
3. Bidang kesihatan tidak ada bantuan yang diberikannya.
4. Bidang pendidikan memberikan bantuan sebesar USD 400 ribu.
5. Bidang sosial kemanusiaan bantuan diberikan untuk membaiki infrastruktur sosial dengan jumlah wang USD 1.1 juta. (Riau Pulp. 2014).

4.4.2.8 XL Axiata. PT

Korporat ini tidak ada melaksanakan tanggungjawab sosial dibidang ekonomi, dan Bidang Sosial Kemanusiaan. Korporat ini hanya memberikan bantuan dibidang Pendidikan sahaja iaitu menyerahkan 18 unit komputer ke beberapa sekolah di

Provinsi Riau. Penyerahan dilakukan ke, SMKN 3 dan SMA 9 Pekanbaru, SMA 1 Bangkinang, SMK Taruna Persada Dumai dan SMA 3 Tualang (Halloriau, 2013); Dalam memahami pelaksanaan tanggungjawab sosial untuk korporat milik swasta dapat dilihat ringkasan dalam bentuk jadual di bawah ini.

Jadual: 4.5. Ringkasan Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat Badan Usaha Milik Swasta (BUMS)/Korporat Milik Swasta (KMS) di Riau Tahun 2012-215.

No.	Perusahaan	Bantuan Bidang Ekonomi	Bantuan Bidang Pendidikan	Bantuan Bidang Kesihatan
1	Adira		-	Donor darah sebanyak 43 kantung darah
2	Astra Daihatsu Motor		Bekerjasama dengan dinas pendidikan untuk menyusun kurikulum SMK serta mengimplementasi kannya di sejumlah SMK Binaan.	Memberikan bantuan pup suntik untuk RSUD Arifin Ahmad Pekanbaru
3	Chevron	Memberikan pelatihan di bidang pertanian dan membekali dengan bantuan dan fasiliti.	Memberikan bantuan kepada kegiatan-kegiatan keagamaan dan kemasyarakatan, termasuk yang dilakukan oleh organisasi sosial kemasyarakatan, pengurus masjid dan gereja.	Pengubatan kepada masyarakat, seperti operasi bibir sumbing kepada 250 orang di Riau, tandas, air bersih, serta pelayanan kesihatan keliling. Mengadakan dan melaksanakan kegiatan pengkhitanan bagi kanak-kanak di desa-desa yang memerlukannya
4	Energi Mega Persada	Fokus memberikan bantuan bagi masyarakat untuk	-	

		pengembangan olahan sagu dan getah.	
		Memberikan Bantuan Wang Untuk Membuat Usaha Niaga Kerajinan Tangan Dari Sampah Plastik Bekas.	Menghibahkan 4.000 al-quran bagi pondok pesantren di Riau.
5	Indah Kiat Pulp And Paper	pelatihan keterampilan kepada ibu rumah tangga serta anak perempuan yang menganggur untuk membuat bermacam-macam kuih muih yang bisa dijual ke kedai.	Memberikan bimbingan belajar (bimbel) kepada pelajar tamatan Sekolah Menengah Atas (SMA) di Perawang khasnya yang akan memasuki universiti
		Diberikan bantuan buku tulis kepada 3.746 orang murid dari SekolahDasar (SD) Kecamatan Siak dan Kecamatan Tualang yang berasal dari keluarga kurang mampu	
6	Indoritel Makmur Internasional. PT	Biasiswa untuk kota Pekanbaru diberikan kepada 100 siswa SD dari 20 Sekolah, masing- masing 5 orang siswa	Menggelar kegiatan derma darah bagi pekerja, bekerjasama dengan PMI Pekanbaru, Melakukan kegiatan penyembur anti nyamuk atau pengaspalan di Kecamatan Marpoyan Damai Pekanbaru
7	Riau Andalan Pulp And Paper	Sistem pertanian terpadu sebesar USD 500 ribu	Penyaluran dana untuk Pendidikan USD 400 ribu
8	XL Axiata		Menyerahkan 18 Unit komputer Kebeberapa sekolah Di Riau

Sumber: Sindo News (2013)

4.4.3 Data Perimer

Di atas tadi adalahlah data sekunder yang pengkaji kutip dengan cara melayari laman Internet, selanjutnya pengkaji juga mengutip data dengan melakukan kajian secara

turun langsung ke padang menemui para Informan untuk memperoleh maklumat tentang pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Informan tersebut diperolehi dari ketua korporat seramai enam (6) orang. Manakala informan yang lain diperoleh dari masyarakat yang berasal dari pimpinan masyarakat dan penerima bantuan seramai 30 orang. Oleh itu, total informan dalam kajian ini seramai 36 orang.

4.4.3.1 Bentuk Bantuan Oleh Korporat Yang Langsung di Lapangan

Bentuk bantuan yang diberikan oleh korporat yang pengkaji lakukan melalui turun padang daripada 6 orang informan dari korporat boleh dilihat padauraian dibawah ini.

4.4.3.2 Pengutipan Data dari Pimpinan Korporat.

Temu bual dengan pimpinan korporat dilakukan dengan mengajukan soalan-soalan yang telah dipersiapkan sebelumnya dan dijawab langsung oleh pimpinan korporat.

Pertanyaannya adalah sebagai berikut:

[...Apa sahaja bentuk bantuan yang diberikan perusahaan Bapak kepada masyarakat, sebagai bentuk tanggungjawab sosial korporat dalam bidang (1) ekonomi, (2) pendidikan dan (3) kesehatan.]

Berdasarkan pertanyaan yang diajukan kepada pimpinan korporat tersebut, diperoleh keterangan sebagaimana digambarkan dalam bentuk jadual berikut ini:

4.4.3.2.1.Bantuan Dalam Bidang Ekonomi

Dalam bidang ekonomi bantuan yang diberikan kepada masyarakat dapat dilihat pada jadual di bawah ini.

Jadual 4.6: Bentuk Bantuan Dalam Bidang Ekonomi

Bil.	Syarikat	Bantuan
1	PT. RAPP	<ul style="list-style-type: none"> - Memberikan bantuan modal perniagaan - Latihan kemahiran, mekanik motosikal, kereta, salun - Membina peniaga - Memberikan pekerjaan yang bersifat tidak tetap (bila ada kerja sahaja)
2	PT. Perkebunan Nusantara V (PTPN V)	<ul style="list-style-type: none"> - Memberikan bantuan modal perniagaan - Latihan kemahiran, mekanik motosikal, kereta, salun - Membina peniaga - Memberikan pekerjaan yang bersifat tidak tetap (bila ada kerja sahaja)
3	PT. Bumi Siak Pusako.	<ul style="list-style-type: none"> - Memberikan bantuan modal kepada masyarakat secara kredit. - Latihan kemahiran seperti: mekanik motosikal, kereta, pengimpal, dan salun - Memberikan pekerjaan yang bersifat tidak tetap kepada warga
4	PT. Kalila	<ul style="list-style-type: none"> - Memberikan pinjaman modal kepada peniaga kecil - Latihan kemahiran bagi anak berhenti belajar, mekanik motosikal, kereta, menternak, dan bertani - Memberikan pekerjaan insidentil seperti membersihkan longkang, memotong rumput, mengecat pejabat syarikat
5	PT. Bangun Tenera Riau	Memberi pekerjaan yang bersifat tidak tetap seperti: membaiki jalan yang rosak, membaiki gedung syarikat
6	Universiti IslamRiau	Latihan kemahiran mengelas, bertani, dan pengurusan

Sumber: Diolah dari lokasi penyelidikan lapangan (2013).

Berdasarkan jadual di atas bantuan ekonomi yang diberikan oleh korporat yang dimaklumkan di Internet, dengan yang diperoleh di lapangan sama, tetapi ada satu yang berbeza iaitu ada bantuan pemberian kerja bersifat insidentil iaitu pekerjaan yang tidak bersifat tetap seperti membersihkan longkang, membaiki bangunan pejabat yang rosak, membersihkan bekas banjir, mengecat dan lain-lain. Pekerjaan itu tidak terus menerus ada dan yang dikerjakan yang remeh temeh. Menurut pimpinan korporat bantuan seperti ini sangat penting digalakan, guna membantu

masyarakat yang tidak boleh bekerja sepenuh masa. Kerana bekerja sepanjang masa sehingga gajinya tidak boleh untuk menyanggah hidup. Tiada sebarang kerja lain yang boleh dilakukannya dan terhad pada kepakaran yang dimilikinya. Oleh itu ada pekerjaan di korporat yang tidak patut dikontrakkan, kerana kerjanya kecil tidak memerlukan kepakaran.

4.4.3.2. 2 Bantuan Bidang Pendidikan

Sementara itu bantuan dalam bidang pendidikan yang dilakukan oleh korporat dapat dilihat pada jadual di bawah ini.

Jadual 4.7: Bentuk Bantuan Dalam Bidang Pendidikan

Bil.	Syarikat	Bantuan
1	PT. RAPP	<ul style="list-style-type: none"> - Memberikan biasiswa kepada anak yang ibu bapanya miskin - Membantu alat tulis sekolah, perpustakaan, makmal, kemudahan sukan
2	PT Perkebunan Nusantara V (PTPN V)	<ul style="list-style-type: none"> - Memberikan biasiswa kepada anak yang ibu bapanya miskin - Membantu pemberian sekolah yang rosak - Membantu perpustakaan sekolah, dan makmal
3	PT. Bumi Siak Pusako.	<ul style="list-style-type: none"> - biasiswa dan alat sekolah :komputer, buku perpustakaan
4	PT. Kalila	<ul style="list-style-type: none"> - Biasiswa untuk anak orang miskin - Membantu kemudahan perpustakaan. - Membantu kemudahan di makmal sekolah
5	PT. Bangun Tenera Riau	<ul style="list-style-type: none"> - Memberikan bantuan komputer bagi sekolah
6	Universiti Islam Riau	<ul style="list-style-type: none"> - ceramah undang-undang, latihan pertanian, dan pengurusan - Biasiswa bagi anak miskin

Sumber: Diolah dari lokasi penyelidikan (2013).

Jadual 4.7 tersebut di atas menunjukkan bahawa bantuan yang diberikan korporat kepada masyarakat iaitu dalam bentuk: biasiswa, kemudahan perpustakaan sekolah,

alat tulis, makmal sekolah, komputer serta kemudahan dalam alat-alat sukan. Sedangkan biasiswa hanya diagihkan kepada anak yang berprestasi atau ibu bapaknya miskin. Dalam Undang-undang Pendidikan, disitu dinyatakan bahawa tanggungjawab yang diberikan oleh korporat kepada masyarakat hanya bersifat melengkapi dan membantu sahaja tidak merupakan kewajipan.

Dengan demikian berbeza dengan pendidikan tinggi, menurut Syeksen 1 perkara 1 Undang-Undang Pendidikan Tinggi Nomor 12 Tahun 2012, bahawa masyarakat harus berperan serta dalam pengembangan pendidikan tinggi. Turut serta masyarakat menurut Syeksen 91 perkara 2 dilakukan dengan cara:

- a. menentukan kompetensi lulusan melalui organisasi profesi (keahlian), dunia usaha, dan dunia industri;
- b. memberikan biasiswa dan/atau bantuan pendidikan kepada mahasiswa;
- c. mengawasi dan menjaga mutu pendidikan tinggi melalui organisasi profesi atau lembaga swadaya masyarakat;
- d. menyelenggarakan PTS (Pendidikan Tinggi Swasta) bermutu;
- e. mengembangkan karakter, minat, dan bakat mahasiswa;
- f. menyediakan tempat magang dan praktik kepada mahasiswa;
- g. Memberikan berbagai-bagai bantuan melalui tanggungjawab sosial korporat;

Universiti Islam Riau sebagai lembaga pendidikan tinggi wajib melaksanakan tanggungjawab kepada masyarakat. Sehubungan itu ditanyakan kepada pimpinan Universiti Islam Riau: “Apa bantuan yang diberikan kepada masyarakat ?”

[...bahawa bantuan yang diberikan, adalah pelatihan, yang sifatnya menambah pengetahuan bagi masyarakat mengenai pertanian, pengetahuan undang-undang, pengurusan, kemampuan perniagaan dan lain sebagainya.] (DR,2/6/2013).

Jadi Universiti Islam Riau, hanya memberikan bantuan berupa kepandaian dari sudut ilmu pengetahuan sahaja. Sedangkan bantuan yang berbentuk material seperti rawatan, modal perniagaan dan sebagainya tidak ada.

[...dalam pelatihan, bantuan materi diberikan kepada peserta latihan, jika pelatihan yang diadakan adalah pelatihan keterampilan yang memerlukan bahan sebagai alat pelatihan, seperti pisau untuk mengawinkan tanam (okulasi) dan alat pencangkokan tanaman, begitu pula untuk pemupukan tanaman maka pupuknya disediakan oleh Univeristi.] (DR.2/6/2013).

Selanjutnya diajukan soalan kepada pimpinan Universitas Islam Riau, Selain itu “Apalagi, bentuk bantuan yang diberikan kepada masyarakat?”

[...memberikan bantuan biasiswa kepada pelajar yang ibu bapanya miskin, kepada mahasiswa yang hafiz al-quran. Biasiswa yang diberikan oleh UIR hanya untuk pelajar yang meneruskan pendidikannya di Universiti Islam Riau, tidak ada diberikan kepada masyarakat awam. Mengenai sumber kewangannya berasal dari belanja Univeriti Islam Riau, dan dari belanja kerajaan.Bantuan biasiswa kepada pelajar yang ibu bapanya miskin, hanya untuk anak pegawai yang bekerja di Universitas Islam Riau sahaja.] (DR.2/6/2013).

Mengenai jumlah biasiswa yang diberikan kepada mahasiswa, ditanyakan kepada informan, “ Berapa jumlah biasiswa yang diberikan kepada pelajar ?” Jawapan iaitu:

[....jumlahnya beragam tergantung pada bidang ilmu (fakulti) yang diambil oleh setiap pelajar, untuk bisa dilihat dalam jadual ini.] (DR.2/6/2013).

Jumlah bantuan dan penerima sebagai digambarkan dalam jadual di bawah ini:

Jadual 4.8: Penerima Biasiswa dari dana Universitas Islam Riau

No	Jenjang	Fakultas / Jurusan	Jumlah	Catur	SPP Dasar	SKS	Matrikulasi	Total
----	---------	--------------------	--------	-------	-----------	-----	-------------	-------

	Pendidikan	Penerima	Dharma	i, DII	Beasiswa
1	S2	Pasca Sarjana / Ilmu Hukum	3	-	14.000.000
2	S1	HUKUM / Ilmu Hukum	1	4.200.000	2.200.000
3	S1	HUKUM / Ilmu Hukum	1	-	2.200.000
4	S1	HUKUM / Ilmu Hukum	1		2.000.000
5	S1	FISIPOL / Adm. Niaga	1	4.200.000	7.000.000
6	S1	FISIPOL / Adm. Niaga	1	-	2.200.000
7	S1	FISIPOL / Ilmu Pemerintahan	1		2.000.000
8	S1	EKONOMI / Manajemen	1		2.200.000
9	S1	FKIP / Pendidikan Akuntansi	1		2.200.000
10	S1	FKIP / Pendidikan Bahasa Inggeris	1		2.000.000
11	S1	PSIKOLOGI / Ilmu Psikologi	1		2.300.000
12	S1	TEKNIK / Teknik Perangkat Lunak	1		1.000.000
					300.000
					20.000
					1.320.000
					102.020.000

Sumber : Data Lapangan Kajian (2013)

Selanjutnya biasiswa yang diberikan oleh Univeriti Islam Riau, kepada pelajar yang hafal al-quran dengan perincian sebagai berikut :

- a. Hafiz al-quran 30 juzz percuma wuang SPP Dasar dan Uang SKS selama 4 (empat) tahun atau 8 (lapan semester).
- b. Hafiz al-quran 20 juz percuma wang SPP Dasar selama 4 tahun atau 8 (lapan) semester.

Semenjak ditetapkan oleh Rektor pada tanggal 31 Oktober 2013, program biasiswa bagi pelajar yang hafiz al qur'an, sampai stakat ini belum ada yang mengajukan surat rayuan supaya mendapatkan bantuan tersebut. Di samping itu ada pula, biasiswa yang dibiayai oleh wang belanja kerajaan berupa biasiswa dari kerajaan diberikan

kepada pelajar berprestasi, ibu bapa pelajar yang miskin. Pembayarannya dilakukan oleh Univeristi Islam Riau.

Jadual 4.9: Biasiswa Kerajaan yang salurkan melalui Universitas Islam Riau

Nomor	Sumber Dana	Jenis Beasiswa	Tahun	Jumlah Penerima	RP	Jumlah Biasiswa
1	Kerajaan	Supersemar	2010/2011	10	1.440.000	14.400.000
2	Kopertis / Departemen Pendidikan Nasional	Potensi Akademik	2010/2011	90	4.200.000	378.000.000
			2011/2012	72	4.200.000	302.400.000
			2012/2013	45	4.200.000	189.000.000
					14.040.000	883.800.000

Sumber: Laporan UIR tahun 2013

Selanjutnya ditanyakan kepada informan iaitu Apakah ada bantuan lain yang pernah diberikan oleh Univeriti Islam Riau kepada masyarakat ?

[...bantuan lain yang diberikan kepada masyarakat iaitu berupa : kerusi, meja terpakai kepada sekolah-sekolah di kawasan terpencil.” Selain dari itu tidak ada, kalau ada yang memohon tidak pernah diluluskan.] (DR.2/6/2013).

Jadi berdasarkan data di atas bantuan yang diberikan oleh korporat di bidang pendidikan boleh dikelompokkan dalam dua kelompok iaitu bantuan yang diberikan langsung kepada pelajar iaitu beasiswa dan bantuan yang diberikan kepada sekolah seperti membaiki sekolah yang rosak, bantuan komputer dan perpustakaan.

4.4.3.2.3 Bantuan Dalam Bidang Kesihatan

Seterusnya bantuan di bidang kesihatan, sesuai dengan jawaban yang diberikan oleh pimpinan korporat dapat dilihat pada jadual di bawah ini.

Jadual 4.10: Jadual Bantuan Dalam Bentuk Kesihatan

Bilangan	Syarikat	Bantuan
1	PT. RAPP	- Bantuan berubat bagi pesakit penyakit jarang, seperti tumor, dan lain sebagainya. - Nasihat kesihatan - Memberikan semburan anti nyamuk
2	PT. Perkebunan Nusantara V (PTPN V)	- Bantuan berubat - Nasihat kesihatan
3	PT. Bumi Siak Pusako.	- Khitan masal
4	PT. Kalila	-Bantuan berubat bagi orang yang mengalami kemalangan dan dirawat di hospital syarikat - Nasihat kesihatan
5	PT. Bangun Tenera Riau	-
6	Universiti IslamRiau	Tidak ada memberikan untuk masyarakat tetapi hanya untuk pekerja dan keluarga.

Sumber : Lapangan Kajian (2013)

Mengenai kesihatan ditanyakan kepada pihak korporat, “Apa bantuan yang diberikan korporat kepada masyarakat?”

[...]korporat hanya memberi bantuan rawatan di hospital atau klinik korporat untuk masyarakat yang mendapat kemalangan yang mengakibatkan kecemasan bagi mangsa. Sifatnya bantuan awal sahaja, setelah itu pengubatan berikutnya terserah kepada mangsa, korporat tidak memberi bantuan lagi. Sedangkan sakit biasa bukan kerana kecemasan tidak akan diberi perkhidmatan. Tambahan pula selain dari bantuan di atas, maka bantuan yang lazim diberikan oleh korporat adalah khitan masal, membantu ubat–ubatan bagi klinik masyarakat, semburan anti

nyamuk. keringangan biaya berubat di hospital, pembuatan kakus umum.] (IT. 4/6/2013)

Selanjutnya ditanyakan kepada informan, “Apakah bantuan yang diberikan itu telah sesuai dengan yang diperlukan masyarakat ?”

[... bantuan yang kami berikan kepada masyarakat sudah sesuai dengan yang diperlukan masyarakat tempatan. Sebelum memberikan bantuan kepada masyarakat dipelajari terlebih dahulu secara mendalam mengenai apa yang diperlukan oleh masyarakat. Hasil mempelajari tersebut di masyuarat dalam rapat pimpinan syarikat. Jadi bantuan yang diberikan oleh syarikat, tidak asal berikan sahaja.] (IT,4.6/2013)

Jawaban yang sama juga diberikan oleh pimpinan PT. RAPP :

[...sebelum diberikan bantuan, terlebih dahulu kami kumpulkan data dari masyarakat dengan mengamati apa sesungguhnya yang diperlukan oleh mayarakat.](KN,5/6/2013).

Bagaimana proses selanjutnya hasil kajian tersebut?.

[...hasil mempelajari tersebut dimesyuarat dalam rapat pimpinan syarikat, setelah itu baru ditetapkan apa bantuan yang sebaiknya diberikan kepada masyarakat, setelah diproses bajetnya dan diberi tahu Camat atau ketua Desa atau Rektor bahawa akan ada bantuan yang akan diberikan.] (IT,4.6.2013).

Sedangkan bagi Bank Riau Kepri penyaluran dana tanggungjawab sosial menurut Adizar (ketua) dilakukan berdasarkan permintaan dari daerah masing-masing kabupaten/kota yang ada di Riau dan di Kepulauan Riau. Selain itu, pemberian batuan didasarkan daripada keadaan yang hidup di lapangan. "Kalau di daerah tersebut pertumbuhan UKM-nya masih kurang, tentu potensinya lebih besar untuk mendapat bantuan, (Halloriau. 2011).

Lebih lanjut dikatakan oleh pimpinan Bank Riau Kepri bahawa badjet yang disyalurkan untuk program tanggungjawab sosial korporat ialah 5 peratus dari jumlah keuntungan bersih yang diperolehi korporat setelah dikurangi cukai (Haloriau, 2011).

Jadi dengan demikian pihak masyarakat atau kerajaan tidak diikut sertakan dalam menyusun rancangan yang dilakukan oleh korporat. Masyarakat dianggap tidak mengerti apa-apa. Setelah ditentukan oleh pihak korporat bantuan datang sahaja ke masyarakat, sehingga masyarakat menerima sahaja bantuan tersebut.

Selanjutnya ditanyakan, “Apakah bantuan itu diberikankan setiap tahun ?”

[... pokoknya setiap tahun pasti ada, tetapi tidak semua bidang yang dilakukan, tahun sekarang bantuan modal tahun besok pendidikan dan seterusnya yang lain lagi.] (IT.4/6/2013).

PT. RAPP setiap tahun menyalurkan wang Rp25 bilion untuk program *Corporate Social Responsibility (CSR)*. Bahkan angka tersebut terus ditingkatkan bergantung situasi dan keadaan serta toleransi di lapangan (Halloriau. 2014).

Begitu pula pada PT. Bumi Siak Pusako, menurut staf korporat ini bahawa bantuan tanggungjawab sosial korporat langsung diberikan oleh pihak korporat.

Bahawa masyarakat yang bermastautin dikitaran korporat bermacam-macam sukunya (etnik), ada penduduk asli tempatan yang disebut melayu dan pendatang ada Jawa, Minang, Batak dan dari etnik China, selari itu ditanyakan kepada Pimpinan PT. Siak Pusako. “ Apakah bantuan diberikan kepada etnik (suku) melayu sahaja?”

[... kita dari korporat apalagi milik kerajaan bantuan diberikan kepada semua masyarakat yang bermastautin di sini tidak pilih asal, warna kulit, agama, bahasa apabila sudah mempunyai ID tetap, pasti menjadi perhatian korporat.] IT.4/6/2013).

Di atas sudah disebutkan hasil temu bual daripada pimpinan korporat, guna memantapkan kajian ini, maka pengkaji menanyakan kepada pimpinan korporat mengenai perspektif masyarakat terhadap bantuan yang diberikan oleh korporat. Pengkaji mengajukan soalan iaitu, “Bagaimana perspektif masyarakat terhadap bantuan yang telah diberikan kepada mereka ?”

Berdasarkan temu bual secara bersemuka tersebut didapat jawapan, “bahawa pimpinan korporat menyatakan pada amnya masyarakat menyatakan cukup baik, puas dan senang terhadap tanggungjawab sosial yang diberikan kepada mereka.” Pernyataan ini diberikan pimpinan PT.BSP, PT.Kalila dan Rektor Universiti Islam Riau. Manakala daripada pihak PT.RAPP, PT.Perkebunan Nusantara V, tidak ada menyatakan apa-apa mengenai soalan di atas.

Sementara itu PT.Bangun Tenara Raya juga tidak ada menyatakan apa-apa. Sebab bantuan diberikannya berupa 60 zak semen sahaja untuk pembuatan jalan kampung sepanjang 200 meter di desa Perhentian Raja Kabupaten Kampar. Dari Hasil kajian diperoleh maklumat bahawa pimpinan korporat menyatakan bantuan pembangunan jalan tersebut dikesali oleh masyarakat kerana nilai bantuan sangat kecil. Keadaan ini diperakui oleh pimpinan korporat dengan alasan bahawa tidak mempunyai kos yang cukup kerana keuntungan yang diperolehi juga kecil.

4.4.3.3 Analisa Data Temubual Dalam Kalangan Ahli Masyarakat

Selanjutnya dilihat kebenaran daripada pengakuan pimpinan korporat tersebut dari sudut pandangan masyarakat. Manakala untuk mengetahui pandangan masyarakat maka pengkaji melakukan temu bual secara bersemuka kepada dengan tokoh-tokoh masyarakat.

4.4.3.4 Pengetahuan Masyarakat Mengenai Tanggungjawab Sosial Syarikat

Guna mengetahui pengetahuan masyarakat mengenai tanggungjawab sosial korporat, maka pengkaji mengajukan soalan kepada masyarakat. Soalannya adalah “ Apakah masyarakat sudah mengetahui tentang tanggungjawab sosial korporat, dan dari mana mereka mendapat maklumat?”

Berdasarkan temu bual yang penulis lakukan terhadap masyarakat, pada 15 Julai 2013 dari 6 orang Ketua Desa di setiap kawasan korporat yang dijadikan responden, iaitu : AA, AB, IB, NR, RD, IS,P dan RJ. Soalan yang dicadangkan iaitu “Apakah tuan-tuan mengetahui tanggungjawab sosial korporat?. Daripada soalan tersebut maka diperoleh maklumat dari informan seperti berikut;

[...Mengetahui, seperti bantuan yang pernah saya lihat di Universitas Islam Riau (UIR) ditulis pada batu yang tersebut dari semen yang mengatakan bahawa Knopi ini adalah bantuan PT.RAPP.] (AA-02/5/2013).

[...Sebagaimana dilihatnya di desa Rantau Berangin Kampar disitu ada gapura yang mengatakan bahawa desa ini adalah dibawah pembinaan PT.Perkebunan Nusantara V.] (AB- 5/11/2013).

[...Membaca di koran Riau Pos tetapi dia lupa tanggalnya yang mengatakan bahawa korporat harus melaksanakan tanggungjawab

sosial seperti membantu pelajar dengan biasiswa, membantu peniaga-peniaga dalam permodalan.] (IB-7 /11/2013).

[...Saya diberitahu oleh ketua korporat tempat saya bekerja yang mengatakan tanggungjawab sosial adalah kewajiban korporat untuk membantu masyarakat dalam bidang ekonomi, pendidikan dan kesehatan.] (NR- 10/5/2013).

[...pegawai korporat juga memaklumkan kepada masyarakat ketika memberikan bantuan, mengatakan bahawa syarikatnya mempunyai program tanggungjawab sosial korporat.] (GY,14/6/ 2013).

[...Tanggungjawab sosial korporat adalah bantuan yang diberikan korporat kepada masyarakat dalam bentuk bantuan perniagaan kepada peniaga, bantuan pembuatan jalan desa, bantuan membuat sumur sebagai sumber air bersih bagi masyarakat.] (RD,6/5/2013).

[...Saya mengetahui dari menonton tv, di situ sering dimaklumkan seperti Bupati Indragiri Hulu menerima ambulan dari korporat sebagai tanggungjawab sosial korporatnya, Bupati Kampar menyaksikan korporat Bank Riau Kepri memberikan bantuan pinjaman kepada peniaga yang mengatakan ini adalah tanggungjawab sosial dari korporat.] (IS-15/5/2013).

Selanjutnya diajukan soalan kepada masyarakat, “ Apakah korporat di daerah ini sudah melaksanakan tanggungjawab sosial?” Selari dengan pertanyaan itu beberapa informan dalam temu bual secara bersemuka memberikan jawapan antaranya;

[...Di kampung ini desa Pangkalan lesung, korporat sudah melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat.] (ZK- 15/06/2013)

Sementara itu informan yang lain yang juga memberi pandangan yang tidak jauh berbeza dengan pandangan sebelumnya, iaitu :

[...masyarakat di desa Desa Sorek I (15/6/2013), mengatakan bahawa korporat-korporat di desa ini sudah melaksanakan program-program tanggungjawab sosial masyarakat.] (AD- 15/6/2013)

Manakala informan dari Kabupaten Siak juga memberikan jawapan yang sama dengan di atas, iaitu jawapannya :

[...di desa Perawang ini korporat-korporat sudah melaksanakan tanggungjawab sosial nya.] (RW.17/6/2013).

Informan berikutnya memberikan jawapan berikut:

[...saya hanya mendengar sahaja bahawa korporat telah melaksanakan tanggungjawab sosial tetapi melihatnya belum ada] (18/6/2013).

[...Di Pasir Pengaraian korporat-korporat sudah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat.] (AN.22/6/2013).

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh para informan tersebut di atas, dapat disimpulkan bahawa korporat-korporat yang ada di seluruh Kabupaten dan Bandar di Provinsi Riau sudah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat.

Jawapan di atas adalah yang diberikan oleh golongan pribumi. Selanjutnya sebagai pembandingnya perlu pula ditanya kepada masyarakat yang berasal dari bukan pribumi iaitu kepada masyarakat keturunan Tionghoa. Pengkaji menanyakan sebagai berikut ;

Sudah lamakah anda bermastautin di sini dan sudah berapa lama berniaga di sini ? “

[... saya ini orang Medan jadi ke Pekanbaru adalah merantau, saya sudah duduk di sini selama 25 tahun jadi sudah cukup lama dan memiliki KTP (Karta Tanda Penduduk) Pekanbaru selama itu pula saya berniaga disini. Saya dahulu berumur 20 tahun di bawa oleh abang saya kesini. Awalnya saya bantu abang berniaga, setelah usaha sendiri...] (P. 10/4/2013).

Selanjutnya ditanyakan kepada informan berkenaan, “Apakah anda tahu dan mengerti apa itu tanggungjawab sosial korporat?”

[... tahu saya ini belajar di universiti dan juga baca akhbar, nonton televisyen setiap hari, tetapi sehari-hari sebuk berniaga sehingga saya tidak ada memperhatikan apakah tanggungjawab sosial korporat itu terlaksana atau tidak..] (P.10/4/2013).

Seorang peniaga keturuan Tionghoa lainnya yang berusaha di bidang kedai makanan vegetarian dan yang bersangkutan juga sebagai guru pada sekolah agama Budha di Pekanbaru. Pengkaji menanyakan hal yang sama kepada peniaga tersebut di atas.

“Apakah Puan mengetahui tanggungjawab sosial korporat dan dari mana mendapat maklumat ?”

[... mengerti, saya dapat semasa saya belajar di universiti tahun 2008 dahulu, kemudian dari akhbar, undang-undang, televisyen juga dari kumpulan vihara...] (RJ.11/4/2013)

Selari jawapan yang diberikan oleh informan sepanjang pengamatan pengkaji, bahawa maklumat juga tersebar dari satu orang ke orang lain dalam masyarakat. Dalam masyarakat berlaku suatu hal, bila seseorang menerima sebuah maklumat maka apa yang diperolehnya disampaikan pula kepada kenalan dan saudara-mara mereka. Sebahagian masyarakat juga mendapatkan maklumat melalui buku-buku dan undang-undang yang mereka baca.

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh informan di atas dan juga menurut pengamatan yang pengkaji lakukan, dapat difahami bahawa majoritinya masyarakat

telah memahami dan mengenal apa yang dimaksud dengan tanggungjawab sosial korporat. Pandangan ini boleh menyokong terhadap apa yang ditentukan oleh Undang-Undang Nomor 40 tahun 2007 yang menyatakan bahawa korporat wajib melaksanakan tanggungjawab sosial korporat.

Jawapan yang diberikan oleh informan tersebut di atas dapat di mengerti bahawa secara amnya, masyarakat mendapatkan maklumat mengenai adanya kewajipan korporat untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat melalui akhbar, radio, dan televisyen. Selain itu maklumat diperolehi melalui media cetak dan elektronik. Maklumat juga diperolehi dari pihak yang berkepentingan daripada korporat, iaitu ketua korporat. Selain itu juga berita diperolehi dari mulut kemulut.

4.4.3.5 Pemahaman masyarakat terhadap bentuk bantuan tanggungjawab sosial.

Selanjutnya pengkaji menanyakan kepada informan-informan pengkaji mengenai bentuk bantuan tanggungjawab sosial korporat yang telah diberikan oleh korporat kepada masyarakat.

a. Ekonomi

Selari dengan bidang ekonomi, soalan yang diajukan kepada informan iaitu : Dalam bentuk apa tanggungjawab sosial diberikan oleh korporat kepada masyarakat ?

Jawapan yang diberikan masyarakat adalah:

[...bahawa bantuan diberikan dalam bentuk pembelian motorsikal, secara berhutang untuk dijadikan beca.] (ED,28/6/2013)

Bagaimana cara mendapatkan bantuan dan apa syaratnya.?

[...mudah dapatnya iaitu menghubungi agen motosikal kemudian diisi borang yang sudah disediakan oleh korporat dan dilampirkan KTP (Karta Tanda Penduduk), (KK) Kartu Keluarga, surat keterangan dari Ketua Desa disertai keterangan penghasilan setiap bulannya dan dihantar ke agen motosikal. Selanjutnya agen yang mengurus ke Bank. Jadi kita bayar ke Bank sebagai penjaminnya adalah agen motosikal.] (ED.28/6/2013)

“Anda kerjanya apa sehingga membeli motosikal secara berhutang ?”

[...saya sehari-hari kerja membawa becak barang, kadang-kadang ojek pengangkut penumpang...]ED.28/6/2013)

Dengan membawa becak/ojek, berapa anda mendapat wang dari kerja seperti itu ?

[... tidak tentu kadang dapat Rp. 100.000, kadang dapat Rp.200.000 tetapi ada pula tidak dapat sama sekali, tetapi itu jarang, kalau dipuratakan sebulan Rp.2.000.000. tetapi ada langganan tetap 3 orang itu Rp.400.000 perorang jadi 3 orang Rp.1.200.000.. Kalau dijumlahkan Rp.3.200.000., itu rumah nyewa.] (ED,28/6/2013)

Selain daripada motosikal, “Bantuan apa lagi yang diberikan oleh korporat ke masyarakat ?”

[... ada bantuan modal bermiaga, modal kepada pembuat kuih muih, mekanik sepeda motor, pembelian beca bagi yang berkhidmat pada usaha penangkutan, memberikan keterampilan dalam membuat kerajin dari tangan,] (ED/28/6/2013).

“Biasanya berapa modal yang diberikan oleh korporat?”

[...bahawa modal yang diberikan tergantung kepada jenis usaha yang dilakukan, biasanya modal itu berkisar antara Rp.5.000.000 sampai Rp.6.000.000. Jadi banyak bantuan yang telah diberikan oleh korporat kepada masyarakat, daripada bantuan modal dan pendidikan kemahiran bagi anak-anak yang tidak bersekolah lagi banyak diberikan.] (PT. PT RAPP, 23 Jun 2013).

Selain dari itu, “Apalagi bantuan yang diberikan korporat kepada masyarakat ?

[...kemahiran salun kecantikan untuk remaja putri dengan cara kerja praktik di salun, selepas itu peserta pelatihan kemahiran membuka usaha salun sendiri dengan modal yang diagihkan oleh syarikat.] (ED.28/6/2013).

Selain bantuan modal dan pelatihan kepakaran bagi remaja putri, ada pelatihan mekanikal untuk remaja lelaki. Berikut pengkaji menemui seorang yang pernah mendapat pelatihan dibidang mekanikal kereta.

“Anda pernah mendapat pelatihan mekanikal kereta sebelum bekerja?”

[...tidak, saya tamatan Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) jurusan mesin tahun 1990, setelah itu melamar ke PT. Agung Auto Mall dan diterima, setelah itu saya hantar ke pabrik mobil Toyota untuk menjalani pelatihan selama 1 bulan, sepulang dari situ baru bekerja ditempatkan pada tempat membaiki kereta. Jadi sekarang saya bekerja disini menggunakan ilmu yang saya dapat dari sekolah dan diperdalam dengan pelatihan.] (JS, 30/6/2013)

Selanjutnya ditanyakan mengenai gaji yang diperoleh dari bekerja. Informan menjawab,

[... itu rahasia pribadi yang tahu hanya tuhan, ketua dan bendahari korporat, saya sendiri dan istri.] (JS,30/6/2013).

Selanjutnya seorang mekanikal motorsikal bernama Heri mendapat pelatihan mekanikal Vespa, kepada informan tersebut ditanyakan : anda sebelum bekerja ini dimana mendapatkan pengetahuan membaiki Vespa?.

[... saya selepas sekolah mendapat maklumat dari bengkel motosikal bahawa pelatihan motir akan diadakan oleh sebuah korporat, supaya diantarkan surat rayuan ke kedai ini, selepas diantar surat itu saya disuruh ikut pelatihan di dealer Vespa selama sebulan, selepas itu saya bekerja disini sejak 1995 sampai sekarang.] (H,30/6/2013).

Soalan yang sama dengan JS tadi, ditanyakan pula kepada H, “Berapa penghasilan yang peroleh ? Apakah perhari atau perbulan?”

[... hitungannya menurut jumlah motorsikal yang dibaiki dan dilihat sebarang kerosakan, wangnya dibayar setiap seminggu sekali.] (H.30/6/2013).

“Apakah ada bantuan lain yang diberikan kepada masyarakat oleh korporat tidak berbentuk modal dan pelatihan, informan menyatakan;

[... ada iaitu memberikan kerja yang sifat tidak menentu kadang ada kadang tidak seperti menanam sawit, bibit kayu untuk PT. RAPP] (ZK. 2/7/2013).

Sementara itu untuk memahami pandangan informan dari masyarakat keturunan China mengenai bentuk tanggungjawab sosial korporat dibidang ekonomi, maka soalan yang pengkaji dicadangkan iaitu: Saya lihat usaha anda maju, “ Apakah anda pernah meminjam modal ke Bank, atau mendapat bantuan dari korporat untuk mengembangkan usaha anda ini ?”

[... saya berusaha sendirian tidak ada mendapat bantuan modal dari sisiapapun kecuali dari abang saya semasa memulakan usaha ini, setelah itu usaha saya sahaja...] (**P.10/4/2013**).

Soalan yang sama pengkaji ajukan pula kepada seorang peniaga makan vegetarian yang berasal dari masyarakat keturunan China dengan pertanyaan “ Apakah Puan pernah mendapat bantuan dari korporat yang ada di Pekanbaru ini ?”

[... tidak pernah...saya tidak pernah mendengar masalah bantuan dari korporat yang ada disini.] (RJ.11/4/2013).

Di sini banyak korporat besar seperti PT. RAPP, PT. IKPP dan lainnya dimiliki oleh suku China, “Apakah mereka pernah memberikan bantuan tanggungjawab sosial korporat kepada etnik China ?

[... yang jelas kepada saya tidak ada walaupun saya sebagai peniaga mahupun sebagai guru agama Budha. Kepada yang lain sepanjang pengetahuan saya tidak ada, tetapi kalau anak muda China tidak ada yang tidak kerja atau menganggur, bila mereka memohon pekerjaan ke korporat milik orang China memang cepat diterima. Anak muda China yang bekerja di korporat milik orang China sama seperti orang melayu tidak ada pembezaan.] (RJ.11/4/2013).

Berdasarkan jawapan yang diberikan oleh beberapa informan di atas dapat difahami bahawa bantuan dalam bentuk tanggungjawab sosial korporat baik bidang ekonomi mahupun bidang lainnya hanya diberikan oleh korporat kepada masyarakat pribumi sahaja. Sebaliknya kepada golongan masyarakat keturunan China, tidak pernah ada dilakukan oleh korporat manapun.

b. Pendidikan

Berkenaan dengan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat dibidang pendidikan, ditanyakan kepada informan seorang mahasiswa dengan pertanyaan : “Berapa wang biasiswa yang anda terima setiap tahunnya ?”

[... saya pernah mendapat beasiswa sebanyak Rp.1.400.000 satu semester di UIR (Univeritas Islam Riau) Pekanbaru tetapi sekali sahaja saya tak tahu sebabnya, yang jelas saya tidak pernah mengajukan surat rayuan.] (AB .16/7/ 2013).

Kepada seorang pelajar lain diajukan pertanyaan yang sama, dengan memberi jawaan sebagai berikut:

[... saya mendapat beasiswa dari Chevron sebesar Rp.2.500.000 sebulan selama satu tahun.] HD,16/7/2013).

Sedangkan bantuan enjin juga diberikan ke sekolah seperti Sekolah Menengah Kejuruan (SMK) Negeri di Jalan Patimura Pekanbaru, seperti kata seorang pelajar di sana sekolah ada kerja sama dengan PT. Toyota Agung Auto Mall dan dengan Dealer motosikal Yamaha.] (WW,17 Jun 2013).

Selanjutnya berkaitan dengan pendidikan diajukan soalan kepada pihak etnik China dengan soalan, Tuan sebagai peniaga, juga sebagai anggota masyarakat apa kegiatan anda ?

[... kita ini orang beragama tentu sahaja juga mesti ikut kegiatan keagamaan yang kita percaya. Saya ditugasi oleh kumpulan vihara untuk menghubungi biksu yang akan memimpin persembahyang dan ceramah agama.] (P.10/4/2013).

Selanjutnya diajukan soal kepada informan tersebut, “Dari mana dapat wang untuk keperluan vihara ?”

[... semua keperluan wang untuk belanja vihara diperoleh dari anggota, setiap anggota wajib memberikan sokonganganya. Besar sokongan bergantung kepada anggota, kita tidak tahu dan tidak mahu tahu wang itu asalnya dari mana yang penting ada bantuan. Biasanya orang kaya memberikan sokongan banyak sebaliknya yang miskin ada juga yang tidak memberikan sokongan. Sebagai pengurus tidak dipermasalahkan besar kecilnya bantuan yang diberikan oleh setiap orang...] (P.10/4/2013).

Sebagai orang peniaga juga menjadi guru agama Budha, tentu anda tahu “Apakah vihara pernah mendapat bantuan dari korporat sebagai tanggungjawab sosial? ”

[... keperluan agama diberikan oleh setiap anggota Vihara, dalam agama Budha sama sahaja dengan agama lain, pembangunan Vihara adalah kewajiban semua anggotanya. Sokongan yang diberikan oleh anggota bergantung kepada individu masing-masing. Siapa suka beri sedikit tidak apa, bila dia beri banyak terima kasih. Gaji saya sebagai guru ditentukan oleh ketua Vihara. Mengenai bantuan yang diberikan oleh korporat setahu saya tidak ada.] (RJ.11/4/2013).

Jadi berdasarkan jawapan dari informan di atas, bantuan pendidikan khasnya pendidikan keagamaan tidak ada diberikan kepada masyarakat golongan Tionghoa.

c. Kesihatan

Dibidang kesihatan bantuan yang diberikan oleh korporat terhadap masyarakat sebagaimana digambarkan dibawah ini :

Pendapat yang umum dalam masyarakat mengatakan bahawa bantuan yang banyak diberikan oleh korporat adalah khatan masal (kepada beberapa orang kanak-kanak), siapa sahaja kanak-kanak yang datang ketempat pengkhatanan akan dikhatan. Sehubungan dengan itu ditanyakan kepada informan apakah hal itu yang berlaku?.

[... betul bahawa bantuan korporat dalam bidang kesihatan banyak diberikan dalam bentuk khatan masal, dilakukan dengan cara memberi maklumat kepada masyarakat melalui ketua desa. Bahawa akan ada khatan masal diminta kepada kanak-kanak supaya datang pada hari, jam dan di tempat yang ditentukan korporat. Pada hari yang ditetapkan pesereta di khatan oleh dokter atau tenaga kesihatan yang ditentukan korporat pada hari itu.] (RD,15/7/2007).

Berapa kos yang harus dibayar oleh ibu bapa kanak-kanak berkenaan?

[... kos khatan ditanggung oleh korporat, orong tua kanak-kanak tidak perlu mengeluarkan uang. Bila khatan dilakukan sendiri oleh Ibu Bapa dengan tenaga medis yang datang kerumah kostnya Rp. 1.600.000.] (RD.15 Juli 2013).

Selain khatan bantuan apalagi yang diberikan oleh korporat ?. Informan mengatakan;

[... bantuan kesihatan diberikan kalau ada berlaku kecemasan dalam masyarakat, seperti kemalangan dilebuh raya, terhimpit kayu semasa menebang kayu, mangsa dibawa ke pusat kesihatan korporat, diberi pertolongan pertama sahaja bantuan perawatan setelah itu tidak ada lagi diberi. Sedangkan penyakit biasa dalam keadaan payah, walaupun dikehjarkan ke pusat kesihatan tetap ditolak oleh pihak korporat.] (ZK15 Jun 2013)

Selanjutnya, maklumat yang pengkaji terima dari masyarakat bahawa dibidang kesihatan korporat telah memberikan bantuan lain selain dari khatan. Dalam memperoleh maklumat yang berkuliti maka pengkaji melakukan temu bual dengan pihak ketua desa. Manakala pertanyaan yang ditanyakan iaitu: “Apa sahaja bantuan yang diberikan oleh korporat kepada masyarakat ?” Huraian ketua desa antaranya adalah;

[... korporat memberikan bantuan semburan anti nyamuk, pembuatan kakus umum, membuat sumur bor untuk keperluan air bagi masyarakat, pernah juga memberikan pelajaran tentang

kesihatan masyarakat dikumpulkan di sebuah sekolah dan diberikan maklumat tentang kesihatan.] (AN,15/6/2013).

Berdasarkan jawapan di atas boleh difahmi bahawa bantuan sosial pada bidang kesihatan telah dilakukan oleh korporat bukan sahaja terhad pada khatanan tetapi sudah merangkumi keperluan asas masyarakat.

“Bagaimana cara mendapatkan bantuan tanggungjawab sosial korporat?” Jawapan yang diperoleh dari informan antaranya:

[... bantuan umumnya langsung diberikan oleh korporat kepada pimpinan desa (kampung) setempat atau Camat di sekitar korporat. Masyarakat tidak mengetahui apakah akan ada bantuan atau tidak dan dalam bentuk apa juga tidak tahu jadi menerima sahaja.] (HZ, 20 jun 2013).

“Apakah ada masyarakat meminta bantuan kepada korporat?”

[... ada juga masyarakat yang mengajukan permintaan bantuan kepada korporat. Jika masyarakat yang mengajukan permintaan bantuan, caranya adalah dengan mengemukakan cadangan yang diluluskan oleh pimpinan desa. Lazimnya, permohonan masyarakat banyak yang ditolak oleh pihak korporat. Kecuali jika korporat sedang melakukan program tanggungjawab sosial korporat, dan targetnya belum tercapai seperti pemberian biasiswa dan khatan masal, kalau ada bantuan Pak RW atau yang datang ke rumah menawarkan.] (Hz 20/6/2013).

Sebaliknya bagaimana dengan pelatihan, “Apakah juga ditawarkan korporat ?”

Informan memberikan jawapan sebagaimana di bawah ini:

[... pelatihan-pelatihan yang diadakan oleh korporat tidak ada yang maklumkan ke masyarakat, tahu-tahu seseorang yang telah ikut pelatihan yang diadakan oleh sebuah korporat, jadi kita tidak faham tentang cara sedemikian.] (RW,21/6/ 2013).

Seorang informan dari Kabupaten Kuansing ditanyakan, “ Apakah di daerah ini ada pemberitahuan akan dapat bantuan tanggungjawab sosial dari korporat ?”

[...jarang sekali diperolehi masyarakat. Kalaupun ada, hanya ditentukan oleh ketua desa sahaja. Selain itu, jika masyarakat membuat permohonan kepada korporat, tidak ada permohonan yang diluluskan kecuali jika kalau ada permohonan daripada kerajaan.] (FZ (25 Jun 2013).

4.4.3.6 Analisa Data Temu Bual Dengan Pimpinan Masyarakat

Di atas tadi adalah pendapat yang diberikan oleh masyarakat awam tentang pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Selanjutnya pengkaji melakukan temu bual pula dengan tokok-tokoh masyarakat yang memahami tanggungjawab sosial korporat. Informan tersebut adalah sebagai berikut:

Seorang mantan anggota parlimen kerajaan daerah di Kabupaten Kampar pengkaji menanyakan: “Bagaimana pemahaman Tuan tentang tanggungjawab sosial korporat ?” Jawapan diberikan:

[... sebetulnya konsep tanggungjawab sosial korporat sangat baik sekali untuk dilaksanakan, kerana dapat membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat tempatan. Setahu saya setiap korporat wajib memberikan bantuan yang dikeluarkan dari keuntungan korporat tersebut. Namun di Kabupaten Kampar sepenuhnya saya, bantuan itu sangat sedikit, hanya beberapa korporat sahaja yang melaksanakannya...] (MP,22/6/2013).

“Apa sebabnya Tuan mengatakan seperti itu, Apakah tidak ada korporat yang melaksanakannya ?”

[... ada korporat yang memberikan bantuannya seperti Bank Riau Kepri, korporat lain seperti PT. Perkebunan Nusantara V, PT.Telkom, tetapi tidak tiap tahun dilakukannya, semestinya setiap tahun. Jadi undang-undang yang telah dikuat kuasakan tidak berfungsi seperti yang diharapkan...] (MP,22/6/2013).

Selanjutnya pengkaji mengatakan bahawa bantuan itu berikan kepada masyarakat dilakukan secara berpusing dari daerah yang satu ke daerah yang lain. Barangkali sedang memberikan bantuan ke kawasan lain.

Informan tersebut menambahkan jawapannya, sebagai berikut:

[... setiap undang-undang yang telah dikuat kuasakan (*gezet*) sudah semestinya dilaksanakan oleh korporat, tetapi untuk itukan tulisan sahaja pelaksanaannya bergantung kepada Bupati, ketua-ketua pejabat dan sudah pasti ketua korporatnya...] (MP,22/6/2013).

Berdasarkan jawapan informan tersebut, pegawai kerajaan dan ketua korporat yang harus beraktifiti melaksanakan undang-undang. Oleh itu undang walaubagaimanapun bagus isinya, tidak ada erti nyata kalau petugas kerajaan tidak menjalankan tugasnya. Ketua korporat turut pula menentukan terlaksananya sebuah undang-undang. Begitu selesai undang-undang dikuat kuasakan pelaksanaannya bergantung sepenuhnya kepada kerajaan.

Perundang-undangan adalah aspek penting yang perlu diambil berat oleh pengurusan pejabat. Sebarang penyelarasan dan perancangan yang dibuat oleh organisasi perlu menepati akta-akta dan tidak bercanggah dengan sistem perundangan negara. (Samsudin, 2006).

Oleh itu pengurusan pejabat terutama pimpinan kerajaan harus aktif menjalankan tugas yang diamanahkan kepadanya. Masyarakat hanya menerima sahaja terhadap matlamat yang ditetapkan oleh kerajaan.

Selanjutnya pengkaji menanyakan kepada informan lainnya, mengenai bantuan yang telah diberikan oleh korporat kepada masyarakat. Soalan ini diberikan kepada seorang pengamat masyarakat yang berasal dari desa Kuala Tolam Kabupaten Pelalawan. “Bagaimana pendapat Tuan terhadap bantuan yang diberikan oleh korporat di daerah ini?”

[... membincangkan masalah bantuan tanggungjawab sosial sudah banyak diberikan oleh korporat, seperti bantuan membuatkan jalan kampung, memberikan pelatihan kepada masyarakat dan juga membantu untuk keperluan sekolah-sekolah, biasiswa. Dilihat dari peningkatan ekonomi secara individu tidak tampak, kerana tidak ada diberikan, tetapi membantu membuatkan jalan, masyarakat dibenarkan menggunakan jalan di kawasan korporat sudah cukup untuk meningkatkan ekonomi masyarakat. Kerana buah-buahan yang dihasilkan dari ladang masyarakat sebelum ada jalan tidak boleh dijual busuk begitu sahaja. Sekarang buah-buahan, sayur yang ditanam masyarakat sudah boleh dijual dengan menggunakan jalan yang telah dibuat oleh korporat.] (SS, 23/6/2013).

Perbincangan yang telah huraikan di atas, menunjukkan sudah boleh diambil kesimpulan bahawa benar korporat telah menjalankan perintah undang-undang yang diberikan kepadanya, masyarakat telah pula menerimanya walaupun jumlahnya belum memuaskan hati. Dari perbincangan tadi nampak bahawa bantuan yang diberikan oleh korporat hanya diberikan kepada masyarakat pribumi. Sedangkan penduduk yang bermastautin di Provinsi Riau sangat beragam ada Melayu, Minang,

Batak, Jawa dan China. Dilihat dari sudut agama ada yang beragama Islam, Kristian, Hindu, Budha, Konghucu. Apabila dilihat dari sudut yang memerlukan bantuan, etnik lain juga memerlukan bantuan. Sehubungan dengan itu bagaimana pemberian bantuan terhadap etnik dan agama lain selain islam. Oleh itu perlu dilakukan pengkajian terhadap pemberian bantuan kepada etnik dan agama lain. Soalan diajukan kepada Informan mantan anggota parlimen dari Kampar tadi “ Apakah Tuan setuju bantuan diberikan berdasarkan kepada etnik pribumi sahaja ?”

Jawaban dari informan ialah :

[... dalam pemberian bantuan tidak ada dibeza-bezakan semua sesuai dengan dengan Undang-Undang Dasar 1945, setiap warga negara mempunyai hak yang sama baik mendapat pekerjaan, pendidikan, jadi tidak boleh dibeza-bezakan...] (MP,4/6/2013).

Sebagai seorang warga negara pasti jawabnya seperti itu, bahawa setiap orang wajib menghormati orang lain, tetapi inikan korporat adalah kepunyaan individu. Jadi harus bedza dengan negara, “Bagaimana pendapat Tuan ?

[... sesuai dengan Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 bahawa setiap korporat wajib melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Jadi sebagai korporat kita harus patuh kepada ketentuan tersebut. Demikian juga sebagai warga negara kita harus mematuhi undang-undang. Sebagai individu dan jiran tetangga adalah saudara kita sudah sepautnya saling membantu dan memperhatikan satu sama lain.] (MP.4/6/2013).

Jawapan sebagai seorang individu atau pimpinan masyarakat sudah pasti seperti itu, tidak mungkin akan lain daripada itu. Walau bagaimanapun, di dalam hati sudah pasti tidak sama.

Jadi keterlibatan korporat dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial belum sampai pada tujuan yang hendak dicapai oleh Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 iaitu meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Menurut Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 bahawa korporat harus menetapkan bajet untuk belanja tanggungjawab sosial korporat disatukan dengan belanja rutin korporat. Kelihatannya korporat tidak memenuhi janjinya bahawa dia komit untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat belum mendukung terjalannya hubungan antara korporat dengan masyarakat setempat. Keadaan ini boleh dilihat:

1. Sebagai komitmen korporat tentu harus melakukan tanggungjawab sosial korporat setiap tahunnya, tetapi sebagaimana dikatakan oleh mantan anggota DPR dari Kampar tidak tiap tahun dilakukan.
2. Bantuan tidak ada diberikan kepada golongan Tionghoa, sebagaimana yang diucapkan oleh informan dari etnik Tionghoa.
3. Berdasarkan data yang diperoleh di Internet dan temu bual dengan masyarakat, menunjukkan bahawa bantuan ditentukan secara sepihak oleh korporat tidak mengikutkan masyarakat mahupun wakil dari kerajaan dalam menentukan program yang akan diberikan. Rayuan masyarakat untuk mendapat bantuan tidak diendahkan oleh korporat.

4.5 Pattern (Pola) Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat

Berdasarkan data yang huraikan di atas terdapat 3 (tiga) pola pelaksanaan pemberian bantuan tanggungjawab sosial korporat yang telah dilaksanakan oleh korporat iaitu: pola bentuk bantuan, pola cara menetapkan bantuan, pola penerima bantuan.

4.5.1 Pola Pertama Bentuk Bantuan Yang Diberikan.

Diwajibkannya melaksanakan tanggungjawab sosial korporat kepada korporat Badan Usaha Milik kerajaan (BUMN) dan Badan Usaha Milik Swasta (BUMS) dengan tujuan supaya kedua kumpulan korporat tersebut turut bersama-sama kerajaan meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Realitinya Badan Usaha Milik kerajaan (BUMN) yang banyak melaksanakan tanggungjawab sosial kepada masyarakat berbanding Badan Usaha Misik Swasta (BUMS). Walau bagaimanapun, sama-sama membantu kerajaan, tetapi undang-undang yang mengaturnya berbeza.

Selari itu jumlah bajet yang harus dikeluarkan, ketentuannya juga berbeda antara Badan Usaha Milik Negara (BUMN) dengan Badan Usaha Milik Swasta (BUMS). Badan Usaha Milik Negara harus mengeluarkan wang antara 2 sampai 5 peratus setelah dipotong cukai. Sedangkan Badan Usaha Milik Swasta tidak ditentukan berapa jumlah yang harus dikeluarkannya. Jadi ini tidak adil kerana Badan Usaha Milik Negara harus pula mengeluarkan keuntungannya untuk diberikan kepada kerajaan. Selain itu juga terdapat perbezaan dan persamaan dalam memberikan tanggungjawab sosial.

A. Perbedaan dalam melaksanakan tanggungjawab sosial

1. Badan Usaha Milik Negara (BUMN)

Dasar hukum pemberian bantuan

Bagi BUMN, pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat menurut Undang-Undang Nomor 19 Tahun 2003 disebut pembinaan usaha kecil/koperasi, pembinaan alam sekitar dan pembinaan masyarakat sekitar BUMN. Mengikut undang-undang tersebut, maka bentuk tanggungjawab sosial yang telah dilaksanakan merangkumi; (1) pembinaan usaha kecil/koperasi; (2) pembinaan masyarakat di sekitar BUMN; dan (3) pelaksanaan tanggungjawab sosial persekitaran.

Selanjutnya untuk memaksimalkan pelaksanaan undang-undang Nomor 19 Tahun 2003 maka oleh Menteri BUMN dikeluarkan Peraturan Menteri Negara Badan Usaha Milik Negara Nombor PER-05/MBU/2007 yang kandungannya merangkumi seperti;

1. Pembinaan Peniaga Kecil dan Koperasi

2. Bantuan langsung (BL) yang merangkumi;

- a. Bantuan korban bencana alam;
- b. Bantuan pendidikan dan/atau pelatihan;
- c. Bantuan peningkatan kesihatan;
- d. Bantuan pengembangan prasarana dan atau sarana umum (infrastruktur);
- e. Bantuan sarana ibadah;
- f. Bantuan pelestarian alam sekitar;

3. Dalam pemberian bantuan kemasyarakatan, Badan Usaha Milik Kerajaan selalu menggunakan pegawai kerajaan.

4. Jumlah dana yang harus dibelanjakan oleh Badan Usaha Milik Negara ditentukan oleh Keputusan Menteri Badan Usaha Milik Negara Nomor. Kep 236/MBU/2003 jo Peraturan Menteri BUMN Nomor.Per-05/MBU/2007 antara 2 peratus sampai 5 peratus dari keuntungan setelah dikurangi cukai.

2. Badan Usaha Milik Swasta

Di Indonesia tanggungjawab sosial korporat dibebankan kepada korporat sama ada Badan Usaha Milik Negara mahupun Badab Usaha Milik Swasta. Dalam korporat milik swasta pelaksanaan tanggungjawab sosial juga berdasarkan kepada beberapa peraturan antaranya;

- (1). Bantuan menurut Seksyen 74 Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 ditujukan kepada masyarakat tempatan dan alam sekitar; dan selanjutnya
- (2). Peraturan Pemerintah Nomor 47 Tahun 2012 bahawa tanggungjawab sosial dan persekitaran dimaksudkan untuk:
 1. meningkatkan kesedaran korporat terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial dan persekitaran di Indonesia.
 2. memenuhi tanggungjawab sosial.

Selari dengan itu bantuan yang akan diberikan oleh Badan Usaha Milik Swasta ditentukan sendiri oleh korporat yang berkenaan. Manakala semasa pemberian biaya tanggungjawab sosial kepada pihak penerima, maka pihak swasta tidak didampingi oleh kerajaan melainkan hanya dilakukan oleh kaki tangan organisasi sahaja. Manakala perbezaan yang lain iaitu, korporat milik swasta tidak mempunyai kewajipan melaporkan kepada pihak kerajaan mengenai biaya yang dikeluarkannya untuk pelaksanaan tanggung jawab sosial korporat yang dilakukannya. Demikian pula tingkat peratusan besaran bajet untuk tanggungjawab sosial yang akan

dibayarkan kepada masyarakat tidak ditentukan oleh kerajaan seperti mana dalam korporat milik kerajaan. Bagi Badan Usaha Milik Swasta bajeet tanggungjawab sosial korporat menurut Seksyen 74 (3) Undang-Undang Nomor 40 Tahun 2007 ditentukan berdasarkan kewajaran dan kepatutan sahaja.

B. Persamaan

Selari dari beberapa perbezaan dijumpai pula oleh penyelidik persamaan bentuk-bentuk tanggungjawab sosial korporat sama ada korporat milik kerajaan dan korporat milik swasta. Persamaan bentuk tersebut iaitu;

(1) Tujuan; ertiya sama-sama meningkatkan kesejahteraan masyarakat; (2) Kos; ertiya pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat sama-sama harus digalaskan pada belanja rutin korporat. Berdasarkan undang-undang tersebut di atas boleh disimpulkan bahawa ada tiga (3) pola tanggungjawab sosial korporat dan frekuensi tanggungjawab sosial yang telah dilakukan oleh Badan Usaha Milik Kerajaan dan Badan Usaha Milik Swasta. Pola-pola tersebut iaitu:

Jadwal : 4.11. Pola Bentuk Bantuan

Bilangan	Bentuk Bantuan	Prekuensi
1	Pembinaan usaha kecil/koperasi	20 kali
2	Pembinaan masyarakat	65 kali
3	Tanggungjawab persekitaran	6 kali

Sumber: Data dokumen (2013)

Berdasarkan jadual 4.11 di atas, boleh diuraikan bentuk-bentuk bantuan yang dilakukan oleh setiap korporat antaranya;

a. Bantuan di bidang ekonomi;

Bantuan dalam bidang ekonomi merangkumi pembinaan usaha kecil/koperasi dan pembinaan masyarakat. Pembinaan usaha kecil tidak ada disebutkan kriterianya, hanya disebut peniaga kecil sahaja. Sehingga boleh sahaja semua orang jadi peniaga, tetapi tidak mempunyai kebolehan bermiaga. Selain itu kerana tiada pengawalannya sehingga peniaga berkenaan boleh mendapat bantuan sepanjang masa. Begitu pula pembinaan masyarakat seperti pelatihan kepakaran, bila ada penganggur diberi latihan.

Pelaksanaan tanggungjawab persekitaran, sama seperti bantuan ekonomi bentuknya, tidak ada penjelasan apa sahaja yang had persekitaran itu. Sehingga menimbulkan penafsiran yang berbeda dari para korporat.

b. Bidang dalam bidang Pendidikan

Pendidikan itu ada pendidikan formal dan non formal. Pendidikan formal iaitu pendidikan yang diberikan kepada kanak-kanak usia sekolah, sehingga ia harus bersekolah di Sekolah Dasar dan Sekolah Menengah. Sehingga bantuannya seperti berikut :

1. Membangun bilik belajar Pendidikan Anak Usia Dini (PAUD) membantu komputer,buku perpustakaan, bulu tulis, al-quran;
2. Memberikan biasiswa
3. Memberikan kesempatan untuk praktikal kerja;
4. Bimbingan belajar.

Pendidikan Non Formal. Pendidikan ini dapat dibagi lagi, iaitu pembantrasan buta huruf dan pendidikan keterampilan. Bagi yang buta huruf diberikan pendidikan supaya boleh membaca dan menulis. Pendidikan keterampilan diberikan kepada yang tidak mempunyai kebolehan meneruskan sekolahnya, kerana putus sekolah disebabkan ibu bapanya miskin atau kerana tidak punya kebolehan minda untuk melanjutkan sekolah.

c. Kesihatan.

Bantuan dalam bidang kesihatan ini sebaiknya dilakukan dengan ketentuan seperti

dihuraikan berikut ini:

1. Diberikan kepada keluarga tidak mampu.
2. Bantuan pembantrasan penyakit menular yang mudah berpidah-pindah.

Selain itu bantuan ubat-ubatan dan alat kesihatan.

4.5.2 Pola kedua Cara Menentukan Pemberian Bantuan

Dalam memahami cara menentukan kepada siapa bantuan diberikan, dapat dilihat pada huraian di bawah ini :

Bagi Badan Usaha Milik Negara cara menentukan pemberian bantuan iaitu:

- a. bantuan ditentukan sendiri oleh korporat berdasarkan ketentuan kerajaan,
- b. ditentukan melalui mesyuarat pimpinan korporat. Korporat Milik Negara dalam memberikan bantuan sering menentukan bersama-sama dengan kepala daerah dan datuk bandar.

Korporat yang berbentuk Badan Usaha Milik Swasta (BUMS) ditentukan sendiri oleh korporat berkenaan. Namun demikian dalam undang-undang perlombongan ditentukan bahawa setiap korporat yang berusaha dalam perlombongan harus melakukan mesyuarat dengan masyarakat dan kerajaan terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Khasnya pimpinan PT. Chevron Pasifik Indonesia mengakui bahawa “tanggungjawab sosial oleh korporatnya dilakukan berdasarkan pada acuan dan pernyataan korporat yang disebut dengan *the chevron way*. Acuan ini sudah ditentukan sejak awal proses perniagaan berlangsung dalam menjalankan usaha korporat.

Jadi pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat ditentukan secara sebelah pihak oleh pimpinan korporat, (Daniri, 2006). Dalam sebuah korporat tentu harus ada bahagian yang mempunyai aktiviti sebagai perencana dan pelaksana dari tanggungjawab sosial korporat. Berdasarkan data yang diperoleh dari melayari laman Internet hanya PT. RAPP sahaja yang mengatakan bahawa pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat diurus oleh 2 (dua) bahagian iaitu: bagian *Corporate Social Responsibility* dan *Corporate Philanthropy Public Relation*. Bahagian *Corporate philanthropy Public*

Relation dibagi lagi menjadi *Corporate Philanthropy* dan *Public Relation*. Kedua-dua bahagian ini dipimpin oleh seorang pengurus *Public Relation Unit*. Sedangkan bahagian *Corporate Social Responsibikity* dan *Corporate Philanthropy* dan *Public Relation* dipimpin oleh seorang penyelaras dan mempunyai anggota 4 (empat) orang. Korporat selain dari PT. RAPP meletakkan urusan tanggungjawab sosial korporat di bawah *Goverment Relation (Public Relation)*.

4.5.3 Pola Ketiga Penerima bantuan

Di bawah ini dihuraikan kaedah penerimaan bantuan yang diberikan.

4.5.3.1 Ekonomi

Dalam bidang ekonomi bantuan dalam modal berpusing kepada peniaga-peniaga kecil/koperasi. Bantuan ini diberikan kepada peniaga kecil atau badan hukum atau koperasi yang mempunyai modal Rp.200,000,000 tidak termasukkekayaan harta tanah dan bangunan tempat berusaha. Sedangkan pelatihan kepakaran kepada laki-laki mahupun perempuan yang tidak boleh melanjutkan sekolah, kerana ibu bapa mereka tidak mampu menyekolahkan atau anak muda yang tidak mahu bersekolah.

4.5.3.2 Pendidikan

Dibidang pendidikan bantuan diberikan kepada sekolah berbentuk: buku-buku perpustakaan, komputer, enjin-enjin untuk praktikal. Sedangkan kepada individu diberikan biasiswa.

4.5.3.3 Kesihatan

Bantuan kesihatan diberikan kepada Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas) berupa alat-alat kedokteran, ubat-ubatan, kereta ambulan. Bagi individu kanak-kanak khatanan, pertolongan pertama bagi yang mendapat kemalangan. Kepada masyarakat diberikan bantuan semburan anti nyamuk, sumur sebagai sumber air, kakus umum. Pemberian bantuan oleh Badan Usaha Milik Negara mahupun Badan Usaha Milik Swasta baik itu ekonomi, pendidikan dan kesihatan tidak didasarkan kepada etnik. Bantuan diberikan berdasarkan kepada kes yang berlaku dalam masyarakat sahaja. Namun kenyataannya bantuan hanya diberikan kepada penduduk tempatan (peribumi) sahaja. Bantuan dibidang keagamaan banyak kepada agama islam, sahaja sedangkan bantuan untuk agama lain tidak ada dimaklumkan kecuali PT. Chevron membantu gereja di kawasan korporat berkenaan. Khasnya BUMS bantuan yang diberikan dilaksanakan bersempena dengan acara tertentu seperti hari jadi korporat dan hari kemerdekaan.

4.6 Kesimpulan

Dari huraian yang telah dibentangkan di atas dapat diambil kesimpulan bahawa:

Pertama. Masyarakat telah mengetahui bahawa korporat wajib melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Kedua. Bantuan yang diberikan tidak didasarkan kepada kajian ke atas isu-isu yang terdapat dalam masyarakat, padahal korporat boleh membaiki strategi mengenai dimensi sosial dan alam sekitar dalam menghadapi tekanan masyarakat melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. (Fontain,2012).

Ketiga. Masyarakat tiada melakukan pemberontakan terhadap korporat. Keempat. Masyarakat menerima sahaja sebarang bantuan yang diberikan kepadanya. Kelima. Kerajaan tidak pula memaksa korporat supaya melaksanakan undang-undang yang ada dan tidak pula melakukan pengawalan terhadap korporat yang ada, utamanya yang berhunggbungkait dengan program kerajaan iaitu ekonomi, pendidikan, kesehatan.

Keenam. Belum ada undang-undang tersendiri yang mengatur tanggungjawab sosial korporat, setakat ini aturannya disisipkan dalam undang-undang korporat, undang-undang perlombongan. Jadi perlu ada undang-undang khusus yang berasingan dengan undang lain tentang tanggungjawab sosial korporat. Karena tidak jelas maka korporat sedikit yang jujur menjalankan tanggungjawab sosial korporat. (Riau Terkini, 2014).

Ketujuh. Masih terdapat unsur SARA (Suku Agama dan Ras). Menurut Suharto, (2019) masyarakat masih tetap bekerja sebagai petani ladang berpindah. Akibatnya kerosakan alam sekitar tetap berlaku.

BAB LIMA

PERBINCANGAN

5.1 Pengenalan

Dalam bab ini dibincangkan mengenai penglibatan korporat terhadap sokongan yang diberikannya kepada masyarakat sebagai bentuk tanggungjawab sosial. Apakah sokongan tersebut samaada boleh mempertingkatkan taraf kesejahteraan masyarakat. Selain itu dilihat pula daripada keseriusan korporat-korporat milik kerajaan, swasta asing dan nasional dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Pemberian sokongan tanggungjawab sosial korporat adakah berhubung kait dengan, etnik, tadbir urus korporat. Program harus dirancang sesuai dengan yang ditentukan oleh undang-undang. Pelaksanaan undang-undang adalah salah satu bentuk dari tanggungjawab sosial korporat yang tidak boleh dipertikaikan (Hartman dan Desjardins, 2011).

5.2 Penglibatan Korporat Dalam Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Syarikat

Masih sedikit korporat yang bersedia melaksanakan tanggungjawab sosial korporat di Provinsi Riau. Dari dua ratus korporat yang ditemui melalui penelusuran di internet, hanya 22 korporat sahaja yang telah melaksanakannya, ditambah dengan

korporat yang ditemui langsung sebanyak 4 korporat, oleh itu jumlah 26 buah atau seramai 76.32 peratus korporat yang belum melakukan tanggungjawab sosial korporat. Ertinya bahawa hanya terdapat 23,68 peratus sahaja yang telah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Maknanya kalau dalam bermiaga belum boleh pulang modal yang dilaburkan. Pada hal menurut kajian Sembiring (2005) bahawa tanggungjawab social korporat merupakan proses impak sosial dan persekitaran atau masyarakat secara keseluruhan. Selari itu menurut Gunawan (2009) tanggungjawab sosial korporat ditujukan kepada korporat kerana masyarakat terkena impak dari keberadaan korporat tersebut. Oleh itu sepatutnya hal itu disedari oleh korporat, kerana perbuatannya masyarakat menjadi menderita.

Selari itu belum ada undang-undang yang khusus mengatur tanggungjawab sosial korporat. Selama ini kewajiban melaksanakan tanggungjawab sosial korporat merata-rata di dalam undang-undang pelaburan dan undang-undang perseroan terbatas (Sdn Bhd) dan undang-undang perlombongan. Ketiga undang-undang tersebut masih bersifat am sahaja, dan khas tidak ditemukan yang boleh dijadikan pedoman dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Keadaan ini menyebabkan banyak korporat yang tidak melaksanakan tanggungjawab sosial korporat dan tidak pula dikenakan sebarang penalti. Sebaliknya korporat tidak pula memberi maklumat kepada masyarakat bahawa haknya ada pada mereka. Banyak korporat yang tidak jujur, menyembunyikan hak orang yang ada padanya. Korporat tidak pula berniat untuk membantu *stakeholdernya*. Walau bagaimanapun, masyarakat oleh undang-undang sudah ditetapkan mempunyai hak untuk mendapatkan maklumat mengenai kewajipan korporat untuk memberikan bantuan

tanggungjawab sosial seperti mana yang disokong oleh Syeksen 14 Undang-Undang Nomor 39 Tahun 1999 bahawa setiap orang mempunyai hak untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk membangunkan peribadi dan persekitaran sosialnya. Disedari bahawa maklumat yang diperoleh masyarakat laksana *pasport* untuk melakukan sesuatu (Lubis (1986).

Seharusnya hubungan timbal balik antara korporat dengan masyarakat harus ada kerana korporat telah mengambil keuntungan atas masyarakat atau persekitaran (Darwin, 2004 dalam Anggraini (2006). Akibat tidak dibinanya hubungan antara korporat dengan masyarakat seperti yang dialami oleh Bank Riau Kepri. Bank Riau Kepri tidak mampu menghabiskan bajet Rp.12 bilion yang telah ditetapkannya untuk pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Hal ini terlihat, sampai pertengahan Oktober 2013 baru tersalurkan setengahnya atau sekitar 6 bilion. (Ekonomipos, 2014).

Bank sebagai korporat yang berusaha dibidang kewangan harus membina hubungan dengan masyarakat supaya perniagaannya berjalan lancar. Berdasarkan keadaan yang dialami Bank Riau Kepri, ini jelas menunjukkan bahawa ketua korporat setengah hati untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Hasil kajian yang dilakukan Ghazali dan Chairi (2007) menunjukkan bahawa kemampuan sebuah korporat juga ditentukan oleh masyarakat sebagai bahagian dari kehidupan sosial.


Demikian pula kajian Stephen dan Mery (2011) menyarankan sepatutnya korporat melaksanakan *stakeholder theory* supaya tanggungjawab sosial yang dijalankan sesuai dengan kepentingan masyarakat dan kerajaan. Terhadap *stakeholder Theory* ada dua padanan iaitu pertama adalah sistem yang berdasarkan pandangan bahawa antara suatu organisasi dengan kitarannya saling mempengaruhi antara keduanya yang bersifat yang kompleks dan dinamis, hal ini dapat dilihat dari hubungan sosial keduanya yang berbentuk tanggungjawab dan dipertanggungjawabkan. Oleh karena itu organisasi memiliki pertanggungjawab terhadap *stakeholdernya*. Pandangan kedua teori stakeholder berhubungan dengan pendapat Trekers (1983) dalam Achmad (2007) mengenai pertanggunganjawab secara emperikal. Dari hasil pengkajian terhadap pimpinan korporat yang melaksanakan tanggungjawab sosial, boleh dikatakan berdasarkan kepada hukum yang ada sahaja tidak disertai dengan dasar keikhlasan. Bagi pencapaian keuntungan korporat, pengurus yang mengetuai perlu menggunakan segala sumber yang ada dengan cekap (Samsudin, 2006). Maknanya pengurus korporat harus tahu peranannya sebagai orang yang bertugas membina dan meningkatkan keuntungan korporat yang dipimpinnya.

5.3 Pandangan Terhadap Bantuan Yang Diberikan Oleh Korporat

Perbincangan tentang soal bantuan yang diberikan oleh korporat sebagai program tanggungjawab sosial ke masyarakat, menurut Global (2002) dan Degan (2004) bantuan itu mencakupi bidang pendidikan, ekonomi, dan kesihatan. Dalam pelaksanaan pemberian bantuan, seharusnya modal yang diberikan harus benar-benar meningkatkan pendapatan daripada peniaga yang dibantu.

Bantuan dalam bentuk modal, korporat hanya memberikan wang sahaja. Korporat asal berikan sahaja, tidak memperhatikan usaha yang akan dibantu apakah dapat dikembangkan dengan bantuan yang diberikan. Peniaga yang diberi bantuan tidak mendapat pengawalan dari korporat yang memberikan bantuan. Oleh itu peniaga harus dipandu dalam menjalankan perniagaannya. Pada amnya peniaga kecil lemah dalam mengelola perniagaannya.

Bantuan dalam bentuk kredit akan menimbulkan keuntungan bagi korporat sahaja. Sebab peniaga akan membayar caj dari wang yang dipinjamkannya. Bantuan kredit kereta atau motosikal, peminjam berusaha dengan kenderaan tersebut tetapi pendapatannya tidak selaras dengan kredit dan kost sara hidup yang harus dikeluarkannya. Apabila kereta atau motosikal rosak dan tidak boleh digunakan lagi, si yang mendapat bantuan akan meminta batuan pinjaman lagi.



Begini juga yang mendapat pelatihan ia akan bekerja di korporat yang memberikan kemudahan untuk mendapat pelatihan. Ini baru setakat membuka lapangan kerja. Selari dengan itu bantuan kepada pembuat kuih muih, harus pula diberikan dalam bentuk jenama perniagaan seperti menuliskan peniaga ini di bawah kawalan Korporat A. Sehingga pemasaran kuih dengan menggunakan merek dari si pemberi modal, pembeli menjadi tertarik untuk membelinya. Ini yang disebut merek kolektif.

Bantuan dibidang pendidikan khasnya berupa biasiswa. Bantuan biasiswa ini belum dapat meringankan beban kewangan kepada ibu bapa dari penerima biasiswa. Bantuan yang diberikan tidak diperhatikan oleh korporat mengenai keperluan biaya beli buku, sewa bilik bagi pelajar yang duduk di bandar tidak di kampung mereka. Selari itu biasiswa yang diberikan korporat hanya satu kali sahaja tidak sampai perlajar tersebut menamatkan sekolahnya.

Dalam bidang kesihatan khatanan masal, semburan anti nyamuk, kakus umum, membuat sumur bor untuk keperluan air bersih. Oleh masyarakat tidak itu sahaja yang diperlukan, tetapi keringanan kos perkhidmatan di hospital dan ubat-ubatan lebih penting lagi. Pembantrasan penyakit menular dan penyakit lainnya seperti AIDS/HIV, nyamuk denggi juga diperlukan.

Dalam pemberian bantuan masyarakat diberitahu oleh ketua desa bahawa akan ada bantuan daripada korporat. Masyarakat ada yang memohon, tetapi ditolak. Jadi bantuan itu bentuknya, bahannya, caranya dan kepada siapa diberikan semuanya tergantung kepada korporat. Namun ada juga bantuan diberikan atas permintaan kerajaan. Kesimpulannya masyarakat hanya menunggu sahaja.

Padangan masyarakat secara amnya terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial yang telah dilaksanakan oleh korporat di Provinsi Riau dapat dikatakan sudah menyentuh kesemua bidang kehidupan manusia sehari-harinya. Bantuan itu mulai dari bantuan dibidang ekonomi, pendidikan, kesihatan dan bantuan sosial lainnya

seperti membantu rumah ibadah, bantuan korban banjir, derma darah, memberi subsidi harga barang berupa bahan makanan murah setiap masyarakat menghadapi masuk puasa, hari raya aidil fitri, tahun baru.

5.4 Impak Tanggungjawab Sosial Terhadap Kesejahteraan Masyarakat

Kesejahteraan masyarakat adalah keadaan atau hal di mana orang-orang yang berada dalam suatu daerah memiliki kemampuan dalam memenuhi keperluannya sebagai warga masyarakat (Parassa,2012). Pemenuhan keperluan seseorang tidak dapat sepenuhnya bergantung kepada kemampuan dirinya sendiri tetapi turut pula ditentukan oleh korporat yang ada di dalam masyarakat. Jadi turut sertaanya korporat meningkatkan kesejahteraan masyarakat, di Provinsi Riau dapat dilihat dari kajian ini melalui contoh-contoh dibawah ini dan impaknya terhadap penerima bantuan.

5.4.1 Bidang Ekonomi

Dalam bidang ekonomi, menunjukkan bahawa tanggungjawab sosial korporat telah dilaksanakan dalam berbagai-bagai bentuk seperti;

5.4.1.1 Bantuan Modal Usaha

Bantuan di bidang modal usaha yang diberikan oleh beberapa Badan Usaha Milik Negara (BUMN) kepada peniaga kecil, seperti yang dilakukan PT. Angkasa Pura membantu modal kepada peniaga kecil (pembinaan mitra) seramai 55 orang, jumlah dana yang disalurkan bernilai Rp1,184 bilon, PT. Jasa Raharja memberikan bantuan modal berbentuk wang Rp.450 juta kepada 38 buah badan usaha sebagai mitra binaan di Kota Pekanbaru. PTPN V memberi peminjaman wang untuk modal Usaha

secara bergilir dan bergolek kepada 54 Usaha Kecil Menengah Di Kabupaten Indragiri Hulu dengan Total Wang Rp 1.095.000.000. Dari 3 korporat ini sahaja jumlah wang yang diberikan kepada masyarakat berjumlah Rp.2.729. bilion dengan penerima seramai 147 peniaga, bererti setiap orang menerima kurang lebih Rp.181.000.000. Jumlah wang Rp.181.000.000 tersebut tidak ada disebutkan kepada peniaga mana diberikan. Perniagaan jenis apa yang mendapat bantuan tidak sebarang maklumat yang dapat diguna pakai. Hal ini perlu dipermaklumkan kepada masyarakat, guna mengetahui apakah bantuan yang diberikan boleh meningkatkan kesejahteraan bagi penerimanya. Jadi kerana tidak ada maklumat sehingga tidak diketahui impaknya terhadap penerima maupun masyarakat.

Selari itu contoh bantuan yang nampak impaknya iaitu bantuan yang diberikan kepada seorang peniaga kuih muih dipanggil M mendapat pinjaman modal dari PT.Bank Riau Kepri pada tahun 2011 sebesar Rp.5.000.000. Wang tersebut digunakan untuk membeli bahan pembuat kuih iaitu : alat pengaduk tepung, kompor gas, baskom (panci), meja kerja dan sebahagian lagi digunakan untuk penambah modal pembeli bahan kuih. Sebelum mendapat pinjaman, peniaga ini berniaga dengan modal Rp.3.000.000,- keuntungan kasar setiap hari Rp.130.000 (seratus tiga puluh ribu rupiah). Keuntungan kasar Rp.130.000 dikalikan 30 hari sebulan jadi jumlahnya Rp.3.900.000 sedangkan pengeluaran Rp.2.900.000 sudah termasuk upah daripada pembantu 2 orang. Setiap pembantu dapat upah Rp.800.000 sebulan. Jadi keuntungan bersih hanya Rp.1.000.000. sebulan, bererti upah sebagai pekerja tidak dikeluarkan, sedangkan ia turut bekerja. Sementara standard upah di Riau

Rp.1.700.000 sebulan, sehingga M mendapat penghasilan di bawah standard. Setelah mendapat bantuan keuntungan diperoleh Rp.15.600.000 perbulannya. Pengeluaran Rp.11.717.000. termasuk upah pekerja bertambah 3(tiga) orang. Pekerja juga mengalami peningkatan upah, dari Rp.800.000 menjadi Rp.2.000.000.- perbulan. Dipihak peniaga, keuntungan juga meningkat dari Rp.1.000.000.- menjadi Rp. 3.883.000.- sebulan, sehingga keuntungan dari penjualan M setahun meningkat sebanyak 3.8 peratus. (Diolah dari hasil temubual, 2013).

Dari data yang digambarkan di atas dapat disimpulkan bahawa:

Bantuan yang diberikan kepada peniaga M adalah bentuk yang tepat kepada orang yang punya kebolehan berniaga. Berbekal kepakaran yang dipunyainya dan ditambah bantuan Rp.5,000,000, peniaga berkenaan boleh meningkatkan keuntungannya dan boleh pula membuka jawatan baru bagi penganggur. Jadi tidak sembarang memberikan bantuan sahaja. Bantuan diberikan kepada orang yang pantas dan jujur. Jadi ada penilaian yang bagus dari masyarakat sehingga tidak kecurigaan dari masyarakat terhadap korporat mahupun yang dibentu. Bentuk bantuan yang diberikan ini perlu ditiru dan dikembangkan.

5.4.1.2 Bantuan Pelatihan Dan Bantuan Modal

a. Pelatihan

Seorang pengusaha salun di Pangkalan Kerinci berinisial I mendapat pelatihan keterampilan kecantikan salon yang dibiayai oleh PT.RAPP. Setelah pelatihan diberi modal untuk membuka usaha. Dari usaha itu ia mendapat penghasilan I \$

160 perbulannya. Kalau di kurskan ke rupiah, 1 US dolar Rp.11.300 dikalikan \$160 sama dengan Rp 1.808.000. dengan demikian I berpenghasilan Rp 1.808.000 perbulan. Apabila dibandingkan dengan upah standard di Riau Rp 1.700.000, (Wikipedia,10/7/2013) bererti penghasilan yang diperoleh lebih besar iaitu Rp 108.000. Penghasilan tersebut belum diperkirakan dengan sewa kedai, biaya pemeliharaan alat salun dan sebagainya, jadi juga tidak meningkatkan penghasilan yang bersangkutan. Selari itu penerima bantuan ini tidak seperti kes M di atas yang punya kebolehan berniaga tetapi kekurang modal. Kes I ini tidak punya kebolehan berniaga, sehingga ia tidak bisa mengembangkan usahanya. Oleh itu bantuan hanya terhad kepada pengurangan pengangguran sahaja, jadi impak terhadap kesejahteraan penerima mahupun masyarakat tidak nampak.

b. Pinjaman modal

Seorang tukang ojek (pengangkutan orang atau barang dengan motosikal) mendapat bantuan pinjaman modal beli motosikal secara ansuran dari bank melalui pengedar motosikal, menerangkan bahawa penghasilannya sekitar Rp.3.200.000. Setiap bulan itu belum dikurangi sewa rumah angsuran motosikal. (ED,28/6/2013). Ini kesnya sama dengan I iaitu terhad kepada pengurangan pengangguran. Impaknya terhadap peningkatan pendapatan penerima bantuan tidak kelihatan.

c. Bantuan Pelatihan untuk kerja

Untuk pelatihan dan tanpa bantuan modal, hanya untuk memperoleh pekerjaan bagi penerima pelatihan sama ada pelatihan pada motor sikal mahupun pada kereta penghasilan mereka juga tidak menunjukkan pengingkatan. Pengkaji mengetahuinya melalui pengamatan yang pengkaji lakukan dengan melihat rumah dan kendaraan yang dimilikinya. Hal ini jelas pelatihan yang diterimanya tidak menunjukkan peningkatan penghasilannya.

Berdasarkan contoh yang dihuraikan di atas dibandingkan dengan korporat-korporat yang memaklumkan di Internet, bahawa telah menyalurkan dana berbilion rupiah.

Soalannya ialah: “Kepada peniaga kecil mana disalurkannya bantuan tersebut” Jawabnya tidak ada maklumat yang menerangkannya jadi tidak jelas disalurkan kemana. Peniaga kecil menurut Undang-Undang Nomor 9 tahun 1995 mempunyai modal Rp.200 juta diluar tanah dan bangunan, jadi korporat harus mencari peniaga yang sebesar itu modalnya.

Kemudian kes yang pernah mendapat bantuan, ternyata penghasilan mereka juga belum mencecah ke tingkat sejahtera kerana sejahtera bisa diukur dari sudut penghasilan. Di Provinsi Riau standar upah menurut pemerintah Provinsi Riau ialah Rp.1.700.000 (Wikipedia, 2013).

Gambaran di atas belum dikira yang memberikan bantuan hanya menyebutkan wangnya sahaja seperti Bank Riau Kepri memberikan bantuan modal wang sebanyak


Rp.8.5 bilion kepada pengusaha kecil dan menengah mana diberikan, tidak jelas siapa orangnya. Kes kedua PT Telkom memberikan bantuan Rp.8 milion kepada masyarakat Koto Mesjid untuk membuat kolam ikan, juga tidak jelas siapa orang yang menerima dan hasilnya berapa. Membuat sebuah kolam ikan sederhana modalnya cukup Rp.900.000 sahaja, barangkali kolam yang dibuat dengan cara menggali tanah tentu modal besar.

5.4.1.3 Bantuan Pelatihan untuk kepakaran

Di samping bantuan modal berupa wang terdapat pula bantuan pelatihan yang diberikan oleh korporat untuk meningkatkan kepakaran seseorang. Pelatihan yang diberikan korporat kepada masyarakat tidak dapat diterapkan ilmu tersebut untuk meningkatkan penghasilan peserta latihan. Misalnya, pelatihan membatik yang diadakan oleh PT.Chevron, pelatihan pertanian dan pemeliharaan ayam petelur. Di Kabupaten Pelalawan PT.RAPP memberikan pelatihan pertanian,pelatihan peniaga kecil. PT.IKPP memberikan pelatihan membuat kuih muih, PT.EMP Malaca memberikan pelatihan mengolah makanan dari sagu dan pertanian karet di Kabupaten Kepulauan Meranti.

Berdasarkan hal tersebut di atas menurut Deputi Bidang Pengembangan Sumber Daya Manusia (SDM) Kementerian Koperasi dan UKM Prakoso BS semasa merasmikan pelatihan bagi UMKM kuliner di wilayah Perigi Moutong (Parimo) Sail Tomini Sulteng, menyatakan bahawa pelatihan sangat penting untuk membekali para pelaku UMKM agar daya saing masyarakat kian meningkat, dan pelatihan itu harus

disertai modal (Berita Satu, 2015). Jadi pelatihan yang diadakan PT.RAPP dan PT.IKPP tidak disertai modal, sehingga ilmu tadi tidak boleh digunakan untuk meningkatkan penghasilan, khususnya pelatihan membatik oleh PT.Chevron hanya pelatihan sahaja. Pada hal membantik perlu modal untuk membeli kain, alat membatik dan bahan untuk membatik. Membatik mudah tetapi membuat motif batik memerlukan tenaga pakar. Namanya usaha kecil menengah tentu modal kecil tidak mampu membayar jasa tenaga pakar untuk mengerjakan pekerjaan tertentu. Oleh itu kemampuan bersaing peniaga kecil di pasar yang luas menjadi sangat kecil (Moca, 10 Juni 2015). Batik terkenal yang sudah banyak bermain di pasar, sementara pembatik PT.Chevron baru mulai dan belum terbiasa menghadapi pemain yang sudah mapan.



Pelatihan-pelatihaa tersebut harus di ikuti dengan: pemberian modal, kawalan terhadap pengamalan ilmu, kualiti keluaran barang, memasarkan barang ke pasar. Dalam perniagaan barang yang baru memasuki pasar tentu berhadapan dengan peniaga lama yang sudah dengan jayanya menjulkkan keluaran. Jadi hasil pelatihan dengan tidak disertai modal, pengawalan dan pembinaan jelas tidak akan mendatangkan hasil alias mubazir sahaja. Selari dengan itu bantuan di bidang ekonomi yang berikan oleh korporat belum boleh meningkatkan kesejahteraan masyarakat.

5.4.2 Bidang Pendidikan

Dalam bidang pendidikan bantuan yang diberikan berbentuk biasiswa dan ada untuk pembangunan gedung dan ada alat-alat pendidikan. Dari ketiga-tiga itu hanya biasiswa yang banyak membawa pengaruh kepada peningkatan kesejahteraan ibu bapa dan penerimanya sendiri. Sedangkan bangunan dan alat-alat sekolah tidak berpengaruh secara langsung kepada masyarakat.

Di bidang Pendidikan dari 14 buah BUMN yang memberikan bantuan tanggungjawab sosial hanya 5 buah korporat sahaja yang memberikan bantuan biasiswa. Badan Usaha Milik Swasta juga 5 buah korporat yang memberikan beasiswa.

Berdasarkan kajian ini diperoleh maklumat bahawa: 1. Masih sedikit korporat yang memberikan biasiswa. 2. Penerima bantuan biasiswa yang dimaksud tidak diketahui secara pasti kepada siapa pelajar-pelajar yang menerimanya sama ada yang berlaku pada peringkat Sekolah Dasar (SD), Sekolah Menengah Pertama (SMP), mahupun Sekolah Menengah Atas (SMA) atau pada peringkat universiti.

3. Bantuan Biasiswa itu lazimnya diberikan hanya untuk satu tahun dan tidak sampai anak tersebut menamatkan pelajarannya. Bantuan wang yang diberikan tidak diambil kira dengan keperluan penerima biasiswa seperti beli buku teks, alat tulis, dan pengangkutan. Apabila bila pelajar sekolahnya di luar tempat tinggal ibu bapanya maka harus menyewa bilik sewanya Rp.500.000 sebulan. Jadi biasiswa yang

diberikan oleh korporat tidak mencukupi. Oleh kerana itu orang tua pelajar harus mengeluarkan wang untuk menambah kos sekolah anaknya. Jadi basiswa yang diberikan belum mengurangkan beban yang menghimpit masyarakat.

5.4.3 Di bidang kesihatan

Bentuk bantuan dalam bidang kesihatan seperti derma/tabung darah dilakukan oleh korporat. Bantuan bencana alam seperti misalnya banjir, khatan. Sepatutnya bantuan diberikan oleh korporat adalah bebentuk alat-alat untuk kesihatan bagi hospital, Pusat Kesihatan Masyarakat (PUSKESMAS) termasuk bantuan ambulans, kemudahan dalam rawat, dan harga ubatan yang murah yang berfat kekal.

Selari dengan itu bantuan tanggungjawab sosial yang diberikan oleh korporat belum memberikan manfaat yang ketara sama ada bagi masyarakat, mahupun korporat atau kerajaan. Kerana korporat yang memberikan bantuan sedikit, bantuan tersebut sifatnya kerana ada kes tertentu sahaja tidak kekal. Seharusnya bantuan tadi meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap korporat berkenaan keuntungannya, seperti yang dikatakan oleh Chih (2011) bahawa dengan dilaksanakannya tanggungjawab sosial korporat oleh sesebuah korporat secara konsisten berguna bagi kemajuan syarikat kemaslahat hadapan dan pimpinan korporat mempunyai sudut pandang yang jelas berkenaan dengan Issu tanggungjawab sosial syarikat. Bagi masyarakat manfaat tanggungjawab sosial korporat adalah meningkatkan kesejahteraan mereka.

Menurut Ghani (2005) sejahtera dicapai apabila meningkatnya cita-cita, harapan dan keinginan sudah pasti meningkatkan kemakmuran rakyat. Menurut Moeliono (1989) kesejateraan itu ialah keamanan, keselamatan, ketenteraman hidup. Justeru karena itu kalau dalam suatu daerah masyarakatnya sudah dapat memenuhi keperluan hidupnya maka tercapailah kesejahteraan. Bagi kerajaan tidak lagi mengeluarkan wang untuk hal-hal yang boleh dijangkau oleh tanggungjawab sosial. Dengan adanya tanggungjawab sosial yang dilakukan oleh korporat sudah menimbulkan perubahan kepada masyarakat seperti yang diungkapkan oleh seorang pegawai kerajaan di Kabupaten Pelalawan (SS,23/6/2013). Perubahan tersebut belum lagi mencecah kepada pembebasan masyarakat dari kemiskinan. Menurut Daniri (2006) terlaksananya tanggungjawab sosial korporat ukurannya ketelusan, partisipasi dan penguatan kelompok lemah (ekonomi, pendidikan, kesihatan) biar dia dapat berpartisipasi dalam masyarakat.

5.5 Kesimpulan

Berdasarkan huraian di atas dapat diambil kesimpulan bahawa: (1) pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat tidak cukup dengan undang-undang sahaja harus ada usaha dari pihak kerajaan meyakinkan korporat untuk melaksanakan tanggungjawab sosial melalui sosialisasi secara terus menerus; (2) Undang-undang yang sudah dikuatkuasakan tidak disertai petunjuk dan pedoman pelaksanaan sejenis *code of conduct*; (3) Secara ekonomi bantuan modal yang diberikan ada penerima yang dapat mempertingkatkan keuntungan daripada usahanya, ada pula yang tidak dapat mempertingkat penghasilannya.

(4) Terdapat unsur etnik dan agama dalam pemberian bantuan kepada masyarakat. Dari segi etnik bantuan banyak diberikan kepada peniaga pribumi, dibandingkan dengan etnik yang lain. Dalam bidang keagamaan kaum muslim yang banyak mendapat bantuan sedangkan kepada kaum dan agama lain tidak terdapat sebarang maklumat yang memberikan informasi tentang pemberian bantuan kecuali Chevron yang memberikan bantuan kepada Gereja. (5). Korporat-korporat dalam menjalankan usahanya tidak sesuai dengan tadbir urus korporat yang baik. Kerana tidak ada ketelusan dalam memberikan matlamat. Pelaksanaan tanggungjawab sosial ditentukan secara sepihak oleh pihak kerajaan tidak mengikutkan masyarakat dan kerajaan. Bantuan yang diberikan tidak merangkumi semua golongan masyarakat, hanya kepada pribumi sahaja. (6). Bantuan yang diberikan secara ekonomi, pendidikan dan kesihatan, belum memenuhi tujuan sebagaimana diharapkan oleh undang-undang iaitu meningkatkan kesejahteraan khasnya penerima bantuan dan masyarakat pada amnya. Kerana tidak secara berterusan dilaksanakan. (7). Program diberikan secara unilateral sehingga tidak sesuai dengan keperluan masyarakat yang menerima bantuan sehingga mubazir sahaja. (8). Bantuan yang diberikan tidak pernah dinilai. samaada berjaya atau tidak dan tidak pula dijadikan panduan dalam pemberian bantuan yang pada tahap berikutnya. (9). Setiap bantuan yang telah diberikan dianggap telah selesai dan terlepas dari bantuan seterusnya dan tidak pula dilanjutkan dengan program kedua dan seterusnya. Sehingga, bantuan itu tidak memberikan kesan sebagai aktiviti yang berterusan.

BAB ENAM

KESIMPULAN

6.1 Pengenalan

Dalam Bab Enam ini dihuraikan perkara berkenaan dengan kesimpulan dari kajian yang dibina berdasarkan huraian bab-bab sebelum ini. Selanjutnya dalam bab ini huraikan pula implikasi kajian terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat terhadap peningkatan kualiti kesejahteraan masyarakat. Selain itu dihuraikan pula strategi khas dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat, dan dihuraikan kekurangan kajian ini dan kajian pada masa hadapan.

6.2 Kelemahan Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat

Selari dengan kajian yang pengkaji lakukan terdapat kelemahan dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat oleh korporat. Kelemahan tersebut seperti dihuraikan di bawah ini.

6.2.1 Kelemahan Undang-Undang

Belum terlaksananya tanggungjawab sosial korporat secara maksima di dalam masyarakat. Sebab kerana tiada sebarang kawalan dilakukan oleh pihak kerajaan terhadap korporat supaya melaksanakan tanggungjawab sosial korporat yang diwajibkan kepadanya. Walaubagaimanapun korporat masuk dalam kawasan hukum perdata, ertiya korporat bebas melakukan kegiatannya tanpa campur tangan kerjaan, namun tanggungjawab sosial korporat adalah kebijakan publik merupakan polisi dari kerajaan seharusnya dilakukan kawalan terhadap korporat.

Selama ini undang-undang yang mewajibkan korporat melaksanakan tanggungjawab sosial diatur dalam undang-undang yang berbeda itu pun setiap undang hanya memuat satu pasal sahaja yang disisipkan pada Undang-Undang Nombor 19 Tahun 2003 Tentang Badan Usaha Milik Negara Seksyen 88, Undang-Undang Pelaburan Nombor 25 Tahun 2007 Seksyen 15 dan Seksyen 74 Undang-Undang Nombor 40 Tahun 2007, tidak dalam undang-undang bersendirian. Dalam ketiga undang-undang dan dalam tiga seksyen pula. Dalam ketiga undang-undang ini tidak diatur dengan jelas mengenai ruang lingkup tanggungjawab sosial korporat tersebut.

Kerajaan membiarkan korporat merancang, membentuk, menentukan sendiri cara dan program yang akan dilaksanakannya. Sehingga korporat melakukannya hanya menurut kepentingannya sahaja. Korporat selalu memberikan bantuan kerana ada bencana banjir atau bencana alam, berdasarkan acara tertentu sahaja seperti hari jadi korporat, hari kemerdekaan dan hari besar keagamaan. Jadi bantuan yang diberikan tidak disesuaikan dengan keperluan masyarakat dan kerajaan. Selari itu banyak bantuan yang overleping dengan polisi kerajaan bahkan ada yang dikerjakan masyarakat. Pelaksanaannya juga tidak rutin dilakukan oleh korporat terutama Korporat Milik Swasta. Pada amnya korporat baik BUMN ataupun BUMS sokongan yang diberikannya tidak merata-rata disetiap tempat. Dilihat dari lokasi yang sering mendapat bantuan iaitu Pekanbaru, Dumai, Kabupaten Bengkalis, Kabupaten Indragiri Hulu. Sedangkan kabupaten lain iaitu: Kabupaten Kampar, Kabupaten Rokan Hulu, Kabupaten, Rokan Hilir dan Kabupaten Siak masing-masing hanya satu kali sahaja. Khasnya BUMN menurut Seksyen 88 Undang-Undang Nomor 13 Tahun 2003 BUMN harus melakukan pembinaan kepada masyarakat tempat korporat itu

berusaha. Korporat yang menjadi objek kajian ini, kecuali PT. Pertamina, PT. Semen Padang yang tidak berusaha disemua kabupaten di Provinsi Riau. Berdasarkan itu tentu bantuan tidak diberikan di Pekanbaru dan Dumai sahaja, tetapi harus pula di tempat lain.

Bererti dari sudut hukum Badan Usaha Milik Negara tidak mematuhi hukum yang mengaturnya.

Direktur Bank Riau Kepri mengatakan bahawa bantuan tanggungjawab sosial korporat diberikan oleh korporatnya diasaskan pada :

- a. permintaan daripada kepala daerah masing-masing kabupaten/kota
- b. diberikan berdasarkan pengajian korporat terhadap keadaan yang hidup di lapangan.

Dilihat pernyataan daripada Direktur Bank Riau Kepri tersebut kelihatan baik Pemerintah mahupun korporat tidak serius bekerja. Pemerintah daerah harus aktif mengusahakan supaya korporat menyalurkan dana tanggungjawab sosial korporat yang sudah ditetapkan oleh setiap korporat. Pihak korporat tidak pula berniat membantu dengan ikhlas sebab tidak merancang tanggungjawab sosial yang akan diberikannya, hanya menunggu datang orang yang memohonkan sahaja. Maklumat tidak diberikan kepada masyarakat bahawa ada hak untuk memperoleh bantuan tanggungjawab sosial.

Oleh kerana itu korporat boleh dianggap telah melanggar "hak asas manusia", iaitu hak untuk mendapatkan maklumat. Dalam Seksyen 14 Undang-Undang Nomor 39 Tahun 1999 dikatakan bahawa setiap orang memiliki hak untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat yang diperlukan untuk membangunkan peribadi dan persekitaran sosialnya. Selari dengan itu kerajaan daerah tidak pula diberi peranan dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Oleh karena itu konsep autonomi daerah harus diberlakukan sesegera mungkin supaya setiap kebijakan yang menyangkut hidup orang banyak dapat dilaksanakan dengan baik. Setakat ini pemerintah pusat setengah hati memberikan autonomi kepada pemerintah daerah. Jadi kata kuncinya adalah autonomi. Selama autonomi tidak jelas selama itu pulalah suara minta merdeka dari daerah dilaungkan oleh masyarakat.

Banyak korporat yang belum melaksanakan undang-undang yang mewajibkannya untuk melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Oleh itu nampaknya korporat hanya sekedar melaksanakan undang-undang sahaja, tidak berniat untuk membantu meningkatkan kesejahteraan masyarakat. Seharusnya undang-undang diletakkan sebagai alat untuk mencapai tujuan negara (Mahfud MD, 2011).

Selari itu perlu dibuat undang-undang yang khusus mengatur mengenai pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Selain dari itu undang-undang yang dibuat baru itu harus berhubung kait dengan undang-undang lain seperti yang sudah ada iaitu undang-undang Badan Usaha Milik Negara (BUMN), Undang-Undang Pelaburan, Undang-Undang Perseroan, Undang-Undang Alam Sekitar, Undang-Undang Perlombongan. Secara khusus undang-undang kepegawaian kerajaan perlu di semak

semula, kerana pegawai kerajaan banyak duduk di kerusi sahaja tanpa memikirkan bagaimana untuk meningkatkan kesejahteraan masyarakat, kecuali menunggu laporan, tiada laporan tiada kerja habis jam pejabat pulang tanpa merasa bersalah. Keadaan seperti ini yang menjadi sebab program tanggungjawab sosial tidak dilaksanakan oleh korporat.

6.2.2 Kelemahan Tadbir Urus Korporat

Chih (2011) mengatakan supaya berhasil dalam pelaksanaan tanggungjawab sosialnya, korporat harus melaksanakan tadbir urus korporat yang baik (*Good Corporate Governant*). Dilihat dari sudut itu, Korporat Milik Swasta mahupun Korporat Milik Negara belum melaksanakannya. Hal itu sebagaimana diuraikan di bawah ini.

6.2.2.1 Ketelusan

Dilihat dari kenyataannya para korporat ini tidak ada yang mengamalkan prinsip telus. Seperti PT. Chevron Pasifilk Indonesia mengatakan bahawa setiap bantuan yang diberikannya didasarkan pada perencanaan dan pengelolaan yang dibuatnya sendiri yang disesuaikan dengan panduan yang dimilikinya. Begitu juga korporat lainnya, setiap bantuan yang akan diberikan ditentukan sendiri. Jadi tidak diinformasikan kepada masyarakat besarnya bajet yang dikeluarkan.

Sementara itu, dalam laporan tahunan tidak ada diumumkan berapa peratus bajet yang digunakannya untuk program tanggungjawab sosial korporat yang

dikeluarkannya. Dalam perancangan program, wakil masyarakat dan kerajaan tidak dibawa bermesyuarat. Walau bagaimanapun wakil kerajaan dan masyarakat harus dilibatkan, sebab mereka yang akan menerimanya. Jadi di sini ada pelanggaran Hak Asasi Manusia yang mengatakan bahawa “Setiap orang berhak untuk berkomunikasi dan mendapatkan maklumat” (Undang-Undang Nomor 39 Tahun 1999).

Berdasarkan kenyataan di atas jelas tidak akan terwujud kesejahteraan masyarakat kerana pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat dilakukan tidak secara telus dan tidak pula ada iktikat baik dari korporat. Oleh itu tidak sesuai dengan apa yang dilaungkan korporat bahawa tanggungjawab sosial korporat adalah komitment korporat untuk membantu masyarakat sebagai visi dan misi yang banyak dipahamkan oleh korporat sehingga ia menjadi satu set andaian falsafah, nilai-nilai, norma-norma, keyakinan, idea, mitos, dan karya yang bersepadan untuk mengarahkan perilaku organisasi (Riau Pos, 12 Mei 2013).

6.2.2.2 Tanggungjawab

Korporat pelaksana tanggungjawab sosial, tidak cepat bertindak balas terhadap kenyataan yang berlaku dalam masyarakat. Pada hal tanggungjawab sosial korporat adalah komitmen korporat untuk melaksanakannya, sehingga merugikan korporat itu sendiri. Oleh itu hanya selera korporat sahaja dipentingkan. Jadi ia melanggar hak masyarakat iaitu hak mendapatkan informasi dan hak untuk didengar. Menurut Gunawan (2009) bahawa tanggungjawab korporat tidak hanya ditujukan kepada kepentingan pemilik atau pemegang saham sahaja tetapi juga untuk keperluan

masyarakat yang terkena impak dari keberadaan korporat. Darwin (2004) sebagaimana dipetik oleh Anggraini (2006) mengatakan bahawa setiap korporat mesti secara sukarela mengintegrasikan perhatian yang serius terhadap masyarakat atau persekitaran korporat sebagai hubungan timbal balik dengan masyarakat kerana korporat telah mengambil keuntungan atas masyarakat dan persekitarannya. Dalam kajian yang dilakukan Ghozali dan Chairi (2007) dikatakan bahawa kelangsungan hidup sebuah korporat juga ditentukan oleh masyarakat sebagai bagian dari kehidupan sosial. Oleh itu korporat tidak menggunakan konsep yang dianut dalam *Stakeholder Theory*.

6.2.2.3 Responsif

Korporat seharusnya harus peka terhadap masalah yang berlaku di dalam masyarakat, sebagai tindak balas (*responsive*) atas kehadirannya ditengah-tengah masyarakat. Prinsip *responsive* merupakan asas yang penting bagi sebuah korporat supaya masyarakat merasa bahawa tiap-tiap hal yang berlaku dalam masyarakat menjadi perhatian korporat, sehingga menimbulkan rasa simpati masyarakat terhadap korporat. Selari dengan *fiduciary theory* bahawa pelaksanaan korporat diserahkan kepada ketua korporat. Jadi ketua korporat yang harus berperan aktif memperhatikan keadaan yang berlaku dalam masyarakat. Kerana pelaksanaan tanggungjawab sosial adalah suatu usaha untuk meningkatkan prestasi korporat.

6.2.2.4 Faktor SARA

Dalam pemberian bantuan tanggungjawab sosial korporat sering ditemui faktor Suku (Etnik), Agama, Ras (SARA). Di Indonesia korporat besar (konglomerat) banyak dimiliki oleh orang keturunan China, kalaupun ada *joint venture* dengan korporat negara luar, kebanyakan dengan korporat dari Malaysia, Singapura, Taiwan yang sebenarnya adalah China juga. Sehingga Siswono Yudohusodo pada tahun 1991 semasa menjabat sebagai Menteri Negara Perumahan Rakyat Republik Indonesia, menerbitkan sebuah risalah yang mengatakan bahawa korporat kepunyaan etnis China melakukan tindakan :

1. Sejumlah korporat lebih suka merekrut orang-orang keturunan China;
2. Dalam memberikan gaji, sejumlah korporat melakukan tindakan diskriminasi, dengan memberikan gaji lebih kepada pekerja dari etnik China;
3. Ada sejumlah korporat yang membeda-bedakan antara etnik China dengan etnik lainnya di Indonesia dalam perilaku mereka terhadap klien, (Chang, 2012).

Dari data yang ditemui di padang pelaksanaan pemberian bantuan tanggungjawab sosial korporat banyak ditemui keadaan seperti yang di sebutkan oleh menteri tersebut di atas iaitu mengandung unsur etnik mahupun berdasarkan keagamaan. Korporat Milik Swasta tidak ada memberikan bantuan kepada pegusaha kecil sama ada pribumi atau bukan peribumi. Para peniaga besar bimbang tersaingi peniaga kecil dari etnik China oleh peniaga pribumi. Sokongan secara nyata kepada peniaga China tidak nampak. Namun bila diamati kelihatan bahawa keperluan pejabatnya atau individu dibeli di kedai atau dari korporat atau peniaga milik orang China.

Peniaga China membeli barang untuk dijualnya lagi dibeli dari kilang korporat orang China sehingga harganya murah berbanding dengan pribumi yang membelinya. Semasa peniaga China menjual barang kepada peribumi mahupun sesama China harganya murah berbanding barang yang sama dijual di kedai peribumi. Oleh karena itu peribumi lebih suka belanja ke kedai China dari pada kedai peribumi, begitu juga orang China sendiri membeli di kedai China jarang yang mahu membeli di kedai peribumi. Sehingga di kedai peribumi orang tidak boleh belanja, akibatnya kedai peribumi tutup untuk selama-lamanya atau mati sebelum ajal.

Korporat milik keturunan China baik yang kerjasama dengan korporat luar negara atau tidak, dalam memberikan bantuan di bidang keagamaan hanya diberikan untuk agama Islam sahaja. Sedangkan agama lain tidak ada sebab tenaga kerjanya banyak peribumi dan beragama Islam, jadi bantuan adalah untuk mengambil hati pekerja sahaja. Juga mengambil hati pimpinan kerajaan bahawa kaum muslim diperhatikan. Bantuan kepada umat Islam akan lebih banyak bila korporat berada di perkampungan masyarakat. Itulah sebabnya korporat-korporat besar banyak mendirikan usaha dan beribu pejabat di Jakarta kerana masyarakatnya heterogen.

Penerimaan pekerja memang ada daripada golongan China dan peribumi atau golongan lain tetap sahaja disesuaikan dengan pendidikan dan kepakarannya. Bila sudah diterima bekerja kedudukan penting dan rahasia seperti kewangan, membuat produksi tertentu yang tidak boleh diketahui oleh orang lain diberikan kepada golongan China. Kedudukan yang tidak memerlukan kepakaran diberikan kepada

pribumi bahkan tidak diberikan kepada golongan China, seperti pemandu, khidmat cuci, keselamatan, babysister, tukang cuci tiada sama sekali diberikan kepada golongan China, ini memperlihatkan bahawa golongan China lebih terhormat.

Korporat-korporat milik orang Eropah mahupun Amerika Syarikat yang beroperasi di Provinsi Riau mengamalkan apa yang berlaku di Amerika Syarikat iaitu bahawa setiap korporat Amerika Syarikat yang beroperasi di luar negara harus melaksanakan *Sullivan Principal* dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat iaitu : (a). Tidak ada pemisahan ras (*non separation of races*) dalam makan, bantuan hidup dan fasilitas kerja; (b). Sama dan adil dalam melaksanakan pekerjaan (*equal and fair employment proces*); (c) Pembayaran upah yang sama untuk pekerjaan yang sebanding (*equal payment compansable work* (Daniri, 2006). Sebenarnya itu adalah politik untuk tidak berlaku kecerobohan bagi usaha orang Amerika Syarikat. Pada PT. Chevron bantuan keagamaan ada diberikan kepada gereja tetapi di kawasan korporat tersebut, di luar itu tidak ada.

Menurut Global (2015) dan Deegan (2004) bahawa setiap korporat hendaknya memberikan kesejahteraan kepada orang lain atau masyarakat, seperti di bidang pendidikan, ekonomi, dan kesihatan. Oleh itu, menurut Darwin (2004) sebagaimana dipetik oleh Anggraini (2006) bahawa setiap korporat mesti secara sukarela mengintegrasikan perhatian serius terhadap masyarakat atau dikitaran korporat sebagai hubungan timbal balik korporat kepada masyarakat kerana telah mengambil keuntungan atas masyarakat atau kitaran korporat.

Bantuan yang diberikan oleh korporat milik swasta pada amnya bantuan yang bersifat seremonial sahaja iaitu pada waktu menyerahkan bantuan diundang pemimpin kerajaan untuk menyaksikannya. Sehingga timbul kesan bahawa korporat berkenaan telah melaksanakan tanggungjawab sosial. Namun bantuan itu jumlah tidak sesuai dengan keuntungan yang mereka peroleh serta tidak sesuai dengan kerosakan yang timbul kerana korporat tersebut melakukan aktivitinya.

Berdasarkan kajian yang dilakukan oleh Ghazali dan Chairi (2007) bahawa kelangsungan hidup sebuah korporat juga ditentukan oleh masyarakat sebagai bahagian dari kehidupan sosial. Menurut Untung (2008) bantuan sosial seperti bantuan dibidang ekonomi, pendidikan, dan kesihatan merupakan hak masyarakat dilingkungan korporat dimana ia melakukan kegiatan usahanya. Jadi supaya wujud hidup rukun, aman dan damai korporat harus memperhatikan semua masyarakat tanpa membezakan suku, agama, ras (SARA).

Berdasarkan hasil penelitian tersebut, pimpinan korporat tidak menghormati hak moral pihak *stakeholder*, dan dapat dikatakan melakukan perbuatan melawan hukum (*tort*). *Stakeholder* tidak dimanfaatkan sebagai alat untuk meningkatkan keuntungan ekonomi mereka. Oleh itu definisi yang mengatakan bahawa tanggungjawab sosial ialah komitmen korporat tidak wujud, sehingga korporat tidak melaksanakan teori kontrak sosial kerana hanya berdasarkan kepentingan perniagaan. Pada hal menurut teori kontrak ada hubungan timbal balik yang seimbang antara masyarakat dengan korporat sebab mereka saling memerlukan.

Di bidang pendidikan baik korporat milik kerajaan maupun milik swasta sama sahaja, tidak membina para pelajar yang diberi biasiswa sampai menamatkan pelajarannya. Korporat Milik Kerajaan ada 14 buah, 1 buah pejabat pusatnya di Pekanbaru 13 buah lagi berpejabat pusat di Jakarta berarti orang pusat tidak berniat memajukan anak daerah. Jadi yang maju dari pusat sehingga jawatan kosong tidak boleh diisi oleh anak daerah kerana pendidikannya rendah, sehingga anak daerah banyak yang menganggur.

Dengan demikian bantuan yang diberikan oleh korporat tidak mencecah ke masalah yang dihadapi masyarakat. Sokongan yang diberikan merupakan politik menyelamatkan diri sendiri sahaja. Tanggungjawab sosial yang dilakukan hanya basa basi atau *lips service* sahaja supaya tidak menimbulkan kegaduhan dengan masyarakat maupun dengan kerajaan.

Pelaksanaan prinsip tanggungjawab sosial korporat belum lagi masuk ke padang pembangunan berterusan (*sustainable development*) sebagaimana yang dialu-alukan oleh konsep tanggungjawab sosial korporat yang sebenar. Sebab program yang dilakukan berasingan dengan program lain, sehingga tidak ada hubung kait antara program pertama dengan program yang berikutnya. Akibatnya sokongan yang diberikan tidak boleh mengurangkan beban sara hidup yang berlaku dalam masyarakat. Orang yang sama boleh jadi mendapat bantuan beberapa kali walaupun daripada syarikat yang berbeza. Program yang dilakukan oleh masing-masing

korporat bentuknya sama, yang berbeza hanya jumlah bantuan dan waktu atau tempatnya sahaja. Oleh kerana itu berlaku perbuatan mubazir.

Selari itu, apa yang telah dilakukan oleh korporat belum menuju kepada konsep tanggungjawab sosial yang dianuti oleh Indonesia iaitu meningkatkan kualiti kesejahteraan masyarakat, mencerdaskan kehidupan bangsa. Meningkatkan kesejahteraan masyarakat harus melalui paradigma pemberdayaan masyarakat yang bertitik tolak dari tuntutan masyarakat awam (Busyra, 2011). Sebaiknya, pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat terlebih dahulu dirangka bersama antara 3 pihak yang berkepentingan yakni kerajaan, ahli perniagaan, dan masyarakat tempatan setelah itu dilaksanakan bersendirian oleh masing-masing korporat (Djuaendah, 2009). Sebagaimana yang dinyatakan dalam Seksyen 108 Undang-Undang Nomor 4 Tahun 2009 yang mewajibkan pemegang lesen perniagaan perlombongan untuk merangka program pembinaan dan pemberdayaan masyarakat dengan membincangkannya bersama-sama dengan kerajaan, kerajaan negeri, masyarakat, serta pertubuhan sosial. Pentingnya tanggungjawab sosial korporat dibincangkan dengan pihak Kerajaan, masyarakat dapat dilihat di bawah ini.

Pertama, kerana kerajaan juga mempunyai program untuk membina masyarakat. Dengan dibincangkannya program tanggungjawab sosial korporat, program yang sama antara korporat dan kerajaan dapat dilaksanakan secara bersama-sama. Jika program korporat dan kerajaan sama, maka program kerajaan dapat dialihkan bagi

kumpulan masyarakat di kawasan lain. Boleh jadi bajet daripada program yang sama itu berasal dari korporat tetapi kerajaan yang melaksanakannya.

Kedua, kerajaan adalah badan yang mengawal dasar-dasar yang digunakan oleh korporat, kerana program tanggungjawab sosial korporat merupakan peraturan yang ditetapkan oleh kerajaan dan tidak semata-mata wujud dari kesedaran korporat atau masyarakat. Banyaknya kaedah undang-undang dicipta oleh kerajaan, maka aturan-aturan tersebut perlu kawalan pelaksanaannya untuk penguatkuasaan undang-undang yang telah dicipta itu (Raharjo, 2009). Korporat memiliki peranan sebagai pihak yang menyediakan bajet, pihak yang merangka program dan juga sebagai pihak pelaksana program. Namun demikian, korporat harus dikawal oleh kerajaan ketika akan melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Penggubalan program secara bersama-sama juga mempunyai kesan kerana program bantuan yang diberikan kepada masyarakat sesuai dengan kepentingan masyarakat. Hal ini sesuai dengan faham *utilitarian*, iaitu kebahagiaan terbesar adalah bagi masyarakat awam. Sehingga semua kepentingan sudah terangkum dalam perbincangan antara korporat, kerajaan dan masyarakat tersebut. Dengan adanya program secara bersama antara kerajaan dengan korporat, sehingga tidak terjadi tumpang tindih antara program kerajaan dengan program korporat. (Harris,2014).

Ketiga, Perlu dirangka secara bersama-sama kerana sasaran program adalah masyarakat yang di dalamnya wujud pelbagai masalah yang dikenali sebagai “isu sosial” yang perlu diselesaikan dengan segera. Masyarakatlah yang lebih faham

dengan masalah mereka. Jadi bantuan yang diberikan tanpa melibatkan masyarakat tentu tidak menyelesaikan isu-isu yang ada dalam masyarakat.

Di pihak korporat, tentu ada pula isu-isu yang perlu diselesaikan melalui tanggungjawab sosial korporat. Sehingga bantuan yang diberikan oleh korporat tidak sekadar bantuan tetapi dapat pula meningkatkan keuntungan korporat sama ada secara materil maupun immateril.

Korporat di Provinsi Riau, beroperasi dibidang perlombongan, perindustrian dan ladang yang keluarannya banyak dieksport ke kawasan lain bahkan ke luar Negara, sehingga ia tidak memerlukan unit perniagaan lain untuk menyokong usahanya. Korporat di sini sebenarnya secara langsung, tidak terpengaruh oleh adanya hubungan yang terbina dengan masyarakat. Korporat-korporat itu juga tidak terpengaruh oleh perbuatan anarkis masyarakat terhadap korporat sebab pengeluaran yang mereka hasilkan melibatkan kepentingan negara.

Korporat-korporat berkenaan juga tidak terpengaruh oleh sekatan dari pihak asing kerana jumlah keluaran boleh dikurangkan dan dihasilkan untuk keperluan dalam Negara sahaja. Selain itu, korporat-korporat juga tidak terpengaruh oleh pelanggan daripada masyarakat awam. Korporat tersebut juga tidak takut apabila berlaku gangguan yang menghalangi operasi perniagaannya, kerana produk yang dikeluarkan merupakan kepentingan kerajaan, kalau ada gangguan pegawai kerajaan akan segera mengamankannya.

Selain itu, tanggungjawab sosial korporat juga bertujuan untuk tidak menimbulkan imej yang buruk bagi korporat. Selari itu penilaian dan kawalan perlu dilaksanakan ke atas korporat agar ia sungguh-sungguh melaksanakan tanggungjawab social yang dipikulkan kepadanya. Jadi pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat yang dilakukan tidak sekedar tanggungjawab sahaja kerana diwajibkan oleh undang-undang. Selari itu kerajaan harus aktif membina korporat supaya mahu melaksanakan tanggungjawab sosial.

Begitu pula yang berlaku pada bank, hanya milik kerajaan sahaja yang banyak memberikan bantuan kepada masyarakat. Sebaliknya bank milik wasta khasnya yang dipunyai oleh golongan China sangat jarang memberi bantuan modal mahupun keterampilan kepada usaha kecil/koperasi juga ke gereja, vihara, kelenteng. Begitu pula korporat asal Amerika Syarikat dan sekutunya, walaupun mereka dianjurkan tidak bersifat etnik dan memberi kesempatan kepada peribumi jadi presiden korporat. Namun itu adalah pintu masuk untuk bermiaga tanpa hambatan dan mendapatkan kebebasan mengembangkan perniagaan mereka.

PT. Chevron ada bantuan untuk mendirikan gereja tetapi dalam kawasan sendiri tidak ada diluar areal kawasan korporat. Sebenarnya ini hanya mengambil hati umat Islam sahaja supaya tidak terjadi konflik terbuka. Sebaliknya korporat milik pribumi tidak pula memberikan sokongan kepada peniaga kecil bukan pribumi. Korporat Milik Kerajaanpun tidak berapa buah yang mahu membantu masjid. Di bidang bantuan modal Korporat Milik Kerajaan tidak pula menjadi contoh sebab yang

dibantu hanya peniaga pribumi sahaja ke golongan yang lain peniaga bukan pribumi tidak ada pada hal banyak juga peniaga ini yang perlu dibantu. Korporat yang tidak memerlukan *stakeholder* guna meningkatkan keuntungannya padahal *stakeholder* berpengaruh terhadap tercapainya tujuan korporat (William dan Chandler, 2011).

6.3 Pelaksanaan Tanggungjawab Sosial Korporat Bagi Kesejahteraan Masyarakat di Persekutuan Korporat

Sehubungan dengan peningkatan kesejahteraan masyarakat perlu dicari bentuk pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat yang baru dan dapat berlaku secara berterusan supaya wujud masyarakat yang makmur dan sejahtera secara berkekalan. Dalam rangka itu kerajaan negeri Provinsi Riau mengeluarkan Peraturan Nombor 6 Tahun 2012 mengenai tanggungjawab sosial korporat. Walau bagaimanapun yang ditentukan itu tidak ada hal baru dan signifikan. Kerana belum ada undang-undang yang khas mengatur dan menentukan bentuk pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat, oleh itu peraturan Gabenor ini boleh diguna sebagai teroka baru bagi syarikat dalam melaksanakan program tanggungjawab sosial korporat. Peraturan Gabenor ini sifatnya sementara, iaitu sampai ada undang-undang baharu yang ditetapkan oleh kerajaan Republik Indonesia.

Mengikut Seksyen 1 Perkara (8) daripada Peraturan Daerah Provinsi Riau Nombor 6 Tahun 2012, bahawa tanggungjawab sosial merupakan program yang bertujuan untuk meningkatkan taraf hidup rakan binaan serta masyarakat di sekitar korporat, mencipta lapangan kerja dan mengurangkan jurang sosial di sekitar masyarakat

tempatan dan sekitar korporat. Sehingga dapat memberikan iklim kondusif bagi korporat mahupun masyarakat. Peraturan kerajaan negeri ini menentukan bidang-bidang tanggung jawab sosial korporat yang akan dilaksanakan iaitu meliputi bidang-bidang sebagai berikut :

6.3.1 Ekonomi

- a. Memberikan pinjaman wang yang dilakukan secara bergiliran,
- b. Memberikan pembinaan kemahiran mengolah hasil pengeluaran, pengurusan kepada para peniaga,
- c. Membantu guna memudahkan memasarkan jualan hasil pengeluaran yang dihasilkan para pengusaha,
- d. Pemberdayaan masyarakat adat dalam bentuk pembinaan dan bantuan kewangan, bantuan juga diberikan berupa penyediaan pakaian adat.
- e. Bidang infrastruktur; iaitu: pembinaan jalan, saluran air longkang dan pengairan.

6.3.2 Pendidikan

- a. Alat makmal sekolah, computer dan perpustakaan,
- b. Memberikan kemudahan dalam kerja lapangan di korporat bagi para pelajar atau mahasiswa,
- c. Korporat menghantar pegawainya ke sekolah atau ke universiti untuk memberikan latihan,
- d. Bantuan wang untuk pelajar,
- e. Seni; alat musik, bantuan kewangan dan lain-lain,

- f. Sukan; alat-alat keperluan sukan, membina kemudahan sukan, bantuan wang untuk pelaksanaan aktiviti sukan,
- g. Keagamaan; bantuan untuk membina masjid, gereja, kuil, bihara dan wang untuk pelaksanaan pendidikan agama,

6.3.3 Kesihatan

- a. Menyediakan perkhidmatan kesihatan,
- b. Membantu tenaga perubatan di Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas),
- c. Memberikan bantuan ubat-ubatan,
- d. Memberikan alat kesihatan bagi Pusat Kesihatan Masyarakat (Puskesmas),
- e. Memberikan semburan antinyamuk,
- f. Menyediakan perkhidmatan kaunseling kesihatan bagi masyarakat.
- g. Pemeliharaan alam sekitar. Aktiviti yang dilakukan dalam bidang pemeliharaan alam sekitar adalah melakukan penghijauan, penanaman kembali tanah bekas penerokaan syarikat, menjaga persekitaran dari kerosakan.

6.4 Strategi Penambahbaikan Dalam Pelaksanaan Tanggungjawab sosial Korporat Bagi Meningkatkan Kesejahteraan Masyarakat

Bidang-bidang yang ditetapkan oleh Peraturan Daerah Nomor 6 Tahun 2012 tersebut di atas dapat dijadikan sebagai pedoman dalam pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Bentuk bantuan tanggungjawab sosial korporat ini menurut Peraturan Gabenor tersebut sudah mencakup semua kehidupan yang terdapat dalam masyarakat. Namun demikian peraturan ini belum lagi dilengkapi dengan cara

pelaksanaannya, sehubungan dengan itu tesis ini mencuba menawarkan strategi untuk melaksanakannya dalam bentuk langkah-langkah yang harus dilakukan sebagai berikut:

Pertama, Gabenor membentuk sebuah badan atau pertubuhan khas, yang bebas dan profesional disebut “Badan Pelaksana/Pengawas Tanggungjawab sosial Korporat”. Badan ini bekerja sebagai koordinator dan pengawal dari korporat dalam melaksanakan tanggungjawab sosial korporat. Badan ini diketuai oleh Gabenor untuk peringkat Provinsi dan Bupati atau Walikota untuk pringkat Bandar dengan anggota dari pihak kerajaan, perwakilan korporat dan perwakilan daripada masyarakat. Perwakilan dari kerajaan adalah pejabat dari Dinas-Dinas dan Bupati / Walikota, DPR, NGO (Lembaga Bukan Kerajaan);

Kedua, Badan Pelaksana/Pengawas Tanggungjawab Sosial Korporat mencari maklumat daripada masyarakat dengan diklasifikasikan:

Bidang Ekonomi; Diperlukan maklumat berkenaan pertambahan dengan pengurangan penduduk karena kelahiran dan kematian, yang bermigrasi dari daerah lain ke Kerajaan daerah Riau dan penduduk yang berpindah dari daerah Riau ke daerah lain. Dari itu data boleh di ketahui, apakah mereka datang mencari kerja atau melakukan usaha perniagaan atau sudah pencen dari daerah lain dan ingin bermastuatin di Riau untuk menikmati hari tua. Seterusnya dikumpulkan maklumat mengenai, jumlah anggota rumah tangga, jumlah anak, pendidikan, pekerjaan dan jumlah penghasilan masing-masing sebulan. Dari sini dapat diketahui pertambahan dan pengurangan penduduk miskin, pengangguran. Masyarakat miskin yang tidak

diterima bekerja di korporat dibina agar mereka memiliki kemahiran berdagang atau dibina agar memiliki kemahiran yang lain, seperti menjahit dan lain sebagainya. Dengan demikian, mereka dapat menyara dirinya sendiri.

Masyarakat miskin yang tidak bekerja ini disebabkan oleh badannya yang lemah atau kurang keupayaan, orang yang buta dan kurang upaya mental mereka ini perlu dibantu kos untuk menyara diri selama hidupnya. Miskin tetapi memiliki pekerjaan seperti bekerja sebagai petani, peniaga, bekerja dan buruh ini diberi pelatihan supaya memiliki kepakaran untuk mencari pekerjaan tambahan.

Pendidikan; Di bidang pendidikan dikumpulkan maklumat, mengenai apa yang perlu dibantu melalui tanggungjawab sosial korporat. Sehubungan itu perlu dikumpulkan maklumat hal-hal sebagai berikut:

Keadaan ibu bapa yang betul miskin dan perlu dibantu anaknya dengan beasiswa. Anak yang akan diberi beasiswa mampu dan mahu melanjutkan pendidikannya ke peringkat berikutnya. Terutama yang perlu diperiksa adalah kemampuan menerima pelajaran yang diberikan guru. Jadi orang yang mindanya tidak mampu tidak diberikan beasiswa dan diberhentikan dari sekolah selanjutnya diberi kerja sahaja. Sekolah perlu dibantu makmal, perpustakaan dan alat bantu belajar lainnya.

Rumah Ibadah, sebaiknya tidak dibantu sebab itu tanggungjawab umatnya, Kalau dibantu bererti menghilangkan kesempatan beribadah bagi pengikutnya. Kalau mahu dibantu dilihat keadaan masyarakat dan dibantu sekadarnya sahaja. Walau

bagaimanapun kerajaan tetap menghitung berapa rumah ibadah yang ada dan berapa jumlah penduduk di sekitarnya.

Kesihatan. Dalam bidang kesihatan, data penduduk yang tidak bekerja di pejabat yang mempunyai dana kesihatan, kepada mereka ini wajib menjadi peserta insurans sehingga insurans sebagai penjaminnya. Sedang penduduk yang bekerja di pejabat yang mempunyai biaya kesihatan dijamin oleh pejabat berkenaan. Di bidang kesihatan korporat hanya memberi maklumat tentang kesehatan kepada masyarakat dan kebersihan alam sekitar.

Ketiga; Setelah data diperoleh dihantar kepada korporat-korporat dan agensi-agensi kerajaan, iaitu (Dinas-Dinas dan Bupati / Walikota, DPR), korporat-korporat, LBK (NGO) (Lembaga Bukan Kerajaan), utusan dari tokoh masyarakat yang kesemuanya berkaitan dengan pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat untuk mempelajari maklumat yang sudah terkumpul. Seterusnya diminta kepada:

- a. Agensi kerajaan untuk memberikan pendapat, nasihat dalam bentuk program tanggungjawab sosial korporat.
- b. Bagi korporat, maklumat tersebut diminta untuk merangka program sendiri yang diselaraskan dengan kepentingan perniagaannya. Sebelum merangka korporat perlu melakukan kajian kelayakan (*feasibility study*) ke atas masyarakat yang akan diberi bantuan. Setelah itu disusun program yang sebaiknya dilakukan. Hal ini sesuai dengan pendapat Ackoff seperti dikutip Suharto (2009) yang mengatakan bahawa untuk menjayakan penyelesaian suatu masalah diperlukan penemuan cara

penyelesaian yang baik. Menurut Hardono (2013) bahawa tanggungjawab sosial korporat harus berdasar kepada hasil pemetaan sosial yang melibatkan para pihak yang berkepentingan termasuk ketua desa, Camat, pemuka masyarakat tempatan. Program tanggungjawab sosial korporat bukan sekadar program korporat, melainkan program bersama yang perancangan dan pelaksanaannya berdasar kepada perjanjian antara pihak yang berkepentingan (*stakeholders*). Jadi program yang dirancang itu harus diselaraskan dengan keperluan kerajaan, korporat dan masyarakat serta dapat dilaksanakan secara berketerusan.

Keempat; Rancangan program yang dibuat oleh masing-masing badan yang disebut di atas dirangka kembali bersama-sama oleh Badan tersebut menjadi sebuah program baru. Dalam perancangan ini perlu dilakukan penilaian keperluan, penetapan matlamat, penentuan objektif, pemilihan opsyen dan alternatif, pelaksanaan dan penilaian keberkesanannya (Haris Abdul Wahab, 2012).

Kelima; Rancangan yang sudah diluluskan secara bersama kemudian oleh Badan Pelaksana / Pengawas Pelaksana tanggungjawab sosial korporat dihantarkan kepada korporat-korporat supaya dilaksanakan. Supaya program yang dilakukan tidak bertindih, perlu ditentukan bahagian dan wilayah mana yang harus dilakukan oleh masing-masing korporat. Jika korporatnya kecil, kumpulan masyarakat yang dibantu juga kumpulan kecil. Seterusnya, korporat memberitahu masyarakat bahawa korporat akan memberikan bantuan selanjutnya bantuan itu diberikan kepada masyarakat.

Dengan disaksikan oleh pihak yang berkepentingan di tempat berkenaan, seperti Camat, Lurah sampai, ketua RW dan RT.

Keenam; Selama pelaksanaan korporat harus pula menyerap aspirasi dari masyarakat yang berkenaan dengan: a. Maklumat yang diberikan kepadanya yang berkaitan dengan perihal korporat, b. Pendapat masyarakat terhadap kewujudan korporat sama ada mereka senang atau tidak ambil peduli, c. Pendapat masyarakat terhadap bantuan yang diberikan kepadanya, d. Maklumat yang berkenaan dengan bantuan yang diperlukan oleh masyarakat. Di sini, buku laporan mengenai pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat sangat diperlukan.

Ketujuh; Badan Pelaksana/Pengawas program tanggungjawab sosial korporat, melakukan kawalan dan audit serta penilaian mengenai pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat yang sudah dilakukan oleh setiap korporat. Penilaian ini harus dilakukan secara berulang-ulang guna mencari pola yang tepat dan sesuai untuk digunakan sebagai pedoman dalam menentukan program selanjutnya. Jadi penilaian dilakukan guna mengenal pasti program yang sesuai dengan kemampunan (*sustainable*) daripada korporat. Ibarat penyakit yang tidak dapat diubati, kecuali dengan meminum ubat secara teratur. Apabila ubat tidak diminum, penyakit boleh wujud semula.

Berasaskan huraian di atas boleh dinyatakan bahawa setiap bantuan yang diberikan oleh korporat sangat bermanfaat bagi korporat. Sehingga bantuan tersebut berdasar


kepada prinsip efisiensi. Jadi, segala aktiviti perlu didahulukan dengan perancangan dan analisis yang teliti untuk menunjukkan kecekapan dan keberkesanan pengurusan sumber manusia yang akan membawa kepada peningkatan produktiviti, kualiti, moral dan sebagainya (Ab Aziz Yusof, 2006).

Kelapan; Hasil audit dan penilian disemak lagi untuk merancang program tanggungjawab sosial yang baru. Perancangan program yang baru dilakukan selepas korporat menyelaraskan programnya dengan program Pemerintah Daerah (kerajaan negeri), serta sesuai dengan keperluan masyarakat. Jadi program yang akan dilaksanakan itu merupakan dihimpunan dari semua kepentingan yang berlaku dalam masyarakat.

Kesembilan; Rancangan program tanggungjawab sosial yang baru diagihkan lagi kepada korporat-korporat untuk dilaksanakan. Demikian dilakukan secara teratur dan berterusan setiap masa selagi korporat tersebut masih beroperasi dan masyarakat masih bermastautin di kawasan tersebut. Hal ini selaras dengan Peraturan Daerah Provinsi Riau Nombor 6 Tahun 2012 Seksyen 7. mengatakan bahawa Perancangan program tanggungjawab sosial korporat yang akan dilaksanakan sebagai dasar dalaman korporat yang berterusan.

Pelaksanaan program ini berlaku bagi semua korporat walaupun korporat bersaiz kecil, tentu disesuaikan dengan kemampuan korporat berkenaan dan perlu ditentukan yang menjadi bahagian dari setiap korporat untuk dilaksanakan. Sehingga semua korporat mendapat bahagian tidak yang tidak mendapat bahagian, dengan demikian akan muncul rasa bertanggungjawab dalam diri setiap korporat. Hal ini dilaksanakan

secara berketerusan dengan demikian tanggungjawab sosial korporat boleh mensejahterakan masyarakat tempatan, meningkatkan keuntungan korporat. Oleh itu tujuan kemerdekaan yang dilaungkan oleh wira negara menjadi wujud. Huraian langkah-langkah di atas digambarkan dalam rajah seperti di bawah ini :



Gambar 6.1: Sistematika kerja tanggungjawab korporat

6.5 Kajian Masa Hadapan

Tanggungjawab sosial korporat sangat baik dilaksanakan, sebab dapat mempertingkatkan keuntungan korporat, membantu mewujudkan tujuan negara iaitu memajukan kesejahteraan umum dan mencerdaskan kehidupan bangsa serta boleh membantu masyarakat untuk memenuhi keperluan hidup yang bermartabat.

Pengkaji baru mampu melakukan kajian kepada 22 korporat yang telah melaksanakan tanggungjawab sosial korporat di Provinsi Riau. Hasil kajian menunjukkan bahawa tanggungjawab sosial korporat yang dilakukan korporat boleh membantu masyarakat dibidang ekonomi, pendidikan dan kesihatan. Walaubagaimanapun bantuan tersebut belum mampu mempertingkatkan kesejahteraan masyarakat.

Selari itu perlu dilakukan kajian terhadap korporat yang lebih banyak lagi. Kajian yang akan dilakukan merangkumi pola-pola sebagai berikut:

1. Pola Pertama Cara Penentuan Pemberian Bantuan

Pola ini berkaitan dengan cara menentukan bantuan apa yang akan diberikan. Kerana selama ini bentuk bantuan ditentukan sendiri oleh korporat, sehingga tidak sesuai dengan yang diperlukan oleh masyarakat. Banyak bantuan itu mubazir sahaja, seperti pembuatan sumur bekalan air, tetapi letaknya berjauhan dari tempat mastautin masyarakat. Menyemen lorong-lorong di perkampungan tiada bermusywarat dengan kerajaan, sedangkan kerajaan sudah mencadangkan pengaspalan akibatnya semen yang sedah ada terpaksa bongkar lagi.

2.. Pola kedua Penerima Bantuan

Banyak bantuan diberikan kepada orang yang tidak tepat, seperti bantuan modal orang yang diberi bantuan tidak punya bakat berniaga sehingga bantuan tidak boleh meningkatkan penghasilannya. Begitu pula pelatihan kepakaran tidak diikuti dengan bantuan modal, sehingga ilmu yang diterimanya tidak boleh digunakan oleh yang bersangkutan. Pemberian beasiswa harus diberikan kepada anak sampai ia menamatkan pelajarannya. Bantuan harus disesuaikan dengan kemampuan penerima bantuan dalam menerima pelajaran. Dengan demikian, perlu dilakukan kajian cara pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat.

3. Pola Ketiga Bantuan Tanggungjawab Sosial Kepada Pekerja Korporat

Kemajuan sebuah korporat tidak boleh lepas daripada keluaran syarikat. Dengan keluaran yang berkualiti, pelanggan tentu akan semakin disukai oleh pelanggan. Jadi, keluaran yang berkualiti, menjadikan pemangkin bagi sebuah syarikat. Keluaran yang berkualiti wujud kerana kemahiran daripada para pekerjanya. Pekerja tidak boleh dipaksa bekerja. Pihak yang berkepentingan korporat harus mengambil berat tentang keperluan para pekerja. Sepatutnya pekerja, ketika mereka bekerja, tidak lagi dibebani oleh fikiran cara menyelesaikan masalah gaji yang tidak cukup untuk menara hidupan mereka. Seperti korporat di Singapura secara asas keluaran korporat adalah untuk eksport. Kerana jumlah pelanggan dalam negara sedikit. Dengan demikian, program tanggungjawab sosial syarikat lebih banyak diberikan kepada pekerja mereka. Bagi negara-negara yang hasil keluarannya dipasarkan di dalam negara dan diluar negara, supaya hasil pengeluaran diminati pelanggan yang

lebih banyak, maka program tanggungjawab sosial korporat juga diberikan kepada pekerjanya.

6.6 Kesimpulan

1. Banyak korporat yang tidak melaksanakan tanggungjawab sosial korporat yang dibebankan kepadanya. Kalaupun ada tidak rutin sebab tidak satupun aturan yang dapat dijadikan sebagai pedoman, sehingga korporat merangka sendiri bantuan yang akan diberikatnya. Sebaiknya kerajaan memberikan pedoman seperti *silver book* dilakukan Malaysia dan dilakukan pengawalan oleh sebuah badan bebas. Pelaksanaan program tanggungjawab sosial korporat tidak dikaitkan dengan teras (*core*) usaha syarikat, dan tidak menghubungkannya dengan keuntungan jangka panjang bagi korporat. Jadi, pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat sama dengan cara lama, iaitu *Community Development* (CD) iaitu bersifat amal *charity* (amal).
2. Di samping tanggungjawab sosial korporat yang dilakukan para korporat belum memenuhi unsur-unsur: tadbir urus korporat yang baik, iaitu prinsip-prinsip: ketelusan, keadilan, kebertanggunajawaban (*accountability*) dan bertanggunjawab kerana cara, penentuan dan penetapan program yang akan dilaksanakan. ditetapkan secara unilateral oleh korporat.
3. Berdasarkan kepada paradigma pembangunan secara berterusan (*sustainable development*) setiap korporat mempunyai fahaman sendiri-sendiri iaitu cara

supaya korporat tersebut tetap wujud pada masa kini dan masa hadapan serta mempunyai usaha yang berterusan, tidak ada jalan lain kecuali melalui pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat. Mengikut para pakar apabila syarikat menjalankan tanggungjawab sosial korporat secara berterusan maka keuntungnya boleh bertambah. Namun ketika tanggungjawab sosial korporat mulai dilaksanakan, banyak pihak yang menyatakan bahawa tanggungjawab sosial korporat menambah kos pengeluaran dan bertambahnya kos pengeluaran dianggap sia-sia (Dwi Kartini, 2009). Sebab mereka mepunyai alasan sebagaimana pendapat Briliant, Tice dan Burke, seperti dipetik oleh Edi Suharto (2009) bahawa pemahaman para ahli perniagaan terhadap pelaksanaan tanggungjawab sosial korporat ada empat jenis: (1) *Corporate giving*, korporat mempunyai motif amal (*charity*), (2) *Corporate philanthropy*, korporat memiliki motif kemanusiaan, (3) *Corporate community relation*, korporat memiliki motif untuk sekadar mengejar imej baik syarikat, dan (4) *Community development*, korporat ini memiliki motif pemberdayaan ketika mengamalkan program tanggungjawab sosial korporat.

Oleh itu, tanggungjawab sosial korporat yang dilaksanakan oleh korporat di Provinsi Riau termasuk jenis ketiga dan keempat. Program tanggungjawab sosial korporat bentuk ke empat, iaitu *community development*, bertujuan untuk memperkasakan individu-individu dan kumpulan individu melalui pengukuhan kapasiti (termasuk kesedaran, pengetahuan dan kemahiran) yang diperlukan untuk meningkatkan kualiti kehidupan (Edi Suharto, 2006).

RUJUKAN

- Ab.Aziz Yusof (2006). *Pengurusan sumber manusia : Konsep, isu dan pelaksanaan.* Edisi ketiga. Prentice Hall. Pearson Malaysia. Sdn Bhd. Selangor: Malaysia.
